

**PENGAJIAN TARANNUM AL-QURAN DI
TERENGGANU DARI TAHUN 1960-2013: KAJIAN
TERHADAP METODOLOGI PENGAJARAN
ROGAYAH BINTI SULONG**

NAJMIAH BINTI OMAR

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA-LUMPUR**

2017

**PENGAJIAN TARANNUM AL-QURAN DI TERENGGANU
DARI TAHUN 1960-2013: KAJIAN TERHADAP
METODOLOGI PENGAJARAN ROGAYAH BINTI SULONG**

NAJMIAH BINTI OMAR

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2017**

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada pengajian tarannum al-Quran di negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga tahun 2013 dari aspek perkembangan tarannum sejak awal kedatangan Islam dan faktor kewujudan ilmu tarannum. Metodologi yang digunakan secara kajian historis, kajian dokumentasi, kajian tokoh, kaedah pemerhatian turut serta dan kajian temubual. Empat objektif kajian ini melibatkan perkembangan ilmu tarannum di Terengganu dan faktor kewujudannya. Selain itu, tesis ini membincangkan demografi 25 orang qari dan qariah negeri Terengganu dan faktor kejayaan mereka. Begitu juga, tesis ini mengkaji latar belakang Hajjah Rogayah binti Sulong yang telah mendominasi kemenangan menjadi johan di peringkat negeri sebanyak tujuh kali dan sumbangan beliau dalam bidang tarannum. Kajian ini turut menilai metodologi yang dipraktikkan oleh Hajjah Rogayah dalam pengajaran tarannum. Hasil kajian mendapati wujud kesinambungan ilmu tarannum sejak dari awal kedatangan Islam yang dibawa oleh pedagang Arab yang terdiri daripada qari al-Quran. Mereka mengajar al-Quran kepada masyarakat dengan membawa tarannum aliran Hijazi. Di samping itu, terdapat dokongan istana yang prihatin terhadap pengajian al-Quran dan agama. Antara tokoh terawal yang terkenal ialah Haji Mat Lintar seorang qari istana yang mengasas Persatuan Qurra^o Terengganu yang menjadi guru kepada Hajjah Rogayah binti Sulong dan tokoh-tokoh tarannum yang lain. Ilmu tarannum di Terengganu turut mengalami perubahan mengikut peredaran masa. Setelah kematian Haji Mat Lintar, Menteri Besar negeri Terengganu menjemput Haji Ahmad bin Matsom Pergau untuk mengajar ilmu tarannum di masjid-masjid di sekitar negeri Terengganu yang membawa aliran misri. Dari situ, lahir tokoh tarannum melalui anak murid Haji Ahmad bin Matsom Pergau dan Hajjah Rogayah binti Sulong yang aktif mengajar tarannum al-Quran.

ABSTRACT

This research focuses on the study of the Quranic tarannum in Terengganu, between the year 1960 to 2013, pertaining to the growth of tarannum since the beginning of Islam and the factors of its existence. The methodology used for the research includes historical documentation study, biography study, observation, and interviews. The four objectives of this research encircles the development of tarannum in Terengganu, and the factors of its existence. This paper discusses the demography of 25 male and female reciters in Terengganu, and their success factors. Also, this work researches about the background of Hajjah Rogayah Sulong - who had dominated the platform by being the champion at the state level seven times, contributing immensely to the field of tarannum. In addition, it evaluates the methods practiced by Hajjah Rogayah in teaching tarannum. The result presents that there is a continuity of knowledge of tarannum since the early arrival of Islam brought by Arab traders, who were the reciters of Qur'an. They taught the Qur'an to the public by introducing tarannum - Hijazi flow – due to the support of authorities in teaching Qur'an and Islam. Among the earliest well-known figures is Haji Mat Lintar, a reciter of the castle, who founded the Association of Qurra ' Terengganu and was a teacher to Hajjah Rogayah Sulong and other figures related to tarannum. Tarannum in Terengganu had changed over time. After the death of Haji Mat Lintar, the President of Terengganu invited Haji Ahmad bin Matsom Pergau in order to teach tarannum at the mosques around the state maintaining the Misri flow. Tarannum produced figures like Haji Ahmad bin Matsom Pergau Hajjah Rogayah binti Sulong, propogating the teachings of Tarannum.

PENGHARGAAN

Penghargaan istimewa ini saya tujukan khas buat Yang Berbahagia Dato[™] Profesor Dr Haji Mohd Yaakob@ Zulkifli bin Haji Mohd Yusof, sebagai penyelia tesis PhD, dari Jabatan al-Quran dan al-Hadith, merangkap Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (APIUM). Beliau banyak membantu melicinkan perjalanan tesis saya dan memberi saranan, serta tunjuk ajar yang baik. Tidak lupa juga penghargaan saya kepada Ijazah Tinggi APIUM, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Kuala-Terengganu, Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, Maahad Tahsin al-Quran Pasir Panjang, Kuala-Terengganu, Pengetua Asrama Anak Yatim, Darul Falah, Bukit Payung, Marang, Terengganu, Arkib Negeri Malaysia Kuala-Lumpur dan Cawangan Terengganu, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin Dato[™] Hajjah Rogayah binti Sulong, Ustaz Haji Aizi Saidi, Imam Besar Negeri Terengganu, Datuk Paduka Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, Tan Sri Syeikh Haji Ismail bin Syeikh Muhammad, Profesor Dato[™] Dr. Ab. Halim Tamuri dan semua informan yang terlibat iaitu para qari dan qariah negeri Terengganu dalam menjayakan sesi temubual bagi memperolehi maklumat dan data yang diperlukan. Sahabat-sahabat dari Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Kuala-Terengganu. Siti Khadijah, Siti Fatimah, Sharifah Noorul Madidah, Tengku Fatimah Mulyana, Kak Tasnim dan Sumayyah dan Rosmaliza. Tidak lupa untuk Ibu dan adik-adik serta suami tersayang Che Ku Anuar bin Che Ku Ngah, yang sangat membantu dan bersabar dengan karenah dunia penyelidikan, dan anak-anak tersayang Nabil Hakimi, Afeeq Nasrullah, Iqbal Zhafri, Muhammad Umair dan Ahmad Fawwaz yang terkadang terlibat secara tak langsung.

SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Masalah Kajian.....	9
1.4 Soalan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian.....	15
1.6 Sorotan Literatur	16
1.7 Metodologi Kajian	35
1.8 Batasan Kajian	45
1.9 Definisi Konsep.....	45

BAB 2 : PENGAJIAN TARANNUM AL-QURAN DI TERENGGANU.....	59
2.1 Pendahuluan	59
2.2 Faktor Kewujudan Pengajian Tarannum Di Terengganu.....	60
2.2.1 Lokasi Yang Menarik Untuk Pedagang Berlabuh	60
2.2.2 Ciri-ciri Pedagang Dari Asia Barat	62
2.2.3 Dokongan Istana.....	65
2.2.4 Ulama Menganggotai Jemaah Pangkuan Negeri	67
2.2.5 Sultan Mengahwini Keturunan Ulama.....	69
2.2.6 Sultan Menitikberatkan Pembelajaran al-Quran	72
2.2.7. Tenaga Pengajar Yang Mantap	80
2.2.8. Penubuhan Persatuan Qurra" Terengganu.....	83
2.2.9 Kewujudan Majlis Tilawah al-Quran Anjuran JAKIM	84
2.3 Tempat-tempat Pengajian Tarannum Di Terengganu	85
2.4 Kesimpulan	94
BAB 3 : TOKOH-TOKOH PENGAJIAN TARANNUM DI TERENGGANU.....	97
3.1 Pendahuluan	97
3.2 Pembelajaran Tarannum Al-Quran Di Kalangan Qari Dan Qariah Negeri Terengganu.	97
3.3 Tokoh-tokoh Pengajian Tarannum al-Quran	98

3.3.1 Para Qari Lelaki	98
3.3.2 Para Qari Wanita	120
3.4 Jumlah Qari Dan Qariah Antara Tahun 1960-2013	125
3.5 Taburan Kekkerapan Qari Menjadi Johan Peringkat Negeri Terengganu	131
3.6 Faktor Kejayaan Qari Dan Qariah Antara Tahun 1960-2013	136
3.7 Kesimpulan	144

BAB 4 : BIODATA ROGAYAH BINTI SULONG DAN SUMBANGAN

BELIAU DALAM BIDANG AL-QURAN DAN TARANNUM.....	146
4.1 Pengenalan	146
4.2 Kelahiran Dato ^o Hajjah Rogayah binti Sulong	147
4.3 Pendidikan Awal	148
4.4 Situasi Pendidikan Pada Masa Itu	149
4.5 Guru-guru Dato ^o Hajjah Rogayah binti Sulong.....	150
4.5.1 Megat Osman bin Megat Chik	150
4.5.2 Haji Mat Lintar.....	151
4.5.3 Ayah Long Awang Nobat	156
4.5.5 Muhammad Imam Abu Al-Ma ^o ati	156
4.6 Perkahwinan Dato ^o Hajjah Rogayah binti Sulong	158
4.7 Kejayaan Dalam Bidang Tarannum	159

4.7.1 Johan Di Peringkat Kebangsaan	159
4.7.2 Johan Di Peringkat Antarabangsa	159
4.8 Kerjaya Dalam Bidang Pengajaran al-Quran Dan Tarannum.....	160
4.9 Sumbangan Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong	161
4.10 Anak Murid Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong.....	171
4.11 Kerjaya Dan Anugerah Yang Diperolehi	192
4.12 Kesimpulan	194

BAB 5 : MANHAJ HAJJAH ROGAYAH DALAM PENGAJARAN

TARANNUM AL-QURAN.....	196
5.1 Pendahuluan	196
5.2 Penekanan Kepada Empat Aspek : Tajwid, Suara, Fasahah dan Tarannum.....	203
5.2.1 Penekanan Kepada Suara	203
5.2.2 Penekanan Kepada Ilmu Tajwid	211
5.2.3 Penekanan Kepada Fasahah	216
5.3 Penyebutan Lahjah Arabiyyah	217
5.4 Penguasaan <i>Waqaf</i> Dan <i>Ibtida</i> “Yang Betul.....	220
5.5 Peneguhan Bacaan Secara Tartil.....	224
5.6 Mengenali sifat-sifat huruf dan penyebutan huruf satu persatu.	234
5.7 Penguasaan Lagu-lagu Popular Sebagai Lagu Pokok	237

5.8 Mengenali Jenis-jenis Tarannum	240
5.9 Penguasaan Istilah-istilah Dalam Alunan Tarannum.....	246
5.10 Tarannum Bi al-Quran.....	255
5.10.1 Kategori-kategori Tarannum bi al-Quran:	256
5.10.2 Ciri-Ciri Persembahan Tarannum Yang Baik.....	259
5.11 Pemantapan Tausyikh Dan Pengetahuan Tentang Qasidah	261
5.11 Kesimpulan	267
BAB 6 : PENUTUP.....	269
6.1 Pengenalan	269
6.2 Perbincangan.....	269
6.3 Implikasi Dapatan Kajian.....	277
6.4 Cadangan Kajian Lanjutan.....	282
6.5 Kesimpulan	284
RUJUKAN	286
Lampiran A: Surat Akuan Calon Ijazah Tinggi	298
Lampiran B (i) : Surat Kepada MAIDAM Berkaitan Maklumat Qari.....	299
Lampiran B (ii) : Surat Kepada MAIDAM Berkaitan Maklumat Qari.....	300
(sambungan).....	300
Lampiran B (iii) : Surat Kepada MAIDAM Berkaitan Maklumat Qari.....	301

(sambungan)	301
Lampiran B (iv) : Surat Kepada MAIDAM Berkaitan Maklumat Qari.....	302
(sambungan)	302
Lampiran c (ii): Maklumat Qari Tahun 2011 (sambungan).....	304
Lampiran c (iii): Maklumat Qari Tahun 2012 (sambungan).....	305
Lampiran c (iv): Maklumat Qari Tahun 2013 (sambungan).....	306
Lampiran c (v): Maklumat Qari Tahun 2013 (sambungan).....	307
Lampiran D (i): Surat Kebenaran Untuk Qari Ahmad Tarmizi Abdul Rahman.....	308
Lampiran D (ii): Surat Kebenaran Untuk Qari Hj Md Yasin bin Embong	309
Lampiran D (iii): Surat Kebenaran Untuk Qari Hj Yusop bin Embong	310
Lampiran D (iv): Surat Kebenaran Untuk Qari Hj Ismail bin Embong.....	311
Lampiran D (v): Surat Kebenaran Untuk Qari Tarmizi bin Ali.....	312
Lampiran D (vi): Surat Kebenaran Untuk Qariah Hajjah Masnah binti Awang	313
Lampiran D (vii): Surat Kebenaran Untuk Qariah Hajjah Sepiah binti Mohamad.....	314
Lampiran D (viii): Surat Kebenaran Untuk Qariah Hajjah Halimah binti Ibrahim	315
Lampiran D (ix): Surat Kebenaran Untuk Qari Haji Muda@Jusoh bin Ismail	316
Lampiran D (x): Surat Kebenaran Untuk Qariah Hajjah Wook binti Hasan	317
Lampiran D (xi): Surat Kebenaran Untuk Qari Haji Rashid bin Ali	318
Lampiran D (xiv): Surat Kebenaran Temubual Untuk Qari Haji Daud Che Man	321

Lampiran D (xv): Surat Kebenaran Temubual Untuk Qariah Norhidayah Abdul Rahman	322
Lampiran D (xvi): Surat Kebenaran Temubual Untuk Qariah Hajjah Nasirah Ibrahim	323
Lampiran D (xvii): Surat Kebenaran Temubual Untuk Qari Haji Mazlan Ibrahim	324
Lampiran D (xviii): Surat Kebenaran Temubual Untuk Qari Haji Ali@Alias Abdul Rahman	325
Lampiran D (ixx): Surat Kebenaran Temubual Untuk Qari Haji Hafas bin Ali	326
.....	326
Lampiran D (xx): Surat Kebenaran Temubual Untuk Tuan Haji Aizi Saidi	327
Lampiran D (xxi): Surat Kebenaran Temubual Dengan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar Nik Ismail Pakar Tarannum	328
Lampiran E(i) : Borang Soal selidik Informan Dan Pengesahan Pakar.....	329
Lampiran E(ii) : Borang Soal selidik Informan Dan Pengesahan Pakar.....	330
Lampiran E(iii) : Borang Soal selidik Informan Dan Pengesahan Pakar.....	331
Lampiran E(iv) : Borang Soal selidik Informan Dan Pengesahan Pakar.....	332
Lampiran F (i) : Soalan Temubual Dengan Tuan Haji Nik Jaafar	333
Lampiran F (ii) : Soalan Temubual Dengan Tuan Haji Nik Jaafar (sambungan).....	334
Lampiran F (iii) : Soalan Temubual Dengan Tuan Haji Nik Jaafar (sambungan).....	335
Lampiran G (i) : Soalan Temubual Dengan Tan Sri Sheikh Ismail Bin Muhammad...	336

Lampiran G (ii) : Soalan Temubual Dengan Tan Sri Sheikh Ismail Bin Muhammad..	337
Lampiran H (i): Gambar Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong.....	338
Lampiran H (i): Gambar Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong Menerima Anugerah.....	339
Maulidur Rasul s.a.w.....	339
Lampiran I: Sijil Ijazah Bersanad Dato“ Hajjah Rogayah Kepada Murid	340
Lampiran J: Salinan Surat Perkhidmatan Haji Mat Lintar Guru Hajjah Rogayah.....	341

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 2.3 : Senarai Qari Dan Qari Yang Menjadi Johan Peringkat Negeri Terengganu	
92	
Jadual 3.4(i) : Jadual Qari Dan Qariah Antara Tahun 1960 Hingg 2013	125
Jadual 3.4 (ii) : Jumlah Qari Dan Qariah Mengikut Daerah Dalam Negeri Terengganu	126
Jadual 3.4 (iii) : Qari Dan Qariah Daerah Kuala Terengganu	128
Jadual 3.4 (iv) : Qari Lelaki Dan Wanita Daerah Hulu Terengganu	128
Jadual 3.4 (v) : Qari Dan Qariah Daerah Besut	129
Jadual 3.4 (vi) : Qari Dan Qariah Daerah Marang	129
Jadual 3.4 (vii) : Qari Dan Qariah Daerah Setiu	130
Jadual 3.4 (viii) : Qari Daerah Dungun	130
Jadual 3.4 (ix) : Qari Daerah Kemaman	130
Jadual 4.7 .1 : Johan Di Peringkat Kebangsaan	159
Jadual 4.7.2 : Johan Di Peringkat Antarabangsa	160
Jadual 4.9. (i) : Kemenangan Hajjah Sepiah Binti Muhammad Di Peringkat Negeri	173
Jadual 4.9 (ii) : Kemenangan Di Peringkat Antarabangsa	173
Jadual 4.9 (iii) : Kemenangan Di Peringkat Kebangsaan	187
Jadual 4.9 (iv) : Kemenangan Di Peringkat Antarabangsa	187
Jadual 6.3 : Modul Pengajaran Tarannum	278

SENARAI RAJAH

Rajah 1.7 : Proses Kajian Rintis	43
Rajah 2.7 : Susur Galur Guru Tarannum	82
Rajah 3.3.2 (i) : Guru Tarannum Raziyati Ali	123
Rajah 3.3.2 (ii) : Guru Tarannum Norhidayah Abdul Rahman.....	125
Rajah 6. 2 (i) : Faktor Kejayaan Qari.....	272
Rajah 6. 2 (ii) : Penilaian Aspek Tajwid.....	273
Rajah 6.2(iii) : Penilaian Aspek Fasahah	273
Rajah 6.2 (iv) : Penilaian Aspek Tarannum.....	273
Rajah 6.2 (v) : Penilaian Aspek Suara	274
Rajah 6.2 (vi) : Peringkat Pembelajaran Tarannum.....	275
Rajah 6. 2 (vii) : Guru Dato' Hajjah Rogayah.....	276

SENARAI SINGKATAN

AK	Ahli Kelantan
APD	Alat Pandang Dengar
BA	Bachelor of Arts
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTQ	Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Quran
IQT	Institut al-Quran Terengganu
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAT	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
KAFA	Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain
KKQ	Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KUIQ	Kuliah Ulum Islamiyyah wal-Qiraat
MAIDAM	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Agama dan Adat Istiadat Terengganu
MAYC	Malaysian Association Youth Club
MIISMAM	Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Menengah Islam Malaysia
MTANT	Maahaz Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu

MTQ	Majlis Tilawah al-Quran
PDP	Pengajaran Dan Pembelajaran
PerSisKUIQ	Persatuan Siswa Kuliah Ulum Islamiyyah wal-Qiraat
PhD	Doktor Falsafah
PJK	Pingat Jasa Kebaktian
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
RTM	Radio Terengganu Malaysia
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UITM	Universiti Institut Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ء،أ	a, ,, (Hamzah)
ة	b
د	t
س	th
ط	j
ح	h
خ	kh
ك	d
م	dh
ه	r
ى	z
،	s
ر	sy
ص	s
ع	d
ط	t
ظ	z

ع

'

غ

gh

ف

f

ق

q

ك

k

ل

l

م

m

ن

n

و

w

ي

y

ح

h

University of Malaya

Vokal Panjang

	ā
	ū
	ī

Vokal Pendek

	a
	u
	i

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini mengkaji tentang perkembangan ilmu tarannum di Terengganu yang bermula sejak kedatangan Islam di Nusantara. Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran para qari di negeri Terengganu di samping menjelaskan corak pengajian tarannum al-Quran di Terengganu serta memaparkan susur galur perguruan mereka dalam ilmu tarannum. Dalam masa yang sama, kajian ini memuatkan kajian tokoh berkenaan manhaj pengajaran salah seorang tokoh tarannum terkenal di negeri ini iaitu Hajjah Rogayah Binti Sulong.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam aspek definisi tarannum, Ibn Manzur menjelaskan dalam *Lisān al-ʿArab*¹, antara perkataan yang sama erti dengan tarannum dalam bahasa Arab ialah *al-laḥn* dan *al-ghināʾ* sebagaimana digunakan dalam hadith nabi. Dalam bahasa Inggeris, tarannum juga diistilahkan sebagai “*intonation, modulation, recital, chanting, singing and humming*”² iaitu yang merangkumi maksud intonasi, nyanyian dan bacaan yang baik. Terdapat lima perkataan yang seerti dengan tarannum iaitu *al-tarjīʾ*, *al-tagħanni*, *al-taṭrīb*, *al-talḥīn*, dan *al-taḡhīm*.³ Manakala Nik Jaafar Nik Ismail⁴ mentakrifkan tarannum sebagai suatu ilmu kaedah suara yang dipelbagaikan bunyi mengikut nada, rentak dan irama tertentu untuk menambah seni bunyi sesuatu bacaan, khususnya

¹ Ibn Manzur, *Lisān al-ʿArab*, Jil. Ke-4, Kaherah: Darul Hadith, 2003, 263-264


² Rohi Baʿalbaki, *Al-Mawrid, A Modern Arabic-English Dictionary*, (1993), Cet. Ke-5, Beirut: Dar El – Ilm Lilmalayin. Hlm. 311.

³ Muhammad Lukman Bin Ibrahim, Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff, Mustaffa Bin Abdullah, *Pro Dan Kontra Di Dalam Tilawah al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*. Centre of Quranic Research International Journal, Volume 2, 2012. Hlm 87.

⁴ Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al-Tarannum, Cara Berlagu* (2012), cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir. Hlm. 112.

bacaan Al-Quran. Istilah tarannum popular di Malaysia dan digunapakai dalam Majlis Tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Manakala di negara Arab dan Indonesia menggunakan istilah *Nagham al-Quran*⁵.

Antara objektif bacaan bertarannum ialah untuk mencapai kesempurnaan dalam bacaan al-Quran iaitu bacaan secara tartil sebagaimana anjuran al-Quran dan hadith. Yusof al-Qaradhawi menyatakan bacaan al-Quran mempunyai adab secara zahir dan batin. Adab secara zahir ialah bacaan secara tartil.⁶ Mohd Ali⁷ menjelaskan tarannum berkait dengan *taḥsīn al-ṣaut* atau mengelokkan suara. Dalam aspek *taḥsīn al-ṣaut*, ia melibatkan tiga komponen utama iaitu *al-tajwīd*, *al-tartīl* dan *al-ghinā'*⁸. Oleh itu, tarannum adalah salah satu komponen penting ke arah bacaan secara *taḥsin al-ṣaut*. Bagi memahami dengan lebih jelas lagi boleh dilihat berdasarkan gambarajah berikut:



Rajah 1.2.:Pembahagian Tahsin al-Saut

(Sumber : Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia* (1997), cet. Ke-2, Kuala-Lumpur: Darul Fikir, Hlm.3)

⁵Tamrin, *Pola Pembinaan Tahsin al-Quran Di Kalangan Mahasiswa*, jurnal.iainpalu.ac.id/index.php/rausyan/article/view/233/186 vol.12 no.2 (2016). Hlm.19. paparan pada 7 April 2017.

⁶ Yusuf Al-Qaradawi, *Kaifa Nata'āmal Ma'a al-Qurān*, 2011. Cet.ke-8, Kaherah: Dar al-Syuruq.108-109.

⁷ Mohd Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Qur'an Di Malaysia* (1997), cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Darul Fikir. Hlm. 3.

⁸ Ibid.,5-13.

Bacaan secara tartil boleh mewujudkan bacaan yang berkualiti. Ibn Abbas berkata: “ *Moga-moga aku membaca satu surah dengan tartil lebih aku sukai daripada aku membaca sebiji al-Quran kesemuanya.*”⁹ Daripada kata Ibn Abbas ini menunjukkan beliau lebih mementingkan kualiti bacaan daripada kuantiti. Bacaan secara tartil adalah bacaan yang berkualiti. Al-Nawawi mewakili pendapat ulama yang mengatakan bacaan secara tartil adalah sunat bertujuan untuk tadabbur. Mereka berkata, sunat membaca al-Quran secara tartil bagi orang asing atau *ajami* yang tidak mengetahui maknanya, kerana ia lebih hampir kepada rasa hormat dan lebih kuat kesannya di dalam hati.¹⁰ Al-Nawawi menyatakan membaca al-Quran dengan khusyuk dan tadabbur disyariatkan kerana terdapat dalil dalam al-Quran dan hadith. Seperti surah al-Nisa“ ayat 82, dan surah Sad ayat 29. Firman Allah ta“ala dalam surah al-Nisa“ ayat 82¹¹:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

Terjemahan: Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalalulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.¹²

Ayat di atas menggesa orang mukmin agar menghayati konsep tadabbur ketika membaca al-Quran. Penaakulan terhadap isi al-Quran dapat membuka hati dan minda pembaca ke arah yang lebih positif dan mewujudkan perubahan diri yang menjamin

⁹ Al-Nawawi, *Al-Tibyān Fi Ādāb Ḥamalāt al-Qurān*, (Kaherah : Dār Ibn Haitham, 2005),57.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Al-Nisa“ 4:82.

¹² Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur’an*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, hlm. 208.

Ini menunjukkan tarannum merupakan ilmu yang penting dan perlu dipelajari oleh semua golongan yang hendak membaca al-Quran. Ilmu tarannum perlu dibiasakan untuk semua orang. Mengelokkan suara adalah antara adab-adab ketika membaca al-Quran. Kita tidak boleh melagukan al-Quran dengan lagu-lagu yang salah kerana ia termasuk dalam aspek kesilapan dalam bacaan al-Quran. Contohnya, kita melagukan al-Quran dengan lagu keroncong, rap, blues, atau dengan irama Malaysia. Bacaan al-Quran yang baik dapat meninggalkan kesan kepada pembaca.

Rasa khusyuk dalam bacaan al-Quran juga adalah sunnah Rasulullah dan termasuk antara adab-adab membaca al-Quran. Bukti baginda khusyuk ialah lahirnya tangisan khusyuk. Baginda pernah melahirkan tangisan khusyuk ketika mendengar Ibn Mas'ud membaca al-Quran. Tangisan Baginda adalah sekadar mengalir air mata dan tidak didengari. Firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 109¹⁸:

يَقُولُ يَا أَيُّهَا الْمَاهِدِينَ إِنِّي لَمُنْفُسُ الْوَجْدِ ۝ ١٠٩

Terjemahan: Dan mereka segera tunduk sujud itu sambil menangis, sedang Al-Quran menambahkan mereka khusyuk.¹⁹

Al-Quran mempunyai irama yang tersendiri dan Rasulullah telah memberikan beberapa garis panduan dalam melagukan al-Quran dan ia termasuk dalam adab membaca al-Quran. Terdapat 4 tingkatan bacaan²⁰ iaitu: 1. *Tahqīq*, iaitu sistem pergerakan bacaan yang agak perlahan ketika menyebut sesuatu huruf atau kalimah yang tidak sampai mencacatkan kaedah tajwid. Rentak begini lazimnya diamalkan oleh pengikut qiraah Imam Hamzah dan Imam Nafi' (Warsh). 2. *Tartīl*, iaitu sistem pergerakan bacaan yang agak laju sedikit daripada rentak bacaan tahqīq. Rentak begini diamalkan oleh pengikut qiraah Imam „Asim. 3. *Tadwīr*, iaitu sistem pergerakan bacaan

¹⁸ Al-Isra' 17:109.

¹⁹ Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, 709.

²⁰ Abu Ishak al-Hadhrami. *Marātib al-Qirāah*. Vb.tafsir.net/tafsir36825/#.VuVVEJ97IU, Paparan pada 18 Mac 2016.

yang agak laju sedikit daripada rentak bacaan tartil. Rentak begini diamalkan oleh pengikut qiraah Imam Ibn Kathir dan Imam Ibn „Amru. Demikian juga diamalkan oleh hafiz-hafiz al-Quran. 4. *Tahdīr*, iaitu sistem pergerakan bacaan yang agak lebih laju daripada rentak bacaan tadwir. Nik Jaafar menjelaskan rentak bacaan begini lazimnya diamalkan oleh pengikut qiraah Imam Ibn „Āmir dan qiraah Kisāi.

Tingkatan bacaan tersebut memainkan peranan penting dalam keselarasan rentak dan keseragaman kelajuan bacaan. Tingkatan bacaan ini berkait dengan keselarasan rentak yang menjadi sebahagian dari fasahah. Tingkatan bacaan ini juga berkait dengan tahap kelajuan sesuatu bacaan. Tarannum adalah pelengkap bagi bacaan secara tartil. Hasil gabungan *tahsin al-saut* atau pengelokan suara, tajwid yang sempurna, dan tarannum yang betul mengikut sunnah Rasulullah dapat memenuhi konsep tartil.²¹

Pada hakikatnya, bacaan secara tartil adalah satu tahap bacaan yang berkualiti meliputi aspek cara persembahan bacaan al-Quran yang baik dan memahami isi al-Quran menerusi tadabbur makna al-Quran. Terdapat masyarakat yang memahami konsep tartil dengan tanggapan yang salah iaitu dengan cara memahami makna bacaan secara tartil dengan hanya membaca kalimah al-Quran atau membaca ayat al-Quran pada mana-mana mushaf yang dipelajari. Selain itu, mereka menganggap bacaan bertartil adalah sekadar menghafal 30 juzuk al-Quran sahaja tanpa meninjau aspek-aspek yang lain, atau membaca bahasa al-Quran dan menafsirkannya sahaja, malahan berbangga dengan ilmu tajwid sahaja, atau berbangga dengan bacaan tarannum sahaja.²² Malahan konsep bacaan secara tartil merangkumi makna yang begitu luas dan menyeluruh. Nik Jaafar mengatakan Abdullah bin Masu“d meletakkan empat syarat untuk mencapai taraf bacaan secara tartil iaitu ²³mengetahui kaedah tajwid, mengetahui

²¹ Nik Jaafar Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 7.

²² Ibid, 5-6.

²³ Ibid, 155.

kaedah tarannum atau *bertazyin*, mengetahui kaedah *tahsīn al-ṣaut* dan mengetahui Bahasa Arab.

Salah satu bacaan yang dapat membentuk bacaan bercirikan *tahsīn al-ṣaut* adalah bacaan yang bertarannum. Dari aspek perkembangan ilmu tarannum, ia mempunyai lima aliran utama iaitu *Misri*, *Hijazi*, *Iraqi*, *Kurdi*, dan „*ʿjami*. Daripada aliran tersebut, terdapat dua aliran yang popular iaitu *Hijazi* dan *Misri*. Kini aliran yang diterima di seluruh dunia ialah aliran *Misri*.²⁴

Pada awal kedatangan Islam ke Malaysia, pedagang Arab membawa masuk aliran *Hijazi* ke Malaysia. Setelah tahun 1940-an, aliran *Misri* menjadi lebih popular kerana kelembutan alunannya dan bertepatan dengan saranan hadith yang berkonsepkan *qirāah layyīnah* iaitu bacaan secara lembut. Di samping itu, terdapat qari Mesir yang mengajar alunan *Misri* dan Haji Ahmad Maʿsum Pergau yang mempopularkan irama *Misri*. Oleh itu, berlaku perubahan aliran tarannum mengikut peredaran zaman.

Kini, perkembangan lagu-lagu al-Quran yang mutawatir dan berlahjah arab terbahagi kepada dua aliran iaitu lagu-lagu Arab *Hijazi* atau dinamakan *Makawi* dan lagu-lagu *Misri*²⁵. Tarannum *Misri* dan *Hijazi* mempunyai asas yang tersendiri. Lagu Arab *Hijazi* berasal dari orang Hijaz iaitu Mekah dan Madinah manakala lagu Arab *Misri* berasal dari negara Mesir. Irama lagu-lagu ini biasanya dibawakan dengan bentuk irama yang turun naik. Lagunya agak keras dan kasar serta tidak banyak variasi namun tetap indah dan tersendiri sesuai dengan sifat periang orang Hijaz. Antara nama lagu asas yang popular dalam aliran ini disingkatkan dalam perkataan **ب د و ك ه ظ** : 1. Huruf „bā“ lagu *Banjakah*. 2. Huruf „hā“ lagu *Husaini*. 3. „mīm“ lagu *Mayyah*. 4. Huruf „rā“ lagu *Rakbi*. 5. Huruf „dal“ lagu *Dukah*. 6. Huruf „sin“ lagu *Sika*. 7. huruf „jim“ lagu

²⁴ Aliran Tarannum, ilmutarannum.blogspot.my paparan pada 21 Mac 2016.

²⁵ http://ipgmkdri.edu.my/saidi/?_page=2 paparan pada 15 Mac 2016.

Jiharkah. Selain itu terdapat lagu cawangan dari lagu asas iaitu: *Ruma, unsad, usyaq, harb, rast, dan yaman hijaz*.²⁶

Lagu Arab *Misri* pula ialah lagu yang dipopularkan qari Mesir. Lagu dalam aliran ini biasa dibawa dengan bentuk irama dari bawah ke atas. Lagunya mempunyai banyak variasi dan banyak harakah. Terdapat tujuh lagu asas yang popular dalam aliran ini disingkatkan dalam perkataan *بحظو غل*: 1. Huruf „ba“ lagu *Bayyati*. 2. Huruf „ha“ lagu *Hijaz*. 3. Huruf „sod“ lagu *Soba*. 4. Huruf „ra“ lagu *Rast*. 5. Huruf „jim“ lagu *Jiharkah*. 6. Huruf „sin“ lagu *Sika*. 7. Huruf „dal“ lagu *Nahawand*.²⁷

Perbandingan Aliran *Hijazi* dan *Misri* ialah Aliran *Hijazi* adalah berdasarkan suasana padang pasir, bukit bukau, dan suhu tinggi. Lalu, irama dan rentaknya lincah dan nada suaranya tinggi kehangatan. Manakala Aliran *Misri* pula berdasarkan suasana Lembah Nil, subur menghijau, dan suhu sederhana. Lalu irama dan rentaknya lembut dan suaranya sederhana kemanisan.

Dari aspek kepopularan pula, tarannum Arab berlahjah *Hijazi* hanya sebelum 1940, manakala tarannum Arab berlahjah *Misri* pula adalah selepas 1940, mungkin disebabkan oleh kesederhanaan dan kelembutan.²⁸ Daripada pandangan Nik Jaafar menunjukkan tarannum Arab berlahjah *Hijazi* adalah lebih awal kepopularannya daripada tarannum Arab berlahjah *Misri*. Qari yang mengalunkan lagu irama *Hijazi* ini dikenali dengan angkatan lama yang diketuai oleh Yusuf Kedondong dari Kelantan.

Selepas tahun 40-an, para qari Malaysia mula popular dengan lagu-lagu aliran *Misri* yang dipopularkan oleh para qari yang dikenali dengan angkatan baru diketuai oleh Hj Ahmad Matsom Pergau. Angkatan baru ini terdiri dari mereka yang belajar tarannum al-Quran di negeri Mesir selepas tahun 40an. Setelah itu, muncul qari yang

²⁶ *ibid.*

²⁷ *Ibid.*

²⁸ *Ibid*, 118.

terkenal dan berkebolehan dalam tarannum al-Quran melalui keprihatinan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menganjurkan Musabaqah Tilawah al-Quran yang mengumpulkan qari dari seluruh pelusuk negara memperdengarkan bacaan masing-masing. Penganjuran di peringkat antarabangsa bermula tahun 1961 dan sejak itu tarannum al-Quran tersebar meluas ke segenap pelusuk dunia Islam.²⁹

Taha al-Fashni dari Mesir yang menjelaskan kebiasaan qari Mesir mengaplikasi empat asas tarannum iaitu *bayati*, *hijaz*, *iraqi* dan *rast*, manakala selain daripada itu, adalah sebagai cawangan sahaja seperti *husaini*, *kurdi*, *soba*, „*ajam nahawand*, *nawa athar (usyaq)*, *sikah* dan *jaharkah*. Oleh itu, pada keseluruhan lagu terdiri daripada 12 lagu untuk bacaan al-Quran. Manakala selain daripada jumlah tersebut diamalkan untuk lagu-lagu qasidah dan lagu muzik sahaja.³⁰ *Soba* dipopularkan oleh qari Mesir. Hijaz sebuah kawasan di Arab Saudi. Ia sangat popular sebagai suatu cabang pelopor tarannum dahulu. Kini, tarannum *Hijaz* telah diubahsuai oleh qari Mesir mengikut *zouq* budaya mereka. Nahwand adalah nama suatu tempat. Ia terletak di Hamadan Parsi, kini adalah Iran. *Rast* berasal dari Parsi iaitu Iran, kemudian digunapakai oleh qari *Hijazi*. Tarannum *Sikah* dan *Jiharkah* berasal dari Parsi atau Iran, kemudian digunapakai oleh qari *Hijazi* pada kurun ke 7 hingga 19 Masehi. Kini tarannum *Hijaz*, *Rast*, *Sikah* dan *Jiharkah* telah diubahsuai oleh qari Mesir. Terdapat juga pandangan yang mengatakan tarannum *Jiharkah* berasal dari Afrika.³¹

1.3 Masalah Kajian

Dato“ Hajjah Rogayah Sulong adalah salah seorang tokoh tarannum yang pakar dan sewajarnya didokumentasikan. Kajian mengenai manhaj pengajaran tarannum daripada beliau secara terperinci belum ada. Terdapat beberapa pendekatan dalam pembelajaran

²⁹ http://ipgmkdri.edu.my/saidi/?_page=2 paparan pada 15 Mac 2016.

³⁰ Nik Jaafar, *Qawaid al-Tarannum*, 122.

³¹ Documents.tips/dokuments/tarannum-jiharkah-55939610a8975.html paparan pada 21 Mac 2016.

al-Quran yang wujud pada masa kini seperti teknik *Iqra'*, *Qiraati*, *al-Barqiy* dan *al-Baghdadi*. Namun begitu, teknik dan strategi belajar yang khusus dan masyhur bagi seseorang individu untuk mempelajari tarannum kurang ditemui dalam bentuk dokumentasi.

Ilmu tarannum boleh pupus dengan pemergian tokoh-tokoh tarannum yang mahir tanpa kewujudan pelapis dan pelopor. Justeru itu, di sebalik kejayaan Dato^o Hajjah Rogayah, sudah pasti wujudnya faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan beliau. Selain daripada itu, hasil pengajaran beliau juga melahirkan anak murid yang berkualiti. Begitu juga, sudah pasti wujudnya kaedah pengajaran yang berkesan kepada anak murid beliau.

Selain itu, terdapat saranan dan gesaan JAKIM yang menggalakkan kajian mengenai tokoh tarannum. Bahan rujukan ilmu tarannum masih kurang dan perlukan penambahan ke arah pemantapan ilmu tarannum dalam kalangan masyarakat. Dalam ucapan oleh Ketua Pengarah JAKIM³² tahun 2011 oleh Yg Bhg. Dato^o Hj Wan Mohamad bin Dato^o Sheikh Abd. Aziz kepada peserta Tarannum, ketika merasmikan Sijil Tinggi Tarannum al-Quran beliau menggesa agar ada pihak yang menjalankan kajian terhadap tokoh-tokoh tarannum sehingga mewujudkan profail khusus bagi bidang tersebut sebagai bukti bahawa ilmu itu telah dikuasai. Beliau juga menyarankan kepada peserta Tarannum agar dapat menghasilkan satu nota yang telah dipelajari dalam kursus, khas buat peserta dan sebagai bahan dokumentasi untuk semua.³³

Tokoh-tokoh tarannum yang sedia ada tidak mampu menyumbang dalam bentuk penulisan, tetapi mereka bergiat aktif menyampaikan ilmu tarannum secara *talaqqi* dan *musyafahah* secara formal dan tidak formal. Keistimewaan dan kepakaran mereka wajar

³³ Arkib JAKIM, *KP JAKIM Merasmikan Kursus Sijil Tinggi Tarannum Al-Quran Tahun 2011*, http://www.darulquran.gov.my/index.php/index.php?option=com_content&view=article&id126:kp-jakim-merasmikan-kursus-sijil-tinggi-tarannum-al-quran-tahun-2011&catid=40:berita-darul-quran&Itemid=55 paparan pada 20 mac 2013 masa 15:57 petang.

diberi perhatian. Kebanyakan tokoh qari dan qariah di Malaysia yang pakar dalam ilmu tarannum kurang menceburkan diri dalam bidang penulisan kecuali Tuan Haji Nik Jaafar Nik Ismail yang aktif dan giat menulis dalam bidang tarannum. Beliau berjaya menghasilkan beberapa buah buku dalam bidang ilmu tarannum di samping menyampaikan ilmu tersebut secara lisan.

Namun begitu, para qari bergiat aktif menyampaikan ilmu secara lisan dan menjadi pakar rujuk bagi qari-qari baru yang mahu berkecimpung dalam bidang ilmu tarannum atau yang ingin memasuki musabaqah sama ada di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa. Di samping itu, kajian Mohd Zaini Zakaria dan Sedek Ariffin mendapati penulisan senilagu al-Quran kurang menonjol kerana pengamalan ilmu ini lebih kepada penyampaian secara lisan berbanding dengan penulisan. Dalam artikel tersebut, Mohd Zaini dan Sedek Ariffin memuatkan hanya empat buah buku yang berkait tentang ilmu tarannum. Buku tersebut ialah *Kursus Qari dan Qariah* karangan Syeikh Abdullah al-Qari bin Haji Salleh, buku *Qawaid Tarannum* karya Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, buku *Seni Lagu al-Quran di Malaysia* karangan Md Ali Abu Bakar dan buku *Ilmu Nagham al-Quran* karangan Kiyai Haji Muhsin Salim.³⁴ Oleh yang demikian, adalah menyukarkan bagi penyelidik dalam bidang tarannum untuk mencari sumber rujukan kerana bilangan adalah terhad.

Jika ditinjau pada tahun 2016 ini, belum ada kaedah yang sistematik bagi mempelajari ilmu tarannum dalam bentuk buku panduan atau modul yang khusus dan muktabar yang boleh diaplikasikan oleh masyarakat umum untuk mendalami ilmu tarannum. Masyarakat mempelajari ilmu tarannum daripada guru tarannum dan juga inisiatif sendiri oleh seseorang individu. Tidak dinafikan, guru tarannum yang ada di Malaysia adalah ramai. Ilmu tarannum di Malaysia ada yang diajar secara formal dan ada yang diajar secara tidak formal. Ilmu tarannum yang diajar secara formal adalah

³⁴ Mohd Zaini Zakaria dan Sedek Ariffin, *Penulisan Karya Seni Lagu al-Quran Di Nusantara: Satu Tinjauan*, umexpert.um.edu.my/file/publication/00010772-72919.pdf paparan pada 6 April 2016.

melalui sukatan-sukatan pelajaran sebagai pemudahcara. Manakala ilmu yang diajar secara tidak formal adalah berdasarkan ilmu dan pengalaman yang dimiliki oleh guru tarannum.

Sementara itu,sesetengah masyarakat masih kabur tentang pemahaman ilmu tarannum dan kurang mengetahui tentang kewujudan ilmu tarannum dan kepentingannya. Ini menjurus kepada ketidakpedulian masyarakat kepada ilmu ini dan boleh membawa kepada kepupusan. Pengabaian tentang ilmu ini tidak boleh dipandang ringan oleh umat Islam.

Ilmu tarannum tidak boleh tandus dan pupus. Ia akan hilang dengan pemergian tokoh-tokoh yang berkecimpung dalam bidang tarannum. Membaca al-Quran dengan bertarannum boleh menambah pahala kerana lagu-lagu tarannum adalah ma`thur dalam kalangan sahabat. Masyarakat kini kurang mengetahui lagu-lagu tarannum al-Quran kerana mereka tidak diajar bertarannum semasa kecil dan kurang mendapat pendedahan. Mereka belajar membaca al-Quran dengan tidak bertarannum apatah lagi mengikut lagu-lagu yang ma`thur daripada sahabat. Ilmu tarannum adalah ilmu yang asing bagi mereka.

Selain itu, kebanyakan qari-qari awal 60an dan 70an, mereka tidak membukukan ilmu tarannum dan menyediakan metod pengajaran dalam bentuk karya untuk tatapan anak murid mereka. Mereka aktif memindahkan ilmu secara lisan. Justeru itu, dengan adanya kajian ini yang mengkaji tentang Dato` Hajjah Rogayah sebagai kajian kes secara observasi, sedikit sebanyak dapat menilai manhaj yang diaplikasikan oleh beliau dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran.

Kajian lampau menunjukkan masih terdapat masyarakat yang kurang mengetahui ilmu tarannum dan sekadar mengetahui asas ilmu tarannum serta beranggapan hanya untuk qari yang menyertai pertandingan tilawah al-Quran. Di

samping itu juga, mereka bertanggapan ilmu tarannum merupakan sebuah ilmu yang eksklusif yang khusus untuk golongan tertentu sahaja. Sedangkan ilmu tarannum ini adalah satu ilmu untuk semua golongan masyarakat. Tanggapan ini dibuktikan dalam satu kajian yang dijalankan oleh Ahmad Turmizi³⁵ yang menyatakan masyarakat menganggap ilmu tarannum ini terhad kepada golongan tertentu sahaja. Kebanyakan umat Islam di Malaysia mengabaikan ilmu ini dan tidak mengambil berat dengan warisan ini. Kajiannya tentang pengetahuan tarannum di kalangan pelajar Madrasah al-Huda dan penduduk Taman Bukit Teratai, Cheras menunjukkan sebanyak 27 % daripada mereka mengenali ilmu tarannum melalui TV9. 95 % daripada responden tidak mengetahui kewujudan ilmu ini, bahawa ia boleh dipelajari. Mereka mengetahui ilmu tarannum setelah memasuki Sekolah al-Huda. Selain itu juga, pengajaran tarannum di masjid-masjid banyak yang gagal. Pelajar yang ingin belajar juga sukar menemui guru-guru yang mahir dan layak untuk mengajar.

Masalah yang dihadapi maktab tersebut dialami oleh pelatih yang menghadapi masalah dalam aspek bakat dan minat. Dalam kajian beliau juga turut menyatakan kebanyakan pelatih yang terdiri daripada pelajar SMKA tidak memahami apakah yang dimaksudkan dengan tarannum kecuali mereka yang datang dari Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu dan mereka menganggap ia adalah suatu pengalaman yang baharu bagi mereka dan menunjukkan minat yang positif untuk mempelajari ilmu tarannum.

Dalam ujian analisis hukum tilawah berdasarkan surah dan ayat yang dibaca selama 10 minit kepada bakal pelatih perguruan pengajian agama, tarannum langsung tidak disentuh sama sekali. Ini menunjukkan mereka tidak mengetahui cara bacaan bertarannum. Selain itu, pembelajaran tarannum di peringkat maktab adalah singkat

³⁵ Ahmad Turmizi bin Muslimin, (2010). *Tadris al-Tarannum Wa al-Nagham Fi Tajwid al-Quran Dirasah Maydaniyyah Li Madrasah al-Huda Bi Selangor*. Tesis Sarjana Universiti Islam Antarabangsa.

menjadi faktor kurang penguasaan dan kurang mahir terhadap ilmu tarannum. Pelatih MPI beranggapan ilmu tarannum merupakan satu ilmu yang sukar dipelajari dan khusus untuk orang yang berbakat sahaja. Selain daripada itu, timbul rasa rendah diri, berdiam diri, dan tidak mahu mencuba hasil daripada pengajaran yang disampaikan oleh guru. Antara faktor lain ialah kurang penyarah yang berkemahiran dan sistem pembelajaran dan pengajaran berbantuan kaset sahaja.

Terdapat juga kelemahan dari aspek suka mengambil mudah dengan ilmu tarannum dan mempelajari ilmu tarannum kerana terpaksa. Ada juga dari kalangan mereka yang tidak memahami konsep latihan, dan mereka merasa kekurangan suara, sehingga tidak dapat mempelajari lagu sedangkan suara boleh dilatih.

Di samping itu, artikel jurnal Mohd Aderi bin Che Noh³⁶ bertajuk *Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis* mengambil Laporan Pemantauan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) tahun 2005, bahawa pendekatan guru yang cenderung menggunakan kaedah pengajaran tradisi menyebabkan murid merasa bosan dan kurang aktif. Di samping itu, waktu pembelajaran pada waktu petang menyebabkan pelajar menjadi bosan dan mengurangkan minat pelajar untuk menumpukan perhatian terhadap pengajaran dan pembelajaran kelas KKQ.

Kesimpulannya, secara umum tiga faktor yang wujud dalam permasalahan pengajaran ialah faktor guru, faktor pelajar dan faktor kaedah pengajaran. Justeru itu, pengajaran dan pembelajaran ilmu tarannum perlu dititikberatkan dan perlu dipelajari secara formal di sekolah rendah, menengah dan hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi.

³⁶ Mohd Aderi bin Che Noh, (2011). *Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran Di Malaysia: Satu Analisis*. Journal Of Islamic And Arabic Education 3(1), 47-58.

1.4 Soalan Kajian

1. Bagaimana ilmu tarannum berkembang di negeri Terengganu dan siapakah tenaga pengajar yang memainkan peranan dalam perkembangan tersebut?
2. Apa sumbangan para qari di negeri Terengganu dalam membantu pengajaran dan pembelajaran ilmu tarannum di negeri tersebut dan apakah hubungkait dengan Hajjah Rogayah binti Sulong?
3. Apa sumbangan Hajjah Rogayah binti Sulong dalam bidang al-Quran dan tarannum?
4. Bagaimana Hajjah Rogayah binti Sulong mempraktikkan manhajnya dalam pengajaran tarannum?

1.5 Objektif Kajian

- i. Menjelaskan faktor-faktor kewujudan ilmu tarannum di Terengganu dan sejarah perkembangannya.
- ii. Menganalisis hasil temu bual para qari dan qariah di negeri Terengganu dari tahun 1960 hingga 2013 dan faktor yang mendorong kejayaan mereka di Terengganu.
- iii. Mengkaji latar belakang Dato[“] Hajjah Rogayah dan sumbangan beliau dalam bidang tarannum al-Quran yang mendominasi kekerapan yang tinggi dari kalangan para qari dan qariah negeri Terengganu sebagai johan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa dalam majlis tilawah al-Quran.
- iv. Menilai manhaj yang dipraktikkan oleh Dato[“] Hajjah Rogayah binti Sulong dalam pengajian tarannum al-Quran.

1.6 Sorotan Literatur

Dalam menyiapkan kajian ini, penulis telah membuat tinjauan penulisan dalam kajian lepas berkaitan dengan tajuk ini. Ia bertujuan menilai sama ada kajian ini telah dikaji atau belum. Antara bahan yang ditinjau oleh penulis ialah tesis ilmiah, buku-buku, majalah dan artikel yang berkaitan dengan tokoh iaitu Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong dan juga bahan-bahan sejarah yang berkaitan dengan ilmu tarannum dan pengajarannya di negeri Terengganu. Aspek yang berkait dengan sorotan literatur melibatkan tema tarannum, makna pengajaran dan perbincangan tentang metodologi pengajaran tarannum.

Perkembangan Pengajian Tarannum al-Quran di Malaysia

Kajian tentang tarannum yang sudah selesai buat masa ini di peringkat PhD masih kurang. Setakat pengamatan pengkaji, terdapat sebuah tesis berkaitan tarannum di peringkat PhD di Universiti Malaya, Malaysia hasil kajian Muhammad Lukman Ibrahim tahun 2010³⁷ berjudul *Perkembangan Pengajian Tarannum al-Quran Melalui Tariq al-Syatibi Di Malaysia: Kajian Khusus Terhadap Musabaqah al-Quran Peringkat Kebangsaan Antara Tahun 1990-2005*.

Secara keseluruhan, beliau membincangkan aspek penting dalam ilmu tarannum pada bab satu dan dua termasuk aspek suara secara panjang lebar. Beliau turut membincangkan aspek qiraat berkenaan khilafiyah antara *tariq al-Syatibi* dengan *tariq* yang masyhur dalam bab tiga. Beliau juga meninjau aspek sejarah majlis tilawah al-Quran, beliau mengkaji seramai 16 orang para qari dan qariah negeri Kelantan dari tahun 1990-2005 berkaitan biodata dan sumbangan mereka dalam bidang al-Quran.

³⁷ Muhammad Lukman Ibrahim, (2010). *Tarannum Al-Quran Melalui Tariq al-Syatibi Kajian Terhadap Pengamalan Dalam Kalangan Qari qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005*. Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Tesis beliau memfokuskan qari-qari negeri Kelantan manakala kajian ini memfokuskan qari-qari negeri Terengganu dari tahun 1960 hingga tahun 2013. Kajian beliau memuatkan aspek biodata qari dan pengalaman mereka dalam pengajian tarannum manakala kajian ini membincangkan aspek cara pembelajaran dan pengajaran termasuk strategi, petua, kaedah dan aspek motivasi. Kajian beliau dalam bentuk menemubual para qari Kelantan manakala kajian ini juga menemubual qari, di samping membuat observasi pengajaran Hajjah Rogayah, dan menemubual anak murid beliau.

Metodologi Pengajian Tarannum

Terdapat tesis sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2000, Zulkipli Bin Mohd Dahlan³⁸ berjudul Metodologi Pengajian Tarannum Di Maktab Perguruan Islam Bangi Satu Kajian Dari Segi Keberkesanan. Tesis ini mengkaji tentang kaedah pengajaran tarannum di Maktab Perguruan Islam Bangi. Tesis ini turut memperkenalkan tentang sukatan pelajaran tarannum MPI, strategi pengajaran, objektif keseluruhan pengajaran yang berasaskan Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Sukatan Pelajaran Pengajian Islam (PSR&KPLI) Februari, 1991.

Sukatan Pelajaran Tarannum tersebut berasaskan kepada Buku Panduan Khas Kelas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran, Rancangan Penggal Pertama Tarannum hingga Penggal Ketiga. Antara strategi pengajaran di MPI ialah penyampaian kuliah, mendengar bacaan lagu al-Quran dari qari-qari terkenal, mengelaskan lagu, dan melagukan dengan mengikuti bacaan al-Quran.

Dalam peraturan mempraktikkan lagu dengan menggunakan wazan terlebih dahulu daripada petikan syair diterapkan kepada potongan ayat dalam aspek *qit'ah*, *harakat*, *tabaqat*, *mahattah*, *burdah*, *ikhtilal al-Lahn*, *wuslah*, *dhawq*. Antara aktiviti

³⁸ Zulkipli Bin Mohd Dahlan, (2000), *Metodologi Pengajian Tarannum Di maktab Perguruan Islam Bangi Satu Kajian Dari Segi Keberkesanan*. Tesis Sarjana UKM, Bangi.

pengajaran ialah mengesan bunyi *tone*, mencatat nota *tone* dan mempraktikkan suara menggunakan *tone* atau melodi mengikut *tabaqah*, *burdah*, *harakah*, *qit'ah*, dan *mahattah*.³⁹ Zulkipli menjelaskan tentang jenis-jenis lagu ini bersumberkan daripada buku *Qawaid al-Tarannum* karangan Nik Jaafar Nik Ismail. Beliau turut menjelaskan bahawa bacaan al-Quran tanpa tajwid, fasahah dan tarannum dianggap kurang sempurna. Pengkaji menemuramah Tuan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail di Kg Bemban, Jalan Meranti, Pondok Haji Abdul Ghani, Pasir Mas Kelantan. Menurut Haji Nik Jaafar, sejarah kewujudan nama lagu tidak terdapat dalam mana-mana hadith nabi, yang ada ialah galakan supaya membaca al-Quran dengan berlagu. Nama lagu wujud setelah zaman tabiin supaya ia senang diklasifikasikan.

Zulkipli juga mengkaji dari aspek hukum membaca al-Quran berlagu dengan membawa pendapat Imam al-Nawawi⁴⁰ dari buku *al-Tibyān Fi Ādāb Hamalat al-Quran* yang menyatakan sunat membaca al-Quran berlagu selagi tidak terkeluar dari had bacaan. Namun begitu, menurut Imam Malik dan Jumhur membaca al-Quran berlagu adalah makruh, Imam Abu Hanifah dan segolongan para salaf menghukumkan harus jika sekiranya melagukan al-Quran untuk melembutkan hati dan menarik hati pembaca. Sumber tersebut diambil daripada Sahih Muslim dalam bab *Istihbāb Tahsīn Bi al-Qurān*. Rasulullah menggalakkan umatnya supaya membaca mengikut lajrah arab.⁴¹ Beliau juga mengkategorikan tarannum kepada dua aliran iaitu *Hijazi* dan *Misri*. Sesuatu yang dapat difahami ialah, negara Malaysia dan Indonesia banyak dipengaruhi dengan aliran *Misri* khususnya tokoh-tokoh qari Mesir datang mengajar tarannum di Malaysia terutama dalam pertandingan tilawah al-Quran. Contohnya, pada 15 Mac 1960, Sheikh Mahmud al-Khalil Husairi dan Abu Bakar b. Mohamad al-Qahirah telah

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Al-Nawawi, *Al-Tibyān Fi Ādāb Hamalat al-Qurān*, Kaherah : Dār Ibn Haitham, 2005.

⁴¹ Ibid.

mengijazahkan dan menyemak semula bacaan ustaz Mohd Noh bin Abdul Jalil di Negeri Perak.

Beberapa kaedah diterapkan dalam pengajaran dari aspek tausiyah dan kaedah pengajaran ialah kaedah pendedahan, kaedah mendengar, kaedah demonstrasi, kaedah diskusi, kaedah simulasi, kaedah ceramah, kaedah penerangan, kaedah persembahan, kaedah latih tubi, dan kaedah menggunakan Alat Pandang Dengar (APD). Manakala kaedah yang diamalkan di SMKA ialah tanpa tausiyah. Hanya 4 kaedah sahaja diterapkan iaitu latih tubi, mendengar, persembahan dan pendengaran.

Bagi pemantapan pengajaran tenaga pengajar di MPI, mereka dihantar berkursus anjuran BPG Perkembangan Seni Baca Al-Quran dan Qiraat Tujuh di Jakarta Indonesia. Manakala bahan-bahan untuk senikata nasyid, bait-bait syair, qasidah, dan kitab-kitab berzanji diambil daripada Institut Perguruan Tinggi Ilmu Al-Quran (IPTQ).⁴² Zulkipli juga memetik sumber tersebut dari buku karya dari Indonesia iaitu Khatijah Shalihah yang berjudul, *Pustaka Husna*, Jalan Kebon Sirih Barat 1/39 Jakarta Pusat, tahun 1983, halaman 48-51. Zulkipli berpendapat bidang tarannum bukan satu bidang yang dapat dikuasai melalui pembacaan teori semata-mata tetapi ia adalah satu kemahiran atau kesenian yang tinggi dan halus amat sukar dilakukan oleh individu. Beliau juga berpendapat di peringkat ijazah tentang teori dan amali tarannum tidak didedahkan kerana tidak ada pakar sarjana dan kedoktoran di bidang ini. Sedangkan kepakaran ini dikuasai oleh guru-guru al-Quran di peringkat pondok dan kelas menengah sahaja.

Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya menyebut nama-nama tokoh qari yang terkenal secara umum tanpa menjelaskan manhaj pengajaran mereka dalam ilmu tarannum. Hakikatnya, pada masa pengkaji menulis kajian ini, didapati sudah ada beberapa pelajar yang sedang menyiapkan tesis PhD di peringkat kedoktoran kerana

⁴² Ibid.

kini telah ada kursus tarannum diajar di IPTA oleh pakar dan pensyarah yang berpengalaman dan mendapat banyak pendedahan. Kajian ini membincangkan aspek kaedah pengajaran tarannum yang memfokuskan sebuah institusi, manakala kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada temubual qari-qari negeri Terengganu dan manhaj pengajaran Hajjah Rogayah dalam tarannum al-Quran.

Tokoh Tarannum di Malaysia dan Sumbangan Beliau

Satu kajian tesis peringkat sarjana mengenai seorang tokoh tarannum yang berjudul *Haji Ahmad bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan* oleh Wan Fakhru Razi Bin Wan Mohamad pada tahun 2008.⁴³ Pengkaji memfokuskan tentang biografi Hj. Ahmad bin Mat Som Pergau dan juga pengajian ilmu tarannum di Kelantan. Mengenai Hj Ahmad Som Pergau beliau mengupas mengenai latar belakang kehidupan beliau, pendidikan, pekerjaan, guru-guru beliau, murid-murid beliau, pujian ke atas beliau, anugerah dan kematian beliau.

Hasil daripada kajian Wan Fakhru Razi, didapati Hj. Ahmad Som adalah seorang tokoh Tarannum dan orang pertama yang memperkenalkan tarannum aliran Masri di Kelantan. Dari aspek ilmu tarannum pula, beliau mengupas tentang pengajian tarannum di Kelantan dengan membuat pembahagian versi tarannum kepada dua bahagian iaitu versi tarannum Hijazi dan versi tarannum Masri. Wan Fakhru Razi turut membincangkan tentang aspek kaedah suara dan penjagaannya.

Di samping itu juga, Wan Fakhru Razi memperkenalkan nama tokoh tarannum yang terkenal di Mesir dan Malaysia. Antara aspek yang diketengahkan oleh Hj. Ahmad Som Pergau ialah aspek penghayatan makna ayat, aspek fungsi tenaga, dan aspek gubahan lagu. Selain itu juga, beliau membahagikan anak muridnya kepada beberapa

⁴³ Wan Fakhru Razi Bin Wan Mohamad, *Haji Ahmad bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*, 2008, tesis sarjana Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

kategori iaitu murid junior dan murid senior manakala murid junior pula, beliau bahagikan lagi kepada murid yang tiada asas dan murid yang ada asas.

Kesimpulan daripada itu, ketiga-tiga aspek yang ditekankan dalam ilmu tarannum tersebut memainkan peranan penting dalam memantapkan bacaan al-Quran. Selain itu juga pengkelasan murid kepada beberapa kategori itu memberi keberkesanan dalam pemantapan pembelajaran ilmu tarannum di Kelantan. Kajian tersebut membincangkan tentang salah seorang tokoh tarannum iaitu Haji Ahmad Som Pergau, manakala kajian ini pula membincangkan tokoh tarannum bernama Hajjah Rogayah binti Sulong dan manhaj pengajaran beliau. Selain itu, kajian yang dijalankan ini turut mengkaji tentang biodata qari-qari negeri Terengganu, kaedah pembelajaran mereka dan susur-galur guru mereka.

Seni Lagu al-Quran

Sebuah tesis peringkat Sarjana berjudul *Seni Lagu al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail*, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2008, hasil kajian Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh⁴⁴. Dalam bab awal, Ahmad Nuruddin menjelaskan tentang seni lagu al-Quran. Dalam bab kedua, Ahmad Nuruddin membincangkan dengan terperinci aspek suara dan lagu, dan tingkatan suara bacaan al-Quran seperti suara perut, suara Tenggorakan, suara otak, suara mulut dan suara dada.

Ahmad Nuruddin mendapati metod pengajian Tarannum berdasarkan metod yang dibawa oleh Jibril kepada Rasulullah iaitu talaqqi, musyafahah dan tasmi". Aspek persamaan ialah kajian beliau membincangkan tentang tokoh seni lagu al-Quran manakala kajian ini juga turut membincangkan tentang tokoh iaitu Dato" Hajjah

⁴⁴ Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh, (2008), *Seni Lagu Al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail*. Tesis Sarjana Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Rogayah binti Sulong. Aspek perbezaan pula ialah kajian ini dijalankan secara observasi terhadap tokoh tentang pengajaran tarannum dan temubual ke atas qari-qari negeri Terengganu berkaitan aspek biodata, susur-galur guru dan aspek pembelajaran para qari negeri Teengganu.

Definisi Pengajaran

Istilah pengajaran berkait rapat dengan istilah pendidikan. Sebagaimana yang terdapat dalam bahasa Arab, istilah pendidikan merangkumi *al-tarbiyah*, *al-ta'lim*, *al-ta'dib*, *tadris* dan *tahzib*. Bagi pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas, istilah *al-ta'dib* paling sesuai dengan manusia kerana

Pengajaran Ilmu Tarannum di Sekolah

Seterusnya, sebuah tesis sarjana UIAM oleh Ahmad Turmizi bin Muslimin bertajuk *Tadris al-Tarannum Wa al-Nagham Fi Tawid al-Quran Dirasah Maydaniyyah Li Madrasah al-Huda Bi Selangor* pada tahun 2010⁴⁵. Beliau mengkaji tentang jenis-jenis tarannum dan peranannya serta susunannya yang masyhur yang terdapat di Malaysia. Beliau juga turut menganalisis metodologi yang digunakan di Madrasah al-Huda. Beliau juga menghimpunkan nas-nas yang berkaitan dengan tajuk dan mengemukakan pandangan-pandangan ulama berkaitan tarannum dengan membawa dalil-dalil al-Quran, al-Hadith, dan pendapat-pendapat ulama salaf dalam aspek mengelokkan suara, al-nagham, al-tarannum, dan al-maqamat ketika membaca al-Quran. Beliau membuat kesimpulan bahawa antara objektif Tarannum bukan sahaja untuk menghiasi bacaan al-Quran, bahkan ia mempunyai peranan penting yang lain selain daripada membaca dengan tartil.

⁴⁵ Ahmad Turmizi bin Muslimin, (2010). *Tadrīs al-Tarannum Wa al-Nagham Fi Tajwīd al-Qurān Dirāsah Maydaniyyah Li Madrasah al-Huda Bi Selangor*. Tesis Sarjana Universiti Islam Antarabangsa.

Bacaan bertarannum dapat menggerakkan hati, menzahirkan ketenangan, memasukkan rasa khushyuk bagi diri pembaca dan pendengar hingga dapat melahirkan suatu bacaan yang menarik, terutamanya apabila dibaca mengikut maqam yang bersesuaian bagi makna-makna ayat al-Quran seperti ayat-ayat azab pada maqam Nahawand dan ayat-ayat sedih pada maqam Saba. Seni tilawah ini turut dikenali dengan ilmu maqamat atau tarannum ini tidak bercanggah sunnah kerana ia merupakan satu amalan yang menzahirkan keindahan al-Quran dan kemukjizatannya. Dalam kajian tersebut, beliau turut menjelaskan sejarah penyebaran seni tarannum ke Malaysia. Seni Tarannum al-Quran mula tersebar ke Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia pada tahun 1947.

Setelah itu, pada era itu melahirkan tokoh tarannum seperti Ahmad Som Pergau, dan Ustaz Ismail Hashim di Malaysia dan Ustaz Ma'mar Zainal Abidin dan Nanagh Kasim di Indonesia. Dalam pengenalan beliau menjelaskan bahawa Allah sukakan keindahan suara yang indah sebagaimana Allah kurniakan kepada Nabi Daud suara yang lunak merdu sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Anbiya" ayat 79.

Sesuatu yang menarik juga ialah beliau memuatkan pandangan Imam al-Nawawi dalam sebuah hadith daripada kitab *Sunan al-Nasai* Kitab al-Iftitah, Bab *Tazyin al-Qurān Bi al-Ṣaut* dengan menjelaskan makna „*azina*“ (أَم) dengan nilai yang simbolik iaitu Allah mengurniakan pahala kepada orang yang membaca al-Quran dengan suara yang baik. Turmizi juga memuatkan pandangan Muhammad Mahmud Abdul Halim dalam karya beliau berjudul *Aḥkām Tajwīd Wa Faḍāil al-Qurān* tentang kelebihan tarannum dan objektifnya iaitu pembaca atau pendengar dapat memahami makna kitab Allah, dapat merasai kemanisan gaya bahasa al-Quran, menyampaikan makna kepada akal, hati dan ruh serta beramal dengannya. Kenyataan beliau dikuatkan dengan firman Allah dalam surah al-Anfal, ayat 2 yang menerangkan ciri-ciri orang beriman yang

gementar hati mereka dan bertambah iman mereka apabila mendengar alunan ayat suci al-Quran tanda rasa khusyuk dengan ayat-ayat Allah.

Selain itu, beliau turut membawa pandangan Sabir Hasan dalam kitab *Tabṣīrah al-Murīd Fī Ilm al-Tajwīd* yang menyatakan tanda-tanda ketepatan al-Quran dengan tarannum ialah seseorang itu perlu beriltizam dengan kaedah tilawah, ahkam tajwid, memelihara makhraj huruf dan sifatnya, memberikan setiap huruf itu haknya, dan perkara-perkara yang berhak bagi sifat-sifat tersebut yang terdiri daripada *al-jahr*, *al-syddah*, *al-Isti"lā"*, *al-tafkhīm*, *al-tarqīq*, *al-mad*, dan *al-qasr*, sebagaimana menepati firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 121 yang menjelaskan ciri-ciri orang yang bertakwa adalah orang yang membaca al-Quran dengan bacaan mengikut haknya yang sebenar-benarnya.

Tesis Turmizi juga memuatkan nama-nama ulama maqamat yang terkenal seperti Syeikh Abdul Basit Abdul al-Samad, dan Syeikh Mustapa Ismail dari Mesir, Ustaz Ismail Hasyim, Ustazah Faridah Mat Saman di Malaysia, Ustaz Ma"mar Zainal Abidin dan Nanagh Qasim dari Indonesia. Teknik pengajaran tarannum yang utama di Madrasah al-Huda ialah penggunaan jenis qasidah, syair atau tausiyih sebagai cara yang utama, teknik bacaan beramai-ramai, latihan secara individu, latihan secara mingguan dan tausiyih menggunakan ayat-ayat pendek daripada ayat al-Quran pada juzuk yang akhir.⁴⁶

Jenis tausiyikh dengan surah pendek seperti maqam Bayyati dengan surah al-Fil, *maqam Soba* dengan surah Quraisy, *maqam Hijaz* dengan surah al-Tin, *maqam Nahawand* dengan Surah al-Ma"un, *maqam Rast* dengan surah al-Kafirun, *maqam Sikah* dengan surah al-Nas dan *maqam Jiharkah* dengan surah al-Masad. Kajian beliau memfokuskan kaedah pengajaran tarannum di Madrasah al-Huda, manakala kajian ini memfokuskan manhaj pengajaran Dato" Hajjah Rogayah dalam bidang tarannum al-

⁴⁶ Ibid.

Quran. Setakat kajian penulis yang terbatas, tidak terdapat kajian tesis khusus mengenai Hajjah Rogayah Sulong dalam bidang tarannum dengan membuat observasi pengajaran beliau.

Teknik Pengajaran al-Quran

Terdapat kajian sarjana pengajian Islam oleh Siti Kusrini⁴⁷ berkait dengan penggunaan audio visual dalam pengajaran al-Quran yang menghasilkan prestasi dan minat yang tinggi oleh pelajar. Pada awal tesisnya, Siti Kusrini menyatakan tujuan pembelajaran al-Quran boleh digabungkan dengan proses pengetahuan (*knowing*), pelaksanaan (*doing*) dan pembiasaan (*being*). Dalam aspek pengetahuan antara matlamat mempelajari al-Quran ialah mampu membaca, mampu menghafal, dapat membetulkan bacaan dalam solat dan membaca al-Quran satu ibadah. Dalam aspek pelaksanaan pula ialah dapat membaca al-Quran dengan baik dan berketrampilan.

Dalam aspek pembiasaan pula agar al-Quran dapat bersatu dan sehati dengan keperibadian. Siti Kusrini menambah, aspek-aspek ketrampilan dalam bacaan al-Quran ialah pelajar mampu melafazkan surah-surah tertentu dalam juzu" amma sebagai tahap awal pembacaan, membaca huruf-huruf hijaiyah sesuai dengan makhrajnya dan membaca al-Quran dengan baik sesuai kaedah ilmu tajwid. Persamaan kajian Siti Kusrini dengan kajian ini ialah kedua-dua kajian memfokuskan aspek al-Quran. Walau bagaimanapun Siti Kusrini memfokuskan aspek pengajaran al-Quran manakala kajian ini memfokuskan aspek pengajaran tarannum.

⁴⁷ Siti Kusrini, *Upaya Meningkatkan Prestasi Belajar Pendidikan Agama Islam Pada Materi Pokok Membaca QS. Al-Kautsar Dengan Menggunakan Media Audio Visual Pada Siswa Kelas IVB Semester II SDN Batusari 7 Mranggren Kabupate Demak Tahun Pelajaran 2010/2011*" (Tesis Sarjana, Fakultas Tarbiyah, Institus Agama Islam, Negeri Walisongo, Semarang, Indonesia, 2011)

Tilawah al-Quran di Malaysia

Dari aspek sejarah Pertandingan Tilawah al-Quran, terdapat sebuah buku berjudul *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*⁴⁸ yang dikumpul oleh sidang redaksi JAKIM. Buku ini bermanfaat bagi mengetahui sejarah awal permulaan pertandingan Tilawah al-Quran yang diadakan di Malaysia. Buku ini juga memuatkan senarai qari dan qariah yang pernah menyertai pertandingan Tilawah al-Quran, dan yang menjadi Johan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Buku ini berguna untuk mengetahui senarai qari dan qariah negeri Terengganu.

Walaupun demikian, ia tidak menyenaraikan semua qari dan qariah sehingga tahun 2012. Ini kerana buku cetakan terkini diterbitkan pada tahun 2008. Selain itu juga, buku ini tidak menyenaraikan penyertaan qari dan qariah yang mewakili negeri pada setiap tahun. Oleh itu, ia menyukarkan pengkaji untuk memperoleh maklumat secara terperinci mengenai maklumat qari dan qariah negeri Terengganu. Kajian ini memuatkan biodata qari yang berjaya menjadi johan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sahaja. Manakala qari yang berjaya di peringkat negeri tidak dimuatkan. Selain itu, dari aspek tahun, buku tersebut menyenaraikan biodata qari sehingga tahun 2008 sahaja manakala kajian ini membincangkan tentang qari yang menjadi johan peringkat negeri Terengganu dari tahun 1960 hingga tahun 2013.

Qari dan Qariah Malaysia Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Sebuah buku berjudul *Johan Qari & Qariah Malaysia Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa 1379H/ 1960M-1427H/2006M*⁴⁹ dikarang oleh sidang redaksi JAKIM memuatkan senarai biodata secara ringkas para qari dan qariah yang pernah menjadi Johan di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Namun begitu,

⁴⁸ Mohamad bin Saari, *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*, (Putrajaya: JAKIM, 2008)

⁴⁹ Mohamad bin Saari, *Johan Qari Dan Qariah Malaysia*, (Kuala Lumpur: JAKIM, 2007)

buku ini tidak membicarakan aspek strategi pembelajaran tarannum al-Quran secara terperinci oleh setiap qari. Manakala kajian yang dijalankan ini memfokuskan tentang biodata qari negeri Terengganu dan strategi pembelajaran mereka.

Kaedah Pengajian Tarannum

Sebuah karya berkaitan tarannum oleh Nik Jaafar Nik Ismail⁵⁰ berjudul *Buku Qawaid al- Tarannum* dalam versi jawi. Buku ini setebal 177 muka surat. Permulaan buku ini memperkenalkan biodata penulis iaitu Nik Jaafar berkaitan asal kelahiran beliau, pendidikan, pengajian al-Quran dan ilmu tarannum, pengalaman kerjaya beliau, dan keaktifan beliau berhubungkait dengan tarannum seperti menjadi hakim tilawah dan penulisan buku tarannum. Buku beliau ini adalah salah satu bahan rujukan penting dalam pengajaran dan pembelajaran *tahsīn bil-Qur'ān* di peringkat pusat pengajian tinggi, maktab dan sekolah menengah.

Buku ini dibahagikan kepada empat bahagian atau dinamakan kokurikulum. Kurikulum pertama membincangkan tentang *tahsīn al-ṣaut*. Kurikulum kedua membincangkan tentang tajwid. Kurikulum ketiga berkaitan dengan tarannum dan berkait rapat dengan kajian ini, dan kurikulum keempat atau terakhir mengenai *al-tartīl*. Dalam bahagian ketiga tadi, Nik Jaafar menjelaskan tentang sejarah ilmu tarannum pada Rasulullah, sejarah ilmu tarannum dan pengajian al-Qur'an di nusantara atau Kepulauan Melayu. Beliau juga membahagikan tarannum Arab kepada dua bahagian iaitu *Hijazi* dan *Misri* dan asas-asas tarannum *Hijazi* dan *Misri*. Beliau turut menjelaskan tarannum yang popular di Malaysia iaitu seperti berikut: 1. *Bayati-Soba-Hijaz-Nahawand-Rast*. 2. *Bayati-Hijaz-Nahawand-Rast* dan *Sikah*. 3. *Bayati-Nahawand-Rast-Sikah*-dan *Jiharkah*. 4. *Bayati-Saba-Nahawand-Rast* dan *Sikah*. 5. *Bayati-Iraqi-Hijaz-Sikah* dan *Rast*.

⁵⁰ Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al-Tarannum, Cara Berlagu* (2012), cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir.

Beliau menjelaskan 50 % mengamalkan bahagian 1 dan 2. 30 % mengamalkan bahagian 3, 15 % mengamalkan bahagian 4 dan 5 % mengamalkan bahagian 5. Walau bagaimanapun, buku ini tidak membincangkan tentang tokoh-tokoh qari semasa. Antara persamaan dengan kajian ialah buku ini membincangkan aspek pembelajaran tarannum. Manakala aspek perbezaan dengan kajian yang dijalankan ini ialah buku beliau tidak memuatkan biodata qari-qari di negeri Terengganu dan observasi ke atas manhaj pengajaran Hajjah Rogayah binti Sulong.

Kaedah Pendidikan al-Quran

Sebuah karya berjudul *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan al-Quran* karangan Mohd. Yusof Ahmad⁵¹ membincangkan kepentingan pembelajaran ilmu tarannum sebagai pelengkap pembelajaran al-Quran. Mohd. Yusof Ahmad memuatkan beberapa kaedah bagi mencapai keberkesanan pendidikan. Kaedah-kaedah yang terdapat dalam pendidikan al-Quran ialah kaedah nasihat, kaedah peringatan, kaedah penceritaan, soal jawab, kaedah perbandingan, ancaman dan janji, kaedah teladan, dan kaedah amar makruf nahi mungkar. Beliau juga menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran merangkumi tilawah, *tafahhum* dan tafsir, *taṭbīq*, tahfiz, tarannum dan *ta'īm*.

Dalam konsep dan pelaksanaan pendidikan al-Quran, beliau menjelaskan Rasulullah s.a.w mengambil al-Qur'an daripada Jibrail secara talaqqi dan musyafahah. Konsep tawatur pula adalah proses al-Quran diperturunkan dari generasi sahabat ke generasi tabii'n, konsep tartil pula proses pembacaan al-Quran secara baik, lambat, elok, hati-hati, fasih dan penuh khusyuk. Persamaan dengan kajian ini Mohd Yusof membincangkan aspek pendidikan dalam tilawah al-Quran. Manakala aspek perbezaan ialah buku tidak membincangkan tentang senarai biodata qari, aspek pengajaran mereka dan manhaj pengajaran Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong.

⁵¹ Mohd. Yusof Ahmad. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Cet. Ke-4. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005.

Selain itu, sebuah karya Mohd Ali bin Abu Bakar⁵² berjudul *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia* setebal 192 muka surat. Dalam sinopsis bukunya, beliau menjelaskan antara objektif penghasilan buku tersebut atas permintaan beberapa pihak seperti maktab-maktab perguruan Islam yang mempunyai Jabatan Pengajian Islam yang mempunyai mata pelajaran Tarannum. Selain itu, kerana kekurangan bahan bacaan berkaitan tarannum.

Di awal buku ini, beliau menjelaskan tentang pengertian seni lagu al-Quran. Beliau juga turut memuatkan enam buah hadith nabi yang berkaitan dengan galakan bertarannum. Beliau menerangkan tarannum adalah *tahsin al-saut* yang merangkumi *al-tajwid*, *al-tartil* dan *al-ghina*". Beliau juga menjelaskan lima kesalahan utama dalam bacaan al-Quran iaitu *al-Tarqīsh*, *al-Taṭrīb*, *al-Tar'īd*, *al-Taḥzīn*, dan *al-Taḥrīf*. Beliau juga memuatkan gambaran sejarah awal kedatangan Islam ke negeri Terengganu dan turut membincangkan aspek suara sifat-sifat suara, latihan memperelok suara, latihan menjaga suara dan nafas, dan tingkatan suara kerana ia memainkan peranan penting dalam bacaan al-Quran.

Selain itu, Mohd Ali turut membincangkan tentang syarat-syarat seni lagu al-Quran dan pembahagian seni lagu al-Quran. Mohd Ali juga menjelaskan sejarah awal seni lagu al-Quran sejak zaman Rasulullah dan sahabat, zaman Tabiin, zaman itba" al-tabiin dan perkembangan lagu-lagu al-Qur'an di Malaysia. Beliau menjelaskan Terengganu adalah antara negeri terawal kemasukan Islam ke Nusantara berdasarkan bukti penemuan Batu Bersurat Terengganu pada tahun 1902 Masihi dan tarikh yang tertera pada Batu Bersurat Terengganu ialah tahun 702 Hijriah bersamaan 1303 Masehi.

⁵² Mohd. Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*. 1997. Cet. Ke-2. Kuala-Lumpur: Darul Fikir.

Pada Batu Bersurat Terengganu tercatat undang-undang Islam iaitu *Syahādah al-Zūr* bagi orang yang berzina. Kedatangan pendakwah Arab membawa Islam ke negeri Tanah Melayu sekaligus bertapak di negeri setelah berkahwin dengan penduduk negeri itu dan mengembangkan agama Islam dan termasuk pengajian al-Quran. Sehingga fenomena pada masa itu, wujudnya tempat-tempat pengajian al-Quran dan ilmu agama di pondok-pondok, masjid dan rumah ulama sebagaimana penjelasan Abdullah Munshi dalam penulisannya ketika melawat tempat itu. Dalam masa tersebut membuktikan sistem pemerintahan dan pentadbiran pada masa itu adalah berlandaskan undang-undang Islam.

Mohd Ali bin Abu Bakar menjelaskan kedatangan Islam lebih dua ratus tahun sebelum kedatangan Abdullah Munshi membuktikan anak-anak Terengganu telah menerima pengajian al-Quran langsung daripada orang-orang Arab yang datang ke negeri Tersebut. Dalam buku ini, Mohd Ali bin Abu Bakar⁵³ memuatkan tujuh orang qari Terengganu yang terkenal iaitu qari Haji Mohd Lintar. Beliau adalah qari istana yang seangkatan dengan Yusof Kedondong. Beliau digelar sebagai Mat Lintar kerana suaranya yang merdu dan lantang ketika membaca al-Quran, 2. Haji Muhammad bin Awang, 3. Muhammad Bin Ismail, 4. Abdul Rashid Bin Ali, 5. Hajjah Rogayah binti Sulong, 6. Aminah binti Umar, dan 7. Hajjah Embab/ Siah binti Mat Amin. Dalam buku tersebut, Mohd Ali menjelaskan enam peranan lagu terhadap pembacaan al-Quran beserta dalil daripada al-Quran seperti menggerakkan jiwa, menambahkan keelokan membaca al-Quran, mendapat rahmat daripada Allah, menambah kekhusyukan pembaca dan pendengar, menambahkan kehormatan dan kebesaran Allah, dan menarik minat orang ramai kepada Al-Quran.

Di akhir bab dalam buku tersebut, Mohd Ali menerangkan tentang Sejarah Majlis Tilawah al-Quran di Malaysia. Antara persamaan kajian ialah Mohd Ali

⁵³ Ibid.

menjelaskan aspek pengajian al-Quran di Terengganu pada peringkat awal Islam dan kepentingan ilmu tarannum. Beliau juga memuatkan tujuh orang tokoh tarannum secara ringkas tanpa menditilkan biodata mereka, manakala kajian ini memuatkan 25 orang tokoh tarannum al-Quran di negeri Terengganu dengan cara menemubual mereka.

Selain itu, *Buku Panduan Tajwid dan Tarannum* karya Abdul Ghani Ariffin⁵⁴ dikira terkini pada saat ini kerana diterbitkan tahun 2013. Buku ini setebal 62 muka surat. Abdul Ghani Ariffin adalah seorang pengadil tilawah al-Quran Daerah-daerah Negeri Kedah. Buku ini terhasil berdasarkan pengalaman beliau mengajar al-Quran selama 30 tahun. Antara aspek tarannum yang dibincangkan dalam buku ini ialah pendalilan dua hadith nabi tentang galakan menghiasi suara ketika membaca al-Quran dan nabi tidak mengaku umat bagi orang yang tidak membaca al-Quran dengan suara yang baik.

Selain daripada itu, beliau memperkenalkan tujuh jenis lagu tarannum iaitu *Bayati, Soba, Hijaz, Nahwand, Rast, Sikah, dan Jaharkah*. Beliau juga menjelaskan 6 syarat penting menjadi qari iaitu suara, tajwid, nafas, lagu, lancar dan fasahah. Beliau juga turut membincangkan petua-petua memanjangkan suara dan latihan untuk memanjangkan nafas. Beliau menjelaskan antara faktor yang menyebabkan nafas pendek ialah gemuruh, selsema, pakaian ketat, makan terlalu kenyang, terlalu lapar, keadaan duduk tidak selesa, kipas angin di hadapan, penat, tidak lancar, tidak menyedut keluar nafas ke atas, badan tidak sihat dan ketat hidung.

Kesimpulannya, perkara yang boleh menyebabkan nafas menjadi pendek ketika membaca al-Quran ialah situasi qari yang berubah, kesihatan, pakaian yang tidak selesa, pemakanan, keadaan sekeliling, dan cara bernafas. Buku ini membincangkan dengan ringkas aspek yang berkaitan dengan ilmu tarannum dan jenis-jenis lagu yang ada dalam

⁵⁴ Abdul Ghani Ariffin, *Panduan Tajwid & Tarannum*, (cet. Ke-4, Kuala-Lumpur: Sarjana Media, 2013), 1-62.

ilmu seni lagu al-Quran. Namun begitu, buku ini tidak memuatkan senarai biodata qari negeri Terengganu dan manhaj pengajaran Hajjah Rogayah dalam bidang tarannum.

Selain itu, buku berjudul *Panduan Tartil Al-Quran 2* adalah sebuah karya daripada Nik Jaafar Nik Ismail dalam versi jawi. Buku ini adalah kesinambungan daripada buku *Panduan Tartil al-Quran edisi 1*. Buku ini membantu ke arah penyempurnaan dalam bacaan al-Quran. Keseluruhan buku ini menjelaskan tentang aspek mengenal nama surah dan bilangannya. Buku ini adalah penting dalam membantu bacaan secara tartil, manakala aspek perbezaan ialah buku ini tidak membincangkan aspek qari.

Pembelajaran Tarannum Melalui Cakera Padat

Terdapat beberapa laman web dan jaringan yang memperkenalkan ilmu tarannum secara maya, malahan turut mengajar ilmu tarannum di atas talian. Terdapat juga jualan kaset dan cakera padat yang memperkenalkan ilmu tarannum, qasidah, dan tausyih oleh beberapa qari terkenal di Malaysia dan Indonesia. Antaranya ialah sebuah CD berjudul *Mari Bertarannum 1* dan *Mari Bertarannum 2* oleh Haji Nik Azizan bin Nik Jaafar. Kaedah ini berbentuk kaedah pembelajaran sehala atau *one way learning*. Cakera padat ini menjelaskan tentang jenis-jenis lagu tarannum dan cara mengalunkan setiap lagu harakat demi demi harakat. Cakera padat ini memfokuskan tentang irama tarannum sahaja tanpa memfokuskan aspek qari-qari.

Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran Di Malaysia

Terdapat sebuah karya dalam bentuk artikel jurnal oleh Mohd Aderi bin Che Noh⁵⁵ yang berjudul *Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran Di Malaysia: Satu Analisis*.

⁵⁵ Mohd Aderi bin Che Noh, (2011). *Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran Di Malaysia: Satu Analisis*. *Journal Of Islamic And Arabic Education* 3(1), 47-58.

Artikel tersebut tercatat dalam *Journal Of Islamic And Arabic Education* 3 (1), 2011 muka surat 47-58. Dalam artikel tersebut, beliau menyatakan permasalahan pelaksanaan kelas kurikulum Tarannum al-Quran dengan nama singkatan KKKQ yang dijalankan di SMKA di seluruh negeri Selangor sejak dua puluh empat tahun ialah antaranya ialah waktu pelaksanaan kelas iaitu pada waktu petang yang membuatkan pelajar merasa jemu.

Selain itu, faktor guru memberi kesan keberkesanan pelaksanaan kelas tersebut. Kebanyakan guru-guru yang mengajar tarannum mempunyai kepakaran yang berbeza-beza dari aspek tinggi, rendah dan sederhana. Guru yang banyak menghadiri kursus kelas Tarannum menunjukkan kemampuan yang tinggi dalam pengajaran kelas tarannum. Oleh itu, guru-guru tarannum perlu menjalani latihan dan kursus secara berterusan ke arah pemantapan dalam pengajaran tarannum.

Di samping itu, kajian yang dijalankan menunjukkan juga kelas Tarannum mempunyai potensi yang tinggi untuk dipelajari pada masa akan datang kerana peratusan menunjukkan pelajar mempunyai kesungguhan dan minat untuk mendalami ilmu Tarannum. Ilmu Tarannum adalah satu ilmu yang eksklusif kerana pelajar yang dipilih terdiri daripada pelajar yang pernah mewakili sekolah dalam tilawah al-Quran dan ada yang pernah menjadi juara atau naib juara. Kajian tersebut membincangkan aspek pelaksanaan kelas pengajian tarannum di dalam kelas secara eksklusif dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah menengah tanpa menfokuskan aspek pengajian qari-qari negeri Terengganu.

Sebuah artikel jurnal bertajuk *Challenges Faced By Teachers in Teaching Qur'anic Tarannum* hasil kajian Maimun Aqsha Lubis, Yulizar Bila, Rosseni Din, Hamdan, Maslawati Mohamad, dan Sabariah Sulaiman dari Fakulti Pendidikan,

Bangi.⁵⁶ Mereka membuat kajian di dua buah Sekolah Agama di Padang, Sumatera Barat, Indonesia. Kajian mereka berbentuk kuantitatif dan data dikutip melibatkan 100 orang guru. Masalah yang dihadapi oleh pelajar yang tidak dapat mempersembahkan Tarannum dengan baik berpunca daripada guru yang kurang mahir dengan keupayaan pedagogi secara umum. Selain itu, mereka tidak mempunyai ilmu, kepakaran, pengalaman, dan kurang latihan dalam mengajar tarannum al-Quran.

Artikel ini berpendapat golongan salaf muslim dan ilmu kalam membaca Quran bertarannum adalah sunnah. Skor Purata begitu tinggi iaitu mencapai 2.12 menunjukkan masalah yang dihadapi begitu serius. Kajian ini juga memfokuskan kepada permasalahan yang dihadapi dalam pengajian tarannum di peringkat sekolah manakala kajian yang akan dijalankan ini melibatkan pengajian qari-qari di negeri Terengganu.

Konsep Pemikiran Dalam Pendidikan

Konsep pemikiran al-Qabisi terhadap pendidikan terkenal dengan memfokuskan corak pendidikan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Karya masyhur beliau berkaitan dengan pendidikan berjudul *Al-Risālah al-Mufaṣṣalah li Aḥwāl al-Muta'allimīn Wa Aḥkām al-Mu'allimīn Wa al-Muta'allimīn*. Penekanan yang diberikan kepada anak-anak sebagai pendidikan awal ialah pemahaman tentang solat, pengajian al-Quran dan ilmu agama yang berkaitan dengan fardhu ain dan fardhu kifayah. Anak-anak sedari kecil disarankan mengenali al-Quran, membaca dan menghafaz seawal usia tujuh tahun. Kuttab dibina sebagai tempat pengajaran al-Quran.⁵⁷ Berkait dengan pembinaan kuttab ini, Hajjah Rogayah dibesarkan dalam suasana pengajian al-Quran semenjak dari kecil. Ini kerana, bapa dan saudara-mara beliau sendiri mengajar al-Quran kepada penduduk

⁵⁶ Maimun Aqsha Lubis, Yulizar Bila, Rosseni Din dll, (2011) *Challenges Faced By Teachers in Teaching Qur'anic Tarannum*, World Applied Sciences Journal 14 (Special Issue Of Innovation And Pedagogy For Diverse Learners): 40-43, ISSN 1818 -4952 IDOSI Publications.

⁵⁷ Muslim, *Konfigurasi Pemikiran Al-Qabisi Tentang Pendidikan Islam*, <http://ejournal.uin-suska.ac.id/index.php/potensia/article/download/2538/1607>. file:///C:/Users/User/Downloads/2538-5630-1-SM.pdf paparan pada 8 Mei 2017.

kampung di tempat yang seumpama kuttab ini. Justeru itu, Hajjah Rogayah hidup dalam suasana al-Quran dan dikelilingi dengan alunan al-Quran sejak dari usia kanak-kanak.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian lapangan kualitatif. Beberapa metod digunakan seperti:

1. Metod Historis: Untuk mengkaji tentang perkembangan kedatangan ilmu tarannum di Malaysia khususnya di Terengganu bermula dari peringkat awal kedatangan Islam di Malaysia. Metod historis dijalankan dengan meneliti bahan-bahan bacaan dalam bentuk buku, artikel jurnal dan bahan dari arkib. Selain itu, dapat diketahui faktor perkembangan tarannum di negeri Terengganu.

2. Metod Dokumentasi : Untuk mencari, mengumpul, menganalisis dan menilai keabsahan dokumen yang berkaitan dengan subjek kajian seperti buku, jurnal, kertas-kerja, artikel, dan tesis. Selain itu pendokumentasian melalui jabatan agama di negeri Terengganu untuk menganalisis tentang pengajian ilmu Tarannum di Terengganu melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di Negeri Terengganu, Yayasan Islam Terengganu, dan Institut Al-Quran Negeri Terengganu. Di samping itu, untuk mengkaji biodata Hajjah Rogayah Sulong, sejarah kehidupan dan sumbangan beliau kepada kerajaan negeri Terengganu.

3. Metod Temubual atau wawancara: Untuk menemubual beberapa responden yang berkaitan seperti: i. Hajjah Rogayah Sulong ii. Anak murid Hajjah Rogayah iii. Adik-beradik Hajjah Rogayah dan sanak saudara iv. Menemubual qari-qari negeri Terengganu v. Menemubual pegawai Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu vi. Menemubual Guru-guru Tarannum sekitar Terengganu. Metod ini digunakan untuk memenuhi kajian dalam bab dua dan tiga.

4. Metod observasi: Pengkaji bertindak sebagai pemerhati luar dalam pengkajian ini dengan cara melihat sendiri corak penyampaian Hajjah Rogayah binti Sulong dan keadaan kelas-kelas pengajian tarannum yang dikendalikan oleh beliau sendiri untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang sistem pengajaran yang pernah dijalankan oleh tokoh ini ketika menjadi pelajarnya.

Setelah itu, segala data dan maklumat yang diperlukan dikumpul melalui metod-metod yang dinyatakan, pengolahan dan penganalisan data dijalankan menggunakan kaedah sintesis dalam usaha mengatur data yang sesuai.

5. Metod biografi: Kajian ini juga berbentuk kajian biografi dengan memfokuskan biodata Dato[“] Hajjah Rogayah sebagai salah seorang individu tokoh tarannum dan menghuraikan pengalaman beliau dalam pengajian ilmu tarannum serta metodologi pengajaran beliau yang melibatkan penyelidikan dalam bab empat. Dalam penulisan biografi yang merangkumi biografi Hajjah Rogayah yang diambil melalui penulisan orang lain berdasarkan dokumen dan rekod arkib sebagaimana teori Denzin⁵⁸ atau berbentuk autobiografi iaitu kisah hidup yang ditulis sendiri oleh pengkaji, sejarah hidup dan sejarah lisan. Sebagaimana Othman Lebar menjelaskan penulisan biografi mempunyai akar umbinya dalam pelbagai disiplin ilmu yang berbeza yang boleh dikesan dari perspektif sastera, sejarah, antropologi, psikologi, dan sosiologi serta pandangan pelbagai disiplin daripada pemikiran feminis dan budaya.⁵⁹

Subjek yang ditulis adalah masih hidup, manakala sejarah hidup pula melibatkan penyelidik melaporkan sejarah hidup Dato[“] Hajjah Rogayah dan menggambarkan tema budaya masyarakat, tema personel, dan institusi serta sejarah sosial. Penyelidik mengumpul data melalui temu bual dan perbualan dengan individu tertentu. Sejarah

⁵⁸ Denzin, N.K. and Lincoln, Y.S., (ed), (2000), *Handbook of Qualitative Research*, (2nd, Ed.) Thousands Oaks: Sage.

⁵⁹ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada teori Dan Metode*, (2017), Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, hlm. 106.

lisan pula merupakan pendekatan mengumpulkan pengalaman peribadi individu atau beberapa individu tentang sesuatu peristiwa, sebab-sebab serta kesannya. Maklumat ini dikumpulkan melalui pita rakaman.⁶⁰

i. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah seperti berikut berdasarkan reka bentuk yang diterangkan oleh Othman Lebar⁶¹:

1. Penyelidik memberi tumpuan kepada proses metodologi pengajaran tarannum Dato“Hajjah Rogayah binti Sulong.
2. Penyelidik cuba memahami kehidupan, pengalaman dan struktur dunia Dato“Hajjah Rogayah binti Sulong.
3. Penyelidik merupakan instrumen utama dalam pengumpulan dan penganalisisan data. Data dikumpulkan dan dianalisis melalui instrumen manusia daripada soal-selidik.
4. Penyelidikan melibatkan kerja lapangan. Penyelidik pergi sendiri ke tempat kajian untuk memerhati dan merekodkan perlakuan dalam latar yang sebenar.
5. Penyelidik adalah deskriptif, penyelidik berminat melihat proses, makna dan pemahaman yang diperoleh melalui perkataan atau gambar.
6. Proses penyelidikan adalah induktif, penyelidik membina abstrak, konsep, hipotesis dan teori daripada data yang dikumpulkan.

ii. Konsep Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk ini merupakan perancangan menjalankan kajian. Strategi yang digunakan dalam kajian ini mengandaikan yang pengkaji mengetahui sedikit sahaja tentang Dato“Hajjah Rogayah dan tempat yang akan dikaji. Penyelidik mempunyai idea yang umum

⁶⁰ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada teori Dan Metode*, 106.

⁶¹ Ibid, hlm 65-66.

tentang apa yang hendak dikaji. Matlamat pengkaji adalah cuba memahami dengan lebih mendalam tentang Dato“ Hajjah Rogayah dan dunia tarannum.

Dengan itu, perancangan kajian berkembang apabila pengkaji mula memahami tentang latar, subjek dan lain-lain data melalui penerokaan dan penelitian secara langsung. Penyelidik akan cuba mengelak daripada membina hipotesis yang hendak diuji ataupun soalan yang khusus untuk dijawab, tetapi sebaliknya mencari soalan serta menjana hipotesis. Proses kajian ini sebenarnya yang menstrukturkan penyelidikan dan bukan reka bentuk kajian yang terperinci. Maklumat yang lengkap tentang prosedur kajian dijelaskan secara retrospek yang merupakan naratif tentang apa yang sebenarnya berlaku setelah kajian dijalankan secara sempurna.

Reka bentuk kajian ini adalah fleksibel mengikut andaian dan persoalan kajian. Rekabentuk yang berasaskan andaian-andaian teoritikal mengikut tradisi tertentu. Andaian-andaian umum yang berkaitan dengan makna dan proses yang penting dalam memahami perlakuan manusia berasaskan data yang dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual secara mendalam dan analisis dokumen.⁶²

Penyelidik pergi ke tempat kajian dengan berbekalkan alat mental, kerangka perancangan umum, yang akan megalami pengubahsuaian semasa kajian dijalankan. Oleh itu, keputusan tentang sesuatu tindakan yang diambil dalam melaksanakan kajian mungkin mengubah reka bentuk, dan dibuat sepanjang proses menjalankan kajian.

Analisis data akan dibuat secara intensif pada peringkat yang agak kemudian, dan analisis data sebenarnya merupakan proses yang dijalankan secara berterusan. Oleh itu, keputusan tentang analisis dan reka bentuk kajian dibuat bersama dan serentak. Reka bentuk juga berkembang memandangkan perlunya penyelidik memerhati dan menginterpretasi makna dalam konteks tertentu, sebagaimana, Othman Lebar

⁶² Ibid, hlm 68.

mengambil pandangan Patton bahawa adalah sukar dan tidak sesuai untuk menetapkan strategi kajian sebelum pengumpulan data bermula.⁶³

iii. Persampelan

Kajian ini adalah spesifik-latar iaitu soalan kajian telah dinyatakan tempat kajian yang akan dijalankan kerana kajian ini melibatkan lokasi di negeri Terengganu. Ciri-ciri yang unik tentang latar yang dipilih adalah seperti berikut⁶⁴: 1. Mudah diakses dan dihubungi. 2. Maklumat yang banyak dan kaya dengan tentang pengajian tarannum di Terengganu, maklumat tentang para qari dan qariah di Terengganu, interaksi dan struktur boleh diperoleh dengan mudah. 3. Mudah bagi pengkaji untuk membina hubungan percaya mempercayai dengan partisipan dan 4. Kualiti dan kredibiliti data dapat dipastikan.

Pemilihan latar dan sampel juga adalah berdasarkan keselesaan pengkaji, kebolehan menyesuaikan diri dan melibatkan diri dalam sesetengah peranan semasa pemerhatian dijalankan dan akses kepada pelbagai sub kelompok dan aktiviti. Pengkaji membuat pemerhatian ke atas metodologi pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah dalam pengajaran al-Quran dan tarannum ketika beliau mengajar di masjid Padang Midin, surau Kg Tepoh dan di rumah beliau sendiri.

iv. Persampelan Bertujuan

Dalam kajian ini, pengkaji memilih sampel seramai 25 orang qari dan qariah di negeri Terengganu termasuk Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong. Antara matlamat pengkaji adalah untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji dengan cara memilih kelompok manusia secara teliti dan bertujuan. Pemilihan strategi persampelan ini untuk menghasilkan pemahaman yang paling jelas tentang fenomena

⁶³ Ibid, hlm 69.

⁶⁴ Ibid, hlm 70.

luar biasa yang dikaji dan memperoleh kes-kes yang menarik serta bermakna berdasarkan pandangan Michael Quinn Patton.⁶⁵

Matlamat kajian kualitatif ini adalah untuk memilih individu dan latar yang difikirkan mewakili kepelbagaian pengalaman terhadap fenomena yang menjadi fokus kajian yang melibatkan pengajian tarannum di Terengganu dan metodologi pengajaran Dato“Hajjah Rogayah binti Sulong.

Dalam memperolehi maklumat tentang persampelan, pengkaji cuba untuk mendapatkan maklumat secara umum tentang nama, tempat dan maklumat yang berkaitan dengan sampel dari MAIDAM. Semasa mengumpul maklumat daripada subjek yang pertama dan mula menganalisisnya, pengkaji dapat melihat dimensi yang penting dan ketara tentang fenomena yang dikaji.

Sumber maklumat kedua, pemilihan persampelan variasi maksimum melibatkan para qari dan qariah yang menjadi johan dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu dari tahun 1960 hingga tahun 2013 yang terdiri daripada individu-individu yang mewakili perbezaan dan kepelbagaian dari segi umur dan jantina. Matlamat kajian ini mewakili kepelbagaian pengalaman terhadap fenomena yang menjadi fokus kajian. Dalam membina sampel, pengkaji juga menggunakan teknik persampelan yang dipanggil „*snowbal*“ di mana seorang partisipan atau satu latar akan memberi petunjuk untuk memilih partisipan atau latar seterusnya.⁶⁶

Selepas mendapat maklumat daripada sumber-sumber yang relevan dalam membina sampel kajian yang sesuai dengan fokus kajian, pengkaji mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berguna untuk membina variasi dan membentuk profil persampelan. Antara pemboleh ubah yang sesuai ialah umur qari. Kebolehan

⁶⁵ Ibid, hlm 71.

⁶⁶ Ibid,hlm72.

menghubungkan maklumat baru dengan pengalaman dan pengetahuan lepas merupakan elemen penting dalam pembelajaran dan umur boleh digunakan sebagai anggaran kasar tentang jumlah pengalaman.⁶⁷

Pemboleh ubah yang kedua yang penting dalam memahami pengalaman qari dalam mempelajari ilmu tarannum ialah pengetahuan kandungan yang spesifik. Di sini juga dipertimbangkan pentingnya pengalaman dan pengetahuan lepas dalam memahami maklumat baru. Manakala pemboleh ubah ketiga ialah jantina untuk mengetahui perbezaan dari aspek penerimaan pengetahuan, pemahaman dan kesepaduan pengetahuan.

v. Saiz Sampel

Pengkaji mengambil pandangan Douglas yang menganggarkan hanya selepas menemubual secara mendalam 25 partisipan barulah beliau mencapai titik ketepuan.⁶⁸

Pengkaji memilih sebanyak 25 sampel yang melibatkan qari dan qariah di negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013. Antara kriteria dalam mengambil keputusan dalam memastikan proses persampelan dan pengumpulan data telah mencukupi adalah seperti berikut: 1.Keterlembahan bahan sumber. 2. Kemunculan keseragaman isu dan 3. Melebihi sempadan kajian.

vi.Kaedah Pengumpulan Data

Beberapa kaedah digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data seperti dokumentasi, data sejarah, temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan pemerhatian Dato“ Hajjah Rogayah dalam pengajaran ilmu tarannum. Ini termasuk dalam Kajian Kes menurut kaedah yang diaplikasikan oleh Gall, Borg dan Gall dalam bukunya bertajuk *Applying Educational Research*.


⁶⁷ Ibid, hlm. 73.

⁶⁸ Ibid, hlm.74.

Selain itu kajian juga dijalankan di Pejabat Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Negeri Terengganu (MAIDAM) bagi mengenalpasti alamat qari-qari Terengganu yang pernah menjadi juara di peringkat negeri. Begitu juga kaedah temu bual tidak berstruktur kepada Imam Besar Negeri Terengganu Tuan Haji Aizi bin Abd Aziz mengenai bahan-bahan berkaitan soalan-soalan hakim, rekod markah peserta tilawah, dan senarai nama hakim yang pernah mengadili Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri. Kajian rintis ini dijalankan bertujuan untuk pembinaan item soal-selidik untuk membina instrumen kajian berkaitan kaedah pengajaran Dato[“] Hajjah Rogayah dan Pembelajaran serta pengajaran qari-qari Terengganu seperti : 1. Penggunaan Tausyih. 2. Bentuk pengajaran dan pembelajaran qari-qari negeri Terengganu.

Kaedah pemerhatian pengajaran Dato[“] Hajjah Rogayah di tempat berikut: 1. Masjid Padang Midin Kuala Terengganu pada hari Rabu. 2. Surau di Tepoh Batu Rakit pada hari Khamis. 3. Rumah Hajjah Rogayah sendiri di Kg Durian Guling hari Jumaat. 4. Masjid Kuala Berang pada hari Ahad.

Kaedah kualitatif adalah berasaskan penetapan strategi di mana pembolehubah dimanipulasikan dalam situasi eksperimen iaitu dengan menggunakan instrumen soalan temubual. Instrumen kajian dibina berdasarkan objektif persolan kajian yang hendak dikaji. Pengkaji akan menyediakan pen, buku nota untuk mencatat pengajaran Dato[“] Hajjah Rogayah dan juga telefon bimbit untuk merekod bacaan tarannum anak murid beliau di hadapan beliau sendiri. Pengumpulan maklumat melalui temubual. Berikut ialah prosedur kajian rintis:



Rajah 0.1.7: Proses Kajian Rintis

Kajian tinjauan dijalankan di tempat-tempat pengajaran Dato[™] Hajjah Rogayah bagi mengenalpasti manhaj pengajaran beliau. Temubual dijalankan secara semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur:

1. Temubual semi-struktur dijalankan secara separa formal. Soalan-soalan temu bual disusun semula semasa sesi temu bual dijalankan mengikut kesesuaian responden dan laras bahasa responden. Ayat soalan temu bual fleksibel dan diubahsuai mengikut situasi. Aras bahasa dalam soalan temu bual diselaraskan dengan keupayaan bahasa responden. Penjelasan soalan juga dilakukan. Soalan juga ditambah dan dikurangkan mengikut keperluan untuk subjek-subjek tertentu.
2. Temu bual tidak berstruktur keseluruhan sesi temu bual jenis ini secara tidak formal dan tiada urutan soalan. Tiada senarai soalan temu bual, hanya mempunyai rangka ringkas mengenai maklumat yang ingin dipungut daripada responden. Penemubual juga menyoal soalan, membuat penjelasan dan mengubah mengikut subjek yang berlainan. Teknik ini dijalankan bertujuan memerhati tingkah laku responden kajian. Pengkaji membuat pemerhatian di tempat pengajaran dan membuat laporan bagi setiap pemerhatian.

Di samping itu, pengkaji melaksanakan sesi temu bual tidak berstruktur ke atas guru dalam kelas selepas setiap sesi pengajaran. Tujuan temu bual ini dijalankan ialah memahami lebih mendalam mengenai perasaan, motivasi guru sebelum, semasa dan

selepas melakukan pengajaran. Temu bual tidak berstruktur ini dapat membantu pengkaji memahami lebih mendalam fenomena di bawah kajian. Temu bual ini juga berfungsi sebagai penjelasan kepada data-data yang dikumpul melalui pemerhatian. Kategori Maklumat: 1. Soalan Demografi 2. Latar Belakang Pendidikan 3. Bilangan Tahun Mengajar. 4. Pengkhususan Al-Quran dan Tarannum. 5. Soalan berkaitan pengajian tarannum di kalangan para qari dan qariah di negeri Terengganu.

Persampelan secara purposif sebanyak 36 orang qari dan qariah sebagai responden iaitu 19 orang qari lelaki dan 17 orang qariah wanita. 12 orang mewakili Daerah Kuala-Terengganu, 5 orang mewakili Besut, 4 orang Hulu Terengganu, 4 orang mewakili daerah Marang, 3 orang mewakili daerah Setiu, 2 orang mewakili daerah Dungun dan 2 orang mewakili daerah Kemaman. Mereka dikenalpasti dari seluruh daerah Terengganu berdasarkan mendapat tempat pertama sekurang-kurangnya di peringkat negeri bagi mengkaji tentang biodata diri, kaedah pembelajaran dan pengajaran tarannum al-Quran.

Sebelas orang daripada informan meninggal dunia. Oleh itu, jumlah keseluruhan informen adalah seramai 25 orang. Jumlah ini menepati tahap ketepuan data dan perolehan maklumat berdasarkan pandangan Douglas yang mana beliau menjelaskan selepas menemu bual 25 orang secara mendalam baru mencapai titik ketepuan. Manakala bagi pandangan Guba dan Lincoln, kajian yang dijalankan dengan teliti, berurutan, boleh dicapai titik ketepuan apabila jumlah partisipan mencapai jumlah dua belas orang dan mungkin tidak lebih daripada dua puluh.⁶⁹

Justifikasi pemilihan para qari dan qariah yang menjadi johan di negeri Terengganu ialah pertama; mereka adalah orang dipilih untuk mewakili negeri ke

⁶⁹ Lincoln, Y., and Guba, E., 1985. *Naturalistic Inquiry*. New York: Sage. Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalalan Kepada Teori Dan Metode*, Cet. 6, Edisi kedua. 2017. Hlm.74-75.

peringkat kebangsaan. Sebagaimana diketahui peringkat kebangsaan adalah peringkat pemilihan untuk mewakili negara di peringkat antarabangsa. Kedua; Mereka telah melalui proses peringkat penyaringan pertama iaitu mewakili daerah untuk ke peringkat negeri Terengganu. Oleh itu, peringkat negeri dikira peringkat separuh akhir bagi mewakili negara ke peringkat antarabangsa.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada qari-qari negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013 yang berjaya menjadi johan dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu. Tahun 1960 dipilih kerana tahun tersebut bermula Majlis Tilawah al-Quran di peringkat Kebangsaan secara rasmi oleh Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Manakala tahun 2013 dipilih kerana tahun tersebut adalah bermula kajian ini dijalankan. Sepanjang tempoh tersebut seramai 36 orang peserta dikenalpasti yang terdiri daripada lelaki dan wanita dari enam buah daerah negeri Terengganu seperti Kuala-Terengganu, Marang, Dungun, Setiu, Besut, dan Kemaman.

Kajian ini juga memfokuskan kepada aspek biodata para qari, mengkaji tentang aspek pengajaran dan pembelajaran qari, dan mengkaji susur-galur guru para qari tersebut. Selain daripada itu, kajian ini juga menemubual dan membuat observasi ke atas Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong bagi menilai manhaj pengajaran beliau dalam tarannum al-Quran.

1.9 Definisi Konsep

Dalam aspek definisi konsep, dua istilah dipilih bagi menjelaskan lagi kajian ini iaitu istilah metodologi dan istilah manhaj.

Metodologi

Metodologi berasal dari perkataan *Metod* dan *logos*. Metod ialah cara yang teratur untuk mencapai maksud tertentu. Metod juga bermaksud cara kerja yang bersistem untuk memudahkan pelaksanaan suatu kegiatan untuk mencapai tujuan yang tertentu. Metod lebih dekat kepada makna manhaj dalam bahasa Arab atau dinamakan *ṭariqat al-tanwīh*, manakala logos bermakna ilmu.⁷⁰

Perkataan metodologi mempunyai makna yang lebih umum daripada perkataan method. Istilah metodologi merangkumi pemahaman dalam konteks organisasi sosial, penggunaan dari sudut falsafah, prinsip etika, isu berkaitan politik daripada keseluruhan penyelidik sosial yang menggunakan jenis-jenis method. Manakala method pula ialah himpunan teknik yang khusus untuk memilih sesuatu kes, ukuran, pemerhatian aspek kehidupan sosial, pengumpulan dan pemulihan data, penganalisan data, dan melaporkan keputusan kajian. Oleh itu perkataan methodologi dan metod mempunyai perbezaan makna.⁷¹ Berdasarkan pandangan Wina Senjaya, metod adalah “*a way of achieving something*”.

Jadi, metod ialah cara yang digunakan untuk mengimplementasikan rencana yang sudah disusun dalam bentuk kegiatan nyata dan praktis untuk mencapai tujuan pembelajaran. Terdapat beberapa metod pembelajaran yang dapat digunakan untuk mengimplementasikan strategi pembelajaran, di antaranya, 1. Ceramah; 2. Demonstrasi; 3. Diskusi; 4. Simulasi; 5. Laboratorium; 6. Pengalaman lapangan; 7. Brainstorming; 8. Debat; 9. Simposium.⁷²

⁷⁰ Hasan Ikhwan, *Metodologi Tafsir*, file:///C:/Users/ACER/Downloads/Metodologi+Tafsir+-Hasan+Ikhwan.pdf paparan pada 17 Mei 2016.

⁷¹ W. Lawrence Neuman, *Social Research Methods, Qualitative And Quantitative Approaches*, (2006). Boston: Pearson Education.hlm 2.

⁷² Akhmad Sudrajat, *Pengertian Pendekatan, Strategi, Metode, Teknik, Taktik, dan Model Pembelajaran* 103.23.244.11/Direktori/FIP/JUR._PEND._LUAR_SEKOLAH/197012101998022-ITP-SARIPAH/Pengertian-Pendekatanxpdf paparan pada 17 Mei 2016.

لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَا

Terjemahan: Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing

Imam al-Suyūti menjelaskan makna „*syir'ah*“ dalam ayat tersebut ialah agama, manakala makna *al-minhāj* ialah *al-tarīq* atau jalan.⁷⁶ Abu Sufian bin al-Harith bin Abdul Muttalib berkata dalam sebuah syair.⁷⁷

وَلَطَنُ أَأَبَّ يَبْظُلُّ مِ الْهَدَىٰ
ثَاءُ لَ الْكَيْبِ نَبِي

Dalam ayat 48, surah al-Māidah, Ibn Kathīr membawa pendapat Ibn „Abbās yang menjelaskan „*syir'ah*“ sebagai „*sabīl*“ iaitu jalan, minhaj pula bermakna sunnah. Pendapat ini sama dengan pendapat para tabi'in iaitu Mujāhid, „Ikrimah, al-Hasan al-Baṣri, Qatādah, al-Ḍaḥḥāk, dan Abi Ishāk al-Sabii“. Al-Syaukāni⁷⁸ menjelaskan perkataan *minhāj* bermakna jalan yang jelas lagi nyata. Beliau membawa kata-kata Abu al-„Abbās Muḥammad Bin Yazid al-Mubarrad iaitu syariat ialah permulaan jalan dan *minhaj* pula ialah jalan yang berterusan. Makna ayat tersebut ialah Allah menjadikan kitab taurat untuk umatnya, kitab injil untuk umatnya, dan al-Quran untuk umatnya.

Setiap umat terdahulu mempunyai kitab samawi yang menjadi panduan dan syariat kepada umat mereka. Setelah itu, dengan turunnya al-Quran, ia memansuhkan segala syariat terdahulu. Lantas menjadi panduan kepada umat selepasnya. Setelah dimansuhkan syariat terdahulu, maka tiada lagi syariat dan manhaj melainkan yang

⁷⁶ Al-Suyūti, Jalāl al-dīn „Abdul Raḥmān, *al-Itqān Fī „Ulūm al-Qurān*, (2005, Kaheerah: Dār al-Ghad al-Jadīd), 2: 48.

⁷⁷ Ibid.

⁷⁸ Al-Syaukāni, Muḥammad Bin „Ali Bin Muḥammad, (2007) *Fath al-Qadīr*, Jil. 2, Kaheerah: Dār al-Hadīth . hlm 65.

dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w sahaja. Oleh itu, umat Islam hendaklah mengikuti syariat dan manhaj yang dibawa oleh Rasulullah.

Muhammad „Ali al-Şābūnī⁷⁹ menjelaskan setiap umat ada syariat yang tersendiri termasuk juga dari aspek jalan yang terang, jelas lagi nyata khusus untuk umat tersebut. Beliau juga membawa pendapat Abu Ḥayyān yang mengatakan umat terdahulu seperti orang Yahudi dan Nasrani ada syariat masing-masing pada hukum hakam, manakala pada aspek iktikad adalah sama bagi semua manusia iaitu dari aspek ketauhidan kepada Allah, beriman dengan rasul dan semua kitab, serta perkara yang berkaitan dengan hari akhirat dan hari pembalasan.

Ibn Kathīr membawa hadith sahih al-Bukhari daripada riwayat Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda : “ *Naḥnu ma'āsyira al-anbiyā' ikhwatun li' ilāt, dīnunā wāḥid*”.. bermaksud: kami sekalian para anbiya“ bersaudara kerana beberapa sebab, agama kami adalah satu”. Oleh itu, tauhid kepada Allah menjadi tunjang kepada para rasul yang diutuskan dan terdapat dalam semua kitab yang diturunkan kepada para nabi. Syariat bagi setiap nabi itu berbeza pada perkara suruhan dan larangan. Terdapat sesuatu perkara menjadi haram dalam satu-satu syariat, kemudian Allah menghalalkan dalam syariat yang lain, begitulah sebaliknya .

Begitu juga aspek keringanan dan keberatan, di sebaliknya tersirat hikmah yang besar hanya Allah mengetahuinya. Antara hikmahnya ialah agar Allah mengetahui siapa di kalangan manusia yang mentaatinya dan siapa yang berbuat maksiat kepadanya serta siapakah yang benar-benar ikhlas.

Ibn Kathīr⁸⁰ membawa pendapat kedua tentang ayat 48, surah al-Maidah. Kata ganti nama kedua atau „*almukhāṭab*“ dalam ayat itu iaitu pada lafaz „*minikum*“,

⁷⁹ Al-Sabuni, Muhammad „Ali, *Şafwah al-Tafāsir*, 1996, jil.1, Beirut: Dār al-Fikr, 319.

⁸⁰ Ibn Kathīr, Ismāil bin Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm*, 1993, Beirut: Al-Maktabah al-„Aşriah: jil.2, 62.

bermakna daripada kamu iaitu dari kalangan umat ini iaitu umat nabi Muhammad s.a.w. Bermaksud setiap umat ini kami jadikan al-Quran daripada kamu, wahai umat sebagai satu syariat dan manhaj. Bermakna al-Quran untuk kamu semua agar kamu dapat mengikutinya. Dihazafkan tanda ḍamīr yang bermakna „ja“ *al-nāhi* bermakna al-Quran, yang memberi makna satu jalan ke arah maqasid yang benar dan sebagai satu jalan yang jelas lagi terang. Pendapat ini diceritakan oleh Ibn Jarīr daripada Mujāhid.

Ibn Kathīr mengatakan pendapat yang benar ialah pendapat yang pertama iaitu semua umat termasuk umat terdahulu iaitu umat para nabi sebelum nabi Muhammad. Ibn Manzūr menyebut syair daripada Yazīd bi al-Khazza al-„Abdi:

وَلْأَطْبَاءِ يَاطْوِينُ - أَبْخُ دُ
 وَجَّأُ بَبِهَ، أَلَى رُعَى

Maknanya:

Sesungguhnya jalan itu menerangimu, dan jelaslah jalan-jalan kemuliaan, dan petunjuk atau hidayah dapat membantu dan menguatkan. Ibn Manzūr membawa hadith daripada al-„Abbās :

يُذَهِّبُ اللَّهُ حَتَّى رَوْمٍ عَلَى طَرِينِ بَخْ، أَى أَضْحَقَةُ خ

Maksudnya: “ Rasulullah tidak wafat sehinggalah dia meninggalkanmu jalan yang jelas lagi terang.

Allah jadikan al-Quran sebaik-baik manhaj kepada manusia. Yusuf al-Qaraḍāwi⁸¹ membawa dalil al-Quran dalam surah al-Nahl ayat 89 yang bermaksud : “ *Dan (ingatlah) pada hari (ketika) Kami bangkitkan pada setiap umat seorang saksi atas mereka dari mereka sendiri, dan kami datangkan engkau (Muhammad) menjadi saksi atas mereka. Dan Kami turunkan Kitab (Al-Quran) kepadamu untuk menjelaskan*

⁸¹ Al-Qaraḍāwi, Yusuf, *Kaifa Nata’amal ma’a al-Qurān al-„Azīm*, 418.

segala sesuatu, sebagai petunjuk, serta rahmat dan khabar gembira bagi orang yang berserah diri (muslim).

Daripada ayat tersebut menjelaskan kepada manusia bahawa Allah menurunkan al-Quran kepada manusia sebagai satu garis panduan bagi menjalani kehidupan di atas muka bumi ini. Di dalamnya terdapat panduan dan cara untuk berhubung dengan alam semesta, diri sendiri, sesama manusia, keluarga, jiran, masyarakat, umat Islam, dan juga dengan non-muslim sama ada kawan atau musuh. Dr. Solāh „Abdul Fattāh al-Khālidi⁸² membahagikan terma manhaj kepada dua sudut:

1. Penggunaan dari sudut *maddi hissi*: yang bermakna jalan yang jelas lagi lurus, yang diketahui oleh manusia, yang membolehkan seseorang menelusuri jalan tersebut dan berjalan di atasnya dengan dua tapak kakinya. 2. Penggunaan dari sudut *maknawi nazari*: yang bermakna satu garis panduan mengikut tema yang tertentu yang telah dilukiskan dengan terperinci, yang membolehkan pengkaji dan pelajar mengetahuinya, dan dia akan berdiri di atas kaedah-kaedah nya dan asas-asasnya dan beriltizam dengannya agar kajiannya menjadi ilmiah, berpaksikan dengan manhaj berlandaskan kepada tema yang benar.

Dr. Solāh⁸³ menyatakan kedua-dua aspek ini saling lengkap melengkapi antara satu sama lain dan tidak bertentangan maksud serta membantu kepada penjelasan makna dan penerangannya. Bagi pendapat beliau, garis panduan ini mempunyai ciri-ciri yang terdiri daripada kaedah, asas, titik tolak, jalan-jalan, uslub, dan pelaksanaan. Ia meliputi yang berbentuk Islami dan tidak Islami. Contohnya, manhaj pengajian Islam, manhaj pengajaran secara umum, manhaj tafsir, manhaj hadith dan fekah dan lain-lain.

⁸² Al-Khālidi, Solah „Abdul Fattāh, *Ta'rif al-Dārisīn Bi Manāhij al-Mufasssirīn*, 2012, cet. Ke-5, Damsyiq: Dār al-Qalam, 16.

⁸³ Ibid.

Melalui pandangan Dr. Şolāh, menunjukkan makna manhaj dari sudut *hissi* dan *maknawi* saling berkaitan antara satu sama lain. Begitu juga, pandangan Ibn Manzūr⁸⁴ dan Ibn Kathīr⁸⁵ dari sudut bahasa menunjukkan manhaj ada kaitan dengan makna berikut *ṭarīq, sabīl, sulūk, sunnah, sirāt*, dan garis panduan.

Dr. Şolah al-Khālidī⁸⁶ memberi pengertian tariqah dari aspek ilmu tafsir. Menurut beliau, *al-ṭarīqah* memberi makna cara atau gaya bagi seseorang mufassir mengikuti jalannya ketika menafsirkan al-Quran dan cara dia bentangkan kitab al-Quran dari aspeknya. Dengan kata lain, pelaksanaan seseorang mufassir terhadap kaedah-kaedah dan asas-asas manhajiah yang mana telah wujud manhajnya yang tersendiri dalam memahami al-Quran. Misalnya, antara *qawāid manhajiah* Imam al-Ṭabari dalam tafsir ialah dengan menyebut kata-kata yang ma'thur daripada sahabat dan para tabiin dalam tafsir yang sampai kepadanya dan berhenti ke atasnya dengan pelbagai sandaran yang diulang. Perkataan ini termasuk dalam perbincangan mengenai manhaj Imam al-Ṭabari dalam tafsir. Lalu dibentangkan dalam isi kandungan pengenalan tentang kaedah-kaedah manhaj beliau di dalamnya, manakala *ṭarīqah* al-Ṭabari pula ialah, pelaksanaan al-Ṭabari bagi kaedah tersebut dengan menyebut contoh-contoh dari tafsirnya. Pengkaji akan menjelaskan bagaimana al-Ṭabari mempraktikkan kaedah manhajiah ini mengikut gaya beliau dalam membentangkan riwayat yang berbeza-beza itu dan mempunyai sandaran atau sanad-sanad yang tersendiri.

Al-sunnah menurut Bahasa Arab ialah *al-ṭarīqah* dan *al-sīrah* yang bererti metod, kebiasaan, perjalanan hidup atau perilaku, baik terpuji mahupun tercela, sebagaimana sabda Nabi s.a.w riwayat Muslim yang bermaksud: “ *Barangsiapa yang*

⁸⁴ Ibn Manzur, *Lisān al-ʿArab* (2003). Qaerah: Dār al-Ḥadīth. Jil.8.hlm. 714.

⁸⁵ Ibn Kathīr, Ismāil bin Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-ʿAzīm*, 1993, Beirut: Al-Maktabah al-ʿAṣriyah: jil.2, 62

⁸⁶ Al-Khālidī, Şolah, Abdul Fattāh, Taʿrīf al-Dārisīn Bi Manāhij al-Mufasssīrīn, 2012, cet. Ke-5, Damsyiq: Dār al-Qalam, 16.

memberi contoh yang baik maka ia mendapat pahalanya dan pahala orang yang mengerjakannya dan barangsiapa yang memberi contoh yang buruk maka ia mendapatkan dosanya dan dosa orang yang mengerjakannya.”

Pengertian sunnah dari aspek ilmu hadith⁸⁷ menurut bahasa ialah sirah atau jalan sama ada baik atau buruk. Menurut istilah ahli hadith pula ialah segala sesuatu yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. yang berupa perkataan, perbuatan, ketetapan, karakter, akhlak, ataupun perilaku, baik sebelum atau sesudah diangkat menjadi Nabi. Dalam perbincangan ini, pengertian sunnah menurut sebahagian ulama sama dengan Hadith.

Menurut ulama usul fiqh pula, sunnah ialah sesuatu yang dinukil dari Nabi s.a.w secara khusus. Ia tidak ada nasnya di dalam al-Quran tetapi dinyatakan oleh Nabi s.a.w dan sekaligus sebagai penjelas bagi al-Quran. Bagi ulama feqah pula, sunnah ialah setiap sesuatu yang tetap atau thabit daripada Rasulullah dan tidak termasuk dalam bab fardhu atau wajib sama ada aspek perkataan, perbuatan, taqrir atau sirah sama ada sebelum nabi diutuskan menjadi rasul atau selepasnya, atau sama ada ia tetap sebagai hukum syar’i atau tidak.

Dari sudut istilah pula, Muḥammad al-Ghazāli⁸⁸ menjelaskan manhaj ialah *maṣdar al-makrifah* atau sumber ilmu pengetahuan. Selain daripada ayat 48 surah al-Maidah, Muḥammad al-Ghazāli turut membawa ayat 153, Surah al-An’ām yang bermaksud: “ *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya, dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari*

⁸⁷ Al-Khatib, Muḥammad, Ajjāj, *Uṣūl Ḥadīth Ulūmuh wa Mustalahuh*, 1989, Beirut: Dār al-Fikr, 17.

⁸⁸ Muḥammad al-Ghazāli, *Kaifa Nata’āmal Ma’a al-Qurān*, 1992, Al-Mansūrah: Ma’had al-’Alami lilfikir al-Islāmi, 16.

jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

Beliau menjelaskan setiap ilmu pengetahuan ada manhajnya, alat-alatnya, teknik-teknik yang khusus untuk memahami dan menyedarinya. Contohnya dalam aspek pendidikan, akhlak, sejarah, politik dan kemasyarakatan. Bagi setiap manhaj pula terdapat ciri-cirinya, syarat-syaratnya, keistimewanya, dan cara untuk sampai kepadanya.

Ahmad Naufal⁸⁹ menukilkan kata-kata Doktor al-Badwi yang mengatakan Aflaton menggunakan perkataan manhaj bermakna mengkaji, meninjau atau pengetahuan. Ahmad Naufal merumuskan manhaj dari aspek *isytiqaq* bahasa Arab bermakna jalan atau manhaj yang membawa kepada matlamat yang ingin dicapai sepanjang menempuhi kepayahan dan kesukaran. Dari aspek ahli mantik pula, manhaj bermaksud satu seni sistematik yang benar bagi rangkaian pemikiran dan idea-idea, sama ada semata-mata mengkaji tentang hakikat atau semata-mata sebagai bukti atau dalil ke atasnya bagi yang selainnya. Ahmad Naufal merumuskan, manhaj terbahagi kepada dua aspek iaitu: 1. Menyingkap sesuatu hakikat kebenaran yang dinamakan manhaj analisis. 2. Aspek penyusunan dan kepengarangan atau dinamakan manhaj al-ta'lif.

Jika ditinjau realiti kini, perkataan manhaj diaplikasikan dalam pelbagai disiplin ilmu agama seperti Manhaj Dakwah, Manhaj al-Quran, Manhaj Nabawi, Manhaj Fekah, Manhaj Tarbawi, Manhaj Akidah, dan Manhaj Tasawwuf. Perkara yang dapat dirumuskan ialah setiap sesuatu pelaksanaan perlu digarisi dengan manhaj agar ia berjalan dengan sempurna dan teratur lebih-lebih lagi dalam disiplin ilmu agama.

⁸⁹ Ahmad Ismail Naufal, *Manāhij al-Baḥṡ wa al-Ta'lif Fi al-Qaṣas al-Qurāni*, 8.

Contohnya dalam aspek dakwah, terdapat manhaj dakwah yang telah digariskan al-Quran.

Menurut Yusuf al-Qaraḍāwi,⁹⁰ terdapat dua manhaj dakwah yang perlu diikuti oleh manusia sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran iaitu: Pertama, hikmah dan kedua pengajaran yang baik. Yusuf Al-Qaraḍāwi membawa dalil ayat al-Quran dalam surah al-Nahl ayat 125:

الْكَلِمَاتِ الْحِكْمِ وَالْعِزَّةِ الْكُبْرَىٰ ۚ وَالْحُكْمَ وَالْوَاسِعَةَ ۚ لَوْ لَمْ يَلْعَنُوا لَكُنَّا لَهُمْ لَدَىٰ الْأَعْيُنِ عَنَةً ۖ قَدْ كَفَرْنَا بِهِ قَدْرًا كَثِيرًا ۚ وَلَقَدْ كَفَرَ يَتِيمًا إِذْ وَكَّلْنَا بِهٖ ذِكْرَ الْوَالِدِ الْكَافِرِ ۚ لَئِنْ لَمْ يَنْهَئِهِ رَبُّنَا لَأَعَدَّتْ الْجَنَّةُ لَهٗ ۖ لَئِنْ لَمْ يَنْهَئِهِ رَبُّنَا لَأَكْبَرَ هٗ ۚ لَئِنْ لَمْ يَنْهَئِهِ رَبُّنَا لَأَفْتَنَ الْيَتِيمَ ۚ لَئِنْ لَمْ يَنْهَئِهِ رَبُّنَا لَأَفْتَنَ الْيَتِيمَ ۚ لَئِنْ لَمْ يَنْهَئِهِ رَبُّنَا لَأَفْتَنَ الْيَتِيمَ ۚ لَئِنْ لَمْ يَنْهَئِهِ رَبُّنَا لَأَفْتَنَ الْيَتِيمَ ۚ

Al-Nahl 16 :125

Terjemahan: “Serulah (manusia) kepada jalan TuhanMu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.”

Dalam aspek akidah pula, manhaj membawa maksud aturan yang diikuti kaum muslimin di dalam memahami, mengamalkan, dan menyebarkan agama. Oleh itu jalan yang benar adalah secara totalnya berdasarkan sunnah Rasulullah s.a.w sebagaimana hadith riwayat Abu Daud, At-Tirmizi, dan Ibnu Majah. Yang bermaksud:

“ Aku wasiatkan kepada kalian untuk bertakwa kepada Allah, patuh dan taat walaupun dipimpin budak Habasyi, kerana siapa yang masih hidup dari kalian, maka akan melihat perselisihan yang banyak. Maka berpegang teguhlah kepada sunnahku dan sunnah para para khulafa” al-rasyidin yang memberi petunjuk, berpegang teguhlah kepadanya dan gigitlah dengan gigi geraham kalian. Waspadalah terhadap perkara-

⁹⁰ Al-Qaraḍāwi, Yusuf, Kaifa Nata’āmal ma’a al-Qurān al-, Azīm, 418.

perkara baru, kerana setiap perkara yang baru adalah bid'ah dan setiap yang bid'ah adalah sesat."

Dr. Mahmud Muhammad Qasim dalam *al-Mu'jam al-Falsafi* menjelaskan 3 makna manhaj: Pertama, langkah-langkah yang dilaksanakan dalam mencapai matlamat tertentu. Kedua, uslub-uslub yang terkenal bagi kita yang digunakan dalam proses penghasilan sesuatu ilmu pengetahuan yang tertentu dengan tajuk tertentu dan ketiga ilmu pengolahan kaedah-kaedah dengan membuat langkah-langkah yang tertentu.

Ahmad Ismail Naufal menjelaskan ciri-ciri manhaj ilmu iaitu berbentuk analisis yang teratur, penyusunan bagi prinsip-prinsip, proses-proses penggunaan akal dan pengalaman yang menghalu kepada kepentingan pengkajian ilmu, atau sesuatu yang dapat dihuraikan dengannya binaan ilmu-ilmu yang khusus. Dr. Kassim dalam bukunya *al-Madkhal ila Mabāhith al-Ilmi* menyebut 4 ciri-ciri manhaj iaitu: *Al-istiqrā'*, *al-istinbāt*, *al-tahlīl* dan *al-tarkīb*. Dr. Ghazi Inayah pula membawa 3 aspek manhaj iaitu: *al-qānūn*, *al-mabda'* dan *al-qāedah* yang menghakimi sesuatu perkara. Ia merupakan percubaan untuk mengkaji secara ilmiah dalam mana-mana bidang. Dr. Solah al-Khālidi menerangkan manhaj adalah satu garis panduan secara ilmiah yang lengkap lagi terperinci yang membuatkan pengkaji memahaminya, lalu dia berada di atas landasannya berdasarkan kaedah-kaedah dan asas-asasnya seterusnya beriltizam dengannya agar menjadi satu kajian yang mempunyai nilai ilmiah mengikut manhaj yang mendalam lagi benar.

Ahmad Ismail Naufal⁹¹ membuat kesimpulan bahawa setiap ilmu itu ada manhajnya yang tersendiri yang bersesuaian dengannya, tersusun, dan teratur secara semulajadi. Beliau membawa contoh Ilmu Kemasyarakatan, manhaj pembelajarannya adalah berkonsepkan pemerhatian suasana, lalu mengkajinya, kemudian

⁹¹ Ibid.

menganalisisnya. Secara umumnya, kajian tentang kemanusiaan ada manhajnya yang tersendiri meskipun mengambil sumber daripada pelbagai ilmu dan manhaj-manhaj yang tersendiri, dan ia mempunyai imej yang tersendiri dan manhaj yang tersendiri. Berbeza dengan ilmu Matematik, ilmu mantik dan ilmu falsafah yang menggunakan manhaj tajribi. Ilmu-ilmu ini menggunakan teori-teori yang telah ditetapkan, begitu juga ilmu geologi, kimia, biologi dan fizik.

Ahmad Ismail Naufal menegaskan Al-Quran mempunyai manhaj yang khusus dari aspek pengajaran, tafsir dan analisis. Tidak harus bagi seseorang mengadilinya dan membandingkan dengan timbangan akal manusia.

Dr. Solah „Abdul Fattāh al-Khālidi⁹² membezakan antara makna manhaj dan *al-tarīqah*. Beliau menyatakan kebanyakan pengkaji dan pelajar tidak dapat membezakan antara maksud manhaj dan jalan serta mencampuradukkan kedua-duanya. Ketidajelasan dalam memahami maksud manhaj memberi kesan kepada kajian pelajar-pelajar. Kekaburan fahaman ini membuatkan kajian menjadi tidak jelas, tidak terbatas, kajian tersebut tidak memperkenalkan orang yang mereka cakapkan, dan juga menjadikan kajian tersebut tidak memperkenalkan manhaj yang dibentangkan.

Pengajaran yang dapat difahami daripada ulasan Dr. Solah ialah apabila seseorang pengkaji ingin mengkaji tentang seseorang tokoh, dia perlu memahami dengan jelas tentang latar belakang tokoh tersebut. Penguasaan tentang keperibadian tokoh tersebut dan segala maklumat berkaitan dengan tokoh dapat membantu memahami manhaj ilmu seseorang tokoh. Dr. Solah membuat perbandingan antara istilah manhaj dan *tarīqah* dengan pembinaan sebuah bangunan. Manhaj diibaratkan sebagai seorang jurulukis pelan yang terperinci melukis spesifikasi yang dikehendaki,

⁹² Al-Khālidi, Solah „Abdul Fattāh, *Ta’rif al-Dārisīn Bi Manāhij al-Mufasssirīn*, 20.

manakala *ṭarīqah* pula ialah seorang jurutera yang hendak membina bangunan tersebut berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh jurupelan tersebut.

Menurut Ahmad Ismail Naufal, permasalahan pada manhaj ialah permasalahan pemahaman dan ilmu pengetahuan pada rangka. Bagi pendapat beliau, syarat terbinanya ilmu dan perkembangannya adalah kewujudan jalan yang betul yang berada di bawah lipatnya pelbagai perkara realiti kebenaran dan persamaan yang banyak yang berada di merata tempat. Ketiadaan sesuatu ilmu pengetahuan itu terjadi disebabkan kelewatan manhajnya, dengan kata lain disebabkan beberapa faktor seperti tiada manhaj tertentu, dan tidak jelas. Maka akan terjadi setiap orang alim tentang seninya tidak mendapat garis panduan yang jelas dan sesuatu isu akan menyebabkan wujud masalah yang bertentangan, celaru, keliru dan akan menjadi pincang.

Ahmad Ismail Naufal⁹³ menjelaskan tentang pembahagian manhaj dalam al-Quran kepada tiga aspek iaitu: Pertama, *al-Sardi*: Makna *al-sardi* iaitu hikayat, penceritaan yang bersambungan. Pergantungan kepada riwayat cerita dalam bentuk berkesinambungan dari permulaan sehingga ke penghujung. Kedua, *manhaj al-tahlīli*: Dari aspek masa, ia masih baru. Sedikit bilangannya dalam buku-buku dan agak jarang. Ketiga, *manhaj al-sardi al-tahlīli*. Dalam memahami ciri-ciri kaedah manhaj ialah seperti berikut: 1. Kajian terperinci bagi pengenalan sesuatu ilmu. Mengeluarkan kaedah-kaedah manhajiah yang ditunjukkan oleh seseorang tokoh. Seterusnya, memahami kaedah-kaedah tersebut dan asas-asasnya.

2. Kajian terperinci terhadap ilmu tersebut, meneliti penjelasan kaedah-kaedah pada pengenalannya, dan meneliti juga terhadap kaedah-kaedah yang selainnya yang berkaitan yang disebut oleh tokoh. Contohnya, Manhaj Pengajaran (*Manhaj Ta''lim*) dan Manhaj Pembelajaran (*Manhaj al-Ta''allum*)

⁹³ Op.cit.

BAB 2 : PENGAJIAN TARANNUM AL-QURAN DI TERENGGANU

2.1 Pendahuluan

Pengajian tarannum berkait rapat dengan pengajian al-Quran. Pada peringkat awal kedatangan Islam di nusantara, khususnya di Terengganu, al-Quran diajar di *kuttab*, pondok, dan rumah guru. Guru-guru al-Quran pada peringkat awal kedatangan Islam ke negeri Terengganu memberi penerapan bacaan al-Quran berserta dengan tarannum.¹

Dari aspek penubuhan pusat pengajian Islam dalam Malaysia, didapati pada penghujung abad ke-19 sehingga tahun 1940, Kota Bharu Kelantan telah muncul sebagai pusat pengajian Islam di alam Melayu. Sebab itu pada masa kini, negeri Kelantan digelar sebagai kota „Serambi Mekah“. Selain itu, dalam abad ke 19 dan ke 20, terdapat juga pusat-pusat pengajian Islam dalam bentuk sistem pendidikan pondok yang merata-rata di Tanah Melayu terutama sekali di Kedah, Province Wellesley, Perak dan Terengganu.²

Bagi negeri Terengganu pula, penemuan Batu Bersurat Terengganu juga membuktikan Islam telah dipraktikkan betul-betul di salah sebuah daerah di Malaysia pada abad ke 14. Ini menunjukkan negeri Terengganu pada abad ke 14 Masehi iaitu pada tahun 1303M bersamaan kurun ke 8 Hijrah atau tahun 702 Hijrah menjadi pusat penyebaran Islam di pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Oleh itu, tidak hairan negeri Terengganu sehingga hari ini bergelar “Darul Iman” bererti “Negeri Iman”.³

¹ Aizi Saidi(Imam Besar Negeri Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temubual dengan penulis, 2013.

² Nik Abdul Aziz bin Hj Nik Hassan, “*Islam, Kepimpinan Dan Nilai-nilai Hidup Dalam Masyarakat Malaysia*,” dalam Tamadun Islam Di Malaysia (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980) 92.

³ Wan Hussein Azmi, “ *Islam Di Malaysia: Kedatangan Dan Perkembangan (Abad 7-20M)*,” dalam *Tamadun Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980) 146.

Bab ini membincangkan latarbelakang kedudukan ilmu tarannum di negeri Terengganu. Kajian mendapati terdapat beberapa faktor tambahan yang membawa kepada kewujudan ilmu tarannum di Terengganu.

2.2 Faktor Kewujudan Pengajian Tarannum Di Terengganu

Di negeri Terengganu, terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan penting dan mengekalkan kesinambungan pembelajaran ilmu tarannum di Terengganu. Antara faktor-faktor yang didapati adalah seperti berikut:

2.2.1 Lokasi Yang Menarik Untuk Pedagang Berlabuh

Menurut Shafie Abu Bakar, Terengganu terkenal dengan identiti bercirikan keagamaan. Ciri-ciri keagamaan tersebut terserlah melalui sejarah, kebudayaan, corak pendidikan, dan kehidupan rakyat jelata.¹ Berdasarkan sejarah awal kemasukan ilmu al-Quran ke negeri Terengganu, Mohd Ali Bin Abu Bakar menjelaskan² Terengganu adalah antara negeri terawal menerima kedatangan Islam di Nusantara. Dari aspek lokasi, negeri Terengganu terletak di tempat laluan ahli pedagang dan mempunyai pelabuhan yang cantik dan menarik. Abdullah Munshi yang membuat pelayaran ke Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu pada 4 Mac-April 1838M pernah singgah di Terengganu dan menyatakan bahawa kebanyakan institusi pengajian di Terengganu menggunakan kitab-kitab Arab dan kurang menggunakan kitab-kitab jawi. Bacaan al-Quran penduduknya pula berada di tahap yang agak baik dan begitu juga dengan kemahiran tulisan jawi.³ Abdullah Munshi turut menceritakan tentang Negeri Terengganu⁴:

¹ Shafie Abu Bakar, *Identiti Keagamaan Dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*, PESAKA IV (Kuala Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, 1987).

² Mohd. Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*. 1997. Cet. Ke-2. Kuala-Lumpur: Darul Fikir. 101.

³ Lihat Zakaria Ghazali, *Terengganu Dahulu Dan Sekarang*, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984), h.1.

“ Maka muafakatliah kedua-dua perahu itu hendak singgah sebentar di Terengganu sebab mencari bekal-bekal, maka adalah pukul tujuh pagi masuklah ke Terengganu. Setelah sampai maka turunlah saya sekalian pergi bertemu mata-mata. Maka adalah saya lihat Kuala-Terengganu itu bagus, dan sungainya besar lagi airnya tawar, maka adalah kelihatan dari laut pohon kelapa sahaja maka pantainya semua pasir putih.”

Selain itu, kedudukan negeri Terengganu yang strategik sebagai tempat persinggahan pedagang-pedagang Arab yang berulang-alik antara India dan China.⁵Bukti yang jelas ialah kewujudan Batu Bersurat Terengganu yang dijumpai di Tebing Sungai Tersat, Kuala-Berang, pada tahun 1902 Masihi. Batu Bersurat Terengganu menjadi bukti yang kukuh yang menunjukkan Terengganu mempunyai identiti keislamannya.⁶ Tulisan jawi yang tertera pada Batu Bersurat ini bertarikh 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi. Catatan yang tertera pada batu ini juga menunjukkan sistem pemerintahan dan pendidikan adalah bercorak Islam termasuk pengajian al-Quran. Ini membuktikan juga sebelum tahun tersebut Islam sudah berkembang di Terengganu dan pada tahun 1303 Masihi diisytiharkan perjalanan hukum-hukumnya yang berunsurkan Islam di negeri Terengganu. Pada masa itu, Hulu Terengganu menjadi ibu negeri Terengganu.⁷ Menurut Muhammad Salleh Awang, negeri Terengganu memeluk Islam terlebih dahulu daripada negeri Melaka berdasarkan pernyataan berikut⁸:

“ Terengganu terlebih dahulu memeluk agama Islam daripada negeri Melaka selama lebih sekurun iaitu terdahulu dari tahun 702 Hijrah ((1303M) yang mana seorang pemerintah bergelar Seri Paduka Tuan atau Raja Mandalika memerintah sekalian raja-raja daerah, mengisytiharkan bahawa Islam menjadi agama rasmi negeri ini dan menganutinya.”

⁴ Dato“ Setia Jasa Dato“ Haji Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, cet. Ke-3 1992, (Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu,) 169.

⁵Mohd. Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*. 1997. Cet. Ke-2. Kuala-Lumpur: Darul Fikir. 101.

⁶ Shafie Abu Bakar, “ *Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV (Kuala Terengganu: Muzium Negeri Terengganu, 1987), 8-16.

⁷Ibid.

⁸ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 29.

Pada peringkat awal kedatangan Islam ke Malaysia, ilmu tarannum diajar secara bertalaqqi dengan guru-guru tarannum al-Quran di rumah-rumah imam, lebai, rumah-rumah persendirian, surau-surau, dan masjid-masjid.⁹ Pada peringkat awal tradisi hingga ke hari ini, tempat-tempat sedemikian adalah antara lokasi-lokasi utama berlaku perkembangan ilmu pengajian Islam.¹⁰ Selain daripada ilmu tarannum, anak-anak juga diajar dengan ilmu-ilmu Islam.

2.2.2 Ciri-ciri Pedagang Dari Asia Barat

Terengganu pada masa itu merupakan sebuah negeri yang maju, mempunyai penduduk yang ramai dan mempunyai jaringan pelabuhan yang kuat dan hebat dengan pelabuhan-pelabuhan di tempat-tempat lain seperti di Campa, Jawa, Patani, Pasai, Borneo atau Brunei, dan Jolo, Filipina. Prof. Khoo Kay mengatakan Terengganu pada masa itu sebagai *International Trading Centre*.¹¹

Mohd Yusof Hashim menyatakan pada awal abad ke-20 Terengganu menjadi, “... *a source of wealth*”, iaitu responsi semerta, menurut penyelidikan mutakhir tentang Terengganu, daripada kehadiran tenaga ekonomi dan commercialization, Terengganu menjadi “*international trading centre*”.¹² Pelabuhan-pelabuhan tersebut juga dilawati oleh pedagang-pedagang dari Asia Barat dalam rangka hubungan dengan negeri China sejak abad ke-7. Oleh sebab itu, selain daripada negeri Terengganu, dakwah Islam turut tersebar di tempat-tempat tersebut berdasarkan bukti penerimaan Islam melalui penemuan batu bersurat di tempat-tempat itu. Batu Bersurat ditemui di Phang Rang,

⁹ Noor Najihan binti Jaafar, “*Hukum Tarannum Al-Quran: Satu Analisis*,” Jurnal Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 15 (2011).

¹⁰ Shafie Abu Bakar, “*Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV, 8-16.

¹¹ Ibid.

¹² Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, (Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 100.

Campa pada tahun 1039M, di Gresik, Jawa pada tahun 1082, di Patani pada tahun 1150, dan di Jolo, Filipina pada tahun 1310. Menurut Shafie Abu Bakar, ini jelas membuktikan bahawa pengislaman di kawasan-kawasan itu dalam gelombang yang sama. Di samping itu juga, tempat-tempat tersebut merupakan tempat persinggahan utama dan penting pada zaman itu.¹³ Menurut Muhammad Salleh Awang, pedagang Arab mengembangkan agama Islam di negeri China pada kurun ke tujuh pernah tiba di Pantai Timur Sumatera terlebih dahulu daripada Marco Polo dalam tahun 1292M atau pedagang-pedagang India keturunan Arab dan kemungkinan besar dari Perlak atau Pasai.

Islam berkembang di Terengganu dengan aman dan perkembangan ini adalah selari dengan perkembangan Islam di Sumatera, Champa, dan Gugusan Pulau-pulau Melayu amnya.¹⁴ Muhammad Saleh Awang memetik pandangan Dr. Hamka dalam karya beliau berjudul *Sejarah Umat Islam* bahawa alat perhubungan pada kurun ke 14 Masihi ialah kapal layar. Pantai Malabar menjadi tempat persinggahan besar daripada kapal-kapal Arab yang berlayar berniaga ke sebelah timur pada masa itu.¹⁵ Orang Arab yang giat melakukan pelayaran dan perniagaan terdiri dari Oman, Hadramaut, Shamar dan Bahrein.¹⁶ Perniagaan dan pengembaraan ke Timur telah sangat subur di zaman Bani Umaiyah dan lebih subur di zaman Bani Abbasiah. Menurut Misbaha dan Hamka tentang pedagang-pedagang Arab¹⁷:

“ Mereka telah mendirikan koloni dan perkampungan di Pantai Malabar dan sampai kepada zaman sekarang ini, golongan mereka itu, yang di sana dinamai orang kaum “Mepalla” diakui sebagai turunan Arab dan mereka teguh memegang mazhab Syafi’i sebab mazhab Syafi’i telah tumbuh dengan suburnya di pantai sebelah Utara Tanah Arab itu sejak abad-abadnya yang pertama.”

¹³Shafie Abu Bakar, “ *Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV, 8-16.

¹⁴ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 31.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 31.

Al-Mas'udi¹⁸ yang singgah di sana pada awal abad kesepuluh atau tahun 916M mendapati tidak kurang daripada 10,000 orang Arab yang berasal dari Siraf, Oman, Basrah dan Baghdad. Ada yang dari keturunan Arab kerana mereka berkahwin dengan perempuan bumiputera. Mereka terus berhubung dengan tanah asalnya dan mengembara pula berniaga ke sebelah timur.¹⁹

Menurut pandangan tentang kemasukan Islam di Terengganu berdasarkan catatan Muhammad Saleh Awang adalah melalui pedagang Arab atau pendakwah dari Pasai dan Islam bertapak awal di Kelantan. Kemungkinan besar, kemasukan agama Islam ke Terengganu menerusi pendakwah daripada Pasai sama ada dari keturunan orang Arab atau orang Pasai sendiri kerana perhubungan rapat Terengganu dengan Pasai di zaman lampau. Buktinya ialah kewujudan batu nisan Aceh di kubur Tuk Raja Ri di Kuala Por dan makam Syarif Muhammad al-Baghdadi di tebing Pantai Sheikh di Kampung Jenagor.²⁰

Selain itu, terdapat pandangan yang menyatakan Islam bertapak kuat di Negeri Kelantan di abad 12M. Buktinya ialah terdapat sekeping dinar emas yang dijumpai di Kelantan dalam tahun 1914M. Menurut penulis sejarah Kelantan, dinar emas itu mengandungi tulisan Arab. Pada muka pertama diukir perkataan *al-Mutawakkil* (مُتَوَكِّلٌ) iaitu gelaran raja yang memerintah dan pada muka dua diukir perkataan *al-julus* (جُلُوسٌ)

¹⁸ Nama sebenar al-Mas'udi ialah Hafiz Hasan al-Mas'udi. Nama penuh beliau ialah Abu al-Hassan Ali bin Husayn bin Ali al-Mas'udi atau Abu Hassan Ali bin al-Hasyn bin Abdullah al-Mas'udi. Beliau dilahirkan di Baghdad, Iraq menjelang akhir abad ke-9M. Beliau dilaporkan meninggal dunia di Fustat, Mesir pada tahun 345H/1956M. Beliau berketurunan Arab iaitu keturunan Abdullah bin Mas'ud seorang sahabat Nabi Muhammad s.a.w yang dihormati. Hafiz Hasan al-Mas'udi mendapat pendidikan secara langsung daripada orang tuanya. Setelah dewasa, rancangan pertama yang dicadangkan ialah beralih kepada bidang sejarah dan adat istiadat serta cara setiap negeri. Beliau mempunyai cita-cita yang tinggi. Atas dasar ingin menjalankan penyelidikan menyebabkan beliau menceburi bidang pelayaran ke seluruh pelosok dunia. (Dian Dinarni, Nim.09410008 (2013) Studi Komparasi Kitab Taisir al_khallaq Karya Hafiz Hassan al-Mas'udi Dan Kitab Wasaya al-Aba' Li al-Abna' Karya Muhammad Syakir al-Iskandari (Studi Analisis Nila-nilai Pendidikan Akhlak) Skripsi Thesis. UIN Sunan Kalijaga. Halaman 30.)

¹⁹Ibid.

²⁰ Ibid.

) yang diertikan menurut istilah bahasa Arab “ *Naik singgahsana Kelantan tahun 577H*” bersamaan tahun 1181M. Oleh itu, Kemajuan Islam di Kelantan yang berjiran dengan negeri Terengganu ini tentu sekali memberi kesan besar bagi kemajuan dan perkembangan Islam di Terengganu.²¹

Pedagang Arab memilih negeri Terengganu sebagai tempat persinggahan kerana Terengganu mempunyai lokasi yang strategik. Pedagang Arab yang datang dari Semenanjung Tanah Arab terdiri daripada golongan intelektual dan cendekiawan. Selain daripada berniaga, mereka juga menyampaikan agama Islam dan mengajarkan al-Quran. Di samping itu mereka turut menubuhkan pondok-pondok agama sebagai tempat penyebaran ilmu.

Dari aspek kemasukan ilmu tarannum al-Quran ke Malaysia seiring dengan kedatangan al-Quran melalui pedagang-pedagang Arab ke Malaysia. Pengajian tarannum dengan al-Quran disebarkan oleh pedagang-pedagang Islam dari Negara Arab ke bumi Melayu atau nusantara bermula pada kurun pertama Hijrah iaitu kurun ke 7 masihi atau 648 Masihi semasa pemerintahan khalifah-khalifah Bani Umayyah berkuasa di Negara Arab.²² Ini membuktikan bahawa pedagang Arab yang datang ke Terengganu terdiri dari qari al-Quran dan mereka membawa aliran tarannum *Hijazi*.

2.2.3 Dokongan Istana

Menurut Muhammad Saleh bin Awang, Raja Mandalika juga digelar Paduka Tuhan atau Paduka Tuan berasal dari keturunan Megat atau Telanai.²³ Menurut Muhammad Saleh Awang, terdapat beberapa pandangan tentang pemerintahan awal negeri Terengganu. Pendapat pertama mengatakan Terengganu pernah diperintah oleh Megat.

²¹ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 32.

²² Impilikasi Ketokohan Qari-qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu Tinjauan. <https://ejournalfp.files.wordpress.com/2015/02/impilikasi-ketokohan-qari-qari-tanah-melayu-terhadap-kewujudan-program-tarannum-di-malaysia.pdf> paparan pada 23 Jun 2016.

²³ Ibid.

Kemudian, Terengganu diperintah oleh *oleh Laksamana Hang Tuah dengan tujuan hendak merampas tunangnya untuk dipersembahkan* Telanai. Akhirnya, negeri Terengganu diperintahkan oleh golongan kesultanan dari Johor.²⁴ Menurut Muhammad Saleh Awang:²⁵

“ Ada cerita yang menyatakan bahawa keturunan Pemerintahan Terengganu di zaman dahulu setakat yang diketahui dengan sedikit terang ialah dari keturunan Megat dan seorang daripada anak raja itu bernama Megat Panji Alam telah dibunuh kepada Sultan Melaka dan Megat Kembar Ali (saudara Megat Panji Alam) juga telah dibunuh di dalam peristiwa tersebut oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi.”

Tunang Megat Panji Alam yang dimaksudkan bernama Tun Teja. Tun Teja adalah anak Bendahara Pahang. Tun Teja menjadi rebutan kerana mempunyai paras rupa yang cantik. Menurut buku Sejarah Alam Melayu karangan Buyong bin Adil, semasa itu Sultan Pahang bernama Sultan Ahmad Shah iaitu Sultan Pahang Yang Kedua adalah putera Sultan Mansur Shah Melaka yang dilantik menjadi Raja pada tahun 1475M.²⁶ Peristiwa Hang Tuah menikam Megat Panji Alam turut terdapat dalam Hikayat Hang Tuah terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka tahun 1968 muka surat 218 hingga 222. Selain itu, dari aspek kepimpinan, golongan pemerintah di Terengganu pada masa itu memainkan peranan penting dalam penyebaran al-Quran dan ilmu-ilmu agama yang lain. Antara faktor-faktornya ialah: 1. Pemerintah menitikberatkan hal-hal berkaitan agama. 2. Pemerintah dari keturunan ulama. 3. Pemerintah berdamping dengan ulama dan bersikap pro-aktif menjalankan aktiviti-aktiviti agama. 4. Pemerintah berkahwin dengan keturunan ulama.

Menurut Mohd Yusof Hashim, ulama mendapat tempat dalam tradisi pemerintahan Terengganu. Dengan panggilannya yang berbagai-bagai seperti Sayyid, Sheikh, Syariff, Ungku dan Tunku, mereka mudah dibezakan daripada kalangan

²⁴ Ibid.

²⁵ Ibid.

²⁹ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 19.

anggota masyarakat yang lain. Panggilan tersebut khusus diberikan kepada golongan ulama.

2.2.4 Ulama Menganggotai Jemaah Pangkuan Negeri

Ulama-ulama yang dilantik dalam kekuasaan ada yang menjadi penasihat dalam hal agama kepada sultan. Mereka juga menjadi guru dan sahabat baginda. Keanggotaan beberapa orang ulama dalam barisan jemaah yang dinamakan Jemaah Pangkuan Negeri menjadikan suatu tradisi yang mereka merupakan tenaga kuat dari segi pengaruh dan perlantikan seseorang raja yang baru.²⁷ Ini menunjukkan golongan ulama bergabung dengan pemimpin dalam pelaksanaan sesuatu keputusan dan diberi kedudukan dan tempat yang tinggi di sisi Sultan.

Golongan pemimpin menitikberatkan masyarakat mempelajari ilmu-ilmu agama. Institusi kesultanan diraja sendiri sentiasa berdamping dengan ulama dan sentiasa dahagakan ilmu agama serta menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan berkait dengan pemahaman al-Quran dan penyebaran ilmu agama yang lain sejak dari pemerintahan Sultan Zainal Abidin I lagi.

Zaman kesultanan Terengganu bermula dengan Sultan Zainal Abidin I iaitu dari tahun 1726M hingga 1733M.²⁸ Baginda bernama Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja. Pemerintahan Negeri Terengganu bermula daripada jajahan takluk baginda sehingga sekarang. Sultan Zainal Abidin I dilahirkan di Johor pada tahun 1677M. Baginda berasal dari keturunan Sultan Johor.²⁹ Datuk Paduka negeri Johor membawa Sultan Zainal Abidin semasa baginda masih kecil dari Johor belayar menuju ke Terengganu. Datuk Paduka adalah bapa angkat kepada Sultan Zainal Abidin. Datuk Paduka difitnah oleh pembesar-pembesar yang iri hati dengan beliau semasa

²⁷ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 99-104.

²⁸ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 95.

²⁹ Ibid.

pemerintahan Sultan Abdul Jalil III iaitu kekanda kepada Sultan Zainal Abidin I. Akhirnya, Datuk Paduka ditangkap dan dibunuh semasa berada di perairan pantai Terengganu, Manakala Sultan Zainal Abidin dibawa ke Pattani dan diselamatkan dan dijaga oleh Raja Perempuan Nang Chayang dan dijaga oleh beliau setelah mendapati bahawa Sultan Zainal Abidin dari keturunan Sultan. Setelah itu, Sultan Abdul Jalil berkahwin dengan dengan Raja Perempuan Nang Chayang dan sultan menghadiahkan kepada beliau negeri Terengganu. Setelah itu Nang Chayang menabalkan Sultan Zainal Abidin menjadi sultan Terengganu. Sultan Zainal Abidin I ditabalkan menjadi Raja Negeri Terengganu di Tanjung Baharu, Kuala Berang.³⁰ Menurut Muhammad Saleh Awang, baginda berasal dari keturunan Sultan Johor, sebagaimana Muhammad Saleh mencatat dalam buku beliau:³¹

“ Baginda adalah seorang Putera Tun Habib Abdul Majid Bendahara Seri Maharaja atau Bendahara Padang Saujana, Bendahara Johor yang ke-19 anak kepada Sultan Muhammad anak kepada Sultan Abdul Rahman anak kepada Sultan Sulaiman Johor. (Mengikut satu sumber lain Bendahara Tun Habib Abdul Majid ialah anak kepada Tun Mat Ali Bendahara ke V Johor yang berkemungkinan beliau juga dikatakan Sultan Muhammad yang mangkat di Kota Tauhid Johor (dilantik menjadi Bendahara kira-kira tahun 1688M) ”

Pada zaman Sultan Ahmad II pula, baginda turut memandang tinggi ulama. Baginda turut melantik mereka memegang jawatan penting dalam institusi pemerintahan diraja seperti jawatan Menteri Besar dan ulama diraja. Muhammad Saleh Awang menyatakan :

“ Pada masa permulaan baginda menaiki takhta kerajaan, Menteri Besar Terengganu ialah Saiyed Muhammad Zainal Abidin atau Saiyed Muhammad Zain Al-Idrus (saudara Engku Saiyed Paloh- Saiyed Abdul Rahman). Gelarannya Engku Saiyed Seri Perdana (beliau juga pernah menjadi seorang Menteri besar dalam masa pemerintahan Baginda Sultan Umar). Setelah beliau meninggal dunia dalam tahun 1878, jawatan Menteri Besar itu disandang oleh anaknya Engku Saiyed Abdullah gelarannya Engku Besar Paduka Raja. ”

³⁰ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 97-106.

³¹Ibid.

Selain daripada itu, Sultan Ahmad II turut mengurniakan gelaran Dato“ Sangsura Pahlawan kepada Wan Muhammad Saleh bin Haji Wan Abdul Kadir Bukit Bayas pada 28 Safar 1295 Hijrah, bersamaan 3 Mac 1878 Masehi.³² Begitu juga, seorang ulama bernama Saiyed Muhammad bin Zainal Abidin dikenali dengan nama Tok Ku Tuan Besar diberi gelaran Sheikhul Ulama dan Tuan Besar Paduka Indera sejak pemerintahan baginda Sultan Umar.

Pada zaman Sultan Zainal Abidin III, golongan ulama juga turut memainkan peranan yang penting dalam menganggotai mesyuarat yang penting dan membuat keputusan sesuatu perkara. Menurut Mohd Yusof Hashim, golongan ulama turut menganggotai Jemaah Mesyuarat Negeri. Oleh itu, ulama mempunyai pengaruh dalam permasalahan agama ataupun politik yang secara tidak langsung yang berkaitan dengan nas Islam. Keanggotaan ulama dalam Mesyuarat Kerajaan dinyatakan sebagai contoh, “...serta segala ulama pada Fasal 1 tentang ketua-ketua dan pada Fasal 38 tentang Dijadikan Ahli Mesyuarat Kerajaan dalam Undang-undang Tubuh Terengganu.” Ulama juga turut menuruni tandatangan dalam pengesahan Perlembagaan 1911. Antara ulama yang menganggotai Mesyuarat Kerajaan ialah Sayyid Mustafa Muhammad al-Idrus (Tuan Dalam) dan saudaranya Sayyid Abdul Rahman Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh) yang memegang jawatan *Syeikh al-Ulama*, Haji Wan Mohd Salleh bin Ismail dan Haji Wan Sulaiman bin Daud, kedua-duanya sebagai Hakim dan Haji Wan Mohd Salleh bin Muhammad yang menjadi mufti.³³

2.2.5 Sultan Mengahwini Keturunan Ulama

Salah seorang isteri Sultan Zainal Abidin I adalah anak kepada Tok Pulau Manis atau Sheikh Abdul Malik. Kebarangkalian susur galur keturunan kesultanan Terengganu pada hari ini berasal daripada putera baginda iaitu Sultan Mansur putera kepada anak

³² Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 198.

³³ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 99-104.

Tok Pulau Manis. Sebagaimana Dato Setia Jasa Hj Salleh Awang berkata: “ *Semasa di Pulau Manis (Kuala Terengganu) beristerikan anak perempuan Datuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah).*”³⁴ Sultan Terengganu II ialah Sultan Mansur I (Marhum Janggut) putera kepada Sultan Zainal Abidin I. Ada kemungkinan Sultan Mansur adalah putera kepada isteri baginda Sultan Zainal Abidin I iaitu anak kepada Datuk Pulau Manis. Misbaha mencatat:

“ Setakat yang diketahui, Sultan Zainal Abidin Yang Pertama, mempunyai empat orang putera dengan isterinya Cik Puan Besar dari Patani, dan dua putera dari isteri anak Datuk Pulau Manis ialah Ku Tana (Tanang) Mansur dan Ku Embong tetapi ada cerita menyatakan Ku Tanang Mansur iaitu dari isteri baginda yang berkahwin di Kampong Langgar (boleh jadi dialah anak Datuk Pulau Manis). Menurut cerita, ketika putera bongsunya yang bernama Ku Tana Mansur, dilahirkan ke dunia, Datuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik bin Abdullah seorang alim yang dianggap keramat) mengazan dan qamat bagaimana yang disunatkan oleh agama, serta berdoa memohon diberkati putera itu.”³⁵

Ku Tana Mansur yang dimaksudkan dalam catatan di atas ialah Sultan Mansur I. Kenyataan tentang keturunan sultan yang ada sekarang adalah dari nasab ulama, Mohd Yusof Hashim menjelaskan, perkahwinan antara golongan ulama dengan anggota kerabat nampaknya tidak pernah menjadi tegahan sosial. Sejak abad ke 18 kita mendengar keterangan perkahwinan antara Sultan Zainal Abidin I dengan anak perempuan Syariff Abdul Malik Abdullah, ulama terawal yang diketahui hadir di Terengganu, kemudian membentuk suatu tradisi kenasaban keluarga ulama yang amat berpengaruh, berketurunan Syariff Muhammad bin Abdullah dari Baghdad. Kemudian puteri Sultan yang sama dikatakan berkahwin dengan Sayyid Yasin. Cucu-cucu baginda melalui nasab Tuan Raja Senik (keturunan Gelugor) ialah Sayyid Hussein, Sayyid Abdullah, Sayyid Ali dan Sayyid Muhammad Zain.³⁶ Jika benar pernyataan tersebut, ini menunjukkan bahawa keturunan Sultan yang ada sekarang adalah dari keturunan ulama

³⁴ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 111.

³⁵ Ibid.

³⁶ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 99-104.

iaitu Tok Pulau Manis. Dalam nota kaki buku *Sejarah Darul Iman* mencatatkan tentang perihal Tok Pulau Manis iaitu³⁷:

“Kuburnya sentiasa diziarahi orang, di Kampung Pulau Manis, Serada lebih kurang 17.71 km dari bandar Kuala-Terengganu, hidupnya dianggarkan tahun 1061-1143H (1650-1730), beliau dikatakan penterjemah kitab „Hkam Ibnī Ata“illah yang terkenal dan dikatakan juga beliau ada menyusun beberapa buah kitab atatu risalah, antaranya: Kitab Kifayah, (Risalah kifayah) dan Risalah Nuqil. Beristerikan anak perempuan Tuk Raja Siwa Lila yang datang dari Johor.”

Ayahanda kepada Syeikh Abdul Malek dipanggil Tok Pauh Syeikh Abdullah bin Abdul Qahhar³⁸. Manakala moyang kepada Syeikh Abdul Malek, Tok Pulau Manis ialah Syarif Muhammad al-Baghdadi. Kubur Syeikh Muhammad al-Baghdadi terletak di tebing pantai Syeikh Hulu Terengganu. Syeikh Muhammad al-Baghdadi ialah salah seorang pedagang Arab dari Hadramaut. Dalam nota kaki buku *Sejarah Darul Iman* mencatatkan³⁹:

“Pada abad kelapan bilangan mereka (orang Arab) telah cukup ramai di selatan Cina hingga membolehkan mereka melanggar Kanton (758). Pada abad kesembilan terdapat kumpulan-kumpulan kecil kaum pedagang Islam tinggal di beberapa pelabuhan di sepanjang perjalanan ke Cina, pada abad kesebelas mereka dikatakan sudah berapa lama tinggal di Champa. D.G.E Hall.”

Menurut Mohd Yusof Hashim, hubungan kekerabatan ditentukan oleh faktor tradisi dan faktor perkahwinan. Sejak awal abad ke 18, apabila Sultan Zainal Abidin I menjadi raja di Terengganu, hubungan yang rapat dijalinan antara kalangan kerabat dari Johor-Riau-Lingga dengan negeri-negeri utara menganjur ke Patani. Ramai kalangan bangsawan dan kerabat Terengganu yang secara langsung bernasabkan kerabat Johor-Riau.⁴⁰

³⁷ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 106.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 99-103.

Dari aspek perkahwinan pula, Mohd Yusof Hashim menjelaskan, beberapa orang puteri Sultan Ahmad II yang memerintah antara tahun 1876 hingga 1881, dilaporkan pernah bersuamikan beberapa orang daripada keluarga ulama Terengganu. Contohnya, Tengku Aminah berkahwin dengan Tok Ku Sayyid Mustafa saudara kandung Tok Ku Sayyid Paloh. Tok Ku Sayyid Paloh juga mengahwini Tengku Andak (Endak).⁴¹

2.2.6 Sultan Menitikberatkan Pembelajaran al-Quran

Pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin III dari tahun 1881 hingga 1918, Negeri Terengganu menjadi bertambah maju dan makmur setapak demi setapak dan berlaku perubahan dari aspek kebajikan masyarakat, pelajaran dan kehidupan rakyat jelata ke arah yang lebih baik.⁴² Hajjah Wook mengarang sebuah syair yang menjelaskan perihal Sultan Zainal Abidin III yang mementingkan pengajian al-Quran dan kuat berpegang dengan agama⁴³:

*Adapun nama Sultan Paduka,
Zainal Abidin Yang Ketiga,
Di dalam negeri jadi mastika,
Merintah jajahan takluk belaka,
Rajanya alim lagi jauhari,
Kitab Quran sangat pelajari,
Alimnya tidak lagi terperi,
Termasyhurlah khabar ke sana ke mari,
Salih dan wara" lagi pendita,

Bijak laksana jangan dikata;*

⁴¹ Ibid, 99-104.

⁴² Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 200-299.

⁴³ Ibid, 201.

Masyhurlah khabar di dalam warta,

Di alam Melayu sekelian rata, Perangainya alim tangannya murah,

Sekelian kasih memandang wajah,

Cukup faham ilmu Aribah,

Baginda nan gemar ilmu Falakiah.

Baginda Sultan Zainal Abidin III juga memberi penekanan dalam aspek pengajian al-Quran sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad Salleh bin Awang :⁴⁴

“ Semasa dalam pemerintahannya jarang-jarang kedapatan di Terengganu seseorang yang sudah sampai umurnya yang belum tamat mengaji Quran, dan oleh kerana tulisan jawi itu adalah bersamaan dengan huruf Arab maka seseorang yang telah tamat mengaji Quran sekurang-kurangnya dengan sahaja boleh membaca Melayu (Jawi).

Di samping itu, Sultan Zainal Abidin III mempunyai guru-guru yang ramai di kalangan ulama-ulama yang terkenal di Terengganu pada masa itu. Baginda Sultan Zainal Abidin III sendiri mempunyai kebolehan mengajar. Misbaha menjelaskan dalam bukunya⁴⁵:

“ Baginda sangatlah cenderung belajar agama dari sejak kecil lagi dan menunjukkan minat serta kebolehan-kebolehan luar biasa di dalam bidang pelajaran. Boleh dikatakan kebanyakan ilmu pengetahuan di dalam Bahasa Arab telah dipelajarinya dan semasa hayatnya ada mempunyai seorang guru khas Bahasa Arab yang dikenali dengan nama Habib Umar al-Attas, Guru-guru baginda yang lainnya termasuklah Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin (Tuk Syeikh Duyong), Saiyed Abdul Rahman bin Muhammad (Engku Saiyed Paluh), Haji Wan Muhammad bin Abdullah (anak Tuk Syeikh Duyong), Saiyed Abdullah bin Muhammad, Saiyed Zainal Abidin bin Muhammad, Haji Zainal Kampung Banggul, Haji Wan Muhammad bin Ali Kampung Gedung, Haji Wan Abdul Latif bin Abdullah Losong, Haji Musa Atas Tol, Haji Wan Muhammad Saleh bin Wan Abdul Kadir Bukit Bayas, Saiyed Abdul Rahman Alhaddad dan lain-lain lagi. Di samping itu juga baginda pernah mengajar kitab-kitab agama. Ada banyak kitab-kitab peninggalan baginda, setengah-setengahnya. mana yang sempat disimpan , telah

⁴⁴ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 202.

⁴⁵ Ibid.

diwakafkan oleh puteri-puteri baginda di kutub-khanah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.”

Sultan Zainal Abidin III antara sultan yang paling lama memerintah negeri Terengganu. Pemerintahan baginda adalah selama 36 tahun 11 bulan 6 hari. Sebagai mengenang jasa-jasa baginda, sebuah sekolah agama diberi nama sempena nama baginda iaitu Madrasah al-Sultan Zainal Abidin dan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin.⁴⁶ Kini, kolej tersebut dinaik taraf menjadi salah satu IPTA terkemuka di Malaysia dengan nama Universiti Sultan Zainal Abidin yang terletak di Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu.

Sultan Zainal Abidin III bukan sahaja menjadi penaung agama Islam, tetapi juga bertanggungjawab terhadap perjalanan agama Islam dengan bantuan para ulama negeri. Latar belakang Sultan Zainal Abidin III menjelaskan kepada kita mengapa baginda menjadi seorang pengikut Islam yang warak pada masa baginda.⁴⁷ Keutamaan terhadap agama memberikan peluang pegawai-pegawai agama terlibat sama dalam institusi pentadbiran agama dan mereka digelar sebagai Syeikh ul-ulama, Syeikh ul-Islam, dan mufti. Sementara di peringkat kampung, masjid memainkan peranan penting dan wujud jawatan imam, bilal dan khatib.⁴⁸ Keutuhan agama Islam menjadi tulang belakang kekukuhan politik pemerintah. Hal demikian memang diselaraskan dengan kehendak Fasal 51 Undang-undang Tubuh Negeri yang memperuntukkan Islam sebagai agama negeri. Fakta tersebut menerangkan mengapa undang-undang negeri diasaskan kepada hukum syarak yang dirasionalisasikan dengan hukum adat, sesuai dengan amalan undang-undang negeri Melayu pada zaman tradisional.⁴⁹

⁴⁶ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 218.

⁴⁷ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 100.

⁴⁸ Ibid, 99-100.

⁴⁹ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 99-100.

Semasa pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang bermula pada 16 Disember 1945 hingga 20 September 1979,⁵⁰ Haji Mat Lintar bersama rakan-rakan beliau akan dijemput oleh Sultan Terengganu ke istana pada bulan Ramadhan setiap tahun. Mereka ialah Haji Yusof Kedondong, Haji Mat Sering, Haji Ahmad bin Mat Som Pergau, Hajjah Che Yam, Pasir Mas iaitu ibu kepada Hajjah Faridah Mat Saman, dan Yusof Slow Machang. Pakar-pakar „tukang lagu“ ini, berada di rumah Haji Mat Lintar yang terletak di Kg. Tanjung Kapur. Mereka dijemput oleh Sultan Ismail Nasiruddin Shah untuk mengalunkan ayat suci al-Quran di istana negeri Terengganu.⁵¹ Justeru itu, alunan ayat suci al-Quran bertarannum akan berkumandang di istana Terengganu setiap kali tiba bulan Ramadhan.

Selain daripada itu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah menjadikan masjid Sultan Zainal Abidin atau pada masa dahulu dikenali sebagai Masjid Abidin Kerajaan sebagai pusat penyampaian dakwah. Masjid yang asalnya daripada kayu mula didirikan oleh al-Marhum Sultan Zainal Abidin Kedua pada tahun 1852 Masehi. Kemudian Sultan Umar mendirikan bangunan baru daripada batu. Pada zaman Sultan Zainal Abidin ketiga bangunan ini dibaiki dan dibesarkan seperti keadaan sekarang. Pada zaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah, masjid ini diadakan perubahan besar yang hampir sekali ganda luasnya dari bangunan asal dan siap pada bulan Mei 1972. Masjid ini dijadikan tempat ibadat, tempat belajar agama, tempat-tempat syarahan agama, dan aktiviti-aktiviti dakwah guru-guru agama yang diadakan dari semasa ke semasa secara bertukar-ganti.⁵² Haji Mat Lintar juga dilantik menjadi Imam Besar di masjid ini pada zaman Sultan

⁵⁰ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 413.

⁵¹ Temubual telefon dengan Hajjah Hasnah binti Muhammad (Anak ketiga Haji Mat Lintar, 903, Jln Bachik, Kg. Molek, Masjid Intan Zaharah, Dungun, Terengganu) pada 1 Mac 2015.

⁵² Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 371-373.

Ismail Nasiruddin Shah selain menjadi Qari Istana.⁵³ Masjid ini juga dikenali oleh masyarakat dengan nama Masjid Besar atau Masjid Putih.⁵⁴

Pada zaman awal tradisi di Terengganu, pengajian al-Quran dan bacaan-bacaan yang berkait dengan al-Quran dipelajari oleh penduduk di negeri Terengganu. Penyataan melalui pelayaran Abdullah Munshi ke negeri Pantai Timur pada tahun 1836 pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah I⁵⁵ menjelaskan beliau pernah melihat banyaknya sekolah-sekolah pengajian al-Quran di Terengganu. Abdullah Munshi juga menggambarkan bahawa negeri Terengganu mempunyai kadar celik huruf yang relatifnya pada zaman itu kira-kira 1/5 dari penduduknya pandai membaca.

Kelas pengajian al-Quran telah wujud di Terengganu 200 tahun sebelum kedatangan Abdullah Munshi berdasarkan penerimaan pengajian al-Quran anak-anak Terengganu secara langsung daripada orang Arab yang datang ke negeri tersebut.⁵⁶ Menurut Abdullah Munshi juga, rakyat Terengganu terkenal dengan pembacaan al-Quran yang baik dan penduduknya juga mempunyai kemahiran menulis khat kaligrafi secara elok.⁵⁷ Menurut Shafie Abu Bakar pula, pengajian al-Quran menjadi satu identiti utama yang diajar kepada anak-anak. Pada masa itu, ciri-ciri anak-anak yang berpelajaran adalah anak-anak yang tamat pengajian al-Quran. Orang yang khatam al-Quran dipandang tinggi oleh masyarakat setempat dan begitu juga sebaliknya. Anak muda yang hendak berumahtangga akan memilih dara yang telah khatam al-Quran. Orang yang tidak khatam al-Quran dipandang rendah, seumpama orang yang buta huruf

⁵³ Ahmad Azhar Harun, *Biografi Tokoh-tokoh Pentadbiran Islam Terengganu (Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu) 1911M-2014/1329H-1435H*, 2014, Kuala-Terengganu: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, 167.

⁵⁴ Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 371.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Mohd. Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*. 1997, 102.

⁵⁷ Shafie Abu Bakar, “*Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV, 8-16.

pada zaman ini. Orientasi tersebut masih kekal di sesetengah masyarakat di Terengganu terutama di kampung-kampung.⁵⁸

Dalam proses pengajian al-Quran, anak-anak turut diajar mengenal huruf, membaca dan mengetahui asas hukum-hakam. Pengajian al-Quran dan pembacaan yang berkait dengan upacara-upacara keagamaan dianggap satu pengajian yang formal dan mendapat pengiktirafan oleh masyarakat pada masa itu. Upacara-upacara tersebut adalah seperti berzanji maulud, khatam Quram, perkahwinan, kematian dan kenduri kendara. Seorang imam, pegawai masjid, penghulu, ketua kampung, bomoh dan orang berkedudukan dalam masyarakat adalah dikira orang yang hebat dan dipandang tinggi. Mereka dapat diketengahkan dalam majlis-majlis seperti itu kerana majlis tersebut memerlukan orang yang mahir dan dapat mengambil bahagian dalam bacaan bersifat keagamaan.⁵⁹

Secara umumnya, Shafie Abu Bakar mengkategorikan proses memperluaskan pengaruh Islam dalam masyarakat adalah melalui pengajaran dan pengajian. Proses ini terbahagi kepada lima peringkat iaitu peringkat pertama ialah tahap permulaan penyebaran al-Quran dan penyebaran Islam. Bagi pendapat Datuk Paduka Haji Nik Jaafar, pedagang Arab membaca bertarannum ala *Hijazi* dari Mekah.⁶⁰ Peringkat kedua ialah permulaan lahirnya pengajian pondok. Peringkat ketiga ialah zaman kemunculan ulama-ulama Terengganu. Peringkat keempat ialah perkembangan pengajian pondok di Terengganu dan peringkat kelima ialah pengajian agama berbentuk persekolahan.⁶¹ Menurut Muhammad Saleh Awang, pelajaran Sekolah Arab di Terengganu bermula

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Shafie Abu Bakar, “*Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV, 8-16.

⁶⁰ Temubual dengan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar (Pakar Tarannum Malaysia, Kg Kangkong, Pasir Mas, Kelantan), pada 22 Mac 2015.

⁶¹ Shafie Abu Bakar, “*Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV, 8-16.

dalam tahun 1925 berdasarkan catatan Munsyi Abdullah.⁶² Pelajaran di sekolah Arab Agama di Negeri Terengganu dijalankan di Sekolah Melayu Paya Bunga kemudian berpindah ke Sekolah Melayu Bukit Jambul. Setelah itu, dibina bangunan sendiri yang merupakan Sekolah Arab pertama iaitu Madrasah Sultan Zainal Abidin Al-Arabiah yang disempurnakan pada zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada 13 November 1932. Bangunan ini terletak di Kampung Ladang, Kuala Terengganu yang diasaskan dengan bantuan khairat orang ramai.⁶³ Justeru itu, pengajian secara formal sekolah Arab di Terengganu dengan tunjangan kerajaan negeri bermula.⁶⁴ Menurut Mohd Yusuf Hashim, Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin ini ditubuhkan di Kuala Terengganu, dirasmikan pembukaannya oleh Sultan Sulaiman pada tahun 1933. Guru pertama yang mengasaskan pengajian Arab di situ ialah Syeikh Muhammad Noor Fatani.⁶⁵

Menurut Mohd Yusuf Hashim, pengajian sekolah Arab hanya dapat diteliti melalui perkembangan tradisi sekolah pondok di Terengganu yang mengajar berbagai-bagai cabang ilmu agama Islam sejak abad ke-19 lagi. Antara sekolah pondok persendirian yang dikenali ialah Pondok Tok Kenali, Sungai Rengas, Pondok Haji Abdul Hamid, Nerus, Pondok Haji Hussin, Besut antara tahun 1873 hingga 1895, dan Pondok Haji Daud, Besut 1921. Sekolah pondok ini kemudiannya berubah menjadi Sekolah Arab seperti Madrasah Ittifakiyah, Jertih, Madrasah Jamiah Diniyah, Tok Jiring, dan Madrasah Mazahir al-Ulum, Kuala-Berang.⁶⁶

Selain daripada itu juga, terdapat faktor kedatangan ilmu tarannum daripada Kelantan.⁶⁷ Pada tahun 1930-an antara guru agama yang aktif menyampaikan

⁶² Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, 171.

⁶³ Ibid, 345.

⁶⁴ Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, 451.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Ibid.

⁶⁷ Temubual dengan Nik Jaafar bin Nik Ismail, (pakar tarannum, di Raudhatul Husna II, Kg. Kangkong, Pasir Mas, Kelantan) pada 22 Mac 2015.

pengajaran al-Quran, tajwid, fasahah dan tarannum di Terengganu ialah Haji Mat Lintar. Selain daripada masjid Abidin, beliau juga aktif mengajar al-Quran dan tarannum di surau berdekatan dengan rumah beliau yang terletak di Kampung Tanjung Kapur, Kuala Terengganu. Surau itu juga dikenali sebagai Surau Haji Mat Lintar. Di situ juga lahirnya ramai qari-qari Terengganu. Haji Mat Lintar juga turut aktif menubuhkan sebuah persatuan yang diasas oleh beliau dengan nama Persatuan Qurra⁶⁸ Terengganu. Ahli-ahlinya terdiri daripada murid-murid yang telah tamat al-Quran bersanad dengan beliau.

Pengajian ilmu tarannum dengan al-Quran menjadi hiburan yang berakar umbi di nusantara terutama pada kurun 10-15 Masihi, iaitu sebelum kedatangan penjajah barat seperti Portugis, Belanda, Inggeris, Siam dan Jepun. Sistem pengajian al-Quran dan ilmu-ilmu agama sebelum kurun ke-20 adalah melalui sistem pendidikan pondok dan surau. Antara pondok yang pernah mengajar seni bacaan al-Quran ialah Madrasah al-Khairiah al-Islamiah Haji Ahmad Tuan Husin. Haji Saidin bin Abdul Rahman, bekas johan qari antarabangsa pada tahun 1968 pernah belajar di pondok tersebut ketika beliau berusia 11 tahun.⁶⁹

Sistem pendidikan di Malaysia sebelum kurun ke 20 adalah berasaskan pondok dan surau. Dalam awal kurun ke-20, pedagang-pedagang Arab yang datang ke Tanah Melayu, bukan sahaja terdiri daripada ahli-ahli perniagaan, tetapi juga tokoh-tokoh agama dan para intelektual. Justeru itu, beberapa sekolah agama atau Arab didirikan di bawah pembiayaan pedagang-pedagang Arab sendiri yang mempunyai semangat keagamaan dan minat. Antara sekolah-sekolah yang diasaskan oleh kaum Arab ini dikelolai oleh rakyat dan mereka bebas mengambil guru-guru dari Tanah Arab untuk

⁶⁸ Temubual dengan ustaz Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Kg. Tanjung Kapur, cucu kepada Haji Mat Lintar) pada 23 Februari 2015.

⁶⁹ Mohamad bin Saari, Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia, (Putrajaya: JAKIM, 2008), 70.

mengajar di sekolah-sekolah tersebut. Sekolah-sekolah tersebut ialah Madrasah al-Junid Singapura, Madrasah al-Mashur, Pulau Pinang, Madrasah al-Attas, Johor dan Madrasah al-Attas, Pahang.⁷⁰

2.2.7. Tenaga Pengajar Yang Mantap

Haji Ahmad bin Mat Som Pergau, Megat Othman Megat Chik, Yusof bin Abdullah dan Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong adalah antara nama yang terkenal dalam pengajaran ilmu tarannum. Haji Mat Lintar aktif mengajar al-Quran, tajwid, fasahah dan tarannum dalam tahun 1960 sehingga tahun 1975. Beliau juga adalah pengasas Persatuan Qurra^o Terengganu. Haji Mat Lintar berasal dari Kelantan. Teman sealiran dengan Haji Mat Lintar ialah Haji Yusof Kedondong dan beliau adalah qari di raja negeri Kelantan sejak berusia 8 tahun.⁷¹

Menurut Datuk Paduka Haji Nik Jaafar, Haji Yusuf Kedondong mempelajari ilmu tarannum daripada Haji Nik Wan bin Tengku Mahmud. Haji Yusuf Kedondong ialah datuk kepada Datuk Paduka Haji Nik Jaafar di sebelah ibu beliau. Ketika berlaku pergaduhan antara raja-raja di Kelantan, Haji Nik Wan lari ke Pattani. Ketika di Pattani, beliau mempelajari ilmu-ilmu agama termasuk ilmu tarannum dengan ulama-ulama di Pattani. Ulama-ulama Pattani ada yang mempelajari ilmu-ilmu agama di Mekah.

Setelah pulang ke Malaysia, Haji Nik Wan mengajar al-Quran dan tarannum kepada masyarakat pada tahun 1800-an. Beliau mengajar di Kampung Kerasak, daerah Bunut Susu, jajahan Pasir Mas Kelantan. Antara anak murid beliau termasuk Haji Yusuf Kedondong. Haji Yusuf Kedondong turut mempelajari ilmu tarannum al-Quran daripada Syeikh Musa, seorang keturunan Arab yang tinggal di Kg. Apa-apa, Pasir Mas,

⁷⁰ Mahayudin Haji Yahaya, "*Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia*," dalam Tamadun Islam Di Malaysia (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980)72.

⁷¹ Temubual dengan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar (Pakar Tarannum Malaysia, Kg Kangkong, Pasir Mas, Kelantan), pada 22 Mac 2015.

Kelantan. Kubur Sheikh Musa dikenali sebagai kubur Sheikh Tok Panjang. Haji Abdul Majid, yang pernah menjadi johan antarabangsa adalah cucu kepada Sheikh Musa. Haji Yusuf Kedondong mengajar tarannum mengikut gabungan antara ala *Hijazi* dan *Misri*. Haji Mat Lintar pernah mempelajari tarannum al-Quran di Mekah dan budaya orang Mekah membaca al-Quran ala *Hijazi*. Berdasarkan suasana dan budaya ala *Hijazi*, suasana yang kering-kontang dan padang pasir. Oleh itu, beliau lebih banyak terpengaruh dengan bacaan ala *Hijazi*. Tetapi selepas perang Jepun pada tahun 1940-an, beliau lebih cenderung kepada tarannum ala *Hijazi*.

Bagi pandangan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar, berbeza dengan orang Mesir, cara bacaan tarannum orang Mesir lebih sopan dan lembut sebagaimana hadis nabi iaitu bacaan secara *qirāah layyinah*. Justeru itu, perubahan tarannum ala *Hijazi* kepada ala *Misri* selepas tahun 1940-an ada mengikut peredaran masa dan penerimaan para qurra⁷² serta bertepatan dengan ciri-ciri yang terdapat dalam dalil al-Quran dan hadith. Menurut beliau, dua kaedah bacaan al-Quran dengan betul ialah: *taḥsīn al-ṣaut* dan *qirāah layyinah*.⁷²

Haji Mat Lintar pernah mengajar al-Quran di Sekolah Menengah Agama Arab Sultan Zainal Abidin Ladang, Kuala-Terengganu. Pelajar-pelajar yang berpotensi untuk diketengahkan untuk membaca al-Quran bertarannum, beliau akan mengajak mereka untuk mempelajari tarannum dengan Haji Ahmad bin Mat Som Pergau yang berada di Kampung Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan. Antara murid tersebut ialah Ustaz Haji Muda bin Ismail.⁷³ Pada masa itu antara tahun 1952 hingga 1957. Haji Mat Lintar aktif mengajar di surau berhampiran dengan rumah beliau. Antara murid yang terkenal ialah Dato⁷³ Hajjah Rogayah binti Sulong dan Haji Megat Othman Bin Megat Chik, qari

⁷² Ibid.

⁷³ Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015 pukul 3.30 petang.

Mohamad Nor bin Mohamad iaitu sepupu kepada Dato⁷⁴ Hajjah Rogayah binti Sulong,⁷⁴ Hajjah Wook binti Hassan⁷⁵ dan Haji Salleh bin Awang.⁷⁶

Selain daripada Haji Mat Lintar, masyarakat Terengganu juga mempelajari tarannum al-Quran daripada Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau pada tahun 1970-an. Haji Ahmad bin Mat Som Pergau juga banyak mendominasi pengajaran tarannum al-Quran di negeri Terengganu. Antara anak murid beliau yang terkenal ialah Ustaz Haji Rashid bin Ali⁷⁷, Ustaz Haji Daud bin Che Man,⁷⁸ Ustaz Haji Mohamad bin Ismail,⁷⁹ Hajjah Siti Mas binti Ismail,⁸⁰ dan Ustaz Haji Muda bin Ismail.⁸¹ Ustaz Haji Daud bin Che Man pernah mendalami ilmu tarannum dengan Haji Mat Som Pergau dari tahun 1963 ketika berusia 20 tahun sehingga tahun 1987. Pada tahun 1963 Ustaz Haji Daud bin Haji Ahmad Som mengajar di Kuala Kerai, Kelantan dan beliau tinggal di rumah Haji Ahmad Som pada tahun 1967 dan 1968.

Pada tahun 1963, Menteri Besar Terengganu pada masa itu iaitu Tuan Ibrahim Azmi meminta Haji Ahmad Som Pergau pulang ke Terengganu dan mengajar masyarakat ilmu tarannum bermula tahun 1963 sehingga 1987. Ustaz Haji Ahmad bin Mat Som Pergau membawa tarannum ala *Misri*. Selain itu, Guru tarannum Arab yang membawa tarannum ala *Misri* ialah Syeikh Taha al-Fashni dan Syeikh Mustafa Kamal.

⁸² Sementara itu, Ustaz Haji Rashid Ali mempelajari tarannum dengan Haji Ahmad bin

⁷⁴ Temubual dengan Dato⁷⁴ Hajjah Rogayah binti Sulong (qariah antarabangsa, Surau Kg Tepoh, Kuala-Terengganu) pada 5 Mac 2015.

⁷⁵ Temubual dengan Hajjah Wook binti Hassan (qariah negeri Terengganu, Kg. Pak Madah, Bukit Payung, Marang, Terengganu) pada 6 Mac 2015.

⁷⁶ Temubual dengan Ustaz Hj. Rashid bin Ali (Guru Tarannum negeri Terengganu, Kg Mengabang Telipot), pada 12 Mac 2015.

⁷⁷ Ibid.

⁷⁸ Temubual dengan Hj. Daud bin Che Man (Qari negeri Terengganu, Kg. Tepoh), pada 16 Mac 2015.

⁷⁹ Temubual dengan Haji Mohamad bin Ismail (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid al-Ikhlis, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu), pada 9 April 2015.


⁸⁰ Temubual dengan Hajjah Siti Mas binti Ismail (qariah negeri Terengganu, Kg. Baru, Kuala-Besut, Terengganu) pada 8 Jun 2015.

⁸¹ Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015 pukul 3.30 petang

⁸² Temubual dengan Ustaz Hj. Rashid bin Ali (Guru Tarannum negeri Terengganu, Kg Mengabang Telipot), pada 12 Mac 2015

Mat Som Pergau selama tujuh tahun, seminggu sekali pada hari Selasa malam Rabu di Surau Pasar, Kg Raja pada tahun 1975.

Setelah itu, anak-anak murid kepada Haji Mat Lintar dan Haji Ahmad bin Mat Som Pergau turut aktif mengajar ilmu tarannum kepada masyarakat termasuk Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong dan Haji Megat Othman bin Megat Chik. Secara kesimpulan mengenai susur galur asal-usul tarannum melalui Haji Mat Lintar adalah seperti berikut adalah seperti gambarajah berikut:



(Sumber: Temubual dengan Nik Jaafar bin Nik Ismail, (pakar tarannum, di Raudhatul Husna II, Kg. Kangkong, Pasir Mas, Kelantan) pada 22 Mac 2015.)

2.2.8. Penubuhan Persatuan Qurra' Terengganu

Persatuan Qurra^o Terengganu turut memainkan peranan penting dalam memasyarakatkan al-Quran dan ilmu tarannum di negeri Terengganu. Berdasarkan latar belakang awal penubuhan Persatuan Qurra^o Terengganu, ia diasaskan oleh Haji Mat Lintar. Persatuan Qurra^o Terengganu ini masih wujud sehingga kini iaitu semasa kajian

ini dijalankan. Ahli-ahli terdiri daripada bekas anak-anak murid Haji Mat Lintar dan berkesinambungan sehingga sekarang. Ahli-ahli terdiri daripada 1000 orang yang pernah belajar al-Quran dan tajwid dengan Haji Mat Lintar dan anak murid kepada Haji Mat Lintar. Oleh itu, pembelajaran al-Quran dan tajwid adalah secara bersanad dan diberikan tauliah bersanad semenjak zaman Haji Mat Lintar sehingga pengajaran ustaz Haji Awang bin Ismail.⁸³ Persatuan Qurra" Terengganu berpusat di Surau Haji Mat Lintar di Kg. Tanjung Kapur, Ladang, bersebelahan dengan rumah Hj. Mat Lintar.⁸⁴ Presiden Persatuan Qurra" Terengganu ialah Cikgu Rahim, bekas Nazir Persekutuan dan beliau menetap di Kuala-Terengganu, manakala Setiausaha Persatuan Qurra" Terengganu pada masa ini ialah Haji Ku Tuan Razak, tinggal di Kg. Losong dan beliau adalah bekas Pengetua Sekolah Sheikh Abdul Malek, Kuala-Terengganu.⁸⁵

Dalam kalangan tokoh-tokoh qari yang menjadi ahli Persatuan Qurra" Terengganu ialah Haji Muda@Jusoh bin Ismail⁸⁶, Haji Ismail bin Embong,⁸⁷ Haji Yusop bin Embong pada tahun 1980-an,⁸⁸ Haji Mohamad Yasin bin Embong⁸⁹, Ayah Long Awang Nobat Sungai Derhaka,⁹⁰ dan Hajjah Rogayah binti Sulong.

2.2.9 Kewujudan Majlis Tilawah al-Quran Anjuran JAKIM

Berdasarkan tinjauan, masyarakat Malaysia secara umum mengenali tarannum al-Quran melalui Musabaqah Membaca Al-Quran pada peringkat awal. Musabaqah ini

⁸³ Temubual melalui pesanan ringkas telefon dengan Ustaz Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Hj. Awang Abbas, cucu Haji Mat Lintar, Kg. Tanjung Kapur), pada 3 Mac 2015.

⁸⁴ Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015 pukul 3.30 petang.

⁸⁵ Temubual melalui pesanan ringkas telefon dengan Ustaz Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Hj. Awang Abbas, cucu Haji Mat Lintar, Kg. Tanjung Kapur), pada 3 Mac 2015.

⁸⁶ Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015 pukul 3.30 petang.

⁸⁷ Temubual dengan Ustaz Haji Ismail bin Embong (Guru Tahsin al-Quran, Kg. Jeram, Manir, Kuala-Terengganu) pada 20 Ogos 2015.

⁸⁸ Temubual dengan Haji Yusop bin Embong (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid Tg Nik Haji, Kg. Batu Buruk, Kuala-Terengganu), pada 17 Ogos 2015.

⁸⁹ Temubual dengan Haji Mohamad Yasin bin Embong (Qari Terengganu, peniaga, Kg. Pasir Panjang, Kuala-Terengganu), pada 20 September 2015.

⁹⁰ Ibid.

mula diadakan pada tahun 1960M/1380H. Antara objektif majlis tersebut adalah untuk menarik perhatian muslimin kepada isi kandungan Al-Quran dan meninggikan mutu bacaan al-Quran di kalangan umat Islam. Musabaqah Membaca al-Quran juga adalah antara projek kegiatan agama yang dijalankan menerusi kementerian untuk menghidupkan syiar Islam.⁹¹ Program musabaqah membaca al-Quran juga memainkan peranan penting dalam melahirkan qari-qari dan qariah-qariah yang terkenal dan pakar dalam bidang tarannum.

Pada 20 Ramadhan 1379H bersamaan 18 Mac 1960, ketika penganjuran Pertandingan Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman berkata: “ *Dengan majlis yang mulia ini, saya berharap akan menjadikan Malaya sebagai pusat dari mana cahaya Islam akan bersinar dan memancar ke lain-lain negara.*”⁹²

2.3 Tempat-tempat Pengajian Tarannum Di Terengganu

Pada masa kajian ini dijalankan, terdapat beberapa tempat dikenalpasti yang menjadi lokasi pengajian ilmu tarannum al-Quran di negeri Terengganu, antaranya adalah seperti berikut:

Maahad Tahsin al-Quran, Pasir Panjang, Kuala Terengganu.⁹³

Maahad ini ditubuhkan pada tahun 2005 dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2006. Nama asal Maahad ini ialah Pondok Mahani. Maahad ini dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Agama dan Adat Istiadat Terengganu (MAIDAM).

⁹¹ Wan Hussein Azmi, “ Islam Di Malaysia: Kedatangan Dan Perkembangan (Abad 7-20M),” dalam Tamadun Islam Di Malaysia (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980)153.

⁹² Mohamad bin Saari, Johan Qari Dan Qariah Malaysia, (Kuala Lumpur: JAKIM, 2007) , Kata Pengantar.

⁹³ Najmiah Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Mohd Yusoff, “ *Pendekatan Dato” Hajjah Rogayah Sulong Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Terengganu,*” dalam Quran Melonjak Transformasi Ummah, ed. Adnan Mohamed Yusoff et al., Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 2013), 506-517.

Pengerusi Maahad ini adalah Dato^o Aziz Yaakub yang pernah menjadi Pengarah Yayasan Islam Terengganu. Setelah bersara, beliau mengambil alih sepenuhnya sebagai pengerusi Maahad ini. Waktu pembelajaran dibahagikan adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Maahad ini dibuka kepada orang awam yang berumur 15 tahun ke atas. Antara objektif penubuhan Maahad ini adalah untuk menyampaikan ilmu agama kepada orang ramai dan mendalami ilmu agama khususnya pengajian al-Quran.

Guru-guru yang mengajar terdiri daripada guru yang berpengalaman, termasuk pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), mantan qari negeri Terengganu dan hakim tilawah negeri Terengganu yang pernah menjadi murid kepada Dato^o Hajjah Rogayah Sulong.⁹⁴ Waktu pembelajaran bermula dari pukul 9.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam. Antara matapelajaran yang diajar di Maahad ini ialah Tasauf, al-Quran Mufrad, Tajwid, Mau^oizah (Bimbingan), Tahsin, Tafsir Al-Quran, dan Tarannum.

Bagi pengajian al-Quran kursus Tahsin dibimbing oleh Ustaz Haji Ismail Embong, mantan qari negeri Terengganu. Peringkat ini adalah peringkat asas tentang tatacara penyebutan huruf, kedudukan huruf dalam rongga mulut dan sebutan makhraj yang betul. Peringkat Tajwid pula ialah peringkat pengajaran yang lebih terperinci dalam mengenali hukum-hukum tajwid dan mad. Kursus ini dibimbing oleh Ustaz Hj. Abd. Rahman Awang. Manakala bagi pengajian Tarannum dibimbing oleh Ustaz Hj. Rashid Ali.⁹⁵

Institut Al-Quran Terengganu (IQT) Padang Midin, Kuala Terengganu.

Nama asal Institut al-Quran Terengganu ialah Maahad Tahfiz al-Quran.⁹⁶ Ia mula ditubuhkan pada 15 April 1984 di Masjid Abidin yang mempunyai pelajar seramai 15

⁹⁴ Temubual dengan Encik Ridzuan, Penolong Pengurus, Maahad Tahsin al-Quran pada 18 Julai 2013, 2 petang.

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ iqt.terengganu.gov.my/index.php/en/pentadbiran/penyelidikan.penerbitan.html tarikh paparan 30 September 2013.

orang dan tenaga pengajar seramai 5 orang. Pengasas dan pengetua pertama ialah Tan Sri Dato" Sheikh Ismail bin Mohamad al-Hafiz dari tahun 1984 sehingga 1993. Beliau dibantu oleh Ustaz Ahsin bin Wijaya, Ustaz Auza bin Omar dan Ustaz Ibrahim bin Tambu. Pada tahun 1986, Maahad Tahfiz al-Quran berpindah ke sebuah bangunan di Kg Pengadang Baru, Kuala Terengganu dengan pertambahan pelajar seramai 30 orang.

Pada 14 Julai 1993, fasa satu dibina yang terdiri daripada kompleks bangunan Maahad Tahfiz al-Quran di Padang Midin. Fasa ini terdiri daripada 2 blok bangunan kuliah, 3 blok asrama, sebuah bangunan perpustakaan, dan sebuah dewan makan. Beberapa buah bangunan tambahan dibina selepas itu seperti surau, sebuah bangunan pentadbiran, dewan dan satu blok asrama.

Pada 2 Januari 2007, Maahad Tahfiz al-Quran ditukar nama kepada Institut al-Quran Terengganu. Bermula tahun 2005, Institut al-Quran Terengganu beroperasi di premis sementara di Kompleks Seri Iman, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan berpindah ke bangunan baru di Kampung Padang Midin, Marang Terengganu pada 1 Januari 2008. Program pengajian yang ditawarkan ialah Program Persijilan Syahadah dan Diploma lepasan SPM serta program pengajian al-Furqan. Setelah beroperasi selama 25 tahun, seramai 721 orang pelajar telah berjaya memperoleh sijil tahfiz dan telah diterima untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian Tinggi dalam dan luar negara seperti UKM, UIA, USIM, al-Azhar dan Morocco.

Objektif penubuhan IQT ialah menawarkan program pengajian al-Quran dan al-Sunnah secara komprehensif, mengintegrasikan ilmu wahyu dengan pelbagai bidang pengajian (*acquired knowledge*) ke arah melahirkan pakar al-Quran dan ilmu Islam. Seterusnya, menjadi pusat ilmiah dan rujukan berteraskan al-quran dan al-sunnah. Visi

IQT ialah menjadi pusat kecemerlangan pengajian al-Quran dengan pelbagai disiplin ilmu secara bersepadu yang terunggul di Malaysia, manakala misi pula ialah meneraju pembentukan syahsiah quraniah. Salah seorang guru tarannum yang pernah mengajar di IQT ialah Ustaz Rashid Ali selama 8 tahun bermula tahun 2006 sehingga tahun 2013.⁹⁷ Selain daripada itu, kursus Tahsin al-Quran bagi peserta tilawah turut diadakan di IQT ini dengan kerjasama MAIDAM negeri Terengganu.

**Kelas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ)⁹⁸ di
Sekolah- sekolah Menengah Kebangsaan Agama.**

Jawatan guru KKQ telah diperuntukkan di dalam senarai perjawatan (B26) tahun 2002 berdasarkan MEMO daripada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia KP(PP)0050/Jld.43(9) bertarikh 8 Mac 2002. Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) adalah merupakan salah satu daripada aktiviti kokurikulum. Berdasarkan pekeliling KP(BPPP)Sulit/03/9JPP/M(87) kelas ini hendaklah dilaksanakan di sekolah – sekolah yang telah ditentukan. Pelaksanaan ini berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pelajaran (JPP) pada tahun 1985. Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) sejak tahun 1986 hingga sekarang.

Syarat-syarat pemilihan pelajar ialah lulus ujian tapisan atau temuduga yang dianjurkan oleh pihak sekolah, mempunyai minat yang mendalam di dalam bidang Al-Quran, pernah mewakili sekolah di dalam Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ), dan baik serta lancar membaca al-Quran. Adalah dicadangkan supaya bilangan murid dalam sebuah kelas tidak melebihi 20 orang. Ini bagi membolehkan guru memberi tumpuan

⁹⁷ Temubual dengan Ustaz Hj. Rashid bin Ali (Guru Tarannum negeri Terengganu, Kg Mengabang Telipot), pada 13 Mac 2015.

⁹⁸ www.slideshare.net/anuarazizi/sorotan-penubuhan-kelas-kemahiran-al-quran by Thariq Ziyad Dec 01,2012 paparan pada 30 September 2013.

kepada tiap-tiap murid secara individu dan latih tubi. Murid hendaklah dipilih dari kalangan mereka yang benar-benar memenuhi ciri-ciri kelayakan memasuki kelas tersebut kerana kandungan sukatan pelajaran dalam mata pelajaran ini adalah tinggi. Guru al-Quran adalah jawatan yang diberi kepada SMKA, SABK dan sekolah menengah harian biasa yang mempunyai KAA.

Guru al-Quran yang dilantik diminta melaksanakan projek-projek khas KKK. Guru tersebut bertanggungjawab melaksanakan projek-projek khas yang berkaitan dengan al-Quran seperti kelas pemulihan, program budaya al-Quran, dan Majlis Tilawah al-Quran (MTQ). Peranan guru al-Quran juga membimbing murid-murid membaca al-Quran, menanam minat murid dan warga sekolah kepada al-Quran sehingga terbentuk masyarakat celik al-Quran. Guru al-Quran juga bertanggungjawab membasmi buta al-Quran di kalangan murid, menjadi tempat rujukan warga sekolah berkaitan al-Quran dan aspek kemahiran al-Quran, mematuhi arahan pengetua sekolah dan menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Bagi pelajar tingkatan satu hingga tiga, sukatan pelajaran terdiri daripada tajwid, hafazan, ulum Quran, Qiraat Sab'ie dan tarannum. Setiap murid yang mengikuti kelas ini layak untuk mendaftar sebagai calon bagi peperiksaan khas yang akan dilaksanakan semasa di tingkatan tiga dan juga tingkatan lima. Peperiksaan dijalankan dalam bentuk lisan dan juga objektif (aneka pilihan) meliputi aspek tafsir, hafazan, tajwid, tarannum, ulum Quran dan Qiraat al-sab'ie. Semua soalan disediakan oleh Jawatankuasa Khas di Kementerian Pelajaran Malaysia. Peperiksaan lisan akan dilaksanakan oleh guru yang mengajar mengikut panduan yang telah ditentukan. Panduan dan format ujian akan dihantar kepada guru berkenaan. Markah yang telah siap akan dihantar kepada kementerian untuk disatukan dengan markah peperiksaan objektif.

Setiap murid yang mengikuti kelas ini adalah layak untuk mendaftar sebagai calon bagi peperiksaan khas yang akan dilaksanakan semasa di tingkatan tiga dan juga tingkatan lima. Murid yang lulus dalam peperiksaan tersebut akan dianugerahkan sijil yang ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Islam yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Khas Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran. Kejayaan mereka ini diiktiraf sebagai menyertai aktiviti kokurikulum Peringkat Kebangsaan dengan memperoleh 17 markah. Peperiksaan objektif dilaksanakan serentak seluruh negara. Skrip jawapan calon akan dihantar kepada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk diperiksa dan diberi markah.

Dari aspek jadual waktu pula, guru yang mengajar di SMKA dan sekolah-sekolah yang mewujudkan kelas KAA sehingga tingkatan lima, wajib mengajar kelas ini selama 15 jam atau 900 minit seminggu iaitu menyamai 22.5 masa mengajar seminggu. Baki dari jumlah masa tersebut iaitu enam hingga lapan masa hendaklah diwujudkan juga kelas-kelas pemulihan al-Quran. Penetapan kelas adalah di luar jadual waktu rasmi sama ada pada waktu pagi bagi pelajar sesi petang dan waktu petang bagi pelajar sesi pagi. Jadual waktu mereka adalah rasmi dan termasuk dalam jadual induk sekolah.

Masjid dan Surau

Para qari dan qariah negeri Terengganu bergiat aktif mengajar al-Quran di masjid-masjid dan surau berdekatan dengan rumah masing-masing. Dato[“]Hajjah Rogayah binti Sulong masih aktif mengajar al-Quran dan tarannum di masjid Padang Midin, Kuala

Terengganu pada setiap hari Rabu, Masjid Kuala-Berang pada setiap hari Ahad dan Surau di kampung Tepoh, Batu-Rakit, Kuala-Terengganu pada setiap hari Khamis⁹⁹.

Begitu juga Hajjah Masnah binti Awang turut aktif mengajar secara khusus tarannum al-Quran di bawah kendalian MAIDAM untuk peserta tarannum dan orang ramai pada setiap hari Sabtu antara pukul 9 hingga 11 pagi di masjid Kg Rawang. Begitu Haji Daud Che Man turut mengajar ilmu tarannum di Masjid Sultan Zainal Abidin atau dikenali oleh penduduk sekitar dengan nama Masjid Ladang pada setiap hari Jumaat sesudah solat Maghrib. Haji Muda bin Ismail masih aktif mengajar tarannum al-Quran di surau berhadapan dengan rumah beliau sendiri di Kg. Seberang Bukit Payung, Marang Terengganu.¹⁰⁰

Selain daripada itu, Haji Muhammad bin Awang Teh turut aktif mengajar al-Quran dan tarannum di Masjid Felda Jerangau, Masjid Bukit Diman, Masjid Kg. Tok Dor, Masjid Dendang, dan Masjid Bukit Besi.¹⁰¹ Begitu juga Haji Ramli Haji Ahmad mengajar di Masjid Bukit Diman, Haji Mohamad Yasin bin Embong di Masjid Kg Pasir Panjang, Haji Yusof bin Embong di Masjid Ladang, Haji Ismail bin Embong di Masjid Pulau Bahagia dan Kg. Jeram, Manir, Kuala-Terengganu, dan Haji Ali@Alias bin Abdul Rahman mengajar di Masjid Bukit Kuang, Dungun, Terengganu.¹⁰² Begitu juga Ustaz Haji Mohamad bin Ismail turut mengajar di Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu.¹⁰³

⁹⁹ Pemerhatian turut serta dan temubual ke atas Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁰⁰ Temubual dengan Haji Muda bin Ismail, (qari negeri Terengganu, Seberang bukit Payung) pada 2 Mac 2015.

¹⁰¹ Temubual dengan Haji Muhammad bin Awang Teh (Qari Negeri Terengganu, Kg. Felda Jerangau, Terengganu) pada 7 Mac 2015.

¹⁰² Ibid.

¹⁰³ Temubual dengan Ustaz Rashid bin Ali (Guru tarannum al-Quran, Kg. Mengabang Telipot) pada 12 Mac 2015.

Rumah Guru Agama

Dato¹⁰⁴ Hajjah Rogayah juga aktif mengajar al-Quran dan tarannum di rumah beliau sendiri mengikut jadual yang telah ditetapkan dan berdasarkan temujanji untuk mempelajari tarannum sama ada siang atau malam.¹⁰⁴ Begitu juga Hajjah Sepiah Mohamad turut mengajar khusus ilmu tarannum kepada anak-anak remaja yang masih belajar di peringkat sekolah menengah. Selain itu, Ustaz Haji Rashid Ali turut aktif mengajar ilmu tarannum kepada masyarakat di rumah beliau sendiri. Ustaz Rashid membahagikan kelas kepada dua bahagian. Sehari dalam seminggu dikhususkan kepada murid perempuan iaitu pada hari Rabu di sebelah malam, manakala sehari seminggu yang lain dikhususkan untuk murid lelaki iaitu pada hari Sabtu.¹⁰⁵

Jadual 2.3 : Senarai Qari dan Qari Yang Menjadi Johan Peringkat Negeri Terengganu

Tahun	Qari	Qariah
1961	Ramli bin Haji Ahmad	Rokiah Binti Daud
1961	Muda bin Jusoh Ismail	Rugayah binti Sulong
1962	Salleh bin Awang	Wook binti Hasan
1963	Muhamad Yusof bin Abdullah	Hajjah Rugayah Sulong
1964	Muhamad Yusof bin Abdullah	Hajjah Rugayah Sulong
1965	Muhamad Yusof bin Abdullah	Hajjah Rugayah Sulong
1966	Mohamad Yasin bin Embong	Hajjah Rugayah Sulong
1966	Engku Ali bin Muhamad	Wook binti Hasan
1967	Encik Muda @Jusoh bin Ismail	Safiah binti Muhamad
1968	Muhamad Noor bin Muhamad	Safiah binti Muhamad
1969	Muhamad Noor bin Muhamad	Nik Maliah binti Ismail
1970	Daud bin Mat Saman	Nik Maliah binti Ismail
1971	Daud bin Mat Saman	Nik Maliah binti Ismail
1972	Daud bin Mat Saman	Nik Maliah binti Ismail
1973	Haji Ibrahim bin Taib	Hajjah Rugayah Sulong
1974	Haji Ibrahim bin Taib	Hajjah Rugayah Sulong
1975	Haji Muhamad Yasin bin Embong	Zaharah binti Embong
1976	Haji Mohamad Noor bin Mohamad	Hasnah binti Sulong
1977	Haji Muhamad Yasin bin Embong	Hasnah binti Sulong
1978	Haji Mohamad Noor bin Mohamad	Hajjah Rugayah binti Sulong
1979	Haji Mohamad Noor bin Mohamad	Siah@Embat binti Mohamad

¹⁰⁴ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong, Masjid Padang Midin, Hari Rabu pukul 11 pagi, 25 April 2012.

¹⁰⁵ Temubual dengan Ustaz Haji Rashid Ali (Guru Tarannum al-Quran, Kg. Mengabang Telipot) pada 12 Mac 2015.

		Amin
1980	Haji Daud bin Mat Saman	Siah@Embat binti Mohamad Amin
1981	Haji Mohamad bin Awang Teh	Hajah Aminah binti Omar
1982	Haji Mohamad bin Awang Teh	Hajah Azizah binti Zakaria
1983	Haji Abdul Rashid bin Ali	Hajah Aminah binti Omar
1984	Che Ku Salleh bin Che Ku Long	Hajah Halimah binti Ibrahim
1985	Ali@Alias bin Abdul Rahman	Hajah Aminah binti Omar
1986	Mohamad bin Awang Teh	Siah @ Embat Mat Amin
1987	Mohamad bin Ismail	Hajah Aminah binti Omar
1988	Haji Abdul Rashid bin Ali	Hajah Siah @ Embat binti Mohamad Amin
1989	Ismail bin Embong	Hajah Halimah binti Ibrahim
1990	Haji Daud bin Che Man	Hajah Siti Mas Ismail
1991	Haji Mohamad bin Awang Teh	Hajah Hasnah binti Sulong
1992	Haji Mohamad bin Awang Teh	Hajah Hasnah binti Sulong
1993	Yusof bin Embong	Hajah Siti Mas Ismail
1994	Haji Ismail bin Embong	Hajah Masnah binti Awang
1995	Hj Mohamad bin Awang Teh	Hajah Siti Mas Ismail
1996	Hj. Ali @ Alias bin Abdul Rahman	Hajah Masnah binti Awang
1997	Mohamad bin Ismail	Halimah binti Ibrahim
1998	Mohamad bin Ismail	Halimah binti Ibrahim
1999	Mazlan Ibrahim	Masnah binti Awang
2000	Mazlan Ibrahim	-
2001	Hj Mohamad bin Awang Teh	-
2002	Mohamad Hafas Ali	-
2003	Mohamad Hafas Ali	-
2004	Ahmad Tarmizi bin Ali	Nazirah binti Ibrahim
2005	Ahmad Tarmizi bin Ali	Azizah binti Zakaria
2006	Hj. Mohamad bin Awang Teh	Nazirah binti Ibrahim
2007	Mohamad Hafas Ali	Hajjah Radziyati binti Mohd Ali
2008	Mohamad Hafas Ali	Hajjah Radziyati binti Mohd Ali
2009	Mohamad Hafas Ali	Fatimah binti Ibrahim
2010	Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman	Norhidayah binti Abdul Rahman
2011	Ahmad Tarmizi bin Ali	Norhidayah binti Abdul Rahman
2012	Mohamad Hafas Ali	Siti Mas binti Semail
2013	Mohamad Hafas Ali	Siti Mas binti Semail

(Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Dan Adat Istiadat Melayu Terengganu
(MAIDAM))

2.4 Kesimpulan

Dalam bab dua ini jelas menunjukkan tentang faktor kewujudan ilmu tarannum di negeri Terengganu sejak dari awal kedatangan Islam dan berkesinambungan sehingga ke zaman sekarang. Jika ditinjau dari awal kedatangan Islam, antara faktor yang wujud ialah lokasi negeri Terengganu itu sendiri yang menarik minta pedagang-pedagang dari luar terutama dari negara Arab untuk berkunjung ke negeri Terengganu.

Jika dilihat dalam peta Malaysia, bentuk negeri Terengganu yang cembung, di samping mempunyai banyak cabang sungai dan tebing yang luas memudahkan kapal-kapal besar lalu dari muara sehingga ke hulu. Di tepi tebing sungai tersebut memudahkan kapal-kapal berhenti berlabuh, berehat, berdagang, bertukar hasil dagangan dengan penduduk, menyampaikan ilmu, membuat penempatan, dan berkahwin dengan penduduk tempatan.

Selain daripada berdagang, pedagang-pedagang Arab ini turut menyampaikan ilmu agama, menambahkan ilmu pengetahuan, memahamkan tentang Islam, berdakwah, dan mengajarkan al-Quran. Mereka memperbaiki iman, Islam dan menanamkan akhlak yang mulia. Tidak hairan, penduduk negeri Terengganu menerima ajaran al-Quran melalui pedagang Arab secara langsung dan belajar menyebut huruf-huruf Arab dari lidah orang Arab sendiri. Pedagang yang datang dari Semenanjung Tanah Arab ini bermula dari zaman Umayyah, dan semakin bertambah pada zaman Abbasiyah, maka aliran tarannum yang mereka bawa ialah aliran tarannum *Hijazi* kerana aliran tarannum *Hijazi* lebih popular pada tahun sebelum 1940. Ini jelas menunjukkan bahawa pedagang arab yang datang adalah terdiri daripada ahli perniagaan, pendakwah, golongan intelektual dan qari al-Quran.

Di samping itu, agama Islam disambut baik oleh golongan pemerintah iaitu sultan yang berkuasa pada masa lampau. Mereka terdiri daripada keturunan ulama,

kerana berkahwin dengan anak ulama, dan juga berganding bahu dengan golongan ulama dalam institusi pentadbiran. Mereka juga bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti keagamaan dan memulakan bacaan al-Quran sebelum memulai sesuatu program yang besar serta sentiasa menghidupkan budaya al-Quran. Pusat-pusat pengajian agama ditubuhkan bagi melahirkan ramai anak bangsa yang mempunyai kefahaman agama yang tinggi dan dapat menyebarkan kefahaman agama dan cintakan al-Quran. Di samping itu, masjid, surau dan rumah guru adalah tempat untuk mempelajari al-Quran dan hal yang berkaitan dengan ilmu agama. Pengajian agama dan al-Quran menjadi satu budaya di negeri Terengganu sesuai dengan negeri Terengganu digelar Darul Iman. Di samping itu, seorang qari istana bernama Haji Mat Lintar turut bergiat aktif dalam pengajaran al-Quran dan tarannum dan menubuhkan Persatuan Qurra“ Terengganu yang terdiri daripada ahli-ahli yang telah khatam al-Quran sebanyak 30 juzuk dengan Haji Mat Lintar dan memperolehi ijazah pengajian al-Quran bersanad. Haji Mat Lintar pernah menuntut ilmu tarannum di Kelantan dan mempunyai rakan se aliran iaitu Yusof Kedondong. Di samping itu juga, Haji Mat Lintar sempat berhijrah ke Mekah dan Madinah mempelajari al-Quran di sana.

Setelah itu, usaha murni itu diteruskan oleh anak-anak murid Haji Mat Lintar. Selain itu juga, usaha menteri besar Terengganu mengajak Haji Ahmad Matsom Pergau ke negeri Terengganu untuk mengajar ilmu tarannum di masjid-masjid yang ada di sekitar daerah-daerah yang ada di negeri Terengganu. Melalui jasa Haji Ahmad Matsom Pergau, lahirnya tokoh-tokoh tarannum yang berjaya. Haji Ahmad Matsom Pergau yang mempelajari ilmu tarannum di Mesir, telah membawa aliran tarannum Misri. Beliau mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang tarannum kerana menuntut dengan Taha al-Fashni dan mempunyai rakan seangkatan yang mahir tarannum iaitu Mustafa Ismail.

Di samping itu juga, lahir juga tokoh tarannum yang terkenal yang mengharumkan nama di persada antarabangsa iaitu Dato[™] Hajjah Rogayah binti Sulong. Beliau juga banyak memberi sumbangan dalam pengajaran al-Quran dan tarannum. Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak turut mengiktiraf kepakaran beliau dengan menghantar sekumpulan anak murid dan tinggal di rumah beliau semata-mata untuk mempelajari ilmu tarannum. Usaha murni dalam pengajian al-Quran diteruskan melalui penubuhan Maahad Tahsin al-Quran dan juga Institut Al-Quran Terengganu. Dari situ lahir juga bakat-bakat yang terpendam dan dapat digilap sehingga menjadi seorang qari yang berjaya.

BAB 3 : TOKOH-TOKOH PENGAJIAN TARANNUM DI TERENGGANU

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tiga perkara utama berkaitan qari di negeri Terengganu¹ iaitu mengenai biodata qari, susur-galur guru dan pengajian mereka dalam tarannum al-Quran. Data diperoleh berdasarkan hasil temubual mendalam dengan responden yang dipilih secara purposif.

3.2 Pembelajaran Tarannum Al-Quran Di Kalangan Qari Dan Qariah Negeri Terengganu.

Secara umumnya, proses pembelajaran tarannum di kalangan qari-qari di negeri Terengganu berlaku dalam dua peringkat iaitu peringkat pembelajaran asas-asas tarannum dan peringkat proses penggilapan kemahiran. Pertama ; peringkat asas-asas ilmu tarannum. Di peringkat ini merupakan peringkat qari baru mula mengenali tentang asas-asas ilmu tarannum. Para qari mula mengenali jenis-jenis lagu, selok belok irama dalam tarannum, tingkatan suara dan istilah-istilah dalam tarannum.

Kedua; peringkat proses penggilapan. Proses penggilapan merupakan proses eksplorasi sendiri oleh pelajar tanpa bimbingan dari guru yang asal. Peringkat ini adalah peringkat pelajar yang telah mahir dengan tarannum. Proses pembelajaran didorong oleh inisiatif sendiri dan merangkumi ciri-ciri pembelajaran secara induktif. Di samping itu juga, pelajar diberi pendedahan mempelajari tarannum lebih daripada seorang guru atau boleh diistilahkan sebagai multi mentor. Proses penggilapan ini, para qari dan qariah menjalani proses pembelajaran sepanjang hayat dengan mengikuti pembelajaran secara non-formal dengan menghadiri kursus-kursus seperti kursus tahsin

¹ Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala Terengganu, Terengganu.

al-Quran di bawah anjuran jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Kursus ini dihadiri oleh peserta-peserta qari dan qariah yang mewakili peringkat negeri dan kebangsaan.

3.3 Tokoh-tokoh Pengajian Tarannum al-Quran

Bahagian ini mengkaji tentang biodata para qari dan qariah yang pernah menyandang sebagai johan di peringkat negeri Terengganu dan corak pengajian mereka. Hasil kajian ini bertujuan menambahkan maklumat mengenai susur galur guru-guru tarannum yang pernah mereka menuntut ilmu daripada mereka agar mendapat rumusan dan kesimpulan pada akhir kajian.

Para qari yang dipilih adalah berdasarkan mereka yang menjadi johan sekurang-kurangnya di peringkat negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga tahun 2013. Berikut ialah senarai para qari dan qariah tersebut.² Sepanjang tempoh ini, seramai 36 orang qari yang terlibat, manakala 11 orang daripada telah meninggal dunia. Oleh itu, pengkaji menemubual 25 orang qari dan qariah yang merangkumi 7 buah daerah dalam negeri Terengganu.

3.3.1 Para Qari Lelaki

Dinyatakan di bawah ini biodata seramai 12 orang qari lelaki dari tahun 1960 hingga 2013.

Muda @ Jusoh bin Ismail

Berdasarkan biodata Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, beliau menjelaskan :

“ Saya dilahirkan sebelum merdeka iaitu pada tahun 1936 di Kampung Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu. Pada tahun 2015, umur Pokcik 79 tahun. Di peringkat

² Aizi Saidi bin Abdul Aziz(Imam Besar Negeri Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temubual dengan penulis, 2013.

sekolah rendah, Pokcik bersekolah di Sekolah Melayu Bukit Payung hingga darjah lima. Sekarang ini, sekolah itu dinamakan Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Payung dan masih kekal lokasinya, cuma berlaku pengubahsuaian dari aspek dinding kayu ditukarkan kepada dinding simen dan ditambah bangunan dan tingkat bangunan. Pada masa itu tahap tertinggi peringkat sekolah rendah sehingga darjah lima. Berbeza dengan persekolahan sekarang sehingga darjah enam bagi sekolah rendah. Sekolah Melayu Bukit Payung adalah antara 3 buah sekolah rendah yang tertua di Terengganu selain daripada Sekolah Kebangsaan Paya Bunga dan Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Berang”.³

Di peringkat sekolah menengah pula, Ustaz Haji Muda menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Arab Sultan Zainal Abidin, Ladang, Kuala Terengganu. Beliau menjelaskan:

“Pembelajaran di sana selama 7 tahun iaitu darjah satu hingga darjah tujuh iaitu selama tujuh tahun. Sekarang ini, perkataan „darjah” ditukarkan kepada „tingkatan”. Oleh kerana Pokcik seorang yang pintar di dalam kelas, Pokcik dapat melompat kelas, dan jangka masa belajar di peringkat menengah dapat dipendekkan”.

Haji Muda menjelaskan bagaimana Haji Mat Lintar memilih beliau mempelajari tarannum. Menurut beliau:

*“Semasa belajar di peringkat sekolah menengah, Pokcik mula mengenali Ustaz Haji Mat Lintar kerana beliau mengajar al-Quran dan Tajwid di dalam kelas. Melihat kemahiran Pokcik dalam membaca al-Quran dan mempunyai potensi untuk membaca al-Quran berlagu, Haji Mat Lintar mengajak Pokcik ke negeri Kelantan untuk mempelajari ilmu tarannum al-Quran dengan rakan-rakan seangkatan Haji Mat Lintar iaitu Haji Mat Som Pergau dan Haji Yusof Kedondong. Dari situ, Pokcik mengenali asas-asas tarannum dan berulang alik dari ke negeri Kelantan saban bulan dan tahun bermula dari tahun 1952 hingga 1957.”*⁴

Haji Muda bin Ismail berumahtangga dengan Hajjah Karimah binti Khatib Abbas dan mempunyai lima orang anak, iaitu dua perempuan dan tiga lelaki. Haji Muda mempunyai 28 orang cucu dan 3 orang cicit.

Dari aspek kerjaya, ustaz Haji Muda berkata:

“ Saya mula menjadi guru agama mengajar di Sekolah Melayu Kuala Berang, sekarang ini dinamakan Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Berang. Pada tahun 1960 pula, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Kampung Telaga, Kuala Berang. Pada tahun 1965, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Wakaf Tapai, Kuala Terengganu.

³ Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015 pukul 3.30 petang.

⁴ Ibid.

Pada tahun 1970, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh, Hulu Terengganu. Pada tahun 1975, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Undang, Kuala Terengganu. Pada tahun 1976, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Peroh, Ajil, Hulu Terengganu. Pada tahun 1980, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Pusat Chabang Tiga, Kuala-Terengganu. Pada tahun 1985, saya mengajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Payung. Sekolah ini terdiri daripada murid-murid istimewa. Saya bersara dari jawatan guru agama pada tahun 1991.⁵

Dalam pengajaran tarannum al-Quran, Haji Muda mengajar di rumah dan di surau berdekatan dengan rumah beliau dan mempunyai beberapa anak murid yang telah berjaya. Menurut beliau:

“ Saya mengajar tarannum di rumah saya sendiri dan di surau berdekatan dengan rumah saya. Antara anak murid saya ialah Mat Isa bin Hassan dari Kg. Telaga, Kuala-Berang yang pernah menjadi johan daerah Kuala-Berang dan naib johan di peringkat negeri Terengganu. Selain itu, Hajjah Aminah Omar, yang pernah menjadi johan qariah di peringkat antarabangsa dalam majlis tilawah al-Quran. Begitu juga, Hajjah Sepiah binti Mohamad yang pernah menjadi johan di peringkat antarabangsa dalam majlis tilawah al-Quran.”

Haji Muda mempunyai rakan-rakan seangkatan beliau dalam majlis tilawah yang pernah menjadi johan qari dan qariah peringkat negeri Terengganu seperti Hajjah Wook binti Hasan yang tinggal di Kg. Binjai Bongkok berdekatan dengan Masjid Binjai Bongkok, Ramli Haji Ahmad yang tinggal di Kg. Seberang Baroh berasal dari Kelantan dan pernah berguru dengan Haji Latiff, Haji Salleh Awang yang tinggal di Kg. Nibong, Kuala-Terengganu, dan juga Haji Yusof Abdullah yang sekarang ini berada di Kg. Pandan, Kuala-Lumpur.⁶

Selain menjadi guru agama, dan juga mengajar al-Quran dan tarannum al-Quran, beliau berkata:

“Ketika muda, saya aktif melibatkan diri dalam melatih qari-qari dan qariah-qariah di negeri Terengganu di bawah anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama di negeri Terengganu. Saya mula menjadi jurulatih pada tahun 1990 dan seterusnya dijemput sebagai fasilitator pada setiap tahun. Saya juga menjadi hakim tilawah di peringkat

⁵ Temubual dengan Ustaz Haji Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), pada 2 Mac 2015 pukul 3.30 petang.

⁶ Ibid.

*negeri Terengganu dan di peringkat kebangsaan bermula pada tahun 1987 hingga 2007.*⁷ *Ketika menjadi hakim di peringkat kebangsaan, saya diberi amanah menjadi hakim bahagian suara dan hakim bahagian tarannum. Menjadi hakim suara adalah suatu yang sukar dan memerlukan penelitian dari aspek kelancaran keluar suara, aspek mahattah dan segala yang berkaitan dengan suara.*”

Haji Muda memuji keistimewaan Dato“ Hajjah Rogayah terletak pada suara. Begitu juga Hajjah Faridah Mat Saman yang seangkatan dengan Dato“ Hajjah Rogayah. Haji Muda juga adalah salah seorang ahli Persatuan Qurra“ Terengganu. Kaitan Haji Muda dengan Hajjah Rogayah ialah mereka sama-sama menjadi fasilitator dalam kursus tahsin al-Quran. Haji Muda pernah berguru dengan guru yang sama dengan Hajjah Rogayah iaitu Haji Mat Lintar.

Encik Mohd Yusof bin Abdullah

Mohd Yusof bin Abdullah menjadi johan qari di peringkat antarabangsa dalam Majlis Tilawah al-Quran di Peringkat Antarabangsa pada tahun 1962.⁸ Mohd Yusof bin Abdullah dilahirkan pada 10 September 1924 di Kampung Slow, Machang, Pasir Mas, Kelantan. Beliau berkahwin dengan Puan Sariah binti Abdul Wahab dan dikurniakan sembilan orang anak. Dari aspek kerjaya, beliau menabur bakti dengan mengajar al-Quran di Pahang, Terengganu, dan di Masjid Negara, Kuala-Lumpur. Beliau juga diundang oleh New Straits Times Press (NSTP) bagi mengajar al-Quran. Selain itu, Haji Mohd Yusof pernah menjawat jawatan bilal di Pasir Mas sekitar tahun 1950-1n dan imam di Masjid Negara dalam tahun 1976.⁹

Dari aspek pembelajaran ilmu tarannum, Mohd Yusof berkecimpung dalam bidang tarannum sejak berusia dua belas tahun. Beliau berguru dengan ayah sendiri bernama Haji Abdullah dan Tuan Guru Haji Mat di Pasir Mas, Kelantan. Dari aspek kejayaan dalam bidang tilawah al-Quran, Mohd Yusof adalah antara qari negara terawal

⁷ Ibid.

⁸ Mohamad bin Saari, *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*, (Kuala-Lumpur: JAKIM, 2008), 101.

⁹ Mohamad bin Saari, *Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380H/1961-1428H/2007M*, (Kuala-Lumpur: JAKIM, 2008), 43046.

mengharumkan nama negara. Pada tahun 1381H bersamaan 1962M beliau telah dipilih mewakili negara dalam Pertandingan Membaca al-Quran peringkat antarabangsa kali kedua walaupun pada tahun itu beliau tidak menjadi johan di peringkat kebangsaan. Qari yang menjadi johan pada tahun itu ialah Ismail bin Hashim. Dalam pertandingan tersebut Mohd Yusuf telah mendapat johan.¹⁰

Dengan kejayaan yang dimiliki, Mohd Yusuf menjadi terkenal dan didatangi oleh anak murid untuk mempelajari ilmu tarannum. Oleh itu, dalam aspek pengajaran ilmu tarannum, antara anak murid yang berjaya ialah Dato[”] Hajah Rogayah binti Sulong, Ustaz Abdullah bin Awang dan Ustaz Abdullah bin Abdul Rahman.¹¹

Dengan kebolehan dan bakat yang dimiliki oleh Mohd Yusuf dilantik sebagai hakim tilawah al-Quran di dalam negeri dan juga hakim Majlis Tilawah al-Quran anjuran NSTP dan TV3 pada tahun 1993, hakim tilawah peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1979 dan 1980 serta hakim jemputan dalam Majlis Tilawah al-Quran di Thailand.¹²

Sebagai mengenang jasa Mohd Yusuf, beliau dianugerahkan pingat Ahli Kelantan (AK) oleh Sultan Kelantan. Beliau kembali ke rahmatullah pada hari Jumaat, 12 November 2004 bersamaan 28 Ramadhan 1425H, dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Cheras, Kuala-Lumpur.¹³

Encik Mohamad Yasin bin Embong

Berkaitan dengan biodata Mohamad Yasin, beliau menjelaskan:

¹⁰ Ibid.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

“Saya¹⁴ dilahirkan pada bulan September 1944 di Kg Bukit Kandis, Kuala-Terengganu. Haji Mohamad mendapat pendidikan awal di sekolah Rendah Bukit Tunggal, Kuala-Terengganu dari darjah satu sehingga darjah enam. Saya mula mewakili sekolah memasuki pertandingan tilawah al-Quran ketika berada dalam darjah 3 dan mendapat johan di peringkat negeri Terengganu. Saya juga turut mewakili sekolah ketika berada dalam darjah 4,5, dan 6. Saya mula mempelajari al-Quran daripada Ustaz Awang Lebai Bukit Tok Rih atau dikenali sebagai Bukit Datu ketika beliau dalam darjah tiga. Saya juga turut mempelajari tarannum daripada Ayah Long Awang Nobat yang tinggal di Kampung Sungai Derhaka. Antara guru yang pernah mengajar tarannum kepada saya ialah Haji Mat Lintar di Kg Tanjung Kapur pada tahun 1958. Selain itu ustazah Ramlah Salleh di Kg Gong Pauh yang pernah menjadi guru agama di Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal. Ustazah Ramlah Salleh pernah menjadi Johan Qariah peringkat negeri Terengganu pada tahun 1964. Ustazah Ramlah pernah berguru dengan guru agama dari Kelantan bernama Cik Nun. Selain itu, saya juga pernah berguru dengan Haji Ahmad Ma’sum Pergau, Yusof bin Abdullah. Kelunakan suara saya ketika mengaji al-Quran di gelar sebagai Abdul Basit di kalangan orang arab ketika saya berada di Mekah”.

Dari segi kerjaya, Haji Mohamad pernah menjadi Imam Masjid Putih pada tahun 1958-1959. Pada tahun 2015, umur Haji Mohamad adalah 71 tahun. Haji Mohamad mempunyai 8 orang anak. Haji Mohamad berumahtangga ketika berusia dalam tahun 1920-an. Bagi pandangan Haji Mohamad, cara mempelajari tarannum ialah:

*“ Dengan memperbanyakkan latihan, mengulangi bacaan dengan kerap, memperbaiki kelemahan sehingga bacaan menjadi cantik dan sempurna. Keperluan yang perlu ada bagi seorang qari ialah hobi, suara dan minat. Bagi menarik menarik minat orang ramai untuk meminati ilmu tarannum ialah dengan memiliki suara yang elok. Suara setiap individu itu boleh dibentuk sehingga berupaya membaca bertarannum dengan baik. Antara permasalahan yang boleh mengganggu seseorang individu untuk bertarannum adalah kesihatan. Seseorang hendaklah menjaga kesihatan dengan baik agar dapat mengalunkan bacaan dengan baik. Seseorang yang hendak mahir tarannum mesti mengenali ilmu tarannum dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi mahir”.*¹⁵

Encik Daud Bin Mat Saman

Dari aspek latarbelakang Haji Daud bin Che Man¹⁶ menjelaskan:

“Saya dilahirkan pada 13 Januari 1946 di Bachok, Kelantan. Saya dilahirkan dan dibesarkan di Kelantan, berpendidikan awal di Kelantan dan berumahtangga di

¹⁴ Temubual dengan Haji Mohamad Yasin bin Embong (Qari Terengganu, peniaga, Kg. Pasir Panjang, Kuala-Terengganu), pada 20 September 2015.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Temubual dengan Hj. Daud bin Che Man (Qari negeri Terengganu, Jln Pusara, Bandar Kuala Terengganu), pada 16 Mac 2015.

Kelantan serta berhijrah ke Terengganu. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pak Pura, Bachok, Kelantan sehingga darjah enam. Saya berumahtangga dengan Saftiah binti Yusoff @ Jusoh dan dikurniakan zuriat yang ramai iaitu 11 orang anak dan 16 orang cucu”.

Dari aspek kerjaya dalam bidang al-Quran dan Tarannum pula, beliau menjelaskan:

*“ Saya merupakan seorang guru al-Quran di negeri Kelantan kemudian berpindah ke negeri Terengganu. Saya mempelajari ilmu tarannum dengan pakar-pakar tarannum negeri Kelantan sejak tahun 1963. Antara tokoh-tokoh guru tarannum saya yang terkenal ialah Haji Ahmad bin Mat Som, Haji Abdullah bin Abu, Dato” Sheikh Ismail bin Muhammad dari Terengganu dan Dato” Haji Hasan bin Azahari dari Selangor. Melalui bimbingan guru-guru tersebut, saya memasuki Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu dan meraih johan pada tahun 1970, 1971, 1972 dan 1980. Pencapaian saya yang terhebat ialah ketika memperoleh johan Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan pada tahun 1990 dan pada tahun yang sama mendapat naib johan di peringkat antarabangsa”.*¹⁷

Dari segi penglibatan dalam bidang pengajaran ilmu tarannum, beliau menjelaskan:

*“Saya pernah bertugas sebagai Guru al-Quran di Terengganu dari tahun 1991 hingga 2005, Guru Tahsin al-Quran di Sabah dan Guru Tahsin al-Quran dan Tarannum di Institut al-Quran Terengganu yang dikenali sebagai IQT. Hasil daripada tunjuk ajar dan curahan pengalaman saya, dapat melahirkan anak didik yang turut mengukir nama di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antara mereka ialah Hajjah Sepiah binti Mohamad, Hajjah Masnah binti Awang, Ustaz Muhammad Hafas bin Ali dan Ustaz Muhamad Termizi bin Ali. Bakat dan kemahiran beliau dalam bidang tarannum turut diwarisi oleh dua orang anak saya. Salah seorang daripada mereka ialah Mohamad Kamarul Zaman bin Daud yang pernah menjadi johan Majlis Tilawah al-Quran antara sekolah-sekolah peringkat kebangsaan tiga tahun berturut-turut dan pernah mendapat naib johan peringkat negeri Terengganu. Seorang lagi anak saya iaitu Mustafa Kamal bin Daud yang pernah mendapat tempat kedua dalam Majlis Tilawah al-Quran Politeknik Langkawi, Kedah.*¹⁸

Berdasarkan pengalaman beliau dalam mempelajari ilmu tarannum ini, Haji Daud menjelaskan:

“ Saya menghadapi banyak rintangan, cabaran dan dugaan. Saya tidak terkecuali menghadapi zaman kesukaran zaman lampau untuk memperolehi ilmu. Cara perhubungan pada masa itu sangat sukar, namun kerana minat beliau hadapi dengan tabah dan bersungguh-sungguh. Saya sanggup menjejaki guru-guru ternama dan melalui jalan belukar, semak dan paya. Segala-galanya bertukar menjadi kenangan

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Ibid.

manis apabila segala penat lelah itu membuahkan hasil kejayaan dengan memenangi kejuaraan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Satu prinsip yang dipegang oleh saya ialah menghormati guru. Saya dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) daripada Sultan Terengganu atas sumbangan dan bakti beliau dalam bidang ilmu al-Quran”.

Encik Ali @ Alias bin Abdul Rahman

Dalam temubual dengan Haji Ali@ Alias Abdul Rahman, beliau memulakan bicara dengan mengalunkan surah al-Naba“ ayat 1 hingga 38. Haji Ali menggunakan lagu *Bayati, Hijaz, Nahwan, Rast, Jiharkah dan Bayati.*

Mengenai biodata Haji Ali¹⁹, beliau menjelaskan:

“ Saya dilahirkan pada 28 Oktober 1947 di Tanah Lot Dungun. Kini, saya berusia 68 tahun. Dari aspek pendidikan, saya bersekolah di Sekolah Rendah Kampung Binjai dari darjah 1 bermula tahun 1954 hingga darjah 4. Pada tahun 1958, saya mewakili sekolah dalam Pertandingan Tilawah al-Quran lantas menjadi johan. Saya mula-mula mempelajari ilmu tarannum dengan Ustaz Mustafa Haji Musa. Ustaz Mustafa pernah mendapat nombor tiga di peringkat negeri Terengganu. Ustaz Mustafa mewakili Daerah Kemasik. Kemudian, di peringkat menengah, saya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Agama Al-Falah selama empat tahun. Saya berumahtangga dengan Tuan Mariam binti Abdullah pada tahun 1970 dan memperolehi 3 orang anak. Dua orang telah meninggal dunia”.

Dari segi kerjaya, Haji Ali menjelaskan:

“ Saya berkhidmat sebagai bilal di Masjid Bukit Kuang, Kemaman dari tahun 2014 hingga 2015. Saya juga pernah berkhidmat sebagai bilal tetap di Masjid Sultan Ahmad di bandar Cukai selama 18 tahun sejak tahun 1986 hingga 2004. Kemudian, saya berniaga di Pasar Cukai sehingga sekarang. Selain itu, saya turut mengajar al-Qurau di surau Hospital Cukai pada hari Ahad pada waktu malam sejak tahun 2008. Saya turut mengajar al-Quran di Masjid Kg Binjai sejak tahu 2008”.

Tuan Haji Ismail bin Embong

Dari aspek biodata pengenalan diri, Tuan Haji Ismail bin Embong²⁰ dilahirkan pada 1 Disember 1948. Berusia 67 tahun. Kini Beliau menetap di 8829, Kg. Jeram Mukim

¹⁹ Temubual dengan Haji Ali@Alias bin Abdul Rahman (Guru Tarannum, Kg Binjai) pada 14 Ogos 2015.

²⁰ Temubual dengan Ustaz Haji Ismail bin Embong (Guru Tahsin al-Quran, Kg. Jeram, Manir, Kuala-Terengganu) pada 20 Ogos 2015.

Manir, 21200, Kuala-Terengganu, Terengganu. Nama isteri beliau ialah Samihah binti Ahmad yang dilahirkan pada 19 Februari 1958.

Dalam aspek pendidikan, Haji Ismail Embong menjelaskan:

“ Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kerteh, Kemaman, Terengganu. Kemudian, saya menyambung pengajian di Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin Ladang pada tahun 1963 hingga 1965. Seterusnya, saya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Batu Buruk pada tahun 1966 hingga 1970 dan lulus Sijil Rabi” Thanawi. Dalam aspek kerjaya, saya pernah berkhidmat sebagai Penghulu Mukim selama 30 tahun dan bersara pada 1 Disember 2004. Saya telah bersara dan kini dilantik menjadi Imam Masjid Kg. Jeram Mukim Manir bermula 1 Januari 1988 dan guru al-Quran.”²¹

Dalam aspek pembelajaran al-Quran, Haji Ismail menjelaskan:

“Saya mula serius mempelajari al-Quran dengan datuk sebelah bapa bernama Omar bin Abbas. Ketika itu, saya berusia dalam lingkungan 20-an. Kemudian, saya mendalami al-Quran dengan Ustaz Salleh Awang pada tahun 1970-an yang tinggal di Kg Nibong iaitu Johan qari negeri Terengganu pada tahun 1962. Ketika itu, saya berumur 28 tahun. Saya belajar mengaji al-Quran bertajwid dan bertarannum hingga khatam. Setelah itu, Saya menjadi ahli Persatuan Qurra” Terengganu dan mempelajari lagu Bayati di sana. Saya juga mempelajari al-Quran bertajwid dengan Haji Awang iaitu menantu kepada Haji Mat Lintar. Di samping itu, saya berlatih tarannum dengan kawan-kawan sepengajian di Surau Haji Mat Lintar. Setelah itu, pada tahun 1978, saya mempelajari tarannum dengan Haji Ma”sum Pergau di Masjid Wakaf Tembesu pada setiap hari Sabtu. Selain itu, Pejabat Agama Negeri Terengganu juga mengadakan Kelas Pengajaran Tarannum di setiap masjid yang diajar oleh Haji Ma”sum Pergau. Saya juga dilantik menjadi ketua peserta untuk mengendalikan kelas-kelas tarannum al-Quran. Saya mempelajari empat lagu asas dengan Haji Ma”sum Pergau iaitu Bayati, Hijaz, Nahawan dan Rast. Terdapat 3 atau empat orang pelajar bagi setiap daerah. Selain itu, IQT menganjurkan Kursus Tahsin al-Quran khas untuk qari-qari dan qariah-qariah setiap daerah sebelum musabqah setiap negeri. Antara guru-guru fasilitator ialah Ustaz Nik Jaafar, Dato” Haji Hassan Azahari, dan Tan Sri Ismail al-Hafiz. Peserta-peserta terpilih berdasarkan mereka yang berjaya menjadi johan di peringkat daerah. Selain itu, saya juga turut menghadiri Kursus Tahsin di Peringkat Kebangsaan di bawah anjuran JAKIM.”²²

Anak sulung Haji Ismail pernah mengikut jejak langkah beliau. Dalam Majlis

Tilawah al-Quran, Haji Ismail menjelaskan :

“ Saya mendapat johan pada peringkat negeri Terengganu pada tahun 1988 dan tahun 1994 yang membolehkan saya mewakili negeri ke peringkat Kebangsaan. Saya dilantik menjadi hakim Tilawah Peringkat Negeri sejak tahun 2008 hingga 2015 bahagian

²¹ Ibid.

²² Ibid.

*tarannum dan suara. Saya memperolehi tiga anugerah, pertama mendapat Pingat P.J.K pada tahun 1988, kedua mendapat pingat P.I.B pada tahun 2002 dan ketiga, saya mendapat anugerah sebagai Imam cemerlang Peringkat Negeri sempena sambutan Maal Hijrah pada tahun 1436 Hijrah bersamaan 2014 Masehi.*²³

Tuan Haji Ismail bin Embong mempunyai banyak pengalaman dalam bidang penghakiman. Haji Ismail menjelaskan :

“ Saya pernah menjadi hakim litar peringkat negeri Terengganu bahagian tarannum mulai tahun 1997 hingga 1999. Saya juga pernah menjadi hakim peringkat negeri Terengganu bahagian tarannum dan suara sejak tahun 2000 hingga 2015.²⁴ Selain daripada itu juga, saya turut menjadi hakim selain daripada Majlis Tilawah al-Quran anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu. Saya pernah menjadi hakim tilawah anjuran Petronas, Syarikat Telekom peringkat Kebangsaan, Syarikat TNB atau singkatan bagi Tenaga Nasional Berhad, peringkat zon Timur, dan juga hakim bahagian tarannum di bawah anjuran Kebajikan Masyarakat Malaysia. Selain itu, saya turut dilantik menjadi hakim bahagian tarannum dalam majlis Tilawah dan Hafazan pada Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Menengah Islam Malaysia (MIISMAM) kali pertama pada tahun 2014. Majlis Tilawah ini diadakan pada 9 September 2014 di Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Kuala-Terengganu, Terengganu.”

Haji Yusop bin Embong

Dari segi biodata, Haji Yusop bin Embong²⁵ menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 1 Ogos 1950 di Kg Masjid Hj. Kadir, Pasir Panjang, Kuala-Terengganu dan kini berusia 65 tahun. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Pasir Panjang dari darjah satu hingga enam. Kemudian, beliau menyambung pelajaran di peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin Ladang selama tiga tahun dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Setelah itu, saya menyambung pelajaran di peringkat thanawi bermula dari thanawi satu hingga thanawi empat di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala-Terengganu, Terengganu. Saya berumahtangga ketika berusia 23 tahun dengan Hajjah Faridah binti Abdullah dan mempunyai dua orang cahayamata iaitu seorang lelaki yang sulung dan yang bongsu seorang perempuan. Kini, beliau mempunyai 7 orang cucu. saya telah menunjukkan kebolehan dalam bidang tarannum dengan menjadi Johan di peringkat daerah antara sekolah-sekolah agama ketiga beliau berada di tingkatan tiga. Seterusnya, saya menjadi Johan dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Belia MAYC dan Belia 4B di Peringkat Kebangsaan pada tahun 1980. Saya

²³ Ibid.

²⁴ Fail Majlis Tilawah al-Quran, JHEAT 2015, Bahagian Pengurusan Masjid, Tingkat 3, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Negeri Terengganu, Kompleks Seri Iman, Kuala-Terengganu, Terengganu. Pada 12 Mei 2015.

²⁵ Temubual dengan Haji Yusop bin Embong (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid Tg Nik Haji, Kg. Batu Buruk, Kuala-Terengganu), pada 17 Ogos 2015.

*juga mengikuti Kursus Tahsin al-Quran pada tahun 1992 dan 1993 di peringkat kebangsaan. Semasa menyertai pertandingan tilawah di peringkat kebangsaan beliau memperolehi tempat kelima dan keenam.*²⁶

Dari aspek pembelajaran asas-asas al-Quran, Haji Yusop menjelaskan:

*“ Saya mempelajari al-Quran dengan guru-guru kampung di Kg Pasir Panjang iaitu Haji Mohamad bin Amin dan Hj. Mohamad bin Idris semasa di peringkat Sekolah Rendah. Seterusnya, saya mendalami al-Quran dengan mempelajarinya dengan menantu Haji Mat Lintar iaitu Haji Awang. Saya juga menyertai persatuan Qurra” Terengganu pada tahun 1980-an. Dari aspek pembelajaran tarannum al-Quran, saya mempelajari asas-asas tarannum dengan Che Ku Ali bin Che Ku Mahmud, di Chendering, Marang, Terengganu. Pada tahun 1980, saya mempelajari tarannum al-Quran dengan Haji Ma”sum Pergau di Masjid Abidin, Masjid Wakaf Tembesu, dan di Surau Haji Mat Lintar Persatuan Qurra” Terengganu. Saya juga mempelajari ilmu tarannum dengan Ustaz Haji Nik Jaafar melalui Kursus Tahsin al-Quran di Jenagor, Kuala Berang selama sebulan. Saya juga mengikuti Kursus Tahsin al-Quran anjuran IQT selama sebulan di bawah pengajaran Ustaz Haji Nik Jaafar juga. Saya juga mengikuti Kursus Tahsin al-Quran bermula tahun 1980-an. Selain itu, saya juga mengikuti pembelajaran tarannum sekejap-sekejap melalui Dato”Hajjah Rogayah binti Sulong di Masjid Bukit Payong. Saya juga bermuzakarah tarannum al-Quran dengan Hajjah Siah atau Embat.*²⁷

Sekarang ini, Haji Yusop aktif mengajar al-Quran di agensi-agensi kerajaan yang terletak di negeri Terengganu seperti SEDC, Yayasan Terengganu, Gabungan Kuari, dan Amanah Ikhtiar yang terletak di Kubang Parit, Kuala-Terengganu. Dari aspek kerjaya, Haji Yusop menjelskan :

“ Saya pernah menjadi bilal dan guru al-Quran di Masjid Putih pada tahun 1983 selama 2 tahun. Kemudian, saya berpindah ke Masjid Ladang pada tahun 1985 hingga 2001. Setelah itu, saya berpindah ke Masjid Putih semula pada tahun 2001 hingga 2011. Kemudian saya menjadi bilal di Masjid Khalifah di Jalan Pusara pada tahun 2011. Kemudian, saya menjadi bilal di Masjid Tengku Nik Haji, Batu Buruk bermula Oktober 2014 sehingga sekarang. Selain itu, saya ada mengajar tarannum seramai enam orang pelajar lelaki yang diadakan di rumah beliau sendiri pada setiap hari khamis malam Jumaat bermula pukul 9 malam sehingga pukul 11 malam.”

Selain itu, Haji Yusop turut diberi kepercayaan menjadi hakim bahagian tarannum dan suara seterusnya membuktikan kemahiran dan pengiktirafan masyarakat dalam bidang tarannum. Haji Yusop dilantik menjadi Hakim Daerah semenjak tahun 1997 hingga sekarang. Selain itu, beliau juga dilantik menjadi Hakim Litar dengan

²⁶ Ibid.

²⁷ Ibid.

mengelilingi daerah di peringkat saringan. Haji Yusop juga menjadi Hakim Negeri dan Hakim Berzanji di bawah anjuran Yayasan Islam Terengganu di peringkat negeri dan Dun.²⁸

Haji Mohamad bin Ismail

Berdasarkan kajian temubual dengan Ustaz Haji Mohamad bin Ismail²⁹ berkaitan demografi biodata, beliau menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 27 Jun 1947 di Kampung Jeram, Manir, Kuala-Terengganu, Terengganu. Saya mempunyai dua orang adik-beradik. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kg. Jeram, Manir dari darjah satu sehingga darjah enam. Kemudian menyambung pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Tok Jiring. Namun begitu, kerana kesempitan hidup, saya hanya sempat belajar selama setahun sahaja. Sekolah ini asalnya sebuah pondok. Saya belajar di bawah rumah Tok Guru Haji Abbas yang dijadikan tempat belajar. Oleh itu Haji Ismail merupakan antara orang yang terawal belajar di sekolah tersebut. Guru sekolah pondok ini dikenali dengan nama Tok Guru Haji Abbas. Kini, sekolah ini ditukar dengan nama Sekolah Menengah Agama Dato” Haji Abbas sebagai memperingati jasa-jasa Tuk Guru asal pondok tersebut.³⁰

Dalam pembelajaran al-Quran, Haji Ismail menjelaskan :

“ Saya mula mengenali al-Quran dan mempelajarinya daripada nenek saya sendiri pada tahun 1960. Pada masa itu, saya berumur 13 tahun. Selepas itu, saya mula mempelajari ilmu tarannum pada tahun 1977 sehingga tahun 1984 daripada Haji Ahmmad bin Mat Som Pergau di surau Tanjung Kapur, Ladang, Kuala-Terengganu atau dikenali dengan nama surau Hj. Mat Lintar. Saya mempelajari ilmu tarannum daripada Haji Ahmad Matsom bin Pergau selama tujuh tahun sebanyak dua kali seminggu. Haji Ahmad Matsom dihantar oleh Pejabat Agama Negeri Terengganu untuk mengajar ilmu tarannum kepada masyarakat.³¹ Pada asalnya Haji Ahmad Matsom berada di negeri Kelantan. Kemudian, menteri besar negeri Terengganu pada masa itu memanggil beliau untuk berada di negeri Terengganu supaya dapat mengajar tarannum kepada rakyat negeri Terengganu. Selain daripada ilmu tarannum al-Quran, Haji Ahmad Matsom Pergau turut mengajar segala aspek yang berkaitan dengan al-Quran seperti ilmu tajwid, ilmu fasahah dan ilmu waqaf dan ibtida”³²

²⁸ Temubual dengan Haji Yusop bin Embong (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid Tg Nik Haji, Kg. Batu Buruk, Kuala-Terengganu), pada 17 Ogos 2015.

²⁹ Temubual dengan Haji Mohamad bin Ismail (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu), pada 9 April 2015.

³⁰ Ibid.

³¹ Temubual dengan Haji Mohamad bin Ismail (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu), pada 9 April 2015.

³² Ibid.

Dalam aspek bakat dan kejayaan Haji Mohamad bin Ismail dalam bidang tarannum al-Quran, beliau menjelaskan :

*“ Saya pernah memenangi tilawah al-Quran sebagai johan di peringkat negeri Terengganu sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1987, 1997, dan 1998 yang melayakkan saya untuk mewakili negeri ke peringkat kebangsaan. Di peringkat kebangsaan pula, pada tahun 1997, saya mendapat tempat ketiga dan mempunyai markah yang sama dengan qari tempat kedua iaitu Hj Abdul Sattar yang mewakili Wilayah Persekutuan. ”*³³

Dalam aspek pengajaran tarannum al-Quran pula, Haji Mohamad Ismail menjelaskan:

*“ Saya aktif mengajar ilmu tarannum kepada penduduk kampung di Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir pada setiap hari Rabu bermula pukul 9.30 malam sehingga pukul 12 malam. Antara anak-anak murid yang pernah berguru dengan saya ialah En. Fakhru Razi yang menjadi Johan daerah Kuala-Terengganu pada tahun 2012. Begitu juga Che Ku Fadhil bin Che Ku Salleh. Ayah kepada Che Ku Fadhil iaitu Che Ku Salleh pernah menjadi johan qari negeri Terengganu pada tahun 1984. Selain itu, seorang qariah yang terkenal iaitu Hajjah Embat atau Siah binti Mohamad Amin pernah mendalami ilmu tarannum daripada saya. ”*³⁴

Dalam aspek kerjaya, Haji Mohamad Ismail menjelaskan :

“ Tugas asas saya ialah menjadi bilal di Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir dan juga di Masjid Kg. Jeram, Manir. Saya menjadi bilal di Masjid al-Ikhlas pada setiap hari Rabu dan Khamis. Saya biasa melaungkan azan dengan menggunakan lagu Rast, Hijaz dan Nahawan. ”

Encik Mazlan bin Ibrahim

Dari aspek demografi Mazlan bin Ibrahim³⁵ menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 11 Julai 1972 di Kampung Kemal, Gaal, Pasir Putih, Kelantan. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Changgai, Pasir Putih, Kelantan dari darjah 1 hingga darjah 6. Kemudian, saya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Gaal, Pasir Putih, Kelantan. Seterusnya, saya menyambung pelajaran ke peringkat 6 bawah dan 6 atas di Sekolah Menengah Tok Janggut, Pasir Putih, Kelantan. Setelah itu, saya menyambung pelajaran di Institut

³³ Ibid.

³⁴ Temubual dengan Haji Mohamad bin Ismail (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu), pada 9 April 2015.

³⁵ Temubual dengan Mazlan bin Ibrahim (guru Sekolah Kebangsaan Pelong, Setiu, Terengganu) pada 2 Ogos 2015.

*Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur selama 2 tahun setengah. Kemudian, beliau menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia USM, Pulau Pinang, dalam jurusan Sejarah Sains Politik selama 4 tahun secara Pendidikan Jarak Jauh.*³⁶

Dalam aspek kehidupan, Haji mazlan menjelaskan :

*“ Saya telah berumahtangga dan mempunyai 5 orang cahaya mata iaitu seorang perempuan dan empat orang lelaki. Isteri saya bernama Zuraidah binti Abdul Rahman, seorang guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Tong, Setiu, Terengganu. Saya memulakan kerjaya sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Bukit Munduk, Setiu dari tahun 1994 hingga 1995. Kemudian, saya berpindah ke Sekolah Kebangsaan Putrajaya, Setiu dari tahun 1996 hingga 2001. Seterusnya, saya ditukarkan ke Sekolah Kebangsaan Kampung Fikri, setiau dari tahun 2001 hingga 2002. Kemudian, saya ditukarkan ke Sekolah Kebangsaan Pelong, Setiu hingga sekarang.*³⁷

Dari aspek pembelajaran al-Quran, Mazlan bin Ibrahim menjelaskan :

“ Saya mula mempelajari asas-asas al-Quran dengan datuk beliau sendiri bernama Nik Mud bin Nik Ismail sejak berusia 4 atau lima tahun. Saya juga turut belajar al-Quran dengan ibu sendiri bernama Nik Jah binti Nik Mud. Selain itu, saya juga mempelajari al-Quran dengan guru dari kampung berdekatan bernama Mak Cik Halimah. Dari aspek ilmu tarannum pula, saya mempelajari ilmu tarannum daripada 9 orang guru. Saya mula-mula mempelajari asas-asas tarannum dengan suami kepada ibu saudara atau dipanggil bapa saudara sabit bernama Ismail bin Muhammad. Ismail pernah menjadi qari Pasir Putih hingga ke Peringkat negeri Kelantan. Guru Ismail adalah Haji Ma"sumPergau, Nik Jaafar, dan Hajjah Faridah. Guru saya iaitu Ismail berasal dari Kampung Selehong, Tumpat Kelantan. Guru tarannum kedua pula ialah Ismail Daud yang pernah mendapat naib johan di peringkat antarabangsa seorang bilal Masjid tumpat pada tahun 1983. Guru ketiga saya ialah Muhammad bin Awang Teh pada tahun 1996. Saya mempelajari tarannum dengan Muhammad bin Awang Teh di Masjid Putrajaya. Guru keempat Mazlan Ibrahim ialah Ustaz Muhammad Yusuf Kedondong pada tahun 2009 di Kampung Gaal iaitu Masjid Kampung Gaal, Pasir Putih Kelantan. Guru Kelima ialah Ustaz Nik Jaafar melalui Kursus Tahsin al-Quran. Guru keenam Haji Abdul Rahim juga melalui kursus Tahsin al-Quran. Ustaz Ismail Muhammad al-Hafiz juga melalui kursus Tahsin al-Quran bahagian Fasahah. Guru kelapan pula ialah ustaz Daud Che Man di Jalan Pusara pada tahun 1999. Guru kesembilan ialah Ustaz Yahya Daud di Kg. Beris Kubur Besar, Bachok, Kelantan selama 2 minggu sekali sehingga sekarang. Ustaz Yahya Daud adalah adik kepada ustaz Ismail Daud.”

Antara kejayaan yang pernah dicapai oleh Mazlan Ibrahim ialah :

“ Saya menjadi johan anjuran Peladang. Pada tahun 1999, mendapat tempat ketiga dalam Majlis tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kuching. Ketika itu saya berusia 26 tahun. Seterusnya, pada tahun 2000, beliau mendapat tempat keempat di Dewan Saadah, Wisma Muiz, Sabah kerana tersilap baris

³⁶ Ibid.

³⁷ Ibid.

kerana tersilap baris merupakan kesalahan jali. Pada tahun 2003, dalam majlis tilawah al-Quran anjuran KPM, penghakiman kali pertama saya mendapat johan, dan penghakiman kali kedua, saya mendapat naib johan dengan markah yang sama dengan peserta yang mendapat johan. Yang berbeza mata adalah dari aspek tajwid. Pada tahun 2004, saya mewakili Malaysia ke Bangkok dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa dan beliau mendapat naib johan. Pada tahun yang sama juga, saya mendapat johan dalam majlis tilawah al-Quran anjuran KPM yang diadakan di Institut Perguruan Darul Aman, Kedah atau ringkasannya adalah IPDA.³⁸

Mazlan bin Ibrahim juga pernah dilantik menjadi hakim dalam majlis tilawah al-Quran. Beliau menjelaskan:

“ Saya menjadi hakim tilawah al-Quran bahagian tarannum di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia atau KPM sejak dari tahun 1996 sehingga sekarang iaitu sehingga kajian ini dijalankan. Selain itu, saya turut menjadi hakim tilawah untuk Pendidikan Khas di peringkat kebangsaan sejak tahun 2011 sehingga sekarang. Saya juga mempunyai anak murid seramai 15 orang yang mempelajari ilmu tarannum dengan saya. Kesemua anak murid saya adalah lelaki. Mereka terdiri daripada bilal dan guru-guru J-QAF. Pengajaran tarannum bermula dari lepas solat Isyak sehingga pukul 1 pagi. Kelas pengajian tarannum diadakan di Madrasah Sungai Tong dan juga Masjid Sri Kenangan, Pelong, Setiu. Anak anak murid saya yang berjaya ialah Che Muhammad Che Awang, bilal Masjid Jabi, Besut mendapat naib johan di peringkat daerah dalam majlis tilawah al-Quran. Begitu juga, Ayub bin Deraman, seorang peniaga, naib johan dalam majlis Tilawah al-Quran peringkat daerah di Pak Kancil, Setiu.³⁹ Saya juga pernah menjadi jurulatih negeri kepada Cik Norhidayah binti Abdul Rahman semasa di peringkat Sekolah Rendah.”

Ikon kepada Cikgu Mazlan ialah Syeikh Mustafa Ismail, rakan seangkatan kepada Haji Ma⁴⁰sum Pergau, iaitu anak murid kepada Taha al-Fasyni, seorang qari terkenal di Mesir. Menurut Haji Mazlan, suara Haji Ma⁴⁰sum Pergau adalah mirip suara Syeikh Mustafa Ismail.

Encik Mohamad Hafas bin Ali

Mohamad Hafas bin Ali⁴⁰ menetap di Taman Safiah Murni, Bukit Payong, Marang, Terengganu. Dari aspek biodata diri, Mohamad Hafas menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 25 Januari tahun 1982 di Hospital Daerah Dungun, Terengganu. Kini,berusia 33 tahun. Sudah berumahtangga dan berwarganegara Malaysia. Dari aspek akademik, saya bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Batu

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Temubual dengan Hafas bin Ali (Imam Masjid Bukit Payung) pada 2 Jun 2015.

48 Dungun sehingga darjah enam sehingga mengambil UPSR. Kemudian, saya menyambung persekolahan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail Dungun pada tahun 1997 sehingga ke tingkatan tiga dan menduduki peperiksaan PMR. Setelah itu, saya menyambung alam persekolahan di Maahad Tahfiz Negeri Terengganu, Padang Midin, Terengganu pada tahun 2001 dan mengambil peperiksaan SPM di Maahad tersebut. Pada tahun 2002, saya memperoleh Sijil Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu dengan pangkat Mumtaz. Saya juga memperoleh Sijil Khatam Hafaz al-Quran Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Terengganu. Pada tahun 2004, saya mendapat Diploma Kuliah Ulum Islamiyyah wal-Qiraat (KUIQ) di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu (MTANT) dengan pangkat Mumtaz. Pada tahun yang sama juga, saya memperolehi Sijil Bahasa Arab di Markaz al-Dewan, Mesir dengan pangkat Jayyid Jiddan. Pada tahun 2006, saya memperoleh Ijazah Riwayat Hafs dari „Asim dari as-Syaikh Muhammad Abd. Nabi bin Abd. Al-Hasib. Saya juga memperoleh Ijazah Sarjana Muda (BA) Kuliah Usuluddin bahagian Tafsir dan Ulum Al-Quran pada tahun 2006, di Universiti al-Azhar al-Syarif, Kaherah, Mesir dengan pangkat Jayyid.⁴¹

Dalam pembelajaran al-Quran dan tarannum, Hafas Ali menjelaskan :

“ Saya mula mengenali al-Quran daripada ibu bernama Kamariah binti Abdul Malik. Kemudian, saya mula mengenali tarannum daripada bapanya bernama Ali bin Yahya. Bapa saya membiasakan anak-anaknya dengan membaca lagu bayati bermula ayat 102, surah al-Baqarah. Pengulangan bacaan irama itu menjadi kebiasaan sehingga lama-kelamaan ia melekat dalam minda. Proses pembelajaran secara separa sedar itu menjadi asas pembelajaran tarannum kepada adik-beradiknya. Beberapa orang adik-beradik saya terkenal dengan mahir bertarannum. Saya mula mengenali irama bayati tanpa mengetahui nama lagu tersebut adalah bayati. Peringkat pertama, saya mempelajari 4 lagu asas iaitu Bayati, Soba, Hijaz dan Nahawand. Manakala peringkat kedua ialah Jiharkah, Rast dan Sikah.”

Mohamad Hafas begitu aktif melibatkan diri dalam bidang tarannum sejak di bangku sekolah. Dari aspek penglibatan dalam bidang tarannum, Hafas Ali menjelaskan :

“Pada tahun 1999 dan 2000, saya mendapat Johan Tilawah dan Tafsir Menengah Tinggi, pada Musabaqah sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Terengganu. Saya menjadi johan dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Terengganu pada tahun 2002, 2003, 2007, 2008, 2009, 2011, 2012 dan 2015. Pada 20-28 November 2002, saya mewakili negara Malaysia sebagai Qari Jemputan ke Negara Mauritius bagi Program Ihya” Bulan Ramadhan di negara tersebut. Pada tahun itu juga, saya memperoleh Naib Johan dalam majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Ke-45 anjuran Kerajaan Malaysia yang diadakan di Pulau Pinang. Pada tahun 2003, saya mewakili negara Malaysia dalam Tilawah al-Quran Peringkat antarabangsa ke-20 di Tehran, Iran. Pada tahun 2007, saya memperoleh naib Juara Akademi Al-Quran musim

⁴¹ Temubual dengan Hafas bin Ali (Pegawai Hal Ehwal MAIDAM, Masjid Kg. Bukit Payung)

ke-2. Tahun 2013, saya mewakili negara Malaysia dalam Tilawah al-Quran Peringkat antarabangsa di Jakarta, Indonesia.⁴²

Mohamad Hafas mendalami ilmu tarannum dengan mengikuti Kursus Tahsin Bacaan Al-Quran. Beliau menjelaskan :

“ Saya mengikuti Kursus Tahsin Bacaan al-Quran pada 20 hingga 24 Dis 2003 Sempena Majlis Tilawah Antarabangsa Kali ke- 45 tahun di Hotel Legend, Kuala-Lumpur. Ahli panelnya adalah hakim-hakim tilawah antarabangsa. Mereka ialah Syeikh Mahmoud Amin Tantawy hakim dari Mesir, Syeikh Mohammed Ali „Afy hakim dari Maghribi, dan Drs. H. Nasrullah Djamaluddin hakim dari Indonesia. Saya juga mengikuti kursus-kursus Tahsin Tilawah. Saya berpeluang mendalami ilmu ini semasa berada di bumi Mesir dengan mengikuti serta mengkaji alunan tarannum yang dibawa oleh qari-qari masyhur di Mesir seperti Syeikh Ahmad Nuaina, murid kepada Qari Terkenal Syeikh Mustafa Ismail, Syeikh Raghieb Mustafa Ghalwash, dan Syeikh Muhammad Syahat Anuar. Saya mempelajari Al-Quran dan tarannum daripada tokoh-tokoh al-Quran yang terkenal di Malaysia seperti Tuan Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail hakim tilawah antarabangsa dan kebangsaan, Tan Seri Dato” Syeikh Ismail Bin Mohamad Al-Hafiz Imam Besar Masjid Negara hakim tilawah kebangsaan dan antarabangsa, Dato” Haji Mohamad Bin Asri, hakim tilawah kebangsaan, Hajjah Faridah Binti Mat Saman, Johan Tilawah kebangsaan dan antarabangsa sebanyak 8 kali.”⁴³

Mohamad Hafas juga turut dijemput sebagai Qari Jemputan. Beliau menjelaskan:

“ Saya menjadi qari jemputan di Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Sempena Hari Pertabalan Duli Yang Dipertuan Agong Di Masjid Negara Pada 26 April 2007, Majlis Nuzul Quran Parlimen Kepala Batas Pulau Pinang 21 Nov 2002 daripada Setiausaha Politik 11 kepada TPM, Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Terengganu 1423/2002, dirasmikan oleh Tuanku Al-Sultan, Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Terengganu 1424/2003, dirasmikan oleh Tuanku Al-Sultan, Majlis Perasmian Perayaan Jubli Perak Lembaga Muzium Negeri Terengganu 23 Julai 2003, dirasmikan oleh Tuanku Al-Sultan, Perasmian Wisma Kastam Terengganu 24 Oktober 2002, dirasmikan oleh Tuanku Al-Sultan, Perasmian Bangunan Kolej Yayasan Terengganu Chendering 21 Julai 2002, dirasmikan oleh Tuanku Al-Sultan, Perasmian Masjid Pulau Redang, Kuala Terengganu 12 Jun 2003, dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu, Majlis Perasmian Masjid Beris Meraga, Kijal, Kemaman 1 Ogos 2003, dirasmikan oleh Tuanku Al-Sultan Mizan, Majlis Perasmian Masjid Padang Nenas, Kuala Terengganu 8 Ogos 2003, dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu, dan Majlis Sambutan Hari Keputraan DYMM Tuanku Al-Sultan, Marang 8 Ogos 2001, dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu.”

Selain daripada berpengalaman dalam ilmu tarannum, Mohamad Hafas juga berkemahiran dalam ilmu Qiraat. Beliau menjelaskan :

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid.

“ Pada tahun 1998 hingga 2002, beliau mempelajari Qiraat Sab‘ah untuk Shahadah Maahad Tahfiz Al-Quran, Terengganu. Pada tahun 2003 hingga 2005, saya mempelajari Qiraat Sab‘ah untuk Diploma Kuliah Ulum Islamiah Wal-Qiraat di MTANT. Pada tahun 2005 hingga 2007. Saya mempelajari Syarah Usul Matan al-Syatibi dan Usul Matan Ibnu al- Jazari, Toyyibah al-Nasyar dengan Sheikh Abd Nabi bin Al-Hasib.⁴⁴

Selain daripada akademik, Mohamad Hafas turut aktif dan melibatkan diri dalam bidang kokurikulum. Beliau menjelaskan :

“ Pada Tahun 2001, saya menjadi Presiden Persatuan Bahasa Arab (Jamla’) MTANT. Tahun 2000/2001, saya menjadi Yang Dipertua atau YDP Dewan Perwakilan Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu. Tahun 2001, saya menjadi Pengerusi SPR bagi memilih exco Dewan Perwakilan Pelajar MTANT. Tahun 2003 dan 2004, saya dilantik sebagai Ketua Lajnah Ibadah dan Dakwah bagi Persatuan Siswa Kuliah Ulum Islamiyyah wal-Qiraat (PerSisKUIQ). Tahun 2004, dilantik menjadi hakim Majlis Hafazan anjuran TNB peringkat Negeri Terengganu dan hakim Musabaqah Sekolah-sekolah Agama negeri Terengganu.”

Dalam bidang kerjaya pula, Hafas Ali menjelaskan :

“ Pada tahun 2003 hingga 2004, saya menjadi Imam Masjid Abidin atau dikenali dengan Masjid Putih, K. Terengganu. Masjid Abidin juga adalah masjid negeri. Pada tahun 2003 hingga 2004, saya menjadi tenaga pengajar bagi kelas semasa tarannum al-Quran di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu. Pada tahun 2003, saya menjadi tenaga pengajar tarannum dan al-Quran di TNB Kuala Terengganu. Pada tahun 2005 dan 2006 , saya bertugas sebagai Imam Terawih pada bulan Ramadhan di Masjid Ar-Raudhah, Singapura. Pada tahun 2007 hingga 2014, saya menjadi Pensyarah di Institut Al-Quran Terengganu. Saya juga menjadi Qari bagi Program Penyiaran Radio Terengganu Malaysia (RTM). Pada tahun 2014 hingga sekarang, saya menjadi Pegawai Hal Ehwal Islam (MAIDAM).”

Encik Ahmad Tarmizi bin Ali

Ustaz Ahmad Tarmizi⁴⁵ dilahirkan dalam keluarga yang penuh sederhana dan mementingkan susana roh al-Quran. Keadaan ini menjadi pendorong dan pencetus kepada Ustaz Ahmad Tarmizi berdampingan dengan kitab suci itu. Ustaz Tarmizi menjelaskan :

“ Saya adalah anak kelima daripada 12 orang adik beradik. Ayah saya seorang yang mengambil berat terhadap pengajian al-Quran dan mementingkan pendidikan al-Quran di rumah dengan memastikan anak-anaknya membaca al-Quran pada setiap hari. Ayah

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Temubual dengan Ahmad Tarmizi bin Ali (Mudir Akademi Al-Quran al-Tirmizi, Bukit Jelutong, Shah Alam) pada 30 Ogos 2015.

saya iaitu Haji Ali bin Yahya berusaha untuk menimbulkan minat anak-anak mereka kepada al-Quran.”

Dari aspek pendidikan, Ustaz Ahmad Tarmizi menjelaskan:

“ Saya memperoleh Diploma Tahfiz daripada Institut Al-Quran Terengganu (IQT), Terengganu. Seterusnya, saya menyambung pelajaran di al-Azhar, Mesir, di peringkat Ijazah dalam bidang al-Quran dan Qiraat selama tiga tahun bermula tahun 2006 hingga 2009.”

Dari aspek penglibatan Ustaz Tarmizi dalam tilawah al-Quran dan pembelajaran tarannum, beliau menjelaskan :

“ Saya bermula sejak di peringkat sekolah rendah lagi. Saya mendapat pendedahan dengan majlis tilawah al-Quran mewakili sekolah hingga ke peringkat negeri. Kejayaan yang pernah dikecapi ialah dengan memenangi sebanyak lima kali berturut-turut peringkat sekolah-sekolah negeri Terengganu. Semasa sedang menuntut di IQT, saya mula menyertai tilawah al-Quran anjuran JAKIM. Saya menjadi johan peringkat negeri Terengganu pada tahun 2004, 2005, 2011 dan 2014. Pada tahun 2010, saya menjadi johan Akademi al-Quran kali keempat anjuran TV9. Pada tahun 2010 juga, saya menunjukkan kegemilangan dengan menjadi johan hafazan peringkat kebangsaan. Saya juga menjadi johan hafazan dan tilawah di Casablanca, Morocco pada tahun 2011. Dalam majlis tilawah di peringkat kebangsaan pula, saya mendapat tempat ketiga pada tahun 2011. Pada tahun 2014 adalah tahun bersejarah bagi saya kerana menjadi Johan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun 2015, saya mendapat johan dalam Majlis Tilawah al-Quran di Peringkat Asean di Thailand.”⁴⁶

Dari aspek susur galur guru al-Quran, Ahmad Tirmizi menjelaskan :

“ Saya mula-mula mengenali al-Quran dengan ibu dan ayah saya sendiri. Ibu bernama Kamariah binti Abdul Malik manakala ayah bernama Ali bin Yahya. Bapa saya pernah menjadi qari di peringkat daerah Dungun pada awal tahun 1990-an. Seterusnya, saya mempelajari ilmu tarannum dengan Hj. Daud Che Man di rumah Hj. Daud. Ketika itu, saya sedang belajar di IQT. Selain itu, saya juga turut bertalaqqi al-Quran dengan Tan Sri Sheikh Ismail, dan Tan Sri Hasan Azahari dari aspek tajwid, fasahah dan waqf dan ibtida”. Selain itu, saya juga mempelajari tarannum daripada Datuk Paduk Haji Nik Jaafar, Tuan Haji Abdul Rahim, Ustaz Haji Che Yahya bin Daud dan Dato” Faizol. Semasa menuntut di Mesir juga, saya diberi ruang mempelajari tarannum daripada almarhum Syeikh Fathi al-Maliji iaitu anak murid kepada Sheikh Mustafa Ismail. Selain itu, saya turut mempelajari tarannum daripada rakaman youtube, kaset-kaset dan cakera padat daripada qari-qari terkenal seperti Sheikh Muhammad bin Abdul Nabi.”

Dari aspek kerjaya, Ahmad Tirmizi menjelaskan :

“ Saya kini menjadi pengetua di Akademi al-Quran al-Tirmizi di Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor. Selain itu juga, saya menjadi penceramah dalam Program Bismillah di

⁴⁶ Ibid.

TV3, Kelas Tarannum dalam Halaqah di TV9, program Tanya dan Ngaji di Astro Oasis dan panel jemputan al-Hijrah. Saya juga dijemput menjadi qari jemputan dalam majlis Maal Hijrah peringkat kebangsaan dan qari jemputan di dalam dan luar negara seperti di Singapura, Brunei dan Thailand.”

Encik Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman

Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman⁴⁷ menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 18 April 1983, di Kampung Gong Kijang, Bukit Tunggul, Kuala-Nerus, Terengganu. Pada tahun 2015, saya berumur 32 tahun. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Bukit Tunggul dari darjah satu hingga darjah enam. Kemudian, saya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Bukit Tunggul dari tingkatan satu hingga tingkatan 3. Ketika di tingkatan empat dan lima, saya belajar Maahad Tahfiz Padang Midin yang kini dikenali sebagai Institut Al-Quran Terengganu atau IQT. Selepas mengambil SPM, saya menyambung pelajaran di Diploma Tahfiz Darul Quran, JAKIM, Kuala-Kubu Baru, Selangor selama tiga tahun. Seterusnya, saya menyambung pelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah selama 4 tahun di peringkat Ijazah Sarjana Muda.”

Ahmad Tarmizi telah menyerlahkan bakat dalam bidang tarannum al-Quran sejak di peringkat sekolah rendah. Ahmad Tarmizi menjelaskan :

“ Saya mula mewakili sekolah dalam pertandingan majlis Tilawah al-Quran semasa berada dalam darjah tiga sehingga ke peringkat daerah. Begitu juga, ketika dalam darjah empat dan lima. Ketika dalam darjah enam, saya berjaya ke peringkat negeri dan memperolehi tempat kedua. Manakala nombor satu ialah Ustaz Tarmizi Ali. Di peringkat sekolah menengah juga, saya seorang yang aktif melibatkan diri dalam pertandingan Tilawah al-Quran. Semasa berada di tingkatan satu, saya berjaya sehingga ke peringkat daerah. Semasa berada di tingkatan dua, saya berjaya menjadi johan di peringkat negeri dan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan yang diadakan di Manjung, Perak. Semasa di tingkatan tiga juga, saya berjaya hingga ke peringkat negeri. Semasa belajar di Institut Darul Quran, JAKIM, saya menyertai pertandingan Tilawah al-Quran mewakili negeri Selangor dan mendapat naib johan pada tahun 2001. Semasa di Darul Quran, saya mengambil kursus Tarannum sebagai kokurikulum. Pada tahun 2001 hingga 2004, saya menyertai program Televisyen TV1 dalam Rancangan Furqan yang disiarkan pada pukul 6.30 pagi. Rancangan ini adalah mengenai pembelajaran tarannum yang diajar oleh seorang guru bernama Datuk Mohd Asri. Dari situ, saya dapat mengenali bacaan secara wuslah al-mumathalah. Pada tahun 2006 dan 2007, saya menyertai pertandingan Tilawah mewakili Hulu Selangor. Di samping menyertai majlis tilawah al-Quran anjuran JAKIM, saya juga seorang yang aktif dengan menyertai Majlis Tilawah anjuran Belia 4B Malaysia dan menjadi johan

⁴⁷ Temubual dengan Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman (Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai), pada 16 September 2015.

*pada tahun 2006 dan 2007. Dengan menyertai banyak pertandingan, saya mendapat banyak pendedahan dan pengalaman dalam tarannum.*⁴⁸

Tarmizi Abdul Rahman bergiat aktif dalam siaran telecisyen. Beliau menjelaskan :

“ Saya pernah memasuki rancangan Akademi al-Quran anjuran stesyen Televisyen TV9. Saya pernah menyertai rancangan Akademi al-Quran di TV9 siri kedua pada tahun 2007. Kemudian, saya menyertai sekali lagi AQ siri ketiga, tahun 2008 dan mendapat tempat ketiga final. Pada masa itu, mursyid tarannum ialah Ustaz Yahya Daud. Pada tahun 2009 pula, dalam AQ4, saya menjadi mursyid bahagian tajwid manakala ustaz Anuar Hasin menjadi mursyid tarannum. Pada tahun itu, juara AQ4 dimenangi oleh Tarmizi Ali. Dalam AQ5 pula, saya dilantik menjadi mursyid tajwid, manakala Tarmizi Ali menjadi mursyid bahagian tarannum.”

Mengenai kemenangan Ahmad Tarmizi, beliau menjelaskan:

“ Pada tahun 2009, saya menyertai Majlis Tilawah al-Quran di Terengganu dan mendapat tempat ketiga semasa di peringkat negeri Terengganu. Manakala pada tahun 2010, beliau menjadi johan peringkat negeri Terengganu dalam majlis tilawah al-Quran. Minat yang tinggi menggalakkan saya menyertai majlis tilawah al-Quran. Beliau turut menjadi peserta dalam majlis tilawah al-Quran pada tahun 2011 dan 2013. Pada tahun 2015 pula, saya menjadi naib johan dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu.”

Faktor dorongan keluarga adalah salah satu sebab kejayaan Ahmad Tarmizi dalam bidang tarannum. Ahmad Tarmizi menjelaskan:

“Saya mula belajar al-Quran daripada bapa sendiri iaitu Abdul Rahman Salleh, seorang bilal Masjid Putih, Kuala-Terengganu. Saya selalu mengikuti bapa ke masjid. Semasa di masjid, ayah saya memasang bacaan al-Quran Sheikh Mahmud al-Khusori pada setiap hari.”

Berdasarkan penjelasan Ahmad Tarmizi, didapati bahawa beliau memperolehi pendedahan awal melalui proses minda separa sedar tentang lenggok lagu Syeikh al-Khusori. Lama-kelamaan, lagu tersebut menjadi sehati dalam diri beliau.⁴⁹

Ahmad Tarmizi menjelaskan:

“ Semasa saya berada dalam darjah empat, bapan saya ditugaskan sebagai bilal di Masjid Wakaf Tembesu. Saya mula mempelajari tarannum dengan datuk saudara saya Allahyarham Muda bin Abdullah di Batu Rakit. Encik Muda pernah berguru dengan

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Ibid.

Ustaz Rashid Ali. Anak kepada Encik Muda bernama Abdul Soma bin Muda pernah mewakili daerah Kuala Terengganu. Datuk saudara saya sering mengajak saya ke majlis berzanji dan maulidurrasul. Dari situ, saya mendapat pendedahan tentang lagu-lagu tarannum. Pada masa itu juga, qari Terengganu bernama Yusop Embong menjadi bilal masjid Wakaf Tembesu. Ayah saya membawa saya ke masjid mempelajari tarannum selepas solat asar. Selain itu juga, bapa saya belajar dengan qari Terengganu bernama ustaz Mohamad Ismail yang pada ketika itu, beliau menjadi bilal di masjid Kg Wakaf Tembesu. Hasrat bapa saya ialah supaya saya dapat menjadi seorang qari dan lancar membaca al-Quran. Kesungguhan bapa saya terserlah ketika saya berada di tingkatan satu bapanya membuat umpan dengan mengajak makan satay semata-mata supaya saya dapat mempelajari ilmu tarannum. Saya mempunyai bilangan adik-beradik seramai tujuh orang, manakala abang kedua saya juga boleh bertarannum dan wakil sekolah memasuki persembahan berzanji. Semasa berada di sekolah menengah, saya menghadiri kelas tarannum di masjid Wakaf Tembesu yang dikendalikan oleh Hajjah Siah lepas solat Isyak.⁵⁰

Dalam memantapkan lagi kemahiran bertarannum, Tarmizi menjelaskan :

“ Saya mendengar alunan irama tarannum melalui cakera padat oleh Amir Rahman, Abdullah Fahmi, dan Anuar Hasin, Sheikh Mustafa Ismail, Mustafa Ghalwash, Dr Nui“na,” anak murid kepada Dr Nu“na,” qari Bangladesh bernama Sheikh Ahmad Yusof, dan Misyari. Saya juga mendapat pendedahan daripada ustaz Daud Che Man melalui kursus Tahsin al-Quran semasa di Darul Quran. Saya pernah berada selama seminggu di rumah Haji Nik Jaafar melalui Kerajaan Negeri Selangor. Saya juga turut belajar daripada Dato” Faizol, qari antarabangsa negeri Pahang. Saya juga memperolehi banyak manfaat daripada Kursus Tahsin al-Quran. Saya bercadang agar Kursus Tahsin al-Quran diadakan pada setiap bulan untuk peserta tilawah. Manakala fasilitator pula terpilih dari kalangan pakar tarannum dan qari antarabangsa. Melalui kursus Tahsin al-Quran, saya pernah berguru dengan Haji Mohd Nor Besar. Saya juga pernah bertalaqqi dengan ustaz Rashid Ali di Masjid Batu Rakit, Kuala-Terengganu.”

Kepakaran yang dimiliki oleh Tarmizi, mendapat sambutan daripada rancangan siaran televisyen. Ahmad Tarmizi menjelaskan :

“ Saya menjadi panel dalam rancangan Halaqah di TV9, Qari Rancangan Bismillah di TV3 tahun 2015, dan Rancangan Tilawah Interaktif di TV1 pada hari Khamis pukul 6.20 petang. Selain itu, saya mendapat jemputan membaca al-Quran di Singapura sempena Konvensyen Anugerah al-Quran di Singapura pada 24 Mei 2015.”⁵¹

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Ibid.

3.3.2 Para Qari Wanita

Berikut adalah biodata qari wanita yang dikenal pasti sebanyak 4 orang qariah kesemuanya. Bilangan ini melibatkan qariah yang tidak berguru dengan Hajjah Rogayah.

Puan Wook binti Hasan

Berdasarkan latar belakang Hajjah Wook binti Hasan⁵², beliau menjelaskan :

“ Saya dilahirkan di Kampung Pak Madah, Marang Terengganu pada tahun 1937. Usia saya pada tahun 2015 ialah 78 tahun. Saya mempunyai lapan orang adik beradik. Saya mempunyai anak seramai 4 orang iaitu seorang lelaki dan 3 perempuan. Kini, saya menetap di Kg Pak Madah berdekatan dengan Surau Haji Awang yang terletak di Kg. Pak Madah. Saya dilahirkan dalam latar belakang keluarga yang mementingkan keagamaan. Ibu saya sendiri mengajar al-Quran kepada masyarakat kampung yang terdiri daripada jiran dan sanak-saudara saya. Datuk saya pernah mempelajari ilmu-ilmu agama di pondok agama yang terletak di Kelantan. Sejak kecil lagi, bapa saya sering mengajak saya mendalami ilmu agama dengan menghadirkan diri di Masjid Pak Madah berdekatan dengan rumah saya. Saya seorang anak yang pintar dan cepat mengenali al-Quran serta mempunyai suara yang lunak merdu secara semulajadi. Saya sering dijemput untuk memperdengarkan al-Quran di dalam majlis-majlis keraian. Ketika saya berusia 10 tahun, saya sering dijemput oleh Dato” Haji Salleh bin Awang atau dikenali sebagai Dato” Misbaha memperdengarkan alunan al-Quran kepada masyarakat untuk mengutip derma bagi pembinaan Sekolah Menengah Agama Khairiah, Gong Kapas, Kuala-Terengganu.⁵³

Hajjah Wook binti Hasan mempunyai rakan seangkatan yang berkecimpung dalam bidang tilawah al-Quran. Beliau menjelaskan:

“ Saya mempunyai rakan seangkatan dengan Zainabun yang tinggal di Kg Batu Enam, Kuala-Terengganu, Terengganu dan Hajjah Wan Maliah Binti Ismail yang tinggal di Kg Padang Air, Kuala-Terengganu. Saya juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Dato” Hajjah Rogayah binti Sulong. Kami adalah keturunan yang mementingkan pengajian al-Quran dan menitikberatkan pengajaran al-Quran kepada orang ramai.⁵⁴ Saya pernah mempelajari al-Quran dengan Haji Mat Lintar.⁵⁵

⁵² Temubual dengan Hajjah Wook binti Hasan, (Guru al-Quran dan Qariah negeri Terengganu, Kg Pak Madah) pada 6 Mac 2015.

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Ibid.

⁵⁵ Ibid.

Puan Hajjah Siti Mas Binti Ismail

Hajjah Siti Mas binti Ismail menjelaskan tentang biodata diri beliau iaitu :

“ Saya dilahirkan di Kampung Pasir Putih, Kelantan pada tahun 1955. Selepas berumahtangga, saya tinggal bersama suami di Kampung Pancung, Besut Terengganu. Saya berumahtangga pada tahun 1972. Saya memperolehi anak seramai sembilan orang. Setelah itu, saya tinggal di Kampung Baru, Kuala-Besut, Besut Terengganu. Saya mula mempelajari al-Quran daripada ibu saya bernama Halijah binti Ibrahim. Saya mempunyai potensi dari aspek suara. Saya mula mempelajari asas-asas ilmu tarannum daripada Haji Ahmad bin Matsom Pergau secara mingguan di Masjid Ibrahim, Kelantan ketika beliau berusia 24 tahun. Saya juga mempelajari daripada Haji Mat Som di Masjid Putih, Kuala-Terengganu. Kemudian, saya mempelajari tarannum daripada Hajjah Siti Nor Ismail, mantan qariah negeri Kelantan. Saya juga mempelajari tarannum daripada ustaz Haji Hassan Musa. Seterusnya beliau mempelajari daripada Hajjah Faridah Mat Saman di Pasir Mas Kelantan. Saya juga turut mempelajari ilmu tarannum daripada Haji Nik Jaafar. Akhirnya, saya mempelajari tarannum al-Quran daripada Haji Rahim bin Mohamad di Masjid Kampung Raja pada setiap hari Selasa malam Rabu. Justeru itu, minat yang ada pada saya mendorong diri saya untuk berusaha dan bersungguh untuk mencari guru-guru tarannum ke arah pemantapan diri. Selain daripada itu juga, Haji Rahim turut mengajar ilmu tarannum di rumah saya sendiri sejak tahun 2007 iaitu selama 6 tahun. Turut hadir mempelajari ilmu tarannum ialah rakan-rakan beliau seramai sembilan orang yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Dengan bakat, potensi, minat dan kesungguhan yang ada pada saya melayakkan diri untuk menjadi johan sebanyak 6 kali di peringkat negeri Terengganu.”⁵⁶

Selain daripada itu, Hajjah Siti Mas menjelaskan :

“ Saya turut belajar rawi bersama rakan-rakan beliau. Guru saya ialah Hajjah Wan Midah binti Wan Mohamad Amin. Saya mempelajari rawi boleh menggunakan tiga lagu iaitu Sikah, Rakbi dan Rast. Dalam satu persembahan, dibenarkan memilih salah satu lagu sahaja dari awal sampai akhir. Antara anugerah yang pernah saya perolehi dalam pertandingan rawi ialah Pembaca Rawi Terbaik tahun 2010, di peringkat negeri di Batu Buruk, Kuala-Terengganu, Terengganu. Selain itu, saya mengajar al-Quran bagi pelajar lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Dato” Ismail sebanyak empat kali dalam seminggu. Saya juga mengajar di masjid Gong Guchil, Besut Terengganu. Saya sudah berhenti mengajar sejak 2 atau 3 bulan dari tarikh temubual kerana sakit. Salah seorang anak yang mengikut jejak langkah saya ialah anak perempuan beliau yang kesembilan bernama Nor Izzati binti Mohamad. Nor Izzati berjaya menjadi johan tilawah al-Quran sebanyak dua kali di peringkat negeri Terengganu. Ketika ini beliau berusia 16 tahun.⁵⁷ Bagi pendapat saya, seseorang itu boleh mempelajari tarannum al-Quran sekiranya mempunyai bakat, minat dan kesungguhan.”

⁵⁶ Temubual dengan Hajjah Siti Mas binti Ismail (Qariah negeri Terengganu, Kg. Baru, Kuala-Besut,) pada 8 Jun 2015.

⁵⁷ Ibid.

Puan Hajjah Raziyati binti Mohd Ali

Kajian berbentuk temubual dijalankan ke atas informan wanita iaitu seorang qariah yang masih bergiat aktif dalam bidang pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran,

Puan Hajjah Raziyati binti Mohd Ali. Beliau menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 1966, di Kampung Tasik, Padang Kabar, Bukit Payung, Marang, Terengganu. Saya mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Tasik dan peringkat menengah pula di Sekolah Menengah Agama Durian Guling dari tingkatan satu hingga tingkatan 3. Kemudian, saya menyambung pelajaran di peringkat menengah atas di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala-Terengganu, Terengganu.”⁵⁸ Saya berumahtangga pada tahun 1986 dan memperolehi 5 orang anak, 3 lelaki dan 2 perempuan. Suami saya bernama Haji Yusof bin Haji Mohamad. Kini, saya bekerja sebagai seorang guru agama KAFA di Sekolah Kebangsaan Kubang Ikan, Chendering, Marang, Terengganu.”

Mengenai pembelajaran al-Quran, Hajjah Raziyati menjelaskan :

“ Saya mula mempelajari asas-asas al-Quran dengan datuk saya bernama Haji Abdul Ghani bin Ali. Saya mula mewakili sekolah memasuki pertandingan tilawah al-Quran semenjak di bangku sekolah lagi iaitu ketika darjah tiga. Mulai darjah 6, saya mempelajari ilmu tarannum al-Quran dengan Hajjah Zaharah Embong, mantan qariah peringkat negeri Terengganu pada tahun 1975. Saya mempelajari tarannum dengan Hajjah Zaharah sehingga di peringkat menengah rendah iaitu di Sekolah Menengah Agama Durian Guling. Semasa memasuki pertandingan tilawah al-Quran di peringkat sekolah, saya sentiasa menjadi johan. Ini menunjukkan bakat dan kesitimewaan beliau sudah terserlah semenjak di peringkat sekolah rendah lagi. Setelah kematian Hajjah Zaharah, saya mula mempelajari ilmu tarannum al-Quran dengan Haji Daud Che Man selama 15 tahun sehingga sekarang secara bulanan iaitu semenjak tahun 2000.”⁵⁹

Pembelajaran beliau adalah secara berterusan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran dalam ilmu tarannum. Hajjah Raziyati menjelaskan bahawa untuk memahirkan diri ke arah pementapan yang tinggi memerlukan masa yang lama, dan ketekunan. Dari aspek pengajaran pula, beliau menjelaskan :

“ Saya turut mengajar pelajar MTQ dari darjah 3 hingga tingkatan 2 pada setiap hari Jumaat malam Sabtu. Saya juga mengajar al-Quran dan tarannum di Surau Kampung Aur pada setiap hari Khamis pada pukul 9 pagi. Saya juga turut mengajar di

⁵⁸ Temubual dengan Hajjah Raziyati binti Ali (qariah negeri Terengganu, Sekolah Kebangsaan Kubang Ikan , Cendering), pada 11 Mac 2015.

⁵⁹ Ibid.

Masjid Tebakang pada setiap hari Selasa pukul 9 pagi. Begitu juga di Surau Muhammadiyah, Kuala Bekah pada setiap hari Jumaat pukul 9 pagi.”⁶⁰

Daripada aktiviti harian Hajjah Raziyati, dapat dianalisis bahawa beliau sentiasa aktif melibatkan diri dengan aktiviti pengajaran ilmu tarannum dan al-Quran serta aktif dalam pembelajaran berterusan dengan mengasah bakat beliau ke arah yang lebih baik.

Hajjah Raziyati menegaskan :


“ Antara ciri-ciri keistimewaan untuk mempelajari ilmu tarannum ialah bakat, air suara, alunan, lembut, kasar dan memahami pengertian al-Quran.”⁶¹

Hajjah Raziyati juga menjelaskan untuk memperbaiki mutu suara, seseorang qari perlu menjaga dari aspek pemakanan seperti tidak makan makanan berminyak dan minuman berais.⁶²

Kejayaan yang pernah diperolehi oleh Hajjah Raziyati :

“Menjadi johan di peringkat negeri sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 2007 dan 2008. Pada tahun 2007, saya mendapat naib johan di peringkat kebangsaan yang diadakan di Melaka pada ketika itu. Antara kenangan manis juga, saya mendapat naib johan di peringkat antarabangsa dalam majlis tilawah al-Quran di bawah anjuran negeri Melaka pada tahun 2014.”⁶³

Ini menunjukkan bakat beliau juga terserlah di peringkat antarabangsa. Di bawah ini dijelaskan tentang susur galur guru-guru tarannum beliau:



Rajah 3.3.2 (i) : Guru Tarannum Raziyati Ali

(sumber: temubual dengan Hajjah Raziyati Ali pada 11 Mac 2015)

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ Temubual dengan Hajjah Raziyati binti Ali (qariah negeri Terengganu, Sekolah Kebangsaan Kubang Ikan , Cendering), pada 11 Mac 2015.

⁶² Ibid.

⁶³ Ibid.

Cik Nor Hidayah binti Abdul Rahman

Dari segi biodata diri, Nor Hidayah binti Abdul Rahman menjelaskan :

“ Saya dilahirkan pada 27 Januari 1991 di Kampung Ladang Bari, Sungai Tong, Setiu, Terengganu. Semasa kajian ini dijalankan, saya berusia 24 tahun. Mendapat pendidikan awal di peringkat sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Kampung Ladang Bari, Sungai Tong, Setiu, Terengganu. Kemudian, saya menyambung pelajaran di peringkat Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong, Setiu, Terengganu dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Seterusnya, saya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Sungai Tong di tingkatan 6 bawah dan 6 atas selama 2 tahun. Setelah itu, saya menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) antara tahun 2011 hingga 2015 di bidang Rekabentuk Perindustrian selama 3 tahun setengah.”⁶⁴

Dari aspek kejayaan Norhidayah dalam bidang tarannum, beliau menjelaskan :

“ Saya mula menceburi majlis tilawah al-Quran semenjak darjah tiga pada tahun 2004. Ketika itu, saya berjaya menjadi Naib johan dalam majlis tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu. Seterusnya, ketika berada dalam darjah 4, saya berjaya memperolehi Naib johan di peringkat Kebangsaan pada tahun 2005. Norhidayah juga mewakili negeri ke peringkat kebangsaan ketika darjah lima. Manakala darjah enam, saya mendapat tempat ketiga di peringkat kebangsaan. Begitu juga di peringkat sekolah menengah, saya sentiasa mewakili negeri semenjak dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dalam majlis tilawah al-Quran dengan singkatan MTQ. Semasa berada di tingkatan 3, saya mendapat johan kebangsaan dalam MTQ. Begitu juga semasa di tingkatan 5, saya mendapat johan dalam MTQ di peringkat Kebangsaan.”⁶⁵

Dari aspek pembelajaran tarannum al-Quran, Norhidayah menjelaskan :

“ Saya mula mendalami al-Quran daripada bapa sendiri iaitu Abdul Rahman bin Omar. Ibu saya bernama Lijah binti Osman. Saya mempelajari al-Quran ketika berusia 5 tahun. Ketika berusia 9 tahun, ayah saya mengajar ilmu tarannum setelah saya terpilih mewakili sekolah rendah menyertai pertandingan tilawah al-Quran. Ayah saya banyak memainkan peranan penting dalam pembelajaran tarannum dan meletakkan asas-asas pengenalan dan lagu sejak dari kecil. Berkenaan dengan pengenalan diri ayah saya, merangkap guru tarannum saya, ayah saya adalah seorang Imam Masjid Kg Ladang Bari, Setiau, Terengganu. Selain daripada itu, ayah saya mengajar kursus tarannum di Kolej Bestari, Setiu, Terengganu. Ayah saya pernah mewakili daerah Setiu dalam majlis Tilawah al-Quran pada tahun 1989, 1990 dan 1991. Berdasarkan susur galur guru kepada ayah saya, beliau pernah mempelajari ilmu tarannum daripada Haji Wan Jaafar. Haji Wan Jaafar pula adalah salah seorang daripada anak murid kepada Haji Ahmad bin Matsom Pergau yang pernah bertalaqqi sebanyak 30 juzuk al-Quran daripada awal surah sehingga akhir. Itu adalah satu kehebatan yang dimiliki oleh guru ayah saya iaitu Haji Wan Jaafar. Begitu juga kelebihan yang dimiliki oleh ayah saya, kerana beliau adalah satu-satunya murid yang Haji Wan Jaafar pilih untuk mengajar

⁶⁴ Temubual dengan Cik Norhidayah binti Abdul Rahman (qariah negeri Terengganu, Kg. Ladang Bari, Sungai Tong, Setiu, Terengganu), pada 26 Jun 2015.

⁶⁵ Ibid.

ilmu tarannum berdasarkan bakat dan potensi yang dimiliki oleh ayah saya. Haji Wan Jaafar juga adalah seorang bilal Masjid Gemuruh, Setiu, Terengganu. Oleh itu, berdasarkan susur galur guru, saya adalah generasi ketiga kepada Haji Ma"sum Pergau."

Haji Ahmad Ma"sum Pergau

Haji Wan Jaafar

Haji Abdul Rahman

Norhidayah

Rajah 3.3.2 (ii): Guru Tarannum Norhidayah Abdul Rahman

(Sumber: Temubual dengan Cik Norhidayah binti Abdul Rahman (qariah negeri Terengganu, Kg. Ladang Bari, Sungai Tong, Setiu, Terengganu), pada 26 Jun 2015)

Antara faktor kejayaan Norhidayah ialah mempelajari al-Quran bertarannum dengan bapanya secara konsisten. Menurut ayah Norhidayah:

“ Sejak dari alam persekolahan, Norhidayah akan membaca al-Quran selepas solat solat subuh atau pada waktu pagi sebelum bertolak ke sekolah. Dari situ, Norhidayah dapat berlatih dan memperbetulkan alunan irama tarannum beliau. Sifat-sifat huruf mempunyai peranan yang tersendiri dan terdapat sifat huruf yang mempunyai kaitan dengan nada tinggi dan rendah seperti sifat isti"la" dan istifal. Penyebutan huruf-huruf isti"la" mempunyai nada tinggi manakala penyebutan huruf-huruf istifāl mempunyai nada yang rendah.”

3.4 Jumlah Qari Dan Qariah Antara Tahun 1960-2013

Terdapat 36 qari dan qariah yang terlibat antara tahun 1960 hingga 2013 di negeri Terengganu yang melibatkan semua daerah dalam negeri Terengganu.

Jadual 3.4(i) : Jadual Qari dan Qariah Antara Tahun 1960 hingga 2013

Lelaki	Perempuan	Jumlah
19	17	36

(Sumber: MAIDAM dan temubual)

Daripada hasil kajian, didapati jumlah qari dan qariah antara tahun 1960 hingga tahun 2013 yang menjadi johan di peringkat negeri dalam tahun 1960 hingga 2013 adalah seramai 36 orang. Daripada jumlah tersebut, 19 orang adalah terdiri daripada qari lelaki dan 17 adalah terdiri daripada qari perempuan. Daripada jumlah qari tersebut, 11 orang telah meninggal setakat kajian ini dijalankan. Mereka ialah Hasnah binti Sulong, Aminah binti Omar, Azizah binti Zakaria, Nik Maliah binti Ismail, Zaharah binti Embong, Ramlah binti Salleh, Yusof bin Abdullah, Ramli bin Taib, Muhammad Nor bin Mohamad, Hj. Salleh bin Awang dan Engku Ali bin Muhammad. Oleh itu, kami sempat menemubual seramai 25 orang daripada mereka. Jumlah qariah wanita lebih sedikit kerana terdapat qariah wanita yang memenangi lebih dari satu kali seperti Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong, Masnah binti Awang, Azizah Zakaria, Cik Norhidayah binti Abdul Rahman, Raziyati binti Ali, dan Hajah Sufiah Mohamad.

Jadual 3.4 (ii): Jumlah Qari dan Qariah Mengikut Daerah Dalam Negeri Terengganu

Daerah	Jumlah
Kuala- Terengganu	20
Besut	4
Hulu Terengganu	4
Marang	4
Setiu	2
Dungun	1
Kemaman	1
Jumlah	36 orang

(Sumber: MAIDAM)

Daripada jadual tersebut didapati daerah yang paling banyak qari yang menjadi johan dalam tilawah al-Quran ialah daerah Kuala Terengganu iaitu seramai 20 orang. Manakala bilangan kedua terbanyak ialah daerah negeri Besut, Hulu Terengganu, dan Marang. Manakala jumlah yang paling sedikit ialah seramai seorang yang mewakili daerah kemaman. Daripada bilangan tersebut, kemungkinan faktor qari yang ramai

mewakili daerah Kuala Terengganu, Besut, Marang dan Hulu Terengganu ada kaitan dengan faktor lokasi berdekatan dengan guru.

Jika dilihat dari aspek guru yang mendominasi daerah, tokoh-tokoh guru tarannum seperti Haji Ahmad Ma'sum Pergau dan Haji Mat Lintar tinggal di daerah Kuala Terengganu. Oleh itu, guru-guru tarannum banyak tertumpu di daerah Kuala Terengganu dalam masa yang sama melahirkan pakar tarannum yang berkualiti. Manakala Megat Osman bin Megat Chik dan Dato^{''} Hajjah Rogayah tinggal di daerah Marang. Begitu juga faktor jarak rumah dengan lokasi tempat pengajaran memainkan peranan dalam meningkatkan bilangan qari yang menjadi johan. Hajjah Rogayah juga aktif menyampaikan ilmu tarannum di daerah Kuala-Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu.

Selain itu, Besut juga mempunyai bilangan qari yang kedua ramai berkemungkinan daripada jarak lokasi Besut yang berdekatan dengan negeri Kelantan. Sebagaimana diketahui bahawa negeri Kelantan adalah dikenali sebagai „Serambi Mekah“. Di samping itu juga, negeri Kelantan melahirkan ramai qari antarabangsa. Oleh itu, banyak guru yang berpengalaman dalam tarannum al-Quran terdapat di negeri Kelantan. Tidak syak lagi, terdapat juga qari negeri Kelantan menyampaikan ilmu tarannum di masjid-masjid di daerah Besut. Sebab itulah, terdapat qari yang mahir lahir di daerah Besut disebabkan faktor jarak yang berdekatan dengan guru yang mahir.

Daerah yang paling sedikit pula ialah Kemaman. Kemaman menghadapi krisis ketandusan pakar tarannum yang berkaliber. Penambahbaikan perlu dilaksanakan di daerah Kemaman agar sdapat melahirkan ramai tokoh tarannum. Galakan dari segi kewangan, elaun dan insentif kepada tenaga pengajar perlu dipergiatkan agar dapat memberi semangat untuk menabur bakti. Seterusnya, aktiviti yang melibatkan bacaan

al-Quran bertarannum perlu dilaksanakan bagi menarik minat orang ramai untuk menyertai bacaan al-Quran bertarannum.

Jadual 3.4 (iii): Qari dan Qariah Daerah Kuala Terengganu

Qari Lelaki	Qari Wanita
Hj. Ibrahim bin Taib	Rogayah binti Sulong
Hj. Mohamad Yasin bin Embong	Nik Maliah binti Ismail
Hj. Muhammad Nor bin Muhammad	Hajjah Siah @Embat binti Mohd Amin
Hj. Daud bin Mat Saman	Ramlah binti Salleh
Ramli bin Haji Ahmad	Safiah binti Muhamad
Hj. Salleh bin Awang	Fatimah binti Ibrahim
Hj. Muhammad Yusof bin Abdullah	Hasnah binti Sulong
Mohamad bin Ismail	Azizah Zakaria
Haji Yusop bin Embong	Zaharah binti Embong
Engku Ali bin Muhamad	
Ismail bin Embong	

(Sumber: Temubual dengan qari-qari negeri Terengganu antara tahun 2012 hingga 2015)

Daripada jadual di atas, seramai 20 orang qari dan qariah mewakili daerah Kuala-Terengganu, iaitu 11 orang lelaki dan 9 orang wanita. Didapati kebanyakan qari lelaki adalah dari kalangan anak murid Hj. Mat Lintar dan Hj. Ahmad Matsom Pergau manakala qariah wanita terdiri daripada anak murid Hajjah Rogayah.

Jadual 3.4 (iv): Qari Lelaki dan Wanita Daerah Hulu Terengganu

Qari Lelaki	Qari Wanita
Jusoh @Muda bin Ismail	Aminah bin Omar
Muhammad Noor bin Muhamad	Wook binti Hasan
Ismail bin Embong	Sepiah binti Muhamad
	Nasirah binti Ibrahim

(Sumber: Temubual)

Jadual di atas menunjukkan senarai nama qari wanita dan lelaki yang mewakili daerah Hulu Terengganu. Daripada aspek bilangan qari, didapati daerah Hulu Terengganu mempunyai bilangan yang kedua terbanyak selepas daerah Kuala Terengganu. Jumlah Qari daerah Hulu Terengganu ialah 7 orang. Daripada jumlah

tersebut, 4 orang daripada qari mempunyai kaitan dengan Dato^o Hajjah Rogayah iaitu Aminah binti Omar dan Hajjah Sepiah Muhammad adalah anak murid kepada Hajjah Rogayah, Nasirah binti Ibrahim adalah anak murid kepada Hajjah Sepiah, manakala Muhamad Noor bin Muhamad mempunyai pertalian saudara dengan Hajjah Rogayah binti Sulong.

Jadual 3.4 (v): Qari dan Qariah Daerah Besut

Qari Lelaki	Qari Wanita
Daud bin Mat Saman	Halimah binti Ibrahim
	Rokiah binti Daud
	Siti Mas binti Ismail

(Sumber: Temubual)

Jadual di atas menunjukkan nama qari lelaki dan wanita. Qari lelaki diwakili oleh Daud Che Man dan qari wanita pula seramai 3 orang iaitu Halimah binti Ibrahim, Rokiah Daud dan Siti Mas binti Ismail.

Jadual 3.4 (vi): Qari dan Qariah Daerah Marang

Qari Lelaki	Qari Wanita
Hafas Ali	Masnah Awang
Tirmizi Ali	Raziyati Mohd Ali

(Sumber: Temubual dengan qari-qari negeri Terengganu antara tahun 2012 hingga 2015)

Jadual di atas menunjukkan senarai nama qari lelaki dan wanita yang mewakili daerah Marang. Qari lelaki seramai 2 orang iaitu Hafas bin Ali dan Tirmizi bin Ali, yang merupakan adik-beradik, manakala qari wanita pula ialah Masnah Awang dan Raziyati Mohd Ali. Masnah Awang adalah anak murid kepada Dato^o Hajjah Rogayah manakala Raziyati Mohd Ali adalah anak murid kepada Daud Che Man.

Jadual 3.4 (vii): Qari dan Qariah Daerah Setiu

Qari Lelaki	Qari Wanita
Abdul Rashid bin Ali	Cik Norhidayah binti Abdul Rahman
Mazlan bin Ibrahim	

(Sumber: Temubual)

Daripada jadual di atas menunjukkan 3 orang qari mewakili daerah Setiu. 2 qari lelaki dan seorang qari wanita. Qari lelaki diwakili oleh Abdul Rashi bin Ali dan Mazlan bin Ibrahim, manakala qari wanita diwakili oleh Norhidayah binti Abdul Rahman.

Jadual 3.4 (viii): Qari Daerah Dungun

Qari Lelaki
Mohamad Yasin bin Embong
Muhammad bin Awang Teh

(Sumber: Temubual dengan qari-qari negeri Terengganu antara tahun 2012 hingga 2015)

Daerah Dungun hanya diwakili oleh dua orang qari lelaki dan tidak diwakili oleh qari wanita. Dua orang qari lelaki diwakili oleh Mohamad Yasin bin Embong dan Muhammad bin Awang Teh.

Jadual 3.4 (ix): Qari Daerah Kemaman

Qari Lelaki
Ali @ Alias bin Abdul Rahman

(Sumber: Temubual dengan qari-qari negeri Terengganu antara tahun 2012 hingga 2015)

Daerah Kemaman adalah daerah yang paling sedikit mempunyai bilangan qari yang berpotensi dan berbakat. Hanya seorang qari lelaki sahaja mewakili daerah ini iaitu Ali@Alias Abdul Rahman. Bilangan ini merupakan bilangan yang begitu

membimbangkan kerana dikhuatiri masyarakat kurang berminat untuk menjadi pelapis kepada qari yang baru di masa akan datang. Galakan perlu diberikan kepada guru tarannum seperti insentif dalam bentuk pemberian elaun kepada guru tarannum. Begitu juga galakan kepada anak murid seperti menawarkan hadiah yang menarik bagi memberi galakan yang memberangsangkan untuk menyertai tilawah al-Quran.

Jika ditinjau dari aspek lokasi, daerah Kemaman berdekatan dengan negeri Pahang. Jika ditinjau pada masa kini, negeri Pahang juga melahirkan ramai qari yang berbakat, oleh itu masyarakat daerah Kemaman sewajarnya bersungguh-sungguh mengambil peluang ini untuk mendalami ilmu tarannum dari negeri yang berdekatan. Daerah Kemaman juga perlu mengambil inisiatif seperti menjemput qari dari negeri Pahang untuk mengajar ilmu tarannum di masjid-masjid daerah Kemaman bagi menarik minat masyarakat mendalami tarannum.

3.5 Taburan Kekekapan Qari Menjadi Johan Peringkat Negeri Terengganu

Taburan kekerapan ini dibahagikan kepada enam kategori, iaitu kategori pertama antara tahun 1960-1969. Kategori kedua antara tahun 1970-1979. Kategori ketiga antara tahun 1980-1989. Kategori keempat antara tahun 1990 hingga tahun 1999. Kategori kelima antara tahun 2000 hingga 2010 dan kategori keenam antara tahun 2011 hingga 2013. Pembahagian ini adalah mengikut 10 tahun. 10 tahun bersamaan satu dekad.

Kajian ini berakhir pada tahun 2013 kerana berdasarkan kepada permulaan tahun penyelidikan ini dilaksanakan. Secara umumnya, dua faktor yang memberi kemenangan kepada seseorang qari ialah faktor guru dan faktor qari. Guru yang pakar dapat memberi kesan kepada kecemerlangan qari. Qari yang menjadi johan adalah qari yang cemerlang. Dari aspek faktor guru ialah dapat dilihat daripada latar belakang pengajian guru, jarak lokasi pembelajaran anak murid dengan guru dapat memberi kesan kepada perjalanan pembelajaran seseorang murid.

Jadual 3.5 (i): Jadual Pembahagian Qari Mengikut Kategori

Kategori	Tahun
Pertama	1960-1969
Kedua	1970-1979
Ketiga	1980-1989
Keempat	1990-1999
Kelima	2000-2009
Keenam	2010-2013

(Sumber: MAIDAM)

Jadual di atas menunjukkan pembahagian qari mengikut kategori 10 tahun. Melalui kategori tersebut, terdapat 6 kategori yang dapat diklasifikasikan. Melalui kategori ini bertujuan dapat mengetahui rakan sebaya yang sealiran dan seangkatan sepanjang 10 tahun. Dari situ, dapat diketahui, kekerapan kemenangan, senarai guru, rakan sealiran dan corak pembelajaran.

Jadual 3.5 (ii): Johan Qari dan Qariah Dari Tahun 1960-1969

Nama	1961	1962	1963	1964	1965	1966	1967	1968
Muda Ismail	/						/	
Yusof Abdullah			/	/	/			
Yasin Embong						/		
Wook bt Hasan		/				/		
Sepiah Muhammad							/	/
Rogayah Sulong	/		/			/		

(Sumber: Temubual)

Daripada jadual tersebut, jumlah kekerapan yang terbanyak menjadi johan bagi qari lelaki ialah Muhammad Yusof bin Abdullah manakala qariah wanita pula ialah Dato^{''} Hajjah Rogayah binti Sulong. Masing-masing mendominasi sebanyak 3 kali menjadi johan di peringkat negeri dalam MTQ peringkat negeri. Jika ditinjau dari aspek guru, Dato^{''} Hajjah Rogayah Sulong, Hajjah Wook bt Hasan, Haji Muda bin Ismail dan Haji Yasin bin Embong pernah berguru dengan Hj. Mat Lintar. Ini bermakna, empat daripada enam qari tersebut berguru dengan Haji Mat Lintar, manakala Hajjah Sepiah adalah anak murid kepada Dato^{''} Hajjah Rogayah binti Sulong. Ini menunjukkan, pada

tahun 1960-an, Hj Mat Lintar mendominasi pengajaran tarannum al-Quran di Terengganu. Muda bin Ismail adalah adik beradik kepada menantu Haji Mat Lintar. Muda bin Ismail belajar tarannum dengan Hj. Mat Lintar ketika bersekolah di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin. Faktor lokasi berdekatan guru memainkan peranan dalam pembelajaran ilmu tarannum di kalangan pelajar. Jumlah keseluruhan qari adalah sebanyak 6 orang.

Jadual 3.5 (iii): Johan Qari dan Qariah Dari Tahun 1970 hingga 1979

Nama	70	71	72	73	74	75	76	77	78	79
Yasin Embong						/		/		
Daud Mat Saman	/	/	/							
Ibrahim bin Taib				/	/					
Siah@Embat										/
Rogayah				/	/				/	/

(Sumber: Temubual dengan qari-qari negeri Terengganu antara tahun 2012 hingga 2015)

Dalam jadual di atas, Rogayah binti Sulong mendominasi kekerapan kemenangan sebagai johan iaitu sebanyak 4 kali selama satu dekad antara tahun 1970 hingga 1979. Qari kedua yang memperolehi kemenangan sebagai johan sebanyak 3 kali ialah Daud Mat Saman. Qari yang memperolehi kemenangan sebanyak 2 kali ialah Mohamad Yasin bin Embong dan Ibrahim bin Taib. Empat orang guru tarannum pada masa ini ialah Hj. Mat Lintar, Ahmad Ma'sum Pergau, Awang Nobat, Megat Osman Megat Chik dan Hajjah Rogayah Sulong. Jumlah keseluruhan qari ialah sebanyak 5 orang.

Jadual 3.5 (iv): Johan Qari dan Qariah Dari Tahun 1980 hingga 1989

Nama	80	81	82	83	84	85	86	87	88	89
Mohamad bin Ismail								/		
Rashid Ali				/					/	
Daud Mat Saman	/									
Muhammad bin Awang Teh		/	/				/			
Siah@Embat	/						/		/	
Azizah Zakaria			/							
Sepiah Muhammad		/								

Aminah Omar		/		/		/		/		
Halimah Ibrahim				/						/
Fatimah Ibrahim							/			

(Sumber: Temubual)

Dalam jadual di atas, jumlah keseluruhan qari ialah sebanyak 9 orang. Daripada bilangan tersebut, 8 orang daripada qari adalah anak murid Hajjah Rogayah binti Sulong iaitu Muhammad bin Awang Teh, Siah@Embat, Azizah Zakaria, Sepiah Muhammad, Halimah Ibrahim dan Fatimah Ibrahim.

Kesimpulannya, pada era ini anak murid kepada Hajjah Rogayah binti Sulong mendominasi kemenangan sebagai Johan dalam Majlis Tilawah al-Quran. Qariah yang paling banyak menjadi johan dari segi kekerapan ialah Aminah Omar. Qariah kedua ialah Siah@Embat dan Muhammad bin Awang Teh iaitu sebanyak 3 kali. Antara guru tarannum yang memainkan peranan besar dalam era ini ialah Hajjah Rogayah binti Sulong dan Haji Ahmad Ma'sum Pergau. Keenam-enam qari wanita tersebut adalah anak murid kepada Hajjah Rogayah Sulong. Mereka diberi pengajaran secara eksklusif oleh Hajjah Rogayah. Mereka adalah antara anak murid yang tinggal menetap di rumah Hajjah Rogayah dan mempelajari al-Quran dan tarannum siang dan malam. Mereka tinggal di rumah Hajjah Rogayah bersama pelajar dari Sabah dan Sarawak yang dihantar oleh kerajaan negeri Sabah dan kerajaan negeri Sarawak.

Jadual 3.5 (v): Johan Qari dan Qariah Dari Tahun 1990 hingga 1999

Nama	90	91	92	93	94	95	96	97	98	99
Ismail Embong					/					
Yusof Embong			/	/						
Mohamad Ismail								/	/	
Mazlan Ibrahim										/
Muhammad bin Awang Teh		/				/				
Siti Mas Ismail	/			/		/				
Azizah Zakaria			/							
Halimah Ibrahin								/		

(Sumber: Temubual)

Dalam jadual di atas jumlah keseluruhan qari yang terlibat memenangi kejohanan tilawah al-Quran di peringkat negeri ialah Siti Mas Ismail iaitu sebanyak 3 kali. Dalam aspek ini, pengaruh pengajaran qari antarabangsa dari negeri Kelantan memberi kesan terhadap pencapaian qari dan qariah. Oleh keranan Siti Mas Ismail tinggal di daerah Besut yang terletak berdekatan dengan negeri Kelantan membolehkan Hajjah Siti Mas mempelajari tarannum daripada qari antarabangsa dari Kelantan seperti Ahmad Ma' sum Pergau, Siti Nor Ismail, Hassan Musa, Faridah Mat Saman, Haji Nik Jaafar dan Haji Rahim Mohamad. Mereka adalah qari dan qariah yang pernah menjadi johan di peringkat antarabangsa kecuali Haji Nik Jaafar yang menjadi hakim antarabangsa bahagian tarannum.

Jadual 3.5 (vi): Johan Qari dan Qariah dari Tahun 2000 hingga 2009

Nama	00	01	02	03	04	05	06	07	08	09
Mazlan bin Ibrahim	/									
Muhammad bin Awang Teh		/					/			
Hafas Ali				/				/	/	/
Tarmizi Ali					/	/				
Azizah Zakaria							/			
Nasirah Ibrahim					/		/			
Raziyati Mohd Ali								/		

(Sumber: Temubual)

Dalam jadual di atas, jumlah qari yang terlibat sepanjang tahun 2000 hingga 2009 seramai 7 orang. Antara pelapis baru yang muncul dalam sedekad ini ialah Hafas Ali, Tarmizi Ali, Nasirah Ibrahim dan Raziyati Mohd Ali. Jumlah kekerapan terbanyak yang menjadi johan dalam majlis tilawah al-Quran ialah Hafas Ali iaitu sebanyak 4 kali. Tiga daripada qari di atas terdiri daripada anak murid Dato' Hajjah Rogayah iaitu Muhammad Awang Teh, Azizah Zakaria dan Nasirah Ibrahim.

Jadual di atas menunjukkan senarai guru tarannum kepada tujuh orang qari. Hasil daripada penilaian menunjukkan bahawa untuk memantapkan diri dalam bidang tarannum seseorang qari perlu mempelajari tarannum lebih daripada seorang guru. Dari

situ, seseorang qari dapat memantapkan kemahiran yang ada pada mereka. Selain itu juga, seseorang perlu memilih guru yang berpengalaman dan berkemahiran kerana guru yang pakar akan melahirkan anak murid yang pakar. Jadual di atas mendapati bahawa Hj. Ahmad Ma'sum Pergau mendominasi guru tarannum pada peringkat awal.

3.6 Faktor Kejayaan Qari Dan Qariah Antara Tahun 1960-2013

Hasil temubual dengan para qari dan qariah negeri Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang menjamin kejayaan mereka. Antara faktor tersebut ialah seperti pembelajaran qari dari peringkat awal usia. Kedua, mempunyai motivasi, bakat, suara dan minat yang tinggi untuk mempelajari tarannum. Ketiga, belajar dari guru yang pakar. Keempat, mempunyai strategi belajar yang berkesan. Kelima, mempelajari rentak tarannum daripada pakar qari Mesir. Keenam, penguasaan suara yang baik dan ketujuh penjagaan aspek *ikhtilal al-lahn*, *burdah* dan *wuslah*.

Jadual 3.6 (i): Pembelajaran Qari Dari Peringkat Awal Usia

Nama	Kanak-kanak 7-12 tahun	Remaja 13-19	Dewasa 20 tahun ke atas
Muda@Jusoh bin Ismail	/		
Daud bin Mat Saman		/	
Ali@Alias Abdul Rahman	/		
Ismail Embong			/
Yusop Embong			/
Mohamad Ismail			/
Mazlan Ibrahim			/
Hafas Ali		/	
Tarmizi Ali	/		
Tarmizi Abdul Rahman	/		
Muhammad bin Awang Teh			/
Rashid Ali	/		

(Sumber: Temubual)

Jadual di atas menunjukkan permulaan qari menceburi bidang tarannum di pelbagai peringkat usia. Qari yang menceburi bidang tarannum bermula pada peringkat akan memperoleh pementapan dengan lebih lama. Mereka akan memperoleh banyak pendedahan. Namun begitu, usia bukan penghalang untuk belajar tarannum. Qari yang bermula pada peringkat dewasa boleh berjaya dalam tarannum sekiranya dia rajin berusaha. Daripada jadual di atas, peringkat kanak-kanak adalah sama banyak dengan peringkat dewasa.

Jadual 3.6 (ii): Peringkat Permulaan Pembelajaran Di Kalangan Qariah

Qariah	Kanak-kanak 7-12	Remaja 13-19	Dewasa 20 dan ke atas
Wook binti Hasan	/		
Rogayah binti Sulong		/	
Siti Mas Ismail			/
Raziyati Ali	/		
Sepiah binti Muhammad		/	
Masnah binti Awang		/	
Halimah binti Ibrahim		/	
Fatimah binti Ibrahim		/	
Nasirah binti Ibrahim		/	
Norhidayah Abdul Rahman	/		

(Sumber: Temubual)

Dalam jadual di atas, bagi qariah perempuan, peringkat remaja adalah terbanyak. Pada tahap ini, qariah wanita mula mempunyai suara yang sebenar. Pada tahap ini merupakan peringkat suara yang boleh diasah dan dibentuk dengan mudah, di samping wanita sudah mencapai tempoh kematangan dalam dirinya.

Jadual 3.6 (iii): Mempunyai Motivasi, Bakat, Suara dan Minat

Qari

Mohamad Yasin Embong
Yusop bin Embong

Ali@Alias Abdul Rahman

Mazlan Ibrahim

Tarmizi Abdul Rahman

**Keperluan Yang Mesti Ada Pada Qari
Hobi, Suara Dan Minat**

Suara, bakat dan nafas yang panjang
-Cara untuk menjaga pernafasan ialah melakukan senaman seperti berlari, berjogging pada waktu pagi selama setengah jam sehari pada setiap pagi. Melakukan urutan pada bahagian perut untuk memanjangkan nafas.

Sebagai satu galakan, Hj. Ali mencadangkan agar bekas qari johan negeri diberikan insentif bulanan sebagai memberi galakan kepada masyarakat agar qari tidak dikesampingkan.

Mempunyai minat dan bakat dari segi suara. Seseorang yang mempunyai minat, tetapi tidak mempunyai bakat, dia akan lambat menguasai kemahiran tarannum. Orang yang tidak mempunyai bakat membuatkan suara menjadi lebih keras dan memerlukan latihan yang berterusan. Bagi mengasah bakat seseorang qari perlu membaca al-Quran secara konsisten. Selain itu, sentiasa mendengar alunan bacaan al-Quran daripada qari-qari yang muktabar seperti Dr. Muhammad Nu'ina", Taha al-Fashni, Mustafa Ismail dan Mustafa Ghalwash.

Mempunyai nafas yang panjang dan tidak sempit. Selain itu, mempunyai kemahiran bahasa Arab untuk menjaga waqf dan ibtida" serta penghayatan makna. Selain itu, mempunyai zuq Arab untuk melahirkan lagu, lahjah dan kekhusyukan Arab. Contohnya, Nahawand untuk cerita atau rasa gembira, Rast untuk larangan dan bentuk tegas dan Soba untuk sedih dan doa. Begitu juga menguasai ilmu tajwid dengan baik.

(Sumber: Temubual)

Jadual di atas menunjukkan aspek dalaman yang mesti ada pada seseorang qari yang ingin memantapkan diri dalam bidang tarannum al-Quran. Antara perkara berikut

ialah hobi, suara, minat, bakat, nafas yang panjang, kemahiran bahasa arab dan pengetahuan tentang waqf dan ibtida”.

Jadual 3.6 (iv): Belajar Dengan Guru Yang Pakar

Bilangan	Nama Qari	Senarai Guru
1.	Hj Muda bin Ismail	Hj. Mat Lintar, Hj. Ahmad Ma”sum Pergau, Hj. Yusof Kedondong
2.	Mohd Yasin Embong	Ayah Long Awang Nobat, Hj. Mat Lintar, Ramlah Salleh, Hj. Ahmad Ma”sum Pergau, Yusof bin Abdullah
3.	Daud Mat Saman	Hj. Ahmad Ma”sum Pergau, Hj. Abdullah bin Abu, Sheikh Ismail bin Muhammad, Haji Hasan Azahari.
4.	Hj. Mohamad bin Ismail	Hj. Ahmad Ma”sum Pergau
5.	Hj. Ali@Alias Abdul Rahman	Mustafa Haji Musa
6.	Hj. Yusop Embong	Hj. Ahmad Ma”sum Pergau, Hajjah Rogayah binti Sulong
7.	Hj. Muhammad bin Awang Teh	Hj. Ahmad Ma”sum Pergau, Hjh. Rogayah binti Sulong, Ismail Muhammad, Nik Jaafar Nik Ismail, Hj. Hasan Azahari.
8.	Hj. Rashid bin Ali	Hj. Salleh Awang, Ayah Long Awang Nobat, Hjh Rogayah binti Sulong, Hj. Ahmad Matsom Pergau, Nik Jaafar Nik Ismail
9.	Mazlan bin Ibrahim	Ismail bin Muhammad, Ismail bin Daud, Muhammad bin Awang Teh, Muhammad Yusof Kedondong, Nik Jaafar Nik Ismail, Hj. Abdul Rahim, Ismail Muhammad al-Hafiz, Daud Che Man, Yahya Daud
10.	Hafas Ali	Tempatan-Ali bin Yahya, Muhammad bin Awang Teh, Daud Che Man, Rashid Ali, Faridah Mat Saman, Sheikh Ismail bin Muhammad, Mohamad bin Asri, Nik Jaafar bin Nik Ismail. Mesir- Dr. Nu”ina”, Syeikh Raghieb Mustafa Ghalwash, Syeikh Muhammad Syahat Anuar.
8.	Tarmizi Abdul Rahman	Muda bin Abdullah, Yusop Embong, Mohamad Ismail, Hjh Siah, Daud Che Man, Mohd Nor Besar, Nik Jaafar Nik Ismail, Rashid Ali

(Sumber: Temubual)

Jadual di atas menunjukkan senarai guru tarannum kepada tujuh orang qari. Hasil daripada penilaian menunjukkan bahawa untuk memantapkan diri dalam bidang tarannum seseorang qari perlu mempelajari tarannum lebih daripada seorang guru. Dari

situ, seseorang qari dapat memantapkan kemahiran yang ada pada mereka. Selain itu juga, seseorang perlu memilih guru yang berpengalaman dan berkemahiran kerana guru yang pakar akan melahirkan anak murid yang pakar. Jadual di atas mendapati bahawa Hj. Ahmad Ma`sum Pergau mendominasi guru tarannum pada peringkat awal.

Jadual 3.6 (v): Mempunyai Strategi Belajar Yang Berkesan

Qari	Strategi Belajar
Mohamad Yasin	Memperbanyakkan latihan, mengulangi bacaan dengan kerap, memperbaiki bacaan sehingga bacaan menjadi cantik dan sempurna.
Daud Mat Saman	Mesti mempunyai minat, kesungguhan dan menghormati guru.
Hj. Ismail Embong	Mempunyai minat, kesungguhan, pemahaman setiap asas lagu dan latih tubi. Memahami jenis lagu dan harakat dalam lagu. Setiap lagu mempunyai 4 harakat.
Hj. Yusop Embong	Melalui rakaman kaset guru tarannum dan mengulangi pendengaran rakaman lagu tarannum yang dibaca oleh guru di rumah. Kerap mendengar suara qari Mesir. Selain itu, menguasai 10 lagu untuk bertarannum.
Mazlan bin Ibrahim	Tarannum perlu dipelajari secara konsisten dan berterusan. Ia adalah pembelajaran sepanjang hayat. Perlu dipelajari secara istiqamah dan belajar dengan penuh ketabahan. Selain itu, mempelajari dari guru yang ramai kerana memperoleh banyak pengalaman, kemahiran dan mengetahui teknik pergerakan irama tarannum. Setiap guru mempunyai kelainan yang tersendiri.
Ali@Alias Abdul Rahman	Cari guru yang berpengalaman. Contohnya, ustaz Nik Jaafar dan Hj. Ahmad Ma`sum Pergau. Hj. Ahmad Ma`sum Pergau berada di Mesir selama 17 tahun. Selain itu, merakam suara guru yang mengajar, mengasah suara melalui latihan, menggunakan asas-asas latihan tertentu seperti berqasidah untuk <i>warming up</i> . Contohnya, غَيْ تُي , lagu Hj. Ahmad Matsom Pergau. Begitu juga, dengung biar sampai ke tempatnya yang betul.
Tarmizi Abdul Rahman	Talaqqi dan musyafahah, mendengar qari-qari membaca al-Quran sama ada dari cakera padat atau <i>youtube</i> . Selain itu, mengajar tarannum kerana dengan mengajar dapat memperoleh ilmu daripada peserta. Mengulang bacaan di rumah dan mesti mempunyai minat.

(Sumber: Temubual)

Jadual tersebut menunjukkan strategi pembelajaran tarannum di kalangan qari negeri Terengganu. Untuk mencapai kejayaan memerlukan strategi yang baik. Antaranya ialah latihan, kesungguhan, minat, menghormati guru, dan mempelajari tarannum daripada guru yang ramai.

Jadual 3.6 (vi): Mempelajari Rentak Tarannum Daripada Qari-qari Mesir

Qari	Qari Mesir
Mazlan Ibrahim	Syeikh Mustafa Ismail. Beliau adalah rakan seangkatan dengan Hj. Ahmad Matsom Pergau. Kedua-dua mereka adalah anak murid kepada Taha al-Fashni, seorang qari terkenal di Mesir. Suara Hj. Ahmad Matsom Pergau adalah mirip suara Syeikh Mustafa Ismail.
Yusop Embong	Syeikh Mustafa Ismail, Syeikh Mahmud, Syeikh Taha, Dr. Nu'ina", dan Syeikh Abdul Basit.
Hafas Ali	Syeikh Ahmad Nua"ina", murid kepada Qari Terkenal Syeikh Mustafa Ismail, Syeikh Raghieb Mustafa Ghalwash, dan Syeikh Muhammad Syahat Anuar.
Tarmizi Ali	Syeikh Fathi al-Maliji anak murid Syeikh Mustafa Ismail dan Muhammad bin Abdul Nabi.
Tarmizi Abdul Rahman	Sheikh Mustafa Ismail, Mustafa Ghalwash, Dr Nu'ina", anak murid kepada Dr Nu'iana"qari Bangladesh bernama Sheikh Ahmad Yusof, dan Misyari.

(Sumber: Temubual)

Jadual di atas menunjukkan qari-qari turut mendengar cara bacaan qari-qari Mesir yang terkenal dengan kepakaran mereka untuk memantapkan diri dalam bidang tarannum. Mereka juga menjadikan qari-qari Mesir tersebut sebagai guru, idola dan tempat rujukan dalam mempelajari irama dan lenggok kearaban. Irama tarannum tersebut adalah dalam bentuk irama *Misri*.

Jadual 3.6 (vii): Penguasaan Suara Yang Baik

Qari	Persepsi Tentang Suara
Hj. Muda bin Ismail	Menjadi hakim suara adalah suatu yang sukar dan memerlukan penelitian dari aspek kelancaran suara, <i>mahattah</i> dan segala yang berkaitan dengan suara.
Hj Ali@Alias Abdul Rahman	Penyebutan huruf nun mesti sampai ke <i>khaisyum</i> . Bunyi suara ketika mengaji mesti sampai ke hidung. Antara latihan untuk melunakkan suara ialah mengeluarkan bunyi „ <i>mmmm</i> “. Antara tujuan untuk mengelokkan suara ketika mengaji.
Yusop bin Embong	Suara yang mudah untuk seseorang mempelajari tarannum ialah suara yang lembut dan tidak keras, suara yang merdu, suara yang tajam, dan suara semulajadi. Suara yang baik terbahagi kepada dua bahagian iaitu suara yang asli dan suara yang <i>sina</i> “i. Manakala suara yang asli adalah suara yang terbaik. Suara perlu dijaga kerana ia sangat manja. Oleh itu, seseorang perlu menjaga kesihatan seperti menjaga tidur yang cukup dan banyak meminum air masak.
Mazlan bin Ibrahim	Suara perlu sentiasa diasah sehingga mencapai tahap suara masak agar suara tidak menjadi serak. Suara boleh dikawal dan memerlukan latihan suara. Suara masak ialah suara elok dan tidak berubah yang dimiliki oleh seseorang qari. Untuk mencapai suara masak, qari perlu berlatih mengaji al-Quran secara konsisten dan berterusan. Pada peringkat permulaan, bagi seseorang <i>mubtadi</i> “ yang baru belajar mengajial-Quran dalam beberapa minit contohnya 10 minit, suara akan menjadi serak. Dia perlu berlatih sehingga mencapai 20 minit sebelum suara menjadi serak. Lama-kelamaan, jika dia berlatih secara konsisten, suara tidak akan menjadi serak lagi, walaupun dia mengaji dalam tempoh yang lama. Sehingga dia mencapai sesuatu tahap, walaupun dia mengalami selsema atau batuk, suara dia tidak akan berubah kerana qari tersebut telah mencapai tahap suara masak. Selain itu, suara gantung adalah tahap suara bukan asal. Setiap individu mempunyai suara asal masing-masing. Suara asal ialah suara yang mempunyai gema ke arah <i>khaisyum</i> iaitu 40% peratus suara bawah dan 60% peratus suara <i>khaisyum</i> .
Tarmizi Abdul Rahman	Suara yang baik adalah suara yang tidak bergetar dan ada <i>tabaqat qarar, nawa</i> dan <i>jawab</i> .

(Sumber: Temubual)

Suara adalah aset penting dalam mengalunkan irama tarannum kerana seseorang yang mempunyai suara yang baik merupakan satu bonus untuk mengalunkan irama tarannum. Namun begitu, suara boleh dibentuk dan dilatih. Orang yang mempunyai suara yang baik akan mempelajari ilmu tarannum dengan cepat, manakala orang yang

mempunyai suara yang kurang baik, akan memakan masa yang lebih lama untuk membentuk suara menjadi cantik.

Jadual 3.6 (viii): Menjaga Aspek *Ikhtilal al-Lahn*, *Wuslah* dan *Burdah*

Mazlan Ibrahim	<p><i>Ikhtilal al-lahn</i> - sesuai dialunkan pada nada sedih, ayat-ayat berkaitan doa dan lagu-lagu tertentu. Contohnya, lagu Sikah dicampur dengan <i>ikhtilal al-lahn</i> supaya irama menjadi lebih menarik.</p> <p><i>Wuslah</i>- <i>Wuslah</i> terbahagi kepada dua aspek iaitu <i>wuslah</i> biasa dan <i>wuslah mumathalah</i>. <i>Wuslah</i> biasa ialah dalam satu harakah berlaku perubahan pada lagu dalam satu nafas. Contohnya, lagu Rast ditukar kepada Sikah pada separuh harakah yang akhir. <i>Wuslah mumathalah</i> ialah dalam satu <i>harakah wuslah</i> di tengah-tengah lagu dan kembali kepada lagu asal pada akhir harakah. Contohnya, <i>Jiharkah-Soba-Jiharkah</i>.</p>
Ismail Embong	<p><i>Burdah</i>- <i>Burdah</i> umpama bunga hiasan dalam rumah. Kalau semua tempat ada bunga, rumah tidak begitu menarik. Kalau <i>burdah</i> diletakkan di tempatnya yang bersesuaian akan menjadi menarik dan bukan semua tempat mesti ada bunga.</p>

(Sumber: Temubual)

Jadual tersebut merupakan antara aspek yang membawa keistimewaan dalam bacaan bertarannum dan dapat mengindahkan lagi bacaan. Tiga aspek yang dimaksudkan ialah *ikhtilal al-lahn*, *wuslah* dan *burdah*. Bagi orang yang baru mengenal ilmu tarannum, mungkin ini adalah antara aspek yang sukar hendak dipraktikkan dan ia memerlukan masa yang lama untuk menjadi mahir. Justeru itu, penguasaan terhadap peranan lagu memainkan peranan untuk melaksanakan ketiga-tiga aspek tersebut kerana cara nak mengalunkan *ikhtilal al-lahn*, *wuslah* dan *burdah* mempunyai cara yang tertentu.

Jadual 3.6 (ix) : Mengasah Bakat Sambil Mengajar Tarannum

Qari	Anak Murid	Anugerah
Muda@Jusoh bin Ismail	1. Mat Isa 2. Hajjah Aminah Omar 3. Hajjah Sepiah Muhammad.	1. Johan daerah Kuala Berang dan naib johan peringkat negeri Terengganu. 2. Johan qariah peringkat antarabangsa. 3. Johan peringkat antarabangsa.
Daud Mat Saman	Hajjah Sepiah Muhammad, Hajjah Masnah Awang, Muhammad Hafas Ali, Termizi Ali, Mohamad Kamarul Zaman bin Daud, Mustafa Kamal bin Daud.	(Rujuk Jadual 2.3)
Mohamad bin Ismail	Fakhrul Razi, Che Ku Fadhil Che Ku Salleh, Hajjah Siah@ Embat	- Johan daerah Kuala Terengganu. - Bapanya adalah johan negeri Terengganu. - Johan antarabangsa
Mazlan Ibrahim	1. Che Muhammad bin Che Awang. 2. Ayub bin Deraman 3. Norhidayah binti Abdul Rahman	1. Naib johan peringkat daerah Besut. 2. Naib johan daerah Setiu. 3. Johan negeri Terengganu

(Sumber: Temubual dengan qari negeri Terengganu antara tahun 1960-2013)

Jadual tersebut menunjukkan pengajaran tarannum di kalangan qari. Ini bermakna, melalui pengajaran, seseorang qari boleh mengasah bakat dan kepakaran mereka ke arah yang lebih baik. Qari akan dapat menambah ilmu pengetahuan dan mempertingkatkan kemahiran ke arah yang lebih baik.

3.7 Kesimpulan

Dari aspek pembelajaran ilmu tarannum dengan guru tarannum, didapati guru-guru terdiri daripada rumpun yang sama. Pembelajaran daripada guru tarannum adalah berdasarkan kepada lokasi yang berdekatan dengan guru, pembelajaran dan

pendedahan daripada guru di peringkat sekolah rendah dan menengah, galakan daripada ibu, bapa dan keluarga terdekat di rumah. Kesemua indikator ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada pembelajaran ilmu tarannum kepada qari. Selain daripada itu, kesungguhan, minat dan kesabaran adalah antara faktor yang menjamin keberkesanan kualiti dalam pengajian tarannum.

Faktor guru memainkan peranan penting dalam menjamin keberkesanan dan kualiti seseorang qari. Guru yang berkualiti melahirkan anak murid yang berbakat. Selain itu, kesungguhan guru juga menyampaikan pengajaran tarannum di masjid dan di rumah akan menggalakkan penambahan bilangan anak murid yang berbakat. Ini kerana pembelajaran berterusan dan konsisten adalah antara faktor yang boleh menambah kemahiran seseorang qari.

Faktor lokasi juga memainkan peranan penting yang menggalakkan anak murid untuk mempelajari ilmu tarannum. Anak murid yang tinggal berdekatan dengan guru yang mahir menggalakkan anak murid untuk mempelajari ilmu tarannum. Guru memainkan peranan yang penting dalam menjamin keberkesanan pembelajaran seseorang pelajar sehingga menjadi lebih cemerlang. Guru yang bersungguh-sungguh melahirkan pelajar yang bersungguh-sungguh. Guru juga perlu mempunyai kepakaran dalam ilmu yang disampaikan dan berpengalaman. Selain itu, kemudahan untuk sampai ke rumah guru menggalakkan pelajar untuk belajar dengan baik dan berterusan.

BAB 4 : BIODATA ROGAYAH BINTI SULONG DAN SUMBANGAN BELIAU DALAM BIDANG AL-QURAN DAN TARANNUM

4.1 Pengenalan

Rogayah binti Sulong seorang tokoh yang dikenali di persada antarabangsa melalui Majlis Tilawah al-Qur'an. Beliau mula dikenali setelah menjadi johan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sejak tahun 1961 sehingga 1979. Kepakaran Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah terbukti berdasarkan kekerapan beliau menjuarai sebagai johan qariah di peringkat negeri iaitu sebanyak sembilan kali, di peringkat kebangsaan sebanyak tujuh kali dan di peringkat antarabangsa sebanyak empat kali. Beliau adalah wanita pertama bagi negeri Terengganu berjaya menjadi johan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga paling banyak menjadi johan di peringkat negeri Terengganu.

Sepanjang tempoh 53 tahun antara 1960-2013, lebih separuh atau 30 kali johan wanita terdiri daripada Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah dan anak murid beliau dan anak murid kepada murid beliau di peringkat negeri Terengganu sehingga pernah suatu ketika dahulu jika disebut anak murid kepada beliau, maka masyarakat akan pandang tinggi kepada mereka.⁶⁶ Kekerapan taburan beliau dan anak murid beliau menjadi juara membuktikan pengiktirafan hakim-hakim majlis tilawah al-Quran dalam kemahiran seni bacaan al-Quran.

Selain itu juga, Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah melahirkan anak murid yang ramai bukan sahaja di negeri Terengganu, malahan dari negeri-negeri yang lain termasuk Sabah dan Sarawak. Kewujudan anak murid dari seluruh pelusuk negeri kerana beliau pernah merantau ke negeri Pahang, Johor dan Sarawak kerana mengajar al-Quran dan Tarannum. Selain itu juga, ketika beliau dan suami berada di Terengganu, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak turut menghantar dan menaja beberapa

⁶⁶ Haji Muhammad Zamri bin Nik, Penolong Pengarah Ukhuwwah, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, 8 Mei 2013.

orang pelajar untuk mempelajari ilmu tarannum secara khusus di rumah beliau sendiri.. Jalinan ikatan anak murid beliau dapat menyebarkan lagi ilmu tarannum ke setiap negeri hasil didikan beliau dan suami iaitu Megat Osman bin Megat Chik.

Di Terengganu pula menunjukkan kebanyakan johan para qari dan qariah di peringkat negeri Terengganu terdiri daripada anak-anak murid Dato⁶⁷ Hajjah Rogayah binti Sulong. Ini membuktikan beliau dan anak-anak murid beliau banyak mendominasi kemenangan di peringkat negeri. Kekkerapan bilangan ini tidak termasuk anak murid beliau yang mendapat tempat kedua dan ketiga dalam majlis tilawah al-Quran.

Kebanyakan qari-qari dan qariah-qariah di Terengganu mempunyai susur galur, kaitan dan hubungan antara satu sama lain dari aspek perguruan. Mereka mempelajari ilmu tarannum daripada rumpun yang sama seperti Haji Mat Lintar, Dato⁶⁷ Hajjah Rogayah dan Ahmad Som Pergau. Selain itu juga, ada yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan persaudaraan antara satu sama lain.

4.2 Kelahiran Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

Beliau dilahirkan pada 24 Januari tahun 1942 di Kampung Banggol Tuan Muda, Manir, Terengganu dan dibesarkan di kampung kelahirannya. Kini menetap di Kampung Durian Guling, Marang, Terengganu.⁶⁷ Anak kedua daripada tujuh orang adik-beradik. Nama penuh beliau ialah Rogayah binti Sulong. Nama ibu ialah Hajjah Nik binti Haji Jusoh. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang sederhana sementara ibu dan bapa bekerja sebagai petani dan bercucuk tanam. Beliau dibesarkan dalam keluarga yang menitikberatkan akhlak, al-Quran dan pendidikan agama semenjak dari kecil. Semenjak kecil, beliau sudah dididik dalam suasana cintakan al-Quran, menghidupkannya dan mengajarkan pula kepada orang ramai.

⁶⁷ Sidang Redaksi, *Johan Qari Dan Qariah Malaysia* (Kuala Lumpur: JAKIM,2007), 107.

4.3 Pendidikan Awal

Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kampung Tengah, Buloh Gading. Sekolah itu terletak berdekatan dengan rumah beliau ketika berada di zaman kanak-kanak. Jika ditinjau dari aspek latar belakang negeri Terengganu pada masa itu. Terengganu berada di bawah pentadbiran tentera Jepun antara tahun 1942 hingga 1945. Pada tahun 1943, Jepun memindahkan pentadbiran negeri Terengganu, Perlis, Kedah, dan Kelantan ke bawah pentadbiran Thai, manakala negeri-negeri yang lain masih kekal di bawah pemerintahan Jepun. Jepun memasuki Terengganu pada 10 Disember 1941. Tentera British menyerah kalah di Singapura pada 15 Februari 1942. Setelah itu, tentera Jepun mengambil alih pemerintahan sehingga dikalahkan oleh Tentera Berikat pada tahun 1945.¹

Secara umumnya, pendidikan awal terbahagi kepada dua iaitu pendidikan secara formal dan pendidikan secara tidak formal. Dato Hajjah Rogayah mendapat pendidikan awal secara formal di Sekolah Melayu Kampung Tengah, Buloh Gading. Kemudian meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di Sekolah Agama Kampung Tengah,² manakala pendidikan secara tidak formal berlaku di rumah iaitu pengajian al-Quran dan tarannum. Beliau mula mempelajari al-Quran ketika berusia 11 tahun dan guru-guru al-Quran pada peringkat awal ialah Hajjah Nik binti Haji Jusoh, ibu beliau sendiri, Cik binti Ali, isteri kepada bapa saudara beliau, Haji Jusoh bin Ismail, datuk di sebelah ibu dan datuk kepada Dato^o Hajjah Rogayah juga mengajar al-Quran kepada masyarakat kampung dan mempunyai sebuah surau kecil berdekatan dengan rumah.

¹ Abdullah Zakaria Ghazali, Pentadbiran Tentera Jepun Dan Thai Di Terengganu 1942-1945. 1996. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.2.

² Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran AntarabangsaMalaysia 1380H/1961M-1428/2007M, (Putrajaya: JAKIM, 2008),202.

4.4 Situasi Pendidikan Pada Masa Itu

Dari aspek pendidikan secara formal, suasana masyarakat pada masa itu ialah tidak menggalakkan anak-anak-anak perempuan belajar ke peringkat lebih tinggi. Aminuddin Baki mengkritik sistem pendidikan pada masa itu yang tidak memberi peluang kepada anak-anak Melayu, terutamanya anak-anak perempuan. Pada masa dahulu, ketika masih di bawah umur enam tahun, anak perempuan sudah mula disuruh menjaga adik-adiknya. Pemandangan begini sudah biasa di kampung-kampung Melayu. Corak pendidikan seperti itu tidak dipersetujui oleh Aminuddin Baki.³ Bagi beliau, Islam mengutamakan dunia dan akhirat. Aminuddin terlibat dalam perkembangan pelajaran Tanah Melayu sejak 1951. Beliau dilantik menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Pendidikan Melayu, Persekutuan Tanah Melayu yang dipengerusikan oleh L.J Barnes, daripada Oxford University.

Tahun 1956, Laporan Razak 1956 terbentuk hasil daripada laporan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran, Dato^o Abdul Razak Hussein. Salah seorang jawatankuasanya ialah Aminuddin Baki. Pada tahun 1960, Aminuddin berkhidmat sebagai Pegawai Pelajaran Kanan Selangor. Aminuddin Baki sendiri terlibat dalam pengubalan Akta Pelajaran 1961.

Jika ditinjau tentang sejarah pendidikan negara pada peringkat awal persekolahan Dato^o Hajjah Rogayah ada hubungkait dengan sistem pendidikan negara pada masa itu yang sedang mengalami proses perubahan. Beliau tidak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi berdasarkan faktor persekitaran masyarakat pada masa itu di mana anak perempuan tidak digalakkan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Antara perubahan besar berlaku selepas negara mencapai kemerdekaan ialah wujudnya asas pendidikan kebangsaan, bilangan pelajar di bangku sekolah bertambah

³ Siti Ezaleila Mustafa, *20 Tokoh Ilmuwan*, 2009, Cet. Ke-2, Bandar Baru Bangi: Medium Publications, 13-17.

dan kerajaan memberikan pendidikan percuma kepada setiap anak bangsa sehingga mencapai had umur 15 tahun.

4.5 Guru-guru Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

Jika ditinjau dari aspek pembelajaran ilmu tarannum al-Quran, Dato' Hajjah Rogayah mempelajarinya secara pembelajaran sepanjang hayat menerusi pembelajaran secara informal dan non-formal di rumah beliau dan di rumah guru-guru beliau. Kekuatan dan kehebatan beliau terletak pada guru-guru yang hebat kerana beliau mendapat latihan yang mantap daripada mereka.

Di samping itu, Dato' Hajjah Rogayah mempelajari tarannum daripada Megat Osman bin Megat Chik, suami beliau sendiri. Selain itu, beliau juga mempelajari ilmu tarannum daripada Hj. Muhammad bin Awang Kechik, dikenali dengan Hj. Mat Lintar, Qari Istana negeri Terengganu dan Awang bin Muhammad atau dikenali sebagai Ayah Long Awang Nobat.

4.5.1 Megat Osman bin Megat Chik

Megat Osman⁴ dilahirkan pada tahun 1920 di Kampung Pengkalan Setar, Gelugor Kedai, Kuala-Terengganu. Perkataan „Megat“ menunjukkan beliau mempunyai hubungan dengan keturunan kerabat diraja negeri Terengganu. Berdasarkan pemerhatian, di negeri Terengganu, orang yang berpangkat Tengku, Engku, Che Ku dan Megat mempunyai hubungan dengan keturunan kerabat diraja negeri Terengganu.

Haji Megat Osman mempunyai empat orang adik-beradik. Seorang guru al-Quran dan tarannum. Beliau mula belajar mengaji Quran dengan serius ketika berumur 30 tahun dengan Awang Nobat yang tinggal di Kampung Sungai Derhaka. Kemudian, Megat Osman belajar mengaji dengan Haji Muhammad bin Awang Kechik yang

⁴ Temubual dengan Dato' Hajjah Rogayah Binti Sulong (GuruTarannum Al-Quran, Kuala Terengganu), 21 Ogos 2014.

dikenali dengan Hj. Mat Lintar di Surau Tanjung Kapur atau dikenali dengan Surau Hj Mat Lintar, tempat Hj Mat Lintar mengajar al-Quran kepada masyarakat.

Setelah itu, Megat Osman mengajar al-Quran kepada masyarakat di merata tempat termasuk Pahang, dan Johor. Beliau juga turut mengajar di surau datuk kepada Hajjah Rogayah mengajar al-Quran yang terletak di Kampung Banggol Tuan Muda. Haji Megat Osman pernah beberapa kali menjadi hakim tilawah di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Beliau juga pernah dijemput menjadi hakim sebanyak satu kali di peringkat negeri. Beliau telah meninggal dunia semenjak 16 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1998.

Dato⁶ Hajjah Rogayah memperkenalkan Megat Osman dengan nama „Ayah Nik“ kepada anak-anak murid beliau. Menurut beliau, Ayah Nik pernah ditawarkan untuk memasuki pertandingan tilawah, tetapi beliau menolak. Megat Osman ingin memahamkan masyarakat dan memperbetulkan bacaan al-Quran di kalangan masyarakat. Beliau meninggal dunia di Kampung Durian Guling. Dalam pak ngah blogspot menjelaskan beliau meninggal dunia pada tahun 1999.⁵

4.5.2 Haji Mat Lintar

Di Terengganu, jika seseorang itu mengatakan dia adalah anak murid kepada Haji Mat Lintar, maka dia seorang yang hebat dan dipandang tinggi oleh masyarakat sekitar negeri Terengganu. Kehebatan Haji Mat Lintar terletak pada kemahiran beliau membaca al-Quran dari segala aspek berkaitan al-Quran termasuk tajwid dan tarannum. Haji Mat Lintar dilahirkan pada 21 Mac 1900.⁶ Nama penuh beliau ialah Haji Mohamad

⁵ Pakngah70.blogspot.com/2006_08_01_a... paparan pada 12 Julai 2014.

⁶ Ahmad Azhar Harun, Biografi Tokoh-tokoh Pentadbiran Islam Terengganu (Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu) 1911M-2014/1329H-1435H, 2014, Kuala-Terengganu: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, 167.

bin Haji Awang Kechik. Beliau adalah seorang hafiz al-Quran. Mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup mendalam tentang ilmu tajwid.

Berdasarkan temubual dengan anak kepada Haji Mat Lintar iaitu Puan Hajjah Hasnah mengenai asal Haji Mat Lintar, beliau berasal dari Kg. Kemomin, Pengkalan Chepa, Kelantan.⁷ Haji Mat Lintar pernah mendapat pendidikan di Mekah dan Madinah. Ketika berada di Mekah, rakan seguru dengan Haji Mat Lintar ialah Syeikh Mahmud Khalil.⁸

Berdasarkan sijil ijazah bersناد Dato⁹ Hajjah Rogayah binti Sulong yang bertulisan jawi, antara guru kepada Haji Mat Lintar ialah Syeikh Hussein bin Ibrahim al-Suyuti. Salasilah guru beliau adalah seperti berikut :

“Syeikh Hussin bin Ibrahim al-Suyuti al-syahir bi al-Sya¹⁰ir al-Muqri al-Muqri negeri Madinah, dan gurunya Sheikh Hussein bin Muhammad Bayoumi, dan gurunya Sheikh Muhammad Sabiq Bisakandari, dan gurunya al-Sheikh al-Halil al-Matubi dan gurunya al-Sheikh „Ali al-Abyari bilJami” al-Azhari. Gurunya al-Sheikh „Ali al-Halawi biMakkah al-Mukarramah dan gurunya al-Sheikh Ahmad Abu Ma¹¹munah dan gurunya Sidi Muhammad bin Muhammad al-Jazari dan gurunya Sayyid „Abdul Rahman al-Qastantani dan gurunya Sayyid „Abdul Rahman al-Azmiri dan gurunya Sultan al-Zahi dan gurunya Sayyid Ahmad al-Masiri dan Sayyid Abi Jaafar al-Syahir biauliya” Afandi.”⁹

Haji Mat Lintar telah berumahtangga dengan Hajjah Aminah binti Ali. Umur Hajjah Ramlah iaitu anak sulong beliau berusia 3 tahun. Antara guru kepada Haji Mat Lintar berbangsa Arab bernama Syeikh Ibrahim al-Sair.¹⁰ Hajjah Hasnah dilahirkan setelah Haji Mat Lintar pulang dari Mekah.

Dikatakan Haji Mat Lintar mempunyai tidak kurang dari 18 orang isteri. Ada yang berada di Kelantan dan Terengganu. Justeru itu, kemungkinan besar Haji Mat

⁷ Temubual telefon dengan Hajjah Hasnah binti Muhammad (Anak ketiga Haji Mat Lintar, 903, Jln Bachik, Kg. Molek, Masjid Intan Zaharah, Dungun, Terengganu) pada 1 Mac 2015.

⁸ Temubual dengan Haji Mohamad Yasin bin Embong (Qari Terengganu, peniaga, Kg. Pasir Panjang, Kuala-Terengganu), pada 20 September 2015.

⁹ Sijil Pentauliahlan Ijazah Bersناد Hajjah Rogayah binti Sulong (seperti yang tertera pada lampiran).

¹⁰ Temubual dengan Dato⁹ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Tarannum) di Surau Kg.Tepoh, Kuala Terengganu, pada 8 Januari 2015.

Lintar meninggalkan zuriat yang ramai berada di merata daerah di negeri Terengganu, Kelantan dan ada juga di kalangan anak dan cucu beliau yang menetap di Kuala Lumpur.

Salah seorang isteri Haji Mat Lintar bernama Hajjah Aminah binti Ali. Anak sulong kepada Haji Mat Lintar bernama Hajjah Ramlah. Suami kepada Hajjah Ramlah bernama Haji Awang bin Ismail. Anak ketiga kepada Haji Mat Lintar tinggal di daerah Dungun bernama Puan Hasnah. Hajjah Hasnah berumahtangga dengan Ustaz Omar bin Daud, seorang guru agama yang mengajar di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin. Manakala, anak bongsu kepada Haji Mat Lintar atau adik kepada Puan Ramlah iaitu ibu kepada Ustaz Mohamad Lokman bernama Abdul Hadi.¹¹

Haji Mat Lintar dilantik sebagai imam kerajaan di Masjid Abidin bermula pada 26 Oktober 1927 sehingga 1 November 1953. Masjid Abidin mula dibina dalam zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin II. Kemudian, masjid tersebut dibina semula dengan binaan batu pada zaman pemerintahan Sultan Umar.¹² Haji Mat Lintar mempunyai suara yang kuat, nyaring dan terang bagaikan halilintar sehingga dapat didengari hingga di saf paling belakang ketika mengimamkan solat di Masjid Abidin.

Haji Mat Lintar juga menjadi Imam Istana kepada Sultan Ismail setiap kali hari Jumaat. Menurut anak kepada Haji Mat Lintar iaitu Hajjah Hasnah, setiap kali hari Jumaat, orang istana akan datang menjemput Haji Mat Lintar dengan kenderaan istana untuk menjadi imam di mana-mana masjid tempat Sultan Ismail hendak menunaikan solat Jumaat.¹³ Beliau juga adalah qari istana yang seangkatan dengan Haji Yusof

¹¹ Temubual dengan ustaz Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Kg. Tanjung Kapur, cucu kepada Haji Mat Lintar) pada 23 Februari 2015.

¹² Dato" Setia Jasa Dato" Haji Muhammad Saleh Haji Awang, Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M, cet. Ke-3 1992, (Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu,) 179.

¹³ Temubual telefon dengan Hajjah Hasnah binti Muhammad (Anak ketiga Haji Mat Lintar, 903, Jln Bachik, Kg. Molek, Masjid Intan Zaharah, Dungun, Terengganu) pada 1 Mac 2015.

Kedondong.¹⁴ Boleh dikatakan kehebatan Haji Mat Lintar sama kedudukan dengan Haji Yusof Kedondong di Kelantan. Kalau di Kelantan terkenal dengan Yusof Kedondong, maka negeri Terengganu pula terkenal dengan Haji Mat Lintar di kalangan masyarakat.

Haji Mat Lintar adalah rakan kepada Haji Yusof Kedondong, Haji Mat Sering, Haji Ahmad bin Mat Som Pergau, Hajjah Che Yam, Pasir Mas iaitu ibu kepada Hajjah Faridah Mat Saman, dan Yusof Slow Machang. Setiap kali apabila datang bulan Ramadhan pada masa itu, pakar-pakar „tukang lagu“ yang disebutkan tadi, berada di rumah Haji Mat Lintar, di Kg. Tanjung Kapur kerana mereka dijemput oleh Sultan Ismail Nasiruddin Shah iaitu Datuk kepada Sultan Mizan untuk mengalunkan ayat suci al-Quran di istana negeri Terengganu.¹⁵

Haji Mat Lintar pernah belajar bersama Haji Ahmad Som Pergau semasa di Mekah. Haji Mat Lintar mempelajari ilmu Qiraat dengan ulama-ulama terkenal semasa berada di Mekah. Terdapat sebuah surau tempat Haji Mat Lintar mengajar al-Quran dan tarannum bernama surau Hj Awang Abbas terletak di Kg. Tanjung Kapur, Kuala Terengganu. Surau tersebut dinamakan demikian sempena nama tuan tanah tersebut. Surau tersebut dikenali oleh penduduk kampung di situ dengan nama Surau Haji Mat Lintar. Surau tersebut melahirkan tokoh al-Quran dan tarannum yang ramai.

Menurut Mohamad Lokman, Anak-anak didik Haji Mat Lintar yang telah khatam al-Quran dengan beliau menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Qurra“ Terengganu dan Haji Mat Lintar menjadi pengasas persatuan tersebut. Ahli-ahli persatuan Qurra“ Terengganu ini terdiri daripada bekas anak murid Haji Mat Lintar. Antara ahli-ahli yang bergiat aktif sekarang ialah Ustaz Muda@ Jusoh bin Ismail. Haji Muda ialah bapa saudara kepada Ustaz Muhammad Lokman iaitu adik

¹⁴ Mohd Ali bin Abu Bakar, Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia, 1997, cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 103.

¹⁵ Temubual telefon dengan Hajjah Hasnah binti Muhammad (Anak ketiga Haji Mat Lintar, 903, Jln Bachik, Kg. Molek, Masjid Intan Zaharah, Dungun, Terengganu) pada 1 Mac 2015.

beradik bapa kepada Ustaz Lokman. Ustaz Haji Muda bin Ismail pernah belajar tarannum dengan Haji Mat Lintar dan pernah menjadi johan pada tilawah peringkat negeri Terengganu pada tahun 1961, dan 1967.¹⁶ Ustaz Muda bin Ismail tinggal di Kg Bukit Payung yang terletak di daerah Marang, Terengganu. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan Qurra“ Terengganu ialah mengajar al-Quran dan tajwid kepada orang ramai dan masih bergiat aktif ketika kajian ini sedang dilaksanakan.

Sehingga kini, surau Hj. Mat Lintar masih aktif dengan penyampaian ilmu dan pengajaran al-Quran dan tajwid oleh mantan anak-anak murid kepada Haji Mat Lintar pada setiap hari Rabu di sebelah petang selepas solat Asar.¹⁷ Berdekatan dengan surau tersebut, terdapat sebuah rumah yang merupakan kediaman Haji Mat Lintar pada masa hayat beliau.

Kini, cucu kepada Haji Mat Lintar, atau generasi ketiga beliau tinggal di rumah tersebut. Cucu Hj. Mat Lintar bernama Ustaz Mohamad Lokman bin Awang. Ibu ustaz Lokman merupakan anak perempuan kepada Haji Mat Lintar yang bernama Ramlah bin Muhammad.¹⁸ Puan Ramlah adalah isteri kepada Ustaz Haji Awang Ismail, mantan Imam Masjid Putih atau Masjid Sultan Zainal Abidin, Kuala-Terengganu. Ustaz Haji Awang bin Ismail adalah anak murid kepada Haji Mat Lintar dan menantu kepada Haji Mat Lintar. Ustaz Haji Awang bin Ismail sentiasa dijemput menjadi Hakim Tilawah al-Quran peringkat negeri Terengganu. Ustaz Haji Awang Ismail meninggal dunia pada tahun 2004.¹⁹ Antara surau berdekatan juga ialah surau Haji Mat Kerinchi, surau Sheikh Abdul Kadir dan surau Besar.

Pada akhir hayat, Haji Mat Lintar berada di Mekah al-Mukarramah dan selalu berulang alik antara dari Malaysia ke Mekah. Dato“ Hajjah Rogayah pernah

¹⁶ Temubual dengan ustaz Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Kg. Tanjung Kapur, cucu kepada Haji Mat Lintar) pada 23 Februari 2015.

¹⁷Ibid.

¹⁸Ibid.

¹⁹Ibid.

mengunjungi beliau ketika berada di sana dan masih mengenali Dato“ Hajjah Rogayah walaupun pada ketika itu beliau sudah uzur dan mata kabur. Haji Mat Lintar meninggal dunia pada tahun 1963 di Kg. Ladang dan dikebumikan di kawasan perkuburan bernama Kg. Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu.²⁰

4.5.3 Ayah Long Awang Nobat

Terdapat dua peribadi tokoh yang dikenali sebagai Ayah Long Awang Nobat, yang berbeza hanya pada tempat tinggal. Tokoh-tokoh yang dimaksudkan ialah Ayah Long Awang Nobat Pengadang Baru dan Ayah Long Awang Nobat Sungai Derhaka. Kedua-dua mereka digelar sebagai Ayah Long Awang Nobat kerana mereka berdua mahir bermain nobat di Istana Terengganu pada suatu masa dahulu. Sementara itu, guru tarannum kepada Dato“ Hajjah Rogayah ialah Ayah Long Awang Nobat Sungai Derhaka.²¹ Nama penuh Ayah Long Awang Nobat ialah Awang bin Muhammad.

4.5.4 Mohd Yusof bin Abdullah

Biodata tentang Mohd Yusof bin Abdullah telah dimuatkan dalam bab tiga.

4.5.5 Muhammad Imam Abu Al-Ma’ati²²

Muhammad Imam menjadi Imam pada bulan puasa di Masjid. Beliau juga pernah mengajar di Maahad Tahfiz al-Quran di Padang Midin dan seorang pensyarah di Maahad Qiraat Tanta, Mesir. Beliau mengajar qiraat Warsh kepada Dato“ Hajjah

²⁰ Temubual dengan ustaz Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Kg. Tanjung Kapur, cucu kepada Haji Mat Lintar) pada 23 Februari 2015

²¹ Temubual dengan Tuan Mekah binti Tuan Ngah (Guru Al-Quran dan anak murid kepada Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong) pada 7 Januari 2015.

²² Temubual dengan Hajjah Rogayah Sulong, pada 23 Disember 2012 di rumah beliau pada pukul 11.30 pagi, hari Ahad.

Rogayah sepanjang bulan puasa selama dua tahun di rumah Dr. Syed Salleh, anak kepada bekas mufti Terengganu Ustaz Syed Yusoff Ali al-Zawawi.²³

Kesimpulannya, cara Dato^u Hajjah Rogayah mempelajari al-Quran melalui dua peringkat iaitu peringkat asas iaitu proses mula mengenali al-Quran. Peringkat kedua ialah peringkat mendalami tarannum. Pada peringkat pertama, beliau mula mengenal al-Quran melalui guru yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang dekat dengan beliau iaitu ibu beliau sendiri iaitu Hajjah Nik binti Haji Jusoh. Selain itu beliau juga mempelajari al-Quran dengan isteri kepada bapa saudaranya iaitu Cik binti Ali. Beliau juga mempelajari tajwid al-Quran dengan datuk di sebelah ibu yang bernama Haji Jusoh bin Ismail. Beliau membesar dalam suasana keluarga sederhana yang cintakan al-Quran dan mengambil berat terhadap pengajian al-Quran. Asas yang kukuh yang dibina oleh keluarga sejak kecil lagi tentang kepentingan al-Quran telah memperkayakan lagi bakat beliau dalam bidang tarannum al-Quran.

Sejak kecil lagi, Dato^u Hajjah Rogayah telah menunjukkan kepintaran, minat dan kesungguhan dalam tarannum. Beliau berkata suasana kehidupan semasa beliau remaja berbeza dengan zaman sekarang. Kalau dahulu, perempuan yang akan dilamar akan ditanya tahap pembacaan al-Quran, mahir atau sebaliknya. Tetapi berbeza dengan zaman sekarang. Anak perempuan akan ditanya apa pekerjaannya. Ini menunjukkan pada zaman dahulu, masyarakat lebih menitikberatkan kemahiran membaca al-Quran daripada yang lain.

Pada peringkat kedua pula peringkat lanjutan dan peringkat mempelajari ilmu tarannum. Beliau juga mempelajari ilmu tajwid dan tarannum dengan suami beliau sendiri iaitu Megat Othman bin Megat Chik, Awang bin Muhammad dan Hj. Muhammad bin Awang Kechik atau dikenali sebagai Hj Mat Lintar pada tahun 1960-

²³ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong di rumah beliau Kg Durian Guling, pada 23 Disember 2012 pukul 3 petang.

an. Kaedah pembelajaran sebegini juga diterapkan dalam pengajaran al-Quran dan tarannum kepada anak-anak murid beliau.

Dato^{''} Hajjah Rogayah juga telah memperolehi sijil talaqqi 30 juzuk al-Quran bersanad. Beliau juga diberi tauliah oleh Kerajaan Negeri Terengganu untuk mengijazahkan anak murid yang tamat belajar al-Quran dengan beliau sebanyak 30 juzuk al-Quran. Pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan 30 juzuk al-Quran beserta dengan tajwid yang baik, fasahah dan mahir akan ditauliahkan oleh beliau dengan mendapat sijil yang khusus daripada beliau seperti yang terdapat dalam lampiran. Beliau tidak memberikan sijil secara sewenang-wenangnyanya. Bagi pelajar yang tidak mampu membaca dengan baik, tidak akan memperolehi sijil ijazah daripada beliau.

4.6 Perkahwinan Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

Dato^{''} Hajjah Rogayah binti Sulong berumahtangga dengan seorang guru al-Quran dan tarannum yang bernama Haji Megat Othman bin Megat Chik pada tahun 1958. Ketika itu, beliau berusia 16 tahun. Selain daripada itu, suami beliau juga adalah guru yang utama kepada beliau yang banyak membimbing beliau dalam bidang tarannum al-Quran. Oleh itu, pasangan hidup beliau adalah seorang yang berilmu dan pakar dalam bidang tarannum yang menjadi tunjang dan jurulatih disebalik kejayaan beliau.

Selepas berumahtangga, Dato^{''} Hajjah Rogayah mengikuti suami berhijrah ke Pahang kerana mengajar al-Qur^{''}an di Kampung Kelola, Jerantut, Pahang selama 1 tahun iaitu pada tahun 1959. Kemudian mengikuti suaminya ke Batu Pahat, Johor selama 3 tahun pada tahun 1960, 1961 dan 1962 kerana mengajar ilmu tarannum di sana. Antara anak murid yang pernah berlatih membaca al-Quran bertarannum dengan beliau ketika di Batu Pahat, Johor ialah Hajjah Rahmah binti Abdul Rahman. Hajjah Rahmah ialah qariah pertama yang mengharumkan nama negeri Johor majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1968.

4.7 Kejayaan Dalam Bidang Tarannum

Menurut sidang redaksi buku Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, Dato^o Hajjah Rogayah menjadi johan qariah kebangsaan sebanyak tujuh kali. Manakala di peringkat antarabangsa pula sebanyak empat kali.

4.7.1 Johan Di Peringkat Kebangsaan

Pertama kali Dato Hajjah Rogayah menjadi johan qariah di peringkat kebangsaan adalah pada tahun 1961.²⁴ Beliau memenangi kali kedua pula pada tahun 1963, kali ketiga pula pada tahun 1966, kali keempat pada tahun 1973, kali kelima pada tahun 1974, kali keenam pada tahun 1978 dan kali ketujuh pada tahun 1979. Di peringkat antarabangsa pula beliau berjaya menjadi juara sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1966, 1973, 1974, dan 1978.²⁵

Jadual 4.7 .1: Johan Di Peringkat Kebangsaan

Bilangan	1.	2.	3.	4.	5	6	7
Tahun	1961	1963	1966	1973	1974	1978	1979

(sumber: Buku Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa dengan ubahsuai, 2003), 20-21.

4.7.2 Johan Di Peringkat Antarabangsa

Penyertaan dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Contohnya pada tahun 1960-an, peserta yang menjadi johan di peringkat kebangsaan layak menjadi johan menunggu sebanyak dua kali sahaja. Selepas itu, seseorang qari hendaklah berehat selama dua tahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya.

²⁴ Sidang Redaksi, Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Kuala Lumpur: JAKIM, 2003, 20.

²⁵ Suhaimi bin Ismail, Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, (Putrajaya: JAKIM, 2003), 20-21.

Qari tersebut kemudiannya, boleh menyertai majlis berikutnya dengan menyertai majlis tilawah al-Quran di negerinya terlebih dahulu bermula daripada peringkat daerah. Peserta tidak dibenarkan menyertai majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan selepas tiga kali mendapat tempat pertama dalam majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sama ada secara berturut-turut atau tidak.²⁶

Jadual 4.7.2: Johan Di Peringkat Antarabangsa

Bilangan	1.	2.	3.	4.
Tahun	1966	1973	1974	1978

(Sumber: Mohamad bin Saari, 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia dengan ubahsuai, (Putrajaya: Jakim, 2008), 101-103.)

Penyertaan dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan tertakluk kepada syarat-syarat penyertaan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Contohnya pada tahun 1960-an, peserta yang menjadi johan di peringkat kebangsaan layak menjadi johan menunggu sebanyak dua kali sahaja. Selepas itu, seseorang qari hendaklah berehat selama dua tahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya. Qari tersebut kemudiannya, boleh menyertai majlis berikutnya dengan menyertai majlis tilawah al-Quran di negerinya terlebih dahulu bermula daripada peringkat daerah. Peserta tidak dibenarkan menyertai majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan selepas tiga kali mendapat tempat pertama dalam majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sama ada secara berturut-turut atau tidak.²⁷

4.8 Kerjaya Dalam Bidang Pengajaran al-Quran Dan Tarannum

Tidak ramai anak tempatan ketika itu yang mahir dalam bidang tarannum al-Quran. Dato^o Hajjah Rogayah tidak menghadapi masalah untuk mendalami ilmu tarannum.

²⁶ Sidang Redaksi, 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia, Kuala-Lumpur : JAKIM, 26.

²⁷Ibid.

Lebih-lebih lagi, guru utama beliau ialah suami beliau sendiri. Bidang kerjaya yang diceburinya ialah menjadi guru al-Qur'an dan Tarannum sejak 1961 hingga sekarang di bawah kelolaan kerajaan negeri Terengganu. Kini beliau masih lagi mengajar al-Quran kepada masyarakat kampung di sekitar Kuala-Terengganu dan Kuala Berang. Beliau juga turut mengajar guru-guru al-Quran kelolaan Yayasan Islam Terengganu, dan juga para qari dan qariah yang ingin memperbetulkan bacaan al-Quran mereka.

Dalam aspek berkaitan al-Quran, Dato' Hajjah Rogayah menyampaikan tiga aspek pengajaran berdasarkan kebolehan pelajar, kesungguhan dan minat. Beliau mengajar al-Quran secara tartil dan bersanad, bacaan warsh bersanad dan pengajaran tarannum al-Quran.

4.9 Sumbangan Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

Berdasarkan anugerah yang diperolehi oleh Dato' Hajjah Rogayah membuktikan sumbangan dan jasa beliau kepada masyarakat terutama dalam bidang pengajaran al-Quran dan tarannum. Antara sumbangan beliau ialah menjadi salah seorang perintis wanita dalam bidang tarannum al-Quran dengan rakan-rakan sealiran beliau dan merupakan antara qariah wanita yang mula menceburkan diri dalam dunia tarannum pada tahun 1960-an. Di Terengganu, antara nama yang masyhur pada tahun 1960-an ialah Rokiah binti Daud, Wook binti Hasan, Safiah Muhammad dan Nik Maliah binti Ismail. Dato' Hajjah Rogayah juga adalah wanita pertama bagi negeri Terengganu yang berjaya menjadi johan di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa dalam majlis Tilawah al-Quran anjuran JAKIM.

Dato' Hajjah Rogayah juga melahirkan pelapis yang ramai dalam bidang tarannum al-Quran. Antara sumbangan beliau ialah melatih bakal-bakal Qari dan Qariah di peringkat Daerah dan Negeri, mengajar al-Quran dan tarannum di Pahang antara tahun 1958 sehingga 1960, mengajar di Johor selama 4 tahun antara tahun 1961

sehingga tahun 1964, melatih Qari dan Qariah yang dihantar oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak pada tahun 1988. Beliau juga pernah didatangi oleh Qariah di negara jiran iaitu Thailand dan Singapura untuk belajar menjadi Qariah. Beliau juga pernah menjadi Qariah Jemputan untuk majlis-majlis perayaan negeri dan menjadi jurulatih qari-dan qariah di seluruh Malaysia dan di negara-negara jiran termasuk Brunei, Singapura, Thailand dan Indonesia.²⁸

Dato^o Hajjah Rogayah juga memperkenalkan ilmu tarannum kepada masyarakat dan beliau adalah antara tokoh yang bersungguh-sungguh dalam menyampaikan pengajaran tarannum al-Quran kepada masyarakat. Antara bukti kesungguhan beliau ialah beliau sanggup menghadirkan diri dalam pengajaran al-Quran pada hari dan masa yang ditetapkan walaupun beliau dalam keadaan uzur. Kecintaan beliau terhadap al-Quran sangat mendalam yang sukar dicari kesungguhan dan keikhlasan serta sukar ditandingi.

Dato^o Hajjah Rogayah mengajak anak murid yang mempelajari tarannum dengan beliau untuk memperdengarkan bacaan al-Quran bertarannum di masjid-masjid di sekitar Terengganu sebelum bermula syarahan agama dan bantuan kutipan derma bagi membantu asrama anak yatim Darul Falah, Bukit Payong, Marang, Terengganu. Antara qariah yang terlibat ialah Hajjah Maznah binti Awang. Selain itu, Dato^o Haji Salleh Awang atau dikenali dengan Misbaha turut bergiat aktif dalam aktiviti program tersebut.

Dato^o Hajjah Rogayah juga mengajar masyarakat mengenali al-Quran dan mencintai al-Quran serta membaca dengan baik. Beliau memenuhi hari-hari dalam seminggu dengan mengadakan pengajaran al-Quran dan tarannum di masjid-masjid

²⁸ Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala Terengganu, Terengganu.

sekitar KualaTerengganu, Marang dan HuluTerengganu. Kini, dengan keuzuran yang dialami, beliau menghadkan aktiviti pengajaran di masjid-masjid disekitar Terengganu. Antara masjid yang beliau mengajar ialah masjid Kuala Berang, Masjid Padang Midin, Masjid Pengadang Baru, dan Surau Kg Tepoh. Selain itu, beliau jadikan rumah sebagai tempat mengajar al-Quran termasuk yang datang secara individu sama ada secara tetap atau sekali-sekala.

Dato^o Hajjah Rogayah membuktikan kepada dunia bahawa bangsa Melayu mampu membaca al-Quran dengan baik, seterusnya membuktikan kemukjizatan al-Quran yang dapat dibaca dengan baik oleh orang Ajami. Nama beliau bukan sahaja terkenal di Malaysia, malahan meniti di bibir umat Islam di seluruh pelusuk dunia. Beliau dikenali dalam kalangan hakim antarabangsa dan juga rakan-rakan seperjuangan beliau dari negara luar. Beliau juga tidak lokek menyampaikan ilmu kepada qari dan qariah dari luar negara terutama negara yang berdekatan seperti Indonesia, Brunei, Thailand dan Singapura. Alunan yang beliau sampaikan seolah-olah dialunkan oleh seorang qariah berbangsa Arab. Beliau menekankan bacaan secara bersahaja, mendatar, menjaga nada dengan teratur, tidak gopoh, mahir mencipta burdah yang bersesuaian dengan tempat dan keadaan.

Dato^o Hajjah Rogayah antara orang yang bergiat aktif menubuhkan asrama anak yatim Darul Falah Di Bukit Payung dan menjadi ahli jawatankuasa Darul Falah. Beliau seorang yang aktif dalam kegiatan kemasyarakatan. Beliau pernah menjadi salah seorang ahli jawatankuasa bagi Asrama Anak Yatim Darul Falah, yang terletak di Kg. Bukit Payung Terengganu. Pada awal penubuhan asrama anak yatim ini, ia diketuai oleh Dato^o Haji Mohd Salleh bin Awang (Dato^o Setia Jasa) atau nama pena beliau ialah MISBAHA, „Pelopor Darul Falah“ yang pada masa itu bertugas sebagai Pemeriksa Hal Ehwal Agama Terengganu dengan penasihat utamanya, Mufti Kerajaan Terengganu

Sahibul Samahah Syed Yusof Ali Al-Zawawi, dan dibantu oleh ahli Jawatankuasa PERKASA iaitu ringkasan bagi Pertubuhan Kebajikan Islam Terengganu.²⁹

PERKASA terdiri di kalangan guru-guru pelawat agama yang diasaskan pada 15 Ramadhan 1365H bersamaan 12 Ogos 1946M di bawah al-Marhum Tuanku Sultan Zainal Abidin Al-Haj. Kini PERKASA dinaungi sepenuhnya oleh DYMM Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Dato³⁰ Haji Wan Abdul Rahman bin Long, Kadi Besar Terengganu yang mempeloporinya telah dibantu oleh beberapa orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu pada masa itu. Tujuan dan matlamat utamanya ialah memperluaskan usaha dakwah Islamiyyah, membuka minda ke arah kekuatan dan kemajuan Islam di kalangan penduduk Terengganu, serta mempertingkatkan tahap pendidikan mereka di samping membantu mereka yang miskin dan daif. Keahlian PERKASA terbuka kepada anak Negeri Terengganu Darul Iman yang beragama Islam. Jumlah ahli berdaftar sehingga 2015 ialah seramai 1,825 orang. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanaka oleh PERKASA terbahagi kepada tiga iaitu Kebajikan, Dakwah dan Kerjasama Dengan Pihak Berkuasa.³⁰

Dari aspek kebajikan, sesuai dengan penubuhan PERKASA, pertubuhan ini sentiasa mengambil bahagian dengan mengumpul derma daripada orang ramai melalui lawatan ke seluruh negeri, masjid dan surau untuk mengumpul seberapa banyak sumbangan daripada orang ramai. Melalui hasil sumbangan orang ramai tersebut, PERKASA memainkan peranan membantu mereka yang memerlukan seperti mengadakan asrama bagi anak-anak yatim piatu yang miskin dan daif. Selain itu, memberi bantuan kewangan kepada orang miskin, pelajar dan saudara baru atau

²⁹ Temubual dengan Muhd Zulkarnain B. Mukhtar (Pengetua Asrama Darul Falah) pada 25 Januari 2015.

³⁰ Ibid.

muallaf. Selain itu juga, membantu masyarakat Islam di luar Terengganu termasuk Singapura, Jawa dan Sumatera.

Dari aspek dakwah pula, antara aktiviti yang diadakan seperti mengadakan majlis-majlis syarahan agama di masjid, surau dan majlis-majlis Usrah terutama bagi masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman. Begitu juga, PERKASA membuka kelas-kelas mengajar al-Quran di kampung-kampung dan kelas-kelas Fardhu Ain secara sukarela yang dijalankan oleh ahli-ahli di kalangan guru agama dan guru pelawat agama. Selain itu, PERKASA menjalankan usaha dakwah di kalangan orang Asli yang tinggal di pedalaman dan juga menjalankan kempen supaya orang ramai mempelajari, mendalami ilmu agama dan mengamalkannya bersesuaian dengan tuntutan Allah s.w.t.

Dari aspek kerjasama dengan pihak berkuasa pula PERKASA sentiasa berusaha membawa wawasan kerajaan bagi membentuk masyarakat ke arah kerjasama, bersatu padu serta tolong menolong mengeluarkan buku-buku pelajaran, risalah pedoman dan sebagainya. Di samping itu, PERKASA menganjurkan lawatan ke pusat-pusat pengajian tinggi dan tempat bersejarah di kalangan ahli dengan tujuan membuka minda mereka terhadap dunia semasa.

Pada awalnya, Darul Falah merupakan sebuah pondok pengajaran agama yang diasaskan oleh Dato^o Hj. Wan Abdul Rahman bin Long atau digelar sebagai Y.B Dato^o Purba Di Raja, SPMT, KMN., PJK. Dato^o Hj. Wan Abdul Rahman telah memulakan khidmat beliau di pondok agama ini pada 12 Ogos 1946 hingga 3 Jun 1947 merangkap sebagai Yang Dipertua PERKASA.³¹ Setelah itu tugas beliau diambil alih oleh Dato^o Wan Abdullah bin Dato^o Kamal Wangsa atau dipanggil Dato^o Biji Sura yang berkhidmat pada 4 Jun 1947 hingga 20 Jun 1948, kemudian pondok agama ini diambil alih oleh Dato^o Haji Kamaruddin bin Idris atau digelar sebagai Y.Bhg. Dato^o Seri Setia

³¹ Ibid.

Raja pada 21 Jun 1948 hingga 31 Ogos 1957. Kemudian, Haji Muhammad Salim bin Ahmad menjadi Yang Dipertua PERKASA bermula 1 Januari 1958 hingga 31 Ogos 1967, kemudian diambil alih oleh Hj. Musa. Setelah itu diambil oleh Dato^{''} Hj. Mohd Salleh bin Hj. Awang atau digelar Y. Bhg. Dato^{''} Setia Jasa bermula 6 Ogos 1971 hingga 31 Ogos 1992. Setelah Haji Mohd Salleh, Dato^{''} Haji Omar bin Pilus pula memegang jawatan sebagai Yang Dipertua PERKASA pada 23 Oktober 1993 hingga 15 April 2000, kemudian, diambil alih oleh Tuan Haji Yusof @Kabi bin Musa pada 16 April 2000.

Seterusnya, Asrama Anak Yatim Darul Falah telah ditubuhkan pada 30 Julai 1962. Antara tujuan ditubuhkan asrama anak yatim ini untuk membela nasib anak-anak yatim piatu yang miskin serta tiada penjagaan sempurna, tanpa mengira darjah pencapaian akademik. Anak-anak yatim ini ditanggung keseluruhan sehingga boleh berdikari sendiri.

Asrama anak yatim tersebut berada di bawah naungan PERKASA. Salah seorang ahli jawatankuasa penubuhan asrama anak yatim tersebut termasuk Dato^{''} Hajjah Rogayah binti Sulong yang turut sama berusaha mengutip derma melalui tilawah al-Quran bertarannum oleh anak-anak murid beliau. Bermula dengan sebuah bangunan yang didirikan secara gotong-royong dan perbelanjaan hasil derma orang ramai yang berjumlah RM60,000 di atas sebidang tanah seluas 3,587 ekar yang didermakan oleh Tuan Haji Taib bin Ibrahim, Darul Falah terletak di Kampung Padang Pak Su Man, Bukit Payung, Marang, Terengganu. Pada awalnya, asrama ini menempatkan anak-anak yatim lelaki seramai 21 orang dari seluruh Terengganu. Asrama ini dirasmikan oleh Almarhum DYMM Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Zainal Abidin, Sultan Negeri Terengganu Darul Iman.

Selain daripada DYMM Tuanku sendiri yang sentiasa yang sentiasa mengambil berat ke atas Darul Falah, Pejabat Agama Islam Terengganu, Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri dan orang ramai yang sentiasa menghulurkan bantuan menjadikan Darul Falah terus unggul hingga kini.³² Dalam tempoh penubuhan darul Falah, seramai 452 orang anak yatim telah diuruskan. Buat masa ini, 72 orang penghuni berada di sini lelaki dan perempuan. Mereka terdiri daripada pelajar sekolah rendah, menengah dan universiti yang menelan kos tidak kurang RM300,000 setahun.

Setiap penghuni mendapat pelajaran formal di sekolah. Masa yang terluang diisi dengan berbagai aktiviti untuk persediaan kepada anak-anak ini melengkapkan diri sebagai insan kamil. Antara aktiviti yang diadakan seperti kelas fardhu ain, kelas al-Quran, urus rumah tangga, kelas komputer, kelab sukan dan kerjaya, kelas tuisyen dan aktiviti pembentukan peribadi. Asrama Darul Falah sentiasa mengikuti arus perkembangan moden bagi memenuhi matlamat penubuhannya.

Dato^o Hajjah Rogayah berjaya melahirkan guru al-Quran yang mahir di bawah Yayasan Islam Terengganu. Beliau mempunyai anak murid yang ramai dalam sekitar 20 hingga 30 orang dalam sehari bagi setiap tempat seperti di masjid, surau dan di rumah beliau sendiri. Keistimewaan bagi orang ramai yang mengaji dengan beliau ialah mereka akan memperolehi dua sijil setelah khatam al-Quran iaitu sijil khatam al-Quran dari Yayasan Islam Negeri Terengganu dan sijil khas dari beliau iaitu sijil pengajian al-Quran bersanad.

Bagi pelajar yang telah tamat mengaji al-Quran dengan Dato^o Hajjah Rogayah, tetapi tidak dapat mengaji dengan baik, beliau tidak akan memberikan sijil bersanad tersebut kepada pelajar itu. Ini bermakna, sijil tersebut adalah untuk pelajar yang terpilih

³²Ibid.

sahaja. Beliau akan mengadakan majlis khatam al-Quran pada setiap dua tahun sekali. Setakat ini, beliau mengadakan majlis khatam al-Quran pada tahun 2014. Lebih kurang 30 orang pelajar berjaya khatam al-Quran dengan beliau dan lima orang pelajar berjaya khatam dengan mengaji qiraat warsh.

Dato^o Hajjah Rogayah mengajar al-Quran secara pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran al-Quran tidak terhenti setakat khatam al-Quran sebanyak sekali, malahan terdapat ramai pelajar beliau yang tamat al-Quran lebih daripada satu kali dengan beliau sejak dari zaman muda sehingga ke peringkat warga emas. Berdasarkan pemerhatian, hubungan beliau dengan anak murid sangat rapat dan mereka saling memberikan buah tangan dari kebun setiap kali datang musim buah-buahan, menghadiri majlis kenduri-kendara dan ada yang bermalam di rumah beliau bagi yang tinggal jauh seperti Kemaman. Ada juga pelajar yang datang menziarahi beliau dan memperdengarkan semula bacaan bertarannum. Selain itu, setiap kali musim tilawah al-Quran peringkat daerah, negeri atau kebangsaan, rumah beliau sentiasa dikunjungi oleh qari dan qariah untuk berlatih mengaji secara bertarannum sama ada waktu siang atau malam.³³

Dato^o Hajjah Rogayah pernah dilantik menjadi jurulatih dan fasilitator kepada qari-qari dan qariah-qariah yang memasuki majlis tilawah al-Quran dan beliau kerap dilantik sebagai jurulatih atau fasilitator dalam Kursus Tahsin al-Quran sekitar tahun 1980-an sehingga 1990-an. Kursus Tahsin al-Quran diadakan dalam tiga peringkat bagi qari yang terpilih sahaja terutama bagi qari yang menyertai Majlis Tilawah al-Quran di peringkat daerah, negeri, kebangsaan atau antarabangsa. Pada kebiasaannya, kursus tahsin al-Quran akan berjalan selama dua atau tiga hari sehingga seminggu.

Dato^o Hajjah Rogayah mengajar bacaan qiraat warsh kepada masyarakat. Di samping mengajar al-Quran qiraat Hafs, beliau turut mengajar talaqqi bacaan secara

³³ Pemerhatian turut serta.

warsh. Bacaan warsh adalah bagi pelajar yang terpilih sahaja. Antara syarat-syarat pemilihan ialah pelajar tersebut telah mahir dengan bacaan Hafs mengikut hukum hakam yang betul. Oleh sebab itu, pelajar yang mengaji secara warsh dengan beliau tidak ramai dan pengajian ini dijalankan secara bersanad. Guru warsh beliau ialah Muhammad Imam Abu al-Ma‘ati seorang pensyarah Institut al-Quran Terengganu.

Dato‘ Hajjah Rogayah berjaya mengharumkan nama negara di persada Antarabangsa. Beliau dan rakan-rakan seperjuangan pernah mengharumkan nama negara Malaysia di mata dunia. Beliau sentiasa di jemput sebagai qariah jemputan sama ada dalam negara mahu pun di luar negara. Berdasarkan pemerhatian, kaset alunan bacaan beliau turut di jual di luar negara dan timur tengah sehingga ke negara Morocco dan mereka kagum dengan bacaan beliau yang begitu berkualiti.

Dato‘ Hajjah Rogayah mengajar bilal lagu-lagu azan yang baik. Di samping pengajaran tarannum dalam tilawah, beliau turut mengajar bilal-bilal di masjid melaungkan azan mengikut lagu tarannum. Alunan lagu dalam azan adalah sama dengan alunan lagu dalam bacaan bertarannum. Kebiasaannya, pengajaran azan diadakan pada pagi jumaat di samping pengajaran al-Quran dan tarannum.

Dato‘ Hajjah Rogayah juga turut melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan beliau pernah menjadi Ketua Wanita UMNO Kampung Pengkalan Setar, Kuala-Terengganu, dari tahun 1961-1965. Beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Anak-anak Yatim Darul Falah, Bukit Payong, Kuala-Terengganu. Beliau telah memberi sumbangan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM60,000 kepada Darul Falah, Bukit Payong, Marang, Terengganu.³⁴ Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Sawa, Marang, Terengganu dari tahun

³⁴Ibid.

1993-1995. Selain itu, beliau turut menjadi ahli Jawatankuasa Pertubuhan Wanita Daerah Marang dari tahun 1991-1993.³⁵

Hajjah Rogayah Sulong adalah seorang tokoh yang tak lekang di bibir masyarakat Malaysia yang mempelajari al-Quran kerana kepakaran beliau dalam bidang tarannum. Kepakaran beliau terbukti apabila menjuarai sebagai johan qariah di peringkat negeri lapan kali, kebangsaan sebanyak tujuh kali dan antarabangsa sebanyak empat kali. Kali pertama beliau menjadi johan qariah pada tahun 1961 dan 1962 di peringkat kebangsaan. Pada tahun 1963, beliau telah menjuarai sebagai johan di peringkat negeri Terengganu. Oleh itu, kajian ini bakal mengupas rahsia di sebalik ketokohan beliau dalam bidang ini.

Kepakaran Dato^{''} Hajjah Rogayah sekali lagi terserlah apabila anak didik beliau juga berjaya menjadi johan tilawah membaca al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau mempunyai anak murid yang begitu ramai bukan sahaja di Malaysia, malahan dari Singapura dan Thailand. Namun, di sebalik juara itu, sudah tentu beliau mempunyai cara, strategi dan kaedah yang tersendiri dalam mendidik bakal-bakal juara. Antara cara pengajaran beliau ialah di peringkat pertama beliau melatih pelajar mahir tajwid. Setelah itu, beliau akan memilih dalam kalangan anak muridnya yang mahir tajwid iaitu pelajar yang mempunyai suara yang merdu, elok dan baik untuk diketengahkan supaya mempelajari ilmu tarannum.

Niat yang ikhlas dalam pengajaran, berdisiplin, berhemah tinggi, dan sabar adalah antara resepi kejayaan Dato^{''} Hajjah Rogayah dan beliau tidak mengharapkan wang ringgit. Sejak daripada waktu mudanya sehinggalah penulis memulakan kajian ini bermula pada tahun 2012, beliau masih lagi aktif dalam menyampaikan ilmu tajwid, tarannum dan qiraat warsh. Sepanjang penyiapan kajian ini, penulis sempat

³⁵Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*, 403-404.

menemuramah beliau dan juga mengikuti kelas pangajian tajwid yang beliau ajar kepada masyarakat kampung di Masjid Padang Midin, Kuala-Terengganu pada setiap pagi Rabu. Beliau seorang yang tegas dalam pengajaran ilmu tajwid dan sangat mementingkan tentang makhraj, dan hukum-hakam tajwid. Pada hakikatnya, beliau adalah seorang yang peramah dan bersifat keibuan.

4.10 Anak Murid Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong

Dato' Hajjah Rogayah mempunyai anak murid yang ramai dalam bidang tarannum al-Quran. Beliau juga dikenali dan digeruni di kalangan qari-qari yang lain kerana anak murid beliau juga turut berupaya mengharumkan nama merangkul juara di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa seperti Muhammad bin Awang Teh Johan Kebangsaan, Sepiah bin Muhammad Johan Antarabangsa, Masnah Awang Johan Antarabangsa, Aminah binti Omar Johan Antarabangsa, Halimah Ibrahim Johan Negeri sebanyak dua kali, Azizah Zakaria Johan Kebangsaan, Hajjah Rahmah Binti Abdul Rahman, Haji Ismawi bin Haji Duet, Hajjah Hasnah binti Sulong, Hajjah Siah @Embat binti Mohamad Amin, Ustaz Rashid Ali, hakim tilawah negeri Terengganu, Haji Salleh bin Saidi, Hajjah Nasirah binti Ibrahim, dan Hajjah Fatimah binti Ibrahim. Terdapat 14 orang anak murid Dato' Hajjah Rogayah dikenalpasti. Mereka dipilih dalam kalangan qari-qari dan qariah-qariah yang pernah menjadi johan di peringkat negeri Terengganu.

Hajjah Sepiah binti Muhammad

Hajjah Sepiah binti Mohamad dilahirkan pada 7 Mac 1950 di Kg Nasi Dingin. Pendidikan awal beliau adalah di Sekolah Kebangsaan Kg. Getang. Beliau mula mempelajari al-Quran daripada ibu dan juga dengan isteri seorang ustaz sekolah Kebangsaan Kg. Getang. Ustaz tersebut bernama ustaz Ariffin. Hajjah Sepiah pertama kali mempelajari al-Quran dengan Dato' Hajjah Rogayah di Masjid Kg. Wakaf Tapai,

Marang Terengganu. Ketika itu Hajjah Sepiah berusia 14 tahun pada tahun 1964. Pada masa itu, Dato" Hajjah Rogayah mengesan bakat beliau. Hajjah Sepiah menjelaskan :

*" Selesai mengaji al-Quran, Dato" Hajjah Rogayah meminta orang ramai memanggil saya. Dato" Hajjah Rogayah meminta saya mengikuti bacaan Dato" Hajjah Rogayah membaca surah al-Tahrim ayat 8 hingga ayat 12. Ayat-ayat itu masih menjadi kenangan kepada saya hingga ke hari ini. Setelah itu, Dato" Hajjah Rogayah mengajak saya tinggal bersama dengan beliau untuk mengasah bakat yang dimiliki oleh beliau. Setahun kemudian, saya memasuki musabaqah pada tahun 1965 dan ketika itu beliau berusia 15 tahun. Saya dapat mempelajari tarannum dalam masa yang singkat iaitu selama setahun sahaja. Selain daripada saya, rakan-rakan yang turut sama tinggal di asrama rumah Dato" Hajjah Rogayah ialah Khatijah dari Mersing, Johor. Selain itu, Tuan Chik, Che Ku Melah, dan Che Ku Salmi yang tinggal di Kg Getang."*³⁶

Pada tahun 1967, Hajjah Sepiah menjadi johan tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu. Begitu juga, tahun 1968, Hajjah Sepiah turut menjadi johan di peringkat negeri Terengganu. Hajjah berumahtangga pada tahun 1970. Pada tahun 1981, Hajjah Sepiah menjadi johan di peringkat daerah Hulu Terengganu. Pada tahun 1988, 1994 dan 1997, Hajjah Sepiah memperolehi naib johan di peringkat negeri Terengganu. Pada tahun 1988, Hajjah Sepiah menjadi johan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Hajjah Sepiah juga banyak menghadiri kursus di peringkat negeri Terengganu.

Beliau menjelaskan :

*" Antara jurulatih yang pernah menyampaikan kursus ialah Dato" Haji Awang iaitu menantu kepada Haji Mat Lintar jurulatih bahagian tajwid, Dato" Yusuf Manaf, bahagian tajwid, Dato" Hajjah Rogayah binti Sulong jurulatih bahagian tarannum, dan Tan Sri Sheikh Ismail al-Hafiz, jurulatih bahagian tajwid. Selain daripada itu juga, saya menghadiri kursus-kursus yang diadakan di Kuala Lumpur dan Pahang antara tahun 1991 hingga tahun 1999. Hingga hari ini, saya pergi ke Pasir Mas, mempelajari tarannum dengan Tuan Haji Nik Jaafar."*³⁷

³⁶ Temubual dengan Hajjah Sepiah binti Mohamad (Qariah Negeri Terengganu) pada 9 Januari 2015.

³⁷ Ibid.

Dari aspek kerjaya pula, Hajjah Sepiah mengajar al-Quran dalam kelas di Masjid Kg Tengkwawan dan menjadikan sebahagian rumah beliau sebagai surau tempat mengajar al-Quran. Hajjah Sepiah juga membuka kelas tarannum kepada remaja yang berusia antara 16 hingga 20 tahun seramai 15 orang khusus untuk mempelajari selok-belok tarannum.³⁸

Jadual 4.9. (i): Kemenangan Hajjah Sepiah binti Muhammad Di Peringkat Negeri

Bilangan	1	2	3
Tahun	1967	1968	1998

(Sumber: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM))

Pada jadual di atas menunjukkan bahawa Hajjah Sepiah menjadi johan di peringkat kebangsaan sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 1967, 1968 dan 1998. Pertama kali Hajjah Sepiah menjadi johan ketika berusia 17 tahun.

Jadual 4.9 (ii): Kemenangan Di Peringkat Antarabangsa

Bilangan	1
Tahun	1998

(Sumber: Buku Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, 20-21)

Dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat antarabangsa pula, Hajjah Sepiah mendapat johan pada tahun 1998. Pada ketika itu beliau berusia 48 tahun.

Hajjah Masnah binti Awang

Hajjah Masnah Awang mula mempelajari asas-asas ilmu tarannum daripada Dato[“] Hajjah Rogayah binti Sulong. Ketika itu beliau masih di peringkat remaja iaitu 15 tahun. Hajjah Masnah mula mengenali Dato[“] Hajjah Rogayah ketika mempelajari al-Quran dengan beliau di Masjid Kg. Pengadang Baru, Kuala-Terengganu. Setelah Dato[“] Hajjah Rogayah dapat mengesan bakat beliau, Dato[“] Hajjah Rogayah mengajak tinggal

³⁸ Temubual dengan Hajjah Sepiah binti Mohamad (Qariah Negeri Terengganu) pada 9 Januari 2015.

bersama dengan beliau untuk mendalami ilmu tarannum. Hajjah Masnah tinggal di rumah Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong bersama rakan-rakan yang lain.

Selain daripada Hajjah Masnah, terdapat pelajar-pelajar dari Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak yang tinggal bersama-sama dan mempelajari al-Quran pada siang hari dan ilmu tarannum pada waktu malam dengan Dato^o Hajjah Rogayah dan Megat Osman Megat Chik. Pelajar dari Sabah bernama Balqis. Hajjah Masnah mengambil masa selama 3 hingga 4 tahun untuk mahir dengan ilmu tarannum. Selepas beliau mahir dengan ilmu tarannum, Dato^o Hajjah Rogayah mengajak beliau membaca al-Quran bertarannum di hadapan orang ramai di masjid-masjid di Hulu Terengganu selepas solat Isyak. Ketika itu, Hajjah Masnah berusia 19 tahun. Antara tujuan aktiviti tersebut adalah untuk mengutip derma dan sumbangan untuk tabung kebajikan anak-anak yatim Darul Falah yang terletak di Kampung Bukit Payung. Hajjah Masnah turut sama menyumbang tenaga bersama Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong dan Dato^o Haji Mohd Salleh bin Hj Awang atau dikenali dengan nama pena MISBAHA.³⁹

Hajjah Masnah mula menjinakkan diri dalam majlis tilawah dengan memasuki pertandingan di peringkat daerah. Setelah Hajjah Masnah memasuki pertandingan, pejabat agama menghantar beliau menghadiri kursus-kursus sebagai latihan berterusan. Hajjah Masnah juga, turut dibimbing oleh guru-guru tarannum yang lain seperti Tuan Haji Nik Jaafar dari Malaysia dan juga guru tarannum dari Indonesia.⁴⁰

Dari aspek cara pengajaran Hajjah Masnah dalam ilmu tarannum pula mempunyai kaedah yang tersendiri. Beliau mengajar harakat satu persatu sehingga mahir. Satu-satu harakat itu sekali dengan tali suara dan tempat letak suara barulah beralih ke harakat seterusnya. Beliau aktif mengajar ilmu tarannum secara khusus di

³⁹ Temubual dengan Hajjah Masnah Awang (Qariah Negeri Terengganu) pada 24 Disember 2014.

⁴⁰ Ibid.

Dewan Masjid Kg Rawai, Bukit Payung pada setiap pagi Sabtu. Anak murid beliau terdiri daripada lelaki dan perempuan seramai 15 orang.

Pada hari Isnin, Hajjah Masnah mengajar al-Quran di Masjid Kg. Rawai. Pada hari Selasa pula, beliau mengajar al-Quran di Masjid Kg. Alor Limbat. Beliau juga turut aktif mengajar al-Quran di Pejabat Agama Negeri Terengganu pada setiap pagi Rabu. Beliau juga turut mengajar di Pejabat Agama Daerah Marang pada setiap pagi Khamis dan di Masjid Kg. Jerung pada petang Khamis. Setiap hari, aktiviti beliau padat dengan pengajaran al-Quran.⁴¹

Hasil perkongsian rumah tangga, Hajjah Masnah mempunyai 8 orang anak, iaitu 3 lelaki dan 5 perempuan. Anak pertama adalah Jamsari bin Yusof bekerja di Jabatan Kerja Raya. Anak kedua ialah Rohana binti Wahab seorang surirumah. Anak ketiga bernama Rohanita binti Wahab juga seorang surirumah. Anak keempat bernama Rohasliza binti Wahab seorang Pegawai Teknologi Pendidikan, Marang. Rohasliza asal seorang guru dan suami bekerja di Jabatan Pendidikan Negeri. Anak kelima bernama Roshadi bin Wahab bekerja di Majlis Daerah Marang sebagai Penguatkuasa Jurulatih bola sepak di Terengganu, Melaka, Kedah dan Perlis. Anak keenam bernama Rohanira binti Wahab seorang askar berpangkat sarjan di Johor. Anak ketujuh beliau ialah Rohasmida binti Wahab bekerja di Majlis Daerah Marang bahagian akauntan dan anak bongsu bernama Ros Muhammad Muharram bin Wahab bekerja di Pejabat Permint, Kuala Terengganu.⁴² Cucu perempuan Hajjah Masnah bernama Norafifah Zaki turut mengikut jejak langkah beliau dengan menjadi Johan Tilawah Kebangsaan 2013 peringkat Universiti.⁴³

⁴¹ Ibid.

⁴² Temubual dengan Hajjah Masnah Awang (Qariah Negeri Terengganu) pada 24 Disember 2014

⁴³Ibid.

Petua yang diberikan oleh Hajjah Masnah dalam menjaga suara ialah menjaga pemakanan. Beliau berpesan agar elak daripada makanan pedas kerana boleh menyebabkan suara menjadi tidak licin. Elakkan makan timun kerana ia bergetah dan juga ais batu. Air suam dapat mengelokkan suara. Selain itu mesti mengamalkan tidur yang cukup. Selain itu, antara senaman untuk memanjangkan pernafasan yang sering diamalkan oleh beliau ialah berlatih membaca ayat al-Quran sepanjang mungkin sehingga habis nafas. Contohnya, membaca surah al-Fatihah dalam satu nafas atau berhenti dengan sempurna di tempat yang tiada nafas.⁴⁴

Hajjah Halimah binti Ibrahim

Hajjah Halimah dilahirkan pada 7 Mei 1961. di Kg Tanah Merah, Kerandang, Besut Terengganu. Umur beliau pada 2015 ialah 54 tahun. Hajjah Halimah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kg. Kerandang. Kemudian, beliau menyambung pelajaran di peringkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Agama Maarif, Kg. Raja, Besut, Terengganu. Hajjah Halimah berumahtangga pada tahun 1985 dengan Chek bin Abdullah dan memperolehi 6 orang anak, 3 lelaki dan 3 perempuan.⁴⁵ Sekarang ini, Hajjah Halimah menetap di Kg Banggol Durian, Serada, Kuala-Terengganu.

Hajjah Halimah pertama kali mempelajari al-Quran dengan seorang guru agama yang mengajar di Sekolah Menengah Agama Maarif yang bernama Hj. Mohamad. Daripada Hj Mohamad, Hajjah Halimah mula mengenali tarannum ketika berusia 18 tahun. Hajjah Halimah pernah mewakili sekolah memasuki pertandingan tilawah al-Quran ketika di tingkatan 1 hingga tingkatan 3. Bakat bertarannum sudah diasah sejak di bangku sekolah lagi dengan ustaz Haji Mohamad. Kemudian, bakat Hajjah Halimah

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Temubual dengan Hajjah Halimah binti Ibrahim (Qariah Negeri Terengganu) pada 23 Januari 2015.

digilap oleh Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah ketika tinggal di rumah Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah selama beberapa tahun.⁴⁶

Ustaz Haji Mohamad memperkenalkan Hajjah Halimah kepada Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah ketika berusia 20 tahun. Setelah itu, Hajjah Halimah tinggal di rumah Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah bersama rakan-rakan yang lain. Antara rakan-rakan yang pernah Hajjah Halimah kenali ialah Fatimah Adenan dari Sri Aman, Sarawak, Saidah dari Sarikei, Sarawak, Maria dari Limbang, Sarawak, Sarina Ali, dan Halimah Hj Sidik dari Sabah. Pelajar-pelajar dari Sarawak dihantar khusus oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk belajar tarannum dengan Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah binti Sulong.⁴⁷

Hajjah Halimah pernah menjadi johan di peringkat negeri Terengganu pada tahun 1984, 1989, dan 1997. Dalam ketiga-tiga tahun ini, Hajjah Halimah mendapat tempat ketiga di peringkat kebangsaan.⁴⁸ Hajjah Halimah pernah menjalani kursus-kursus tahsin al-Quran di Institut al-Quran Terengganu (IQT).

Hajjah Azizah binti Zakaria

Azizah Zakaria tinggal di belakang pejabat pos, Kg. Sungai Tong, Setiu. Beliau mempelajari tarannum al-Quran dari Dato⁶⁶ Hajjah Rogayah binti Sulong di surau Kg. Tepoh, Kuala Terengganu, dan pernah menjadi johan qariah peringkat negeri Terengganu sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 1982, 1992, dan 2005 serta pernah mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.⁴⁹ Pada tahun 2014, Hajjah Azizah mewakili daerah Setiu dan menjadi naib johan di peringkat negeri Terengganu. Beliau meninggal dunia pada 8 Disember 2014 kerana barah usus.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Temubual dengan Hajjah Halimah binti Ibrahim (Qariah Negeri Terengganu) pada 23 Januari 2015.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Muhammad Zamri bin Nik, Penolong Pengarah (Ukhuwwah), b.p. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala-Terengganu, Terengganu.

Hajjah Aminah binti Omar

Hajjah Aminah binti Omar dilahirkan pada 8 Mei 1947 di Kampung Telaga, Kuala-Berang, Terengganu dan dibesarkan di kampung tersebut, kemudian Hajjah Aminah menetap di Kampung Tajin, Kuala Berang. Hajjah Aminah mendapat pendidikan rendah Sekolah Kebangsaan Telaga dan pendidikan menengah di Sekolah Agama Mahmudiah, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Hajjah Aminah berumahtangga dengan Haji Samad bin Hassan dan dikurniakan tujuh orang anak iaitu empat lelaki dan tiga perempuan.⁵⁰

Dari aspek pembelajaran tarannum al-Quran, Hajjah Aminah mendapat bimbingan daripada Tan Sri Sheikh Ismail bin Muhammad, Ustaz Muda@Jusoh bin Ismail, dan Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong. Hajjah Aminah binti Omar pernah menjadi johan dalam Majlis tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1981, 1983, 1985, dan 1987.⁵¹ Hajjah Aminah turut berjaya menjadi johan qariah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 1983.⁵²

Dari aspek pengajaran al-Quran dan tarannum pula, Hajjah Aminah tidak terkecuali terlibat mengajar al-Quran kepada masyarakat sejak usia muda beliau. Antara anak murid beliau yang berjaya ialah ustazah Nasirah yang pernah menjadi johan qariah di peringkat negeri Terengganu dan seterusnya mewakili negeri di peringkat kebangsaan. Antara tips yang dapat diperolehi daripada Hajjah Aminah ialah perlu mendalami bacaan al-Quran dengan bersungguh-sungguh lebih-lebih lagi berdasarkan situasi pada zaman ini dilengkapi dengan bermacam-macam kelengkapan dan kemudahan untuk mendalami al-Quran. Hajjah Aminah telah pulang ke rahmatullah pada awal bulan Disember tahun 2014 di rumah beliau yang terletak di Kuala Berang.

⁵⁰ Mohamad bin Saari, Johan Qari dan Qariah Malaysia, (Putrajaya: JAKIM, 2007), 135-136.

⁵¹ Muhammad Zamri bin Nik, Penolong Pengarah (Ukhuwwah), b.p. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala-Terengganu, Terengganu.

⁵² Mohamad bin Saari, 50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, (Putrajaya: JAKIM, 2008), 63.

Hajjah Hasnah binti Sulong

Hasnah binti Sulong dilahirkan pada tahun 1952 di Kg Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu, Terengganu. Anak keenam daripada tujuh adik-beradik. Hajjah Hasnah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah, Kuala Terengganu. Kemudian, Hajjah menyambung pelajaran di peringkat Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Agama Tok Jiring yang kini dikenali dengan nama Sekolah Menengah Dato“ Haji Abbas, Kuala Terengganu, Terengganu.

Di peringkat pengajian tinggi pula, Hajjah Hasnah menyambung pelajaran di Kulliyah Lilbanat, Al-Azhar, Mesir selama empat tahun. Ketika belajar di Mesir, Hajjah Hasnah berumahtangga dengan Ustaz Salam, mantan pensyarah Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Kuala Terengganu dan kini dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu. Hajjah Hasnah tidak mempunyai anak dan memiliki tiga orang anak angkat iaitu seorang lelaki dan dua orang perempuan.⁵³

Dari aspek kerjaya, Hajjah Hasnah pernah mengajar di Sekolah Menengah Agama Khairiah, Gong Kapas, Kuala Terengganu, Terengganu. Hajjah Hasnah juga pernah mengajar al-Quran kepada pelajar Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.

Puan Hajjah Siah @ Embat bt Mohamad Amin

Hajjah Siah @ Embat binti Mat Amin dilahirkan pada 14 Ogos 1949 di Kampung Pangkalan Gelugor, Tepoh, Kuala Terengganu. Beliau dibesarkan di Kampung Banggol Peradong, Manir, Kuala Terengganu dan sekarang menetap di Kampung Tok Jiring, Kuala Terengganu. Dari aspek sejarah pendidikan Hajjah Siah @ Embat, beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Banggol Peradong, Manir, Kuala Terengganu.

⁵³ Temubual dengan Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Tarannum, Surau Kg. Tepoh), pada 5 Mac 2015.

Kerjaya beliau sebagai guru al-Quran khususnya dalam bidang tarannum dan tajwid selain daripada minat yang mendalam dalam tilawah al-Quran. Hajjah Siah berumahtangga dengan Allahyarham suami yang bernama Jusoh dan dikurniakan sebelas orang anak dan lapan orang cucu.

Hajjah Siah mula melibatkan diri dalam bidang tilawah al-Quran bermula pada tahun 1962. Hajjah Siah belajar daripada beberapa orang guru al-Quran yang masyhur, antara mereka Haji Ahmad Mat Som Pergau, Ustaz Haji Nik Jaafar Nik Ismail, Dato⁵⁴ Hajjah Rogayah binti Sulong dan Dato⁵⁵ Syeikh Ismail bin Muhammad al-Hafiz. Hajjah Siah menjadi johan di peringkat negeri Terengganu sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1979, 1980, 1986, dan 1988. ⁵⁴ Seterusnya, menjadi johan di peringkat kebangsaan pada tahun 1986. ⁵⁵ Pada tahun 2000 pula, beliau mewakili Pahang dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan memperoleh tempat ketiga.⁵⁶

Dari aspek pengajaran ilmu tarannum kepada masyarakat, beliau turut aktif mengajar al-Quran di masjid dan balai raya di sekitar daerah tempat tinggal beliau. Antara anak murid Hajjah Siah yang berjaya ialah Haji Yusof bin Embong dan Hajjah Zainah binti Embong. Hajjah Siah mempunyai tiga orang anak yang berjaya mengikut jejak langkah beliau iaitu Rohanida, Ghasidah dan Rosfatimah.⁵⁷

Puan Fatimah Binti Ibrahim

Fatimah binti Ibrahim dilahirkan pada bulan Oktober 1959, di Kampung Tetambah, Manir, Kuala-Terengganu. Di peringkat Sekolah Rendah, beliau bersekolah di Sekolah

⁵⁴ Muhammad Zamri bin Nik, Penolong Pengarah (Ukhuwwah), b.p. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala-Terengganu, Terengganu.

⁵⁵ Mohamad bin Saari, 50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, (Putrajaya: JAKIM, 2008), 63.

⁵⁶ Ibid, 140-141.

⁵⁷ Ibid.

Kebangsaan Kebor Besar, Kuala-Terengganu, Terengganu. Ibu dan ayah beliau seorang petani. Hajjah Fatimah mempunyai lapan orang adik beradik iaitu dua lelaki dan enam perempuan. Beliau mempunyai seorang anak perempuan dan seorang cucu.

Hajjah Fatimah mula mempelajari al-Quran ketika berusia 18 tahun dengan nenek. Pada tahun yang sama, beliau mempelajari tarannum dengan Hajjah Rogayah dan selalu berulang alik dari rumah beliau dengan rumah Hajjah Rogayah. Beliau akan pulang ke rumah selepas sepuluh hari berada di rumah Hajjah Rogayah. Hubungan mereka sungguh akrab sehingga ke hari ini. Semasa berada di rumah Hajjah Rogayah, beliau mempelajari ilmu tarannum al-Quran. Pada tahun 1986, beliau menjadi naib Johan di peringkat negeri Terengganu dalam Majlis Tilawah al-Quran. Hajjah Fatimah mendapat johan di peringkat negeri Terengganu dalam Majlis Tilawah al-Quran pada tahun 2009.

Puan Nasirah binti Ibrahim

Nasirah binti Ibrahim dilahirkan di Kampung Telaga, Kuala-Berang, Terengganu pada 1 April 1962. Ketika kajian temubual ini dijalankan, beliau berusia 53 tahun. Puan Hajjah Nasirah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Telaga antara tahun 1969 hingga 1974. Kemudian, Hajjah Nasirah menyambung pelajaran di peringkat menengah rendah di Sekolah Menengah Agama Mahmudiah antara tahun 1975 hingga 1977 selama tiga tahun. Setelah mendapat keputusan yang cemerlang, Hajjah Nasirah menyambung pelajaran di Kolej Islam Kelang antara tahun 1978 hingga 1981 sehingga ke peringkat tingkatan Enam Atas di aliran Sains.

Setelah itu, Hajjah Nasirah melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti mengambil jurusan Diploma Sains dan Pendidikan Major Matematik di Universiti Pertanian Malaysia atau UPM yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia antara tahun 1982 hingga 1985 selama tiga tahun. Hajjah Nasirah memperolehi biasiswa

daripada KPM iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada akhir tahun 1985, Hajjah Nasirah mula mengajar Sekolah Menengah Sungai Buloh Kasap di Segamat, Johor selama dua tahun. Kemudian, Hajjah Nasirah ditukarkan ke Sekolah Menengah Agama Jementah, Segamat selama enam tahun.

Setelah itu, Hajjah Nasirah mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Ajil, Terengganu selama tujuh tahun, Sekolah Menengah Matang, dua tahun, Sekolah Kebangsaan Pasir Nering, Kuala Berang, selama setahun, Sekolah Kebangsaan Seri Buloh, Kuala Berang selama enam tahun, Sekolah Kebangsaan Paroh, Kuala Berang dan menjadi Penolong Kanan Hal Ehwal Murid. Kemudian, Hajjah Nasirah mengajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Gemuruh, Kuala-Berang selama lima tahun, Sekolah Kebangsaan Setengge, Kuala Berang selama enam bulan. Ketika kajian temubual ini dijalankan, Hajjah Nasirah masih berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Binjai Kertas, Kuala Berang.⁵⁸

Hajjah Nasirah binti Ibrahim berumahtangga pada tahun 1986 dengan Haji Rustam bin Manap. Mereka mempunyai enam orang anak iaitu dua lelaki dan empat perempuan. Anak sulung berusia 28 tahun, menjadi Imam Masjid Tok Randok dan mengajar al-Quran di Sekolah Menengah Imtiyaz. Anak perempuan kedua pula berusia 27 tahun seorang graduan UITM iaitu Universiti Institut Teknologi Mara. Anak perempuan ketiga berusia 25 tahun. Anak perempuan keempat pula berusia 23 tahun sedang menuntut di UNISZA iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin mengambil jurusan Diploma Perakaunan. Bernama Nurul Atikah dan turut aktif melibatkan diri dalam majlis tilawah al-Qurah di peringkat sekolah, dan politeknik dan menjadi wakil hingga ke peringkat daerah. Anak lelaki kelima pula berusia 21 tahun sedang belajar Muallim Madrasah Quran, Kubang Bujuk, Serada, Terengganu. Anak perempuan bongsu keenam

⁵⁸ Temubual dengan Hajjah Nasirah binti Ibrahim (Guru Sekolah Kebangsaan Binjai Kertas) pada 3 Julai 2015.

pula berusia 16 tahun belajar di Sekolah Menengah Yayasan Terengganu. Anak ini pernah menjadi wakil Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah hingga ke peringkat daerah.⁵⁹

Berdasarkan permulaan mengenali al-Quran, Hajjah Nasirah mempelajari al-Quran dengan ibu beliau sejak kecil. Ibu beliau bernama Selamah binti Sulaiman. Ibu beliau mempelajari al-Quran di Masjid Kuala-Berang dengan Dato[”] Hajjah Rogayah binti Sulong. Semasa Hajjah Nasirah berada di tingkatan satu, beliau mempelajari asas tarannum dengan Puan Esah binti Yahya. Puan Esah pernah memasuki majlis tilawah al-Quran hingga ke peringkat daerah. Bermula daripada minat dan bakat yang dimiliki, Hajjah Nasirah mempelajari asas-asas tarannum sejak daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Guru tarannum kedua Hajjah Nasirah ialah Mat Isa bin Hassan, juga seorang qari daerah Kuala Berang. Puan Esah dan Mat Isa adalah anak murid kepada Hajjah Rogayah binti Sulong.

Selain daripada mengaji al-Quran bertarannum, Hajjah Nasirah juga pernah menjadi solo kumpulan nasyid sejak di bangku sekolah selama 2 tahun. Setelah itu, melalui saranan daripada Mat Isa, beliau mempelajari tarannum daripada Hajjah Sepiah. Hajjah Nasirah kerap memasuki pertandingan tilawah di peringkat KPM iaitu majlis tilawah al-Quran anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Beliau menjadi johan Peringkat Kebangsaan di bawah kelolaan KPM pada tahun 2000, pada tahun 2001 majlis tilawah diadakan di Perlis, tahun 2002 majlis tilawah diadakan di Kedah, tahun 2007 majlis tilawah diadakan di Sarawak dan 2009 diadakan di Sabah. Selain daripada itu, Hajjah Nasirah juga pernah mendapat naib johan di peringkat Kebangsaan melalui majlis tilawah al-Quran tajaan Wanita UMNO Malaysia.

⁵⁹ Temubual dengan Hajjah Nasirah binti Ibrahim (Guru Sekolah Kebangsaan Binjai Kertas) pada 3 Julai 2015.

Dalam majlis tilawah al-Quran di bawah anjuran Jakim pula iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Hajjah Nasirah pernah mewakili Terengganu pada tahun 2004 dan tahun 2006. Pada tahun 2007, 2010, dan 2011, beliau mendapat naib johan di peringkat negeri Terengganu. Pada tahun 2012 pula, beliau mendapat tempat ketiga di peringkat negeri Terengganu. Selain daripada itu, pada tahun 2012 juga beliau mendapat saguhati mewakili negeri Terengganu ke majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Dunia Melayu Islam anjuran Kerajaan Negeri Melaka yang diadakan saban tahun.

Dalam menggilapkan diri dalam bidang tarannum al-Quran, Hajjah Nasirah turut hadir dalam Kursus Tahsin al-Quran. Peserta-peserta Kursus Tahsin al-Quran di peringkat negeri Terengganu terdiri daripada qari-qari dan qariah-qariah yang mewakili majlis tilawah al-Quran peringkat daerah dan negeri. Kursus Tahsin peringkat daerah di bawah kelolaan Pejabat Agama Negeri Terengganu, manakala Kursus Tahsin peringkat negeri pula di bawah kelolaan Pejabat Agama Negeri Terengganu dan Institut al-Quran Terengganu atau IQT. Manakala Kursus Tahsin peringkat Kebangsaan di bawah kelolaan JAKIM.

Selain daripada itu, Hajjah Nasirah turut mempelajari tarannum daripada Ustaz Muda bin Ismail atas saranan daripada Puan Esah pada tahun 1980-an. Ustaz Muda adalah ayah angkat kepada Puan Esah. Selain daripada berguru, Hajjah Nasirah turut mempelajari tarannum mengikut inisiatif sendiri seperti mempelajari tarannum daripada VCD atau cakera padat, dan juga melalui rakaman bacaan guru-guru tarannum. Menurut beliau, mempelajari ilmu tarannum memerlukan ketajaman kemahiran mendengar secara auditori. Beliau juga meminati bacaan Pakar Tarannum Mesir seperti Syekh

Mutawalli. Bagi qari-qari dan qariah Malaysia pula, beliau meminati bacaan Hajjah Faridah Mat Saman, dan Ustaz Yahya bin Daud.⁶⁰

Pada pandangan Hajjah Nasirah, keperluan yang mesti ada pada seseorang pelajar untuk mempelajari ilmu tarannum ialah suara, minat dan kemahiran membaca al-Quran. Beliau menyarankan antara cara-cara yang boleh dipraktikkan untuk menarik minat pelajar mempelajari ilmu tarannum ialah memperdengarkan alunan tarannum di sekolah pada masa yang bersesuaian, seperti, pada awal pagi sebelum kelas bermula, atau pada majlis-majlis tertentu seperti majlis khatam al-Quran dan Ihya" Ramadhan.

Menurut Hajjah Nasirah, antara permasalahan yang biasa dialami oleh pelajar untuk mendalami ilmu tarannum ialah kekurangan masa yang bersesuaian untuk memahirkan diri dengan ilmu tarannum, kekurangan guru yang mahir, dan pelajar kurang mahir al-Quran. Menurut beliau, untuk mempelajari ilmu tarannum ke arah yang lebih mantap juga memakan masa yang lama. Ia sesuai diibaratkan sebagai *life long learning* atau pembelajaran sepanjang hayat. Selain daripada inisiatif sendiri dan kesungguhan yang tinggi daripada pelajar.⁶¹

Rahmah binti Abdul Rahman

Hajjah Rahmah binti Abdul Rahman merupakan qariah pertama mengharumkan nama negeri Johor dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau mendapat pendidikan awal membaca al-Quran daripada bapa iaitu Haji Abdul Rahman bin Abdul Hakim, bekas imam masjid Jamek Sultan Ibrahim, Air Hitam, Batu Pahat. Kemudiann berguru dengan Ustaz Mohd Noh bin Abdul Jalil, seorang guru al-Quran yang terkenal di Batu Pahat. Beliau memiliki suara emas dan seorang yang sangat tekun membaiki mutu bacaan tarannum serta pernah berguru dengan Dato"

⁶⁰ Temubual dengan Hajjah Nasirah binti Ibrahim (Guru Sekolah Kebangsaan Binjai Kertas) pada 3 Julai 2015

⁶¹ Ibid.

Hajjah Rogayah binti Sulong yang pernah tinggal di Batu Pahat. Sebelum memenangi peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Hajjah Rahmah sebenarnya telah bergiat aktif dalam bidang al-Quran ini sejak zaman mudanya sama ada dengan membuat persembahan bacaan atau mengajar anak-anak ahli kariah di sekitar Batu Pahat.⁶²

Penglibatan Hajjah Rahmah secara aktif dalam Majlis Tilawah al-Quran ialah pada tahun 1962. Pada waktu itu beliau terpilih mewakili kampungnya, iaitu Kampung Pasir Panjang, Seri Gading sebelum muncul johan peringkat daerah Batu Pahat, seterusnya negeri Johor dan peringkat Kebangsaan di Kuala-Lumpur.

Pada tahun 1968 buat julung kalinya qariah Johor ini menempa banyak kejayaan. Beliau memperoleh johan dalam Majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan seperti ini hampir berulang pada tahun 1975, apabila beliau mendapat johan di peringkat kebangsaan tetapi hanya naib johan di peringkat antarabangsa. Berdasarkan kebolehan yang tinggi di bidang bacaan al-Quran dan sering mengharumkan nama negeri Johor, Majlis Agama Islam Johor melantik beliau sebagai guru al-Quran bertauliah pada tahun 1973. Banyak jasa yang beliau taburkan dalam memartabatkan pembacaan al-Quran seperti:

1. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru al-Quran di daerah Johor Baharu, Pontian, Segamat, Kota Tinggi, Kluang, Mersing dan Batu Pahat.
2. Beliau turut mengajar al-Quran di beberapa tempat seperti di Balai Raya Parit Sulung, Parit Kemang, Surau Seri Gading dan rumah beliau sendiri.

Beliau kembali ke rahmatullah kerana sakit tua pada jam 1.40 pagi Jumaat, 11 Jamadilawal 1408 bersamaan 1 Januari 1988 pada usia 58 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kampung Pasir Panjang, Seri Gading.⁶³

⁶² Mohamad bin Saari, *Johan Qari dan Qariah Malaysia*, (Putrajaya: JAKIM, 2007), 110-113.

⁶³ Ibid.

Jadual 4.9 (iii): Kemenangan Di Peringkat Kebangsaan

Bilangan	1	2	3
Tahun	1962	1968	1975

(Sumber: Buku Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa, 20-21)

Jadual 4.9 (iv) : Kemenangan Di Peringkat Antarabangsa

Bilangan	1	2
Tahun	1968 (Johan)	1975 (Naib Johan)

(Sumber: Buku Johan Qari dan Qariah Malaysia, 110-113)

Haji Muhammad bin Awang Teh

Haji Muhammad bin Awang Teh dilahirkan pada 25 November 1945 di Kampung Bukit Abal, Pasir Putih, Kelantan, dan dibesarkan di Kampung Banggol Setiu, Terengganu. Beliau yang berkahwin dengan Aminah binti Harun dikurniakan sembilan orang anak dan kini mempunyai 30 orang cucu. Pada masa ini, beliau menetap di Felda Jerangau, Dungun, Terengganu.⁶⁴

Haji Muhammad mendapat pendidikan formal sehingga darjah enam Sekolah Melayu dan mendapat pendidikan tidak formal dengan mempelajari ilmu tarannum dan selok belok seni bacaan al-Quran daripada guru-guru yang masyhur. Guru-guru beliau ialah Haji Ahmad Mat Som Pergau, Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong, Dato^o Syeikh Ismail bin Muhammad, Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, dan Dato^o Haji Hasan bin Azahari. Kecenderungan beliau untuk berkecimpung dalam bidang seni bacaan al-Quran ini didorong oleh minat yang tebal untuk belajar dan mengajar bacaan al-Quran.

Haji Muhammad menunjukkan bakat beliau dalam bidang tarannum dengan memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat

⁶⁴ Ibid, 52-54.

negeri, kebangsaan dan mewakili negara dalam majlis tilawah al-Quran. Kekerapan Haji Muhammad menjadi johan di peringkat negeri Terengganu sebanyak 8 kali iaitu pada tahun 1981, 1982, 1986, 1991/ 1411H, 1991/ 1422H, 1995, 2001, dan 2006.⁶⁵ Manakala di peringkat kebangsaan sebanyak tiga kali pada tahun 1986, 1992, dan 1995. Haji Muhammad juga pernah mewakili negara dalam Majlis Tilawah al-Quran di Thailand pada tahun 2002 dan mendapat naib johan. Haji Muhammad mendapat naib johan ketika menyertai tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan pada tahun 2001 dan mendapat tempat ketiga ketika menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan pada tahun 2006.

Di samping Haji Muhammad melakukan kerja-kerja kampung dan berkebun, beliau juga bertugas sebagai guru al-Quran di Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu. Haji Muhammad juga sibuk mengajar al-Quran secara sukarela di masjid-masjid dalam daerah Dungun dan Kuala-Berang, Terengganu. Jasa dan sumbangan beliau dalam bidang bacaan al-Quran ini berjaya melahirkan bakat-bakat baru qari terutama di negeri Terengganu. Qari-qari tersebut sentiasa mengambil bahagian dalam majlis tilawah al-Quran di peringkat negeri Terengganu seperti Che Hamid bin Abdullah, Hajjah Fatimah binti Ismail, dan Haji Talib bin Yahaya. Salah seorang anak Haji Muhammad berjaya mengikut jejak langkah beliau iaitu Razali bin Haji Muhammad. Sebagai sumbangan dan bakti Haji Muhammad dalam bidang tarannum al-Quran, beliau telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Sultan Terengganu.⁶⁶

⁶⁵ Muhammad Zamri bin Nik, Penolong Pengarah (Ukhuwwah), b.p. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala-Terengganu, Terengganu.

⁶⁶ Mohamad bin Saari, Johan Qari dan Qariah Malaysia, (Putrajaya: JAKIM, 2007), 52-54.

Haji Rashid Ali

Haji Rashid bin Ali⁶⁷ dilahirkan pada 6 Oktober 1948 di Kg. Kolam, Mengabang Telipot, Kuala-Terengganu. Beliau mendapat pendidikan awal sehingga darjah enam di Sekolah Kebangsaan Mengabang Telipot. Kemudian, beliau menyambung pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Tok Jiring di peringkat Ibdtidai. Kemudian beliau menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin Batu buruk di peringkat Thanawi selama 4 tahun.⁶⁸

Dalam aspek pendidikan al-Quran, Haji Rashid mula mempelajari al-Quran dengan ibu beliau sendiri yang bernama Hajjah Chik binti Mohamad. Haji Rashid mula mengenali al-Quran ketika berusia 6 tahun. Ketika berusia 12 tahun, beliau menjadi johan ketika mewakili sekolah dalam majlis tilawah al-Quran. Guru kedua beliau ialah Hj Salleh Awang dan Ayah Long Awang Nobat. Haji Salleh bin Awang pernah menjadi johan qari peringkat negeri Terengganu pada tahun 1962. Haji Salleh Awang adalah anak murid kepada Haji Mat Lintar.

Haji Rashid mempelajari al-Quran dan tarannum dengan Haji Salleh Awang ketika berusia 14 tahun iaitu semasa di tingkatan dua. Pada masa itu, Haji Rashid mencuba nasib dengan memasuki majlis tilawah al-Quran mewakili sekolah dan turut menjadi johan. Beliau juga turut menjadi johan di peringkat belia dan menjadi johan selama dua tahun berturut-turut.

Haji Rashid juga turut mempelajari ilmu tarannum daripada Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong. Haji Rashid menjadi johan qari peringkat negeri dalam majlis Tilawah al-Quran sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1983 dan 1988. Beliau berkata : “*Tahun saya belajar dengan Dato^o Hajjah Rogayah, saya menang.*” Selain daripada itu,

⁶⁷ Temubual dengan Tuan Haji Rashid bin Ali (Guru Tarannum, Kg. Mengabang Telipot), pada 12 Mac 2015.

⁶⁸ Ibid.

Haji Rashid juga turut mendalami ilmu tarannum dengan Haji Ahmad Matsom Pergau dan Datuk Paduka Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail. Haji Rashid juga turut menggilapkan diri dengan menghadiri kursus-kursus anjuran JAKIM yang disampaikan oleh Tan Sri Sheikh Ismail dalam bidang tajwid dan fasahah dan Tan Sri Hassan Azahari dalam bidang Tahsin al-Quran.

Haji Rashid Ali seorang yang aktif mengajar ilmu tarannum pada setiap petang Sabtu di Maahad Tahsin al-Quran, Pasir Panjang, Kuala Terengganu di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Terengganu atau nama ringkas dipanggil MAIDAM. Beliau pernah menjadi johan di peringkat negeri Terengganu pada tahun 1983 dan 1988.

Haji Ismawi bin Haji Duet

Haji Ismawi bin Haji Duet, Johan Qari Majlis Tilawah al-Qur'an Peringkat Kebangsaan Tahun 1983. Dari Kuching, Sarawak. Beliau pernah mengikuti kursus membaca al-Qur'an yang dipimpin oleh Dato' Hajjah Rogayah Sulong dan suaminya yang diadakan di Sarawak. Selepas banyak menimba ilmu daripada Dato' Hajjah Rogayah, Haji Ismawi juga berguru dengan sepupunya Hajah Alawiyah Noor yang juga murid Dato' Hajjah Rogayah. Haji Ismawi berjaya mewakili Sarawak dalam Majlis Tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan sebanyak sembilan kali.⁶⁹

Haji Salleh bin Saidi

Haji Salleh mula dikenali ramai setelah berjaya mendapat tempat pertama dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat negeri Johor pada tahun 1980. Beliau juga mencapai kejayaan pada tahun 1982, 1984, 1985, 1988, dan 1998. Pada tahun 1988, beliau menggondol sebagai johan qari peringkat kebangsaan sebanyak dua kali dan menjuarai

⁶⁹ SidangRedaksi, Johan Qari Dan Qariah Malaysia, (Kuala Lumpur: JAKIM, 2007)45-46.

sebagai naib johan peringkat antarabangsa pada tahun yang sama. Pada masa kanak-kanak, beliau belajar al-Quran daripada Haji Salaman di Kampung Jawa, Batu Pahat. Selepas itu beliau berguru dengan Haji Ahmad bin Shamsuddin dari Johor, Haji Md Zain bin Abdul negeri Johor, Dato[”] Hajjah Rogayah binti Sulong, Dato[”] Haji Hasan bin Azahari, Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, Tan Sri Sheikh Ismail bin Muhammad dan Dato[”] Salahuddin bin Omar negeri Pahang.

Haji Salleh bertugas sebagai Penyelia al-Quran. Dengan tugas tersebut, dapat memberi kesempatan dan peluang yang luas untuk menyebarkan ilmu dan seni bacaan al-Quran kepada segenap lapisan masyarakat. Antara tugas-tugas beliau ialah menyelia dan menyelaras kelas-kelas al-Quran di sekitar daerah Batu Pahat meyumbang secara langsung dalam pengajaran al-Quran terutama kepada imam, bilal, guru-guru al-Quran, guru-guru agama dan memberi kursus memperelokkan bacaan al-Quran kepada qari dan qariah negeri Johor.

Haji Salleh juga terlibat secara langsung dalam membimbing johan-johan qari dan qariah peringkat kebangsaan. Antara murid Haji Salleh yang berjaya ialah Hajah Halimah binti Kamil yang pernah menjadi Johan qariah Majlis Tilawah al-Quran Telekom Malaysia Peringkat Kebangsaan sebanyak 12 kali dan Abdul Aziz Mustaqim, qari Johor yang pernah mewakili Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan.

Dalam seni bacaan al-Quran, beliau berkebolehan tinggi dalam bidang tajwid dan tarannum. Berdasarkan keistimewaan ini, beliau kerap dipanggil menghakimi majlis tilawah dan hafazan al-Quran. Di peringkat mukim, beliau diberi kepercayaan sebagai hakim bahagian tajwid dan fasahah pada tahun 1990. Di peringkat daerah sebagai hakim bahagian tarannum dan suara pada tahun 1998 hingga 2006. Di peringkat negeri, beliau menjadi hakim bahagian tarannum dan suara pada tahun 2004 hingga 2006. Di

peringkat antarabangsa, beliau mewakili negara mempersembahkan bacaan al-Quran di Thailand dan Bangladesh sekitar tahun 1990-an.

Haji Salleh turut melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan persatuan sekitar Johor seperti Pengerusi Persatuan Qurra" tahun 1998 hingga 2006. Penasihat Badan Kebajikan Guru-guru al-Quran tahun 1998 hingga 2006 dan Bendahari Persatuan Penyelaras al-Quran tahun 1998.

Dari aspek galakan dalam meningkatkan mutu bacaan dan pembelajaran al-Quran di negara ini, beliau berpandangan, sangat wajar kelas-kelas al-Quran dan tarannum diwujudkan di setiap sekolah bagi mencungkil bakat-bakat baru. Di samping itu, kualiti dan kelayakan guru-guru al-Quran hendaklah ditingkatkan melalui siri kursus yang tersusun dan terancang agar proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah lebih berkesan, berkualiti dan menarik. Ia bukan sahaja dapat menyemarakkan semangat mendalami ilmu al-Quran kepada generasi muda malahan menghidupkan kembali seni bacaan al-Quran daripada terus berkubur dan dilupakan.⁷⁰

4.11 Kerjaya Dan Anugerah Yang Diperolehi

Bidang kerjaya yang diceburi oleh Dato" Hajjah Rogayah binti Sulong ialah menjadi guru al-Qur'an dan Tarannum sejak 1961 hingga sekarang di bawah kelolaan Kerajaan negeri Terengganu.⁷¹ Nama beliau turut tersenarai dalam buku *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*⁷² yang diterbitkan oleh Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI).

Bagi mengenang jasa Dato" Hajjah Rogayah kerana menaikkan nama negara di peringkat antarabangsa, beliau dikurniakan enam anugerah dan pingat. Beliau telah dikurniai Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) oleh DYMM Sultan Terengganu pada tahun

⁷⁰ Sidang Redaksi, 50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia, Kuala-Lumpur : JAKIM, 55-60.

⁷¹ Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428/2007M, (Putrajaya: JAKIM, 2008), 202.

⁷² Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*, 2004, Petaling Jaya: Pelanduk Publications. 403-404.

1961. Pada tahun 1966, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung telah mengurniakan bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N). Beliau telah mendapat bintang Ahli Mahkota Terengganu (A.M.T) daripada DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1979 dan bintang Setia Mahkota Terengganu (S.M.T) juga daripada DYMM Sultan Terengganu pada tahun 1991. Pada 1 Jun 2002 bersamaan 18 Rabiul awal 1422 Hijriah, beliau memperolehi kurniaan Darjah Yang Mulia Setia Mahkota daripada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail. Pada 20 Julai 2004 bersamaan 25 Jamadilakhir 1425 Hijriah, beliau mendapat kurniaan gelaran Dato⁷³ Paduka Mahkota Terengganu daripada Sultan Mizan dengan gelaran Dato⁷³.

Dato⁷⁴ Hajjah Rogayah dianugerahkan sebagai Tokoh Hari Wanita Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu 2010 sempena Majlis Hari Wanita Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu anjuran Kerajaan Negeri Terengganu oleh Datuk Seri Haji Ahmad Bin Said. Beliau mendapat penghargaan daripada kerajaan negeri Terengganu dengan dikurniakan sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Terengganu pada tahun 2011⁷⁴.

Dato⁷⁴ Hajjah Rogayah adalah salah seorang tokoh Qariah Malaysia yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Pada tahun 1966, beliau bersama rakan-rakan seangkatan dengan beliau seperti Haji Ismail bin Hashim dari Kedah dan Hajjah Faridah Mat Saman dari Kelantan diberi penghormatan memperdengarkan bacaan ayat suci al-Qur⁷⁴an di negara Afghanistan, Iran, Republik Arab Bersatu (Mesir), Sudan, Somalia, dan Turki. Antarabangsa.

⁷³Ibid.

⁷⁴Rogayah Sulong (Guru al-Qur⁷⁴an dan Tarannum al-Qur⁷⁴an, Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 13 Jun 2012.

4.12 Kesimpulan

Dato[“] Hajjah Rogayah adalah seorang tokoh tarannum yang mempunyai bakat dan potensi yang tinggi dalam pengajaran tarannum al-Quran. Beliau memiliki bakat semulajadi, keluarga yang cintakan al-Quran dan menghidupkan budaya dan suasana pengajaran al-Quran untuk sanak-saudara, jiran dan masyarakat yang berada berdekatan dengan mereka, rakan seperjuangan yang hebat, guru yang mahir, minat dan kesungguhan dalam yang tinggi merupakan antara faktor yang menjadi punca kejayaan beliau dalam bidang tarannum al-Quran.

Dato[“] Hajjah Rogayah dipilih kerana mendominasi kekerapan menjadi johan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa dalam majlis tilawah al-Quran dalam kalangan qari-qari di negeri Terengganu. Selain daripada itu, anak-anak murid beliau juga turut mendominasi kemenangan di peringkat negeri dan kebangsaan. Beliau mempunyai kelebihan yang tersendiri dari aspek suara dan berupaya mengalunkan suara dengan nada yang tinggi. Kebolehan beliau sukar ditandingi oleh qari-qari yang sealiran dengan beliau dan aspek suara menjadi faktor kejayaan beliau dalam bidang tarannum al-Quran.

Selain itu, suasana kehidupan Dato[“] Hajjah Rogayah sejak dari kecil adalah pendorong kepada kejayaan beliau pada hari ini. Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga yang cintakan al-Quran. Ibu bapa dan saudara beliau adalah termasuk dalam kalangan orang yang bergiat aktif mengajar al-Quran kepada masyarakat.

Di samping itu juga, pengajian al-Quran adalah antara ilmu wajib yang perlu dipelajari oleh anak perempuan pada satu masa dahulu yang sudah menjadi sebatian dan satu ilmu tradisi di kalangan masyarakat pada masa itu. Di samping itu, Hajjah Rogayah berumahtangga dengan seorang suami yang berkepakaran dalam bidang ilmu tarannum yang dapat mengesan bakat beliau dan sentiasa memberi galakan dalam pengajian ilmu tarannum. Justeru itu, bakat beliau dapat diperkembangkan lagi ke arah yang lebih baik.

Hidup beliau sentiasa dihiasi dengan al-Quran kerana jadual seharian beliau sentiasa dipenuhi dengan pengajaran al-Quran di surau, masjid dan di rumah beliau sendiri sama ada waktu siang atau malam.

Dato[“] Hajjah Rogayah adalah seorang qariah yang berkualiti dan kepakaran beliau dicurahkan kepada anak murid beliau yang benar-benar berkualiti. Dengan itu, beliau menjaga kualiti anak murid beliau dari awal pemilihan lagi. Kriteria utama yang beliau pilih adalah dari aspek suara. Kedua, penekanan diberikan kepada tajwid dan kemampuan untuk menyebut huruf-huruf al-Quran dengan cara yang betul. Seterusnya, penekanan diberikan kepada aspek fasahah dan lagu. Oleh yang demikian, beliau mempunyai anak murid yang berjaya dalam bidang tarannum dan kebanyakan mereka menjadi johan sama ada di peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Selain daripada itu, Dato[“] Hajjah Rogayah bergiat aktif dalam memberi sumbangan kepada masyarakat terutama dalam bidang al-Quran dan pengajian tarannum bukan sahaja di negeri Terengganu, malahan di peringkat Malaysia dan Nusantara. Hasil sumbangan beliau, menjadikan pengajian al-Quran dan tarannum sentiasa berkesinambungan dari dulu sehingga kini.

BAB 5 : MANHAJ HAJJAH ROGAYAH DALAM PENGAJARAN TARANNUM

AL-QURAN

5.1 Pendahuluan

Metodologi kajian yang digunakan dalam bab ini adalah berasaskan kepada pemerhatian turut serta, temubual mendalam, rakaman suara, penulisan jurnal dan rakaman video. Setakat pemerhatian, belum ada kajian khusus tentang manhaj Dato^o Hajjah Rogayah Sulong dalam pengajaran tarannum al-Quran. Manhaj beliau dalam pengajaran tarannum al-Quran adalah salah satu manhaj yang unggul.

Salah satu ciri-ciri yang menunjukkan keunggulan pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah ialah dapat dilihat daripada pelapis beliau di merata negeri. Ada yang menjadi hakim, qari dan qariah, pakar tarannum dan pelatih kepada pelapis yang baru sebagaimana penghuraian yang terdapat dalam bab tiga kajian ini. Mereka mengaplikasikan manhaj yang sama sebagaimana yang diterapkan oleh Dato^o Hajjah Rogayah Sulong.

Kajian dalam bab ini adalah sebagai menepati objektif kajian yang keempat iaitu mengenalpasti manhaj yang digunakan oleh Dato^o Hajjah Rogayah binti Sulong dalam pengajaran tarannum al-Quran. Manhaj dalam ilmu tarannum merupakan satu pelan, rangka, *tasmim* ataupun struktur asas yang diaplikasikan oleh beliau dalam pengajaran ilmu tarannum kepada masyarakat. Manhaj yang digunakan oleh beliau adalah berasaskan kepada Al-Quran, al-sunnah, guru, dan rakan seperjuangan. Aspek ini akan dihuraikan dalam aspek medium pengajaran.

Justeru itu, manhaj yang diaplikasi oleh Dato^o Hajjah Rogayah mempunyai unsur yang dibawa oleh Rasulullah iaitu berkonsepkan manhaj nabawi. Manhaj nabawi merupakan satu sunnah yang dibawa oleh Rasulullah dalam penerapan pengajaran al-Quran.

Antara ciri-ciri utama dalam manhaj nabawi ialah secara talaqqi atau menghadap guru dan juga mencatat. Selain daripada itu, terdapat 5 elemen khusus¹ yang melambangkan ciri-ciri manhaj nabawi iaitu: 1. *Talaqqi* iaitu mengikut bacaan nabi secara bersemuka. 2. *Musyafahah* mengikut bacaan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya. 3. *Tasmi* iaitu memperdengarkan bacaan kepada guru. 4. *Muraja* iaitu mengulangkaji hafalan. 5. *Tadarus* iaitu seorang membaca dan yang lain mendengar dengan penuh tumpuan. Kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* daripada guru yang *mutqin* dan mahir adalah merupakan kaedah pertama dan utama untuk menyebarkan pembacaan Kalam Allah walaupun dewasa kini kita dibanjiri oleh ledakan kemajuan ICT.²

Tarannum adalah termasuk dalam salah satu ilmu-ilmu al-Quran yang menggunakan teknik penyebutan dan berkaitan dengan ilmu Qiraat. Bagi Mohd Rahim Jusoh, penerimaan ilmu al-Qiraat adalah wajib secara talaqqi dan musyafahah supaya dapat menentukan seseorang itu berada pada tahap Qari atau Muqri atau menunaikan ibadat yang dituntut dalam agama.³

Jika ditinjau dalam aspek ilmu hadith, seseorang yang banyak menghafaz hadith dan menguasainya mempunyai darjat-darjat tertentu seperti *al-hakim*, *al-hafiz*, *syekhul huffaz* dan sebagainya. Begitu juga dalam aspek al-Quran, turut mempunyai tingkatan-tingkatan yang tertentu. Mohd Rahim menjelaskan, terdapat enam jenis gelaran⁴ yang dipanggil kepada golongan al-Quran, iaitu: 1. *Ahli al-Quran* iaitu orang yang mengetahui satu ilmu daripada al-Quran dan mahir pembacaannya. 2. *Hamilatul Quran* adalah orang yang menghafaz al-Quran dengan bertajwid dan beramal dengannya. 3.

¹ Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor dan Zulkifli A. Manaf, "Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Keluaran Khas (Disember 2011), 57.

² omartahfiz.blogspot.com/2011/06/pemantapan-tarannum-al-quran paparan pada 13 November 2014.

³ Mohd Rahim Jusoh, *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khodim Al-Mushaf, 2012), 73.

⁴ *Ibid*, 46-47.

Mahir bil Quran iaitu orang yang mahir membaca al-Quran dengan tajwid tanpa menghafaznya. 4. *Qari* iaitu orang yang mengetahui dan mahir Qiraat 10 dari *Tariq Syatibi* dan *Durrah*. 5. *Muqri* iaitu orang yang mengetahui dan mahir Qiraat 10 dari *Tariq an-Nashri*. 6. *Syeikh al-Maqari* iaitu ketua kepada semua yang disebut diatas.

Manhaj nabawi dibawa oleh Rasulullah ketika mengajarkan al-Quran kepada para sahabat iaitu dalam bentuk pembacaan dan penulisan. Manhaj ini berterusan sehingga kepada zaman pengumpulan al-Quran di zaman Saidina Abu Bakar dan zaman pembukuan al-Quran pada zaman Saidina Uthman bin Affan.

Bentuk pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah adalah secara implisit iaitu pelajar tidak mempelajari satu-satu sukatan secara khusus dengan kelengkapan persediaan buku nota dan sebagainya. Dengan kata lain, pelajar banyak membuat rujukan sendiri dan membuat eksplorasi terhadap satu-satu ilmu.

Peringkat Pengajaran Ilmu Tarannum

Dato^o Hajjah Rogayah seorang yang teliti dalam memilih calon qari atau qariah yang berkualiti. Pemilihan pelajar adalah berasaskan kepada tahap piawaian yang tertentu iaitu melalui ciri-ciri dan garis panduan yang ditetapkan oleh beliau. Oleh itu, para pelajar tidak dapat tidak perlu menjalani latihan asas yang ditetapkan oleh beliau iaitu latihan bacaan secara tartil. Dato^o Hajjah Rogayah menyampaikan pengajaran tarannum bermula dengan dua peringkat iaitu peringkat asas dan lanjutan.⁵

i. Peringkat asas.

Setiap sesuatu pengajian perlu bermula dari asas. Sekiranya mempunyai asas yang kukuh, maka peringkat lanjutan akan berjalan dengan mudah. Antara penekanan yang diberikan dalam peringkat asas ialah penekanan kepada ilmu tajwid, mengenali sifat-

⁵Pemerhatian turut serta.

sifat huruf dan penyebutan huruf satu persatu, bacaan secara lancar dan tartil, mengenali *waqaf* dan *ibtida*” yang betul dan membaca al-Quran mengikut lahjah Arabiyyah. Peringkat asas merupakan peringkat pembinaan lagu asli. Lagu asli adalah lagu semulajadi hasil daripada bacaan yang betul yang kena pada tempatnya. Beliau berkata dalam loghat Terengganu: “*Bbetul tajwid dulu..bila mahir tajwid baru belajar tarannum*”.⁶

Peringkat asas juga diibaratkan sebagai peringkat *taḥsīn al-Quran*. *Taḥsīn al-Quran* adalah satu kaedah menyebut sifat-sifat huruf dengan betul dari segi tebal, nipis, besar, kecil, luar dan dalam. Antara contohnya ialah penyebutan huruf „*ain*“, „*ṣad*“, „*ḍad*“, „*ta*“, dan „*zho*“. Penyebutan huruf yang tidak betul memberi kesan kepada cara bacaan di dalam al-Quran. Sebutan huruf yang betul dapat menjadikan seseorang qari menyebut huruf al-Quran mengikut lahjah Arab atau mengikut sebutan orang Arab.

Pengajaran al-Quran di peringkat asas terbuka kepada semua masyarakat awam. Selain itu, latihan yang dijalankan di peringkat asas⁷ ialah :

1. Guru membaca dan kemudian murid mengikuti bacaan guru ayat demi ayat secara beramai-ramai.
2. Murid membiasakan diri dengan nada tinggi dan rendah. Contohnya, baris di atas dengan nada suara membuka mulut, nada lebih tinggi, membuka suara, memerdukan suara dan tidak mengepit suara. Baris di bawah dengan suara rendah dan baris di depan dengan suara yang lembut.

1. Latihan bacaan baris di atas bernada :

⁶ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

⁷ Hajjah Rogayah binti Muda (Guru Tarannum al-Quran, Kg. Durian Burung, Negeri Terengganu) dalam temubual dengan penulis 5 November 2014.

أَ، ؤ، دَس، ط، ح، خ، ك، م، ه، ي، ء، ؤ، ص، ع، ط، ظ، ع،
غ، ف، م، ي، ء، ؤ، ؤ، ؤ، ؤ، ي.

2. Latihan bacaan baris di bawah bernada.

أَ، ؤ، دَس، ط، ح، خ، ك، م، ه، ي، ء، ؤ، ص، ع، ط، ظ، ع،
غ، ف، م، ي، ء، ؤ، ؤ، ؤ، ؤ، ي.

3. Latihan bacaan baris di depan:

أَ، ؤ، دَس، ط، ح، خ، ك، م، ه، ي، ء، ؤ، ص، ع، ط، ظ، ع،
غ، ف، م، ي، ء، ؤ، ؤ، ؤ، ؤ، ي.

Murid akan mengaplikasikan sebutan-sebutan huruf berbaris di atas, di bawah dan di depan dengan betul semasa membaca al-Quran di rumah masing-masing. Lama-kelamaan cara sebutan itu akan menjadi sehati ketika mengaji al-Quran.

Pada peringkat awal, seseorang pelajar diberi pendedahan tentang sebutan huruf yang betul dan cara dengung yang bersesuaian seperti dengung dalam *ikhfa' haqiqi* apabila nun mati bertemu dengan huruf „ta“, nun yang mati bertemu dengan huruf „qaf“, dan nun yang mati bertemu dengan „huruf „ta“. Seseorang pelajar hendaklah memberikan haknya semasa dengung barulah bersedia untuk menyebut huruf tersebut. Aspek tajwid diberi penekanan oleh Hajjah Rogayah kerana ilmu tajwid adalah ilmu yang penting dalam bacaan al-Quran. Begitu juga para hakim dalam tilawah al-Quran meletakkan markah yang tinggi dalam bahagian tajwid iaitu sebanyak 40 markah.

Hajjah Rogayah berkata : “*Lagu ikut tajwid bukan tajwid ikut lagu*”.

Daripada ungkapan yang dituturkan oleh Hajjah Rogayah menjelaskan kepentingan tajwid dalam ilmu tarannum agar seseorang qari tidak tersasar daripada landasan yang sebenar. Tajwid mengatasi lagu dan melafazkan tajwid yang betul dalam

irama al-Quran merupakan satu tindakan yang betul. Sebaliknya, tajwid yang rosak boleh membawa kepincangan dalam alunan al-Quran.

Ringkasnya, alunan al-Quran yang bertepatan dengan tajwid dapat menambah kelazatan dalam bacaan al-Quran. Sebaliknya, alunan bacaan yang tidak bertepatan dengan tajwid akan merosakkan bacaan al-Quran. Hajjah Rogayah pernah memberi pengajaran al-Quran secara intensif kepada pelajar beliau dengan menempatkan mereka di rumah beliau dan memberi pengajaran al-Quran secara eksklusif selama satu hingga tiga tahun dan memberi penekanan kepada pengajian yang berkaitan dengan al-Quran dan ilmu tarannum sehingga mereka menjadi mahir. Antara mereka yang terlibat seperti Hajjah Masnah Awang, Hajjah Sepiah Mohamad, Nik Maliah, Hajjah Siah@ Embak, dan Hajjah Halimah Ibrahim.⁸

ii. Peringkat Lanjutan

Peringkat lanjutan adalah peringkat yang eksklusif. Peringkat ini, pelajar-pelajar yang berkelayakan sudah disaring. Antara ciri-ciri kelayakan pelajar ialah: 1. Mempunyai suara yang baik 2. Mempunyai nafas yang panjang dan tidak *pumpcit* di tengah jalan. 3. Mahir dengan lajhah arabiyah. 4. Mahir dengan wakaf dan ibtida". 5. Mahir dengan elemen-elemen dalam keistimewaan dalam tarannum seperti *burdah*, *ikhtilal al-lahn*, teknik penyampaian lagu, *salalim su"ud* dan *salalim nuzul*. Peringkat lanjutan adalah peringkat pembinaan lagu *sina"i* atau lagu yang dihasilkan melalui latihan yang berterusan.⁹

Bagi pelajar yang mula-mula mengenali lagu al-Quran, Dato" Hajjah Rogayah memperkenalkan lagu al-Quran satu-persatu. Contohnya lagu Bayati, mempunyai enam

⁸ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

⁹ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulung.

harakat. Beliau akan membaca harakat lagu yang pertama, setelah itu semua anak murid akan mengikuti bacaan beliau. Seterusnya, beliau mengalunkan harakat yang kedua, kemudian semua anak murid akan mengikuti irama harakat lagu yang kedua dari segi nada tinggi atau rendah. Begitulah suasana cara pengajaran beliau sehingga alunan harakat yang keenam. Beliau memperkenalkan irama harakat lagu dengan menggunakan potongan ayat al-Quran.¹⁰

iii. Peringkat Penilaian

Bagi pelajar yang sudah mahir tarannum, dia akan memperdengarkan bacaannya di hadapan murid yang lain. Murid-murid yang baru akan mendengar dengan penuh perhatian alunan bacaan pelajar tersebut. Di samping itu, Dato[“] Hajjah Rogayah akan memperbaiki dan memperbetulkan bacaan pelajar tersebut ke arah yang lebih baik. Pelajar tersebut akan memulakan bacaan dengan lagu bayati, dan irama-irama lagu yang bersesuaian, di samping beliau memberikan teknik, strategi dan kaedah yang betul untuk menggilap bacaan qari atau qariah tersebut. Bacaan tersebut diakhiri dengan lagu *Bayati Husaini* dengan nada menurun.

Kesimpulannya, Dato[“] Hajjah Rogayah¹¹ mempunyai strategi pengajaran dalam menjamin keberkesanan dan kualiti pengajian tarannum al-Quran dalam memilih kriteria pelajar yang meliputi empat perkara utama iaitu pengukuhan asas tajwid, pembelajaran asas tarannum, memiliki suara yang baik dan penilaian kemahiran pelajar melalui penyertaan dalam majlis tilawah al-Quran.

¹⁰ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong

¹¹ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

5.2 Penekanan Kepada Empat Aspek : Tajwid, Suara, Fasahah dan Tarannum

Dato¹² Hajjah Rogayah memberi penekanan kepada empat aspek di atas sebagaimana kriteria dan syarat dalam pemarkahan yang dikenakan kepada qari dalam majlis tilawah al-Quran. Tarannum tidak boleh berdiri dengan sendiri. Ia terikat dengan aspek tajwid, suara dan fasahah termasuk bacaan secara tartil yang melengkapinya bacaan yang bertaraf tinggi.¹² Empat aspek tersebut juga menjadi kriteria utama dalam pengiraan hakim dalam majlis tilawah al-Quran di Malaysia peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pengajaran Dato¹³ Hajjah Rogayah mengambil kira ciri-ciri penilaian yang ditetapkan dalam penghakiman majlis tilawah al-Quran kerana ia boleh membantu melahirkan penguasaan tarannum yang berkesan. Perkara yang dititikberatkan oleh jemaah hakim semasa penghakiman terbahagi kepada empat aspek utama:

1. Tajwid – 40 markah
2. Lagu atau Tarannum- 25 markah
3. Suara -15 markah
4. Fasahah – 20 markah.

5.2.1 Penekanan Kepada Suara

Dato¹³ Hajjah Rogayah memilih pelajar yang mempunyai ciri-ciri suara yang tidak terlalu besar dan tidak terlalu halus, iaitu sederhana. Beliau menjelaskan suara terbahagi kepada tiga bahagian iaitu suara kasar, suara sedang dan suara halus. Suara kasar adalah suara orang lelaki. Bagi perempuan, suara yang terbaik adalah suara sedang.¹³ Beliau

¹² Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹¹ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

menjelaskan ciri-ciri pemilihan suara : “...kita ada suara asal..kalu takdok suara asal dokleh tarannum..memang ada suara doh”.¹⁴

Manusia dianugerahkan Allah dengan nikmat suara yang istimewa berbeza dengan makhluk yang lain. Suara manusia adalah satu getaran bunyi yang unik. Ini kerana ia boleh diproses, dilatih, dan dipelajari serta disesuaikan mengikut getaran bunyi yang diinginkan. Sebagai contoh, suara manusia mampu meniru pelbagai gaya suara atau bunyi haiwan, muzik dan pertuturan bahasa dan loghat sesama manusia. Getaran bunyi yang dihasilkan oleh manusia juga perlu dikendalikan dengan baik untuk mencapai tahap kelunakan dan keindahan yang memukau dan menarik diperdengarkan. Latihan suara manusia ini boleh mengubah dari tahap suara biasa kepada tahap yang terbaik melalui latihan yang berterusan.¹⁵ Beberapa aspek suara yang penting adalah seperti berikut:

Pengertian suara

Suara adalah suatu getaran bunyi yang diproses oleh udara dari paru-paru menerusi alat salur suara kerungga-kerungga mulut atau hidung. Kemudian akan ditentukan bunyinya oleh alat-alat pertuturan yang lain.¹⁶

Alat Proses Suara

Peparu berfungsi sebagai alat organ pernafasan yang menyedut dan menghembus udara melalui¹⁷: i. Alat salur suara (halkum). ii. Corong bawah (mulut) iii. Corong atas (hidung).

¹⁴ Ibid.

¹⁵ jamaljauhari.blogspot.com/2010/07/suara.html?m=1 paparan pada 14 November 2014.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid.

Peranan Suara

Suara dalam Bahasa Arab disebut sebagai „*saut*“. Terdapat lima peranan suara¹⁸ iaitu:

1. Memberi penyesuaian dengan kehendak bahasa Al-Quran.
2. Memberi penyesuaian dengan bentuk dan ragam ayat-ayat al-Quran.
3. Memberi penyesuaian dengan irama lagu dan tarannum dengan al-Quran.
4. Memberi penyesuaian dengan lahjah arab.

Kategori suara

Suara terbahagi kepada empat kategori¹⁹:

1. Suara terbaik. Ia terbahagi kepada sebelas sifat: Ketepatan nada, tinggi, rendah, garau, lembut, manis, licin, bersih, terang, lantang dan tajam.
2. Baik. Ia mempunyai sepuluh sifat: ketepatan nada, sederhana, rendah, garau, lembut, manis, licin, bersih, terang, dan lantang.
3. Suara yang kurang baik. Ia mempunyai sembilan sifat iaitu: Ketepatan nada, tinggi, kecil, lembut, manis, licin, bersih, terang dan tajam.
4. Suara yang tidak baik, antaranya: Sumbang, nipis, lembap, lemah, keras, serak, pecah, parau, terketar-ketar, tenggelam, tersepit, terputus dan tercekik.

Suara dalam kategori pertama, kedua dan ketiga adalah istimewa dan senang dipelajari. Manakala suara dalam kategori keempat adalah suara yang bermasalah yang perlu diperbaiki dan diubahsuai dalam jangka masa yang panjang.²⁰

²⁰ Ibid.

Tabaqat Suara

Suara mempunyai empat tabaqat²¹ atau tingkatan:

1. Tabaqat pertama ialah suara yang berfungsi di dada atau suara nada *qarar* merupakan tingkatan suara rendah. Contohnya, dalam majlis tilawah al-Quran, qari akan membaca *istia* "zahdan *basmalah* dengan nada suara *qarar*.
2. Tabaqat kedua ialah suara yang berfungsi di tekak atau nada suara *nawa* merupakan tingkatan suara sederhana.
3. Tabaqat ketiga ialah suara yang berfungsi di rongga hidung atau nada suara *jawab* merupakan tingkatan suara tinggi.
4. Tabaqat keempat ialah suara yang berfungsi pada rongga otak atau nada suara *jawab al-jawab* merupakan tingkatan suara tertinggi.

Menurut Sheikh Ismail bin Muhammad, kelainan yang ada pada Dato^c Hajjah Rogayah ialah mempunyai suara baik dan boleh membaca dengan nada yang tinggi.²²

²¹ Ibid.

²² Temubual dengan Sheikh Ismail pada 11 Julai 2014. Sheikh Ismail bin Muhammad dilahirkan pada 2 Januari 1944 di Kampung Padang Pulut, Dungun, Terengganu. Pada tahun 1950 beliau berpindah ke Bandar Dungun bersama keluarga ketika berusia 6 tahun. Beliau bersekolah di Sek. Melayu Dungun sehingga darjah 5. Pada tahun 1955 sehingga tahun 1958, beliau menyambung pelajaran di Sek. Men. Arab Dungun dan antara orang yang pertama belajar di sekolah tersebut atau dikenali sebagai Sek. Sultan Ismail. Pada tahun 1962, beliau menyambung pelajaran di Sek. Men. Agama Atas Sultan Zainal Abidin (SMAASZA) sehingga Thanawi 4. Pada tahun 1966, beliau menyambung pelajaran di Tahfiz al-Quran, Masjid Negara. Setelah itu, pada tahun 1969, beliau menyambung pelajaran di universiti al-Azhar, Mesir aliran Qiraat, Syubra sehingga tahun 1975. Selesai menyambung pelajaran beliau balik bekerja di Singapura bersama Persatuan Umat Islam di Singapura selama 6 tahun. Setelah itu, beliau membuka Maahad Tahfiz al-Quran, Terengganu pada tahun 1982. Setelah itu, beliau diminta oleh Kerajaan Brunei membuka Tahfiz al-Quran 1992 sehingga tahun 2000. Kemudian, beliau diminta menjadi Imam Besar di Masjid Putra, Putrajaya. Pada tahun 2005, beliau dilantik menjadi Imam Besar Masjid Negara sehingga sekarang. Beliau pernah menjadi hakim tilawah di peringkat negeri Terengganu pada tahun 1984, di peringkat kebangsaan pula menjadi hakim menghafal al-Quran dan tilawah pada tahun 1986. Pada tahun 2008, dilantik menjadi hakim di peringkat Antarabangsa. Beliau juga turut menjadi hakim menghafal al-Quran di Arab Saudi, Mesir, Dubai, Iran, Qatar sebagai hakim di bahagian tajwid dan fateh. Beliau juga turut menjadi hakim di peringkat antabangsa di bahagian fasahah. Beliau sendiri pernah belajar tarannum dengan Ismail bin Mustafa atau di kenali sebagai Pok We Kopi yang pernah memenangi majlis tilawah tahun 1960-an. Pada tahun 1963, Sheikh Ismail pernah memasuki majlis tilawah peringkat daerah Dungun ketika berusia 16 tahun dan menjadi johan. Sheikh Ismail pernah dilantik menjadi penyelia untuk qari-qari. Beliau juga menjadi Pengerusi pemilihan ayat di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa dan

Selain daripada itu, beliau boleh mengawal suara rendah, sederhana dan tinggi. Sheikh Ismail pernah memberi kursus-kursus untuk qari dan qariah bersama-sama dengan beliau pada tahun 1983 dan 1984. Menurut Tan Sri Sheikh Ismail, “*Pada zaman Hajjah Rogayah, tak ramai di kalangan wanita yang berkebolehan seperti beliau selain daripada Hajjah Faridah Mat Saman.*”

Cara Memelihara Kualiti Suara

Amalan yang boleh dipraktikkan dalam pemeliharaan suara yang biasa diamalkan oleh para qari dan qariah adalah seperti berikut²³:

1. Menjaga kesihatan fizikal dengan cara menjaga aspek pemakanan yang seimbang, bersukan dan bersenam.
2. Menjaga kesihatan suara dengan cara menjauhkan makanan yang terlampau pedas, kelat, bergetah, berminyak, dan boleh membawa kesan berubahnya suhu badan. Dari segi minuman pula, elakkan minum air yang terlalu panas dan jauhkan dari merokok.
3. Banyakkan memakan buah-buahan dan sayuran dengan cara melazimi memakan buah-buahan dan sayuran yang berzat.
4. Banyakkan minum air dengan cara melazimi minum air panas suam atau air sejuk tanpa ais.

Kaedah Latihan Membentuk Suara

Bagi membentuk suara yang baik memerlukan latihan yang berterusan. Latihan-latihan yang boleh dipraktikkan adalah seperti berikut²⁴:

1. Latihan suara dalam *Harakah* supaya dapat memantapkan *Maqam*.

juga menyediakan synopsis ayat. Pada tahun 2014, beliau dilantik menjadi hakim fasahah di peringkat Majlis Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa.

2. Latihan suara dengan cara membentuk *Tabaqah*.
3. Latihan suara dengan cara sebutan *Lahjah Arab*.
4. Latihan suara dengan cara *Sulalam Nuzul* dan *Sulalam Suud*.
5. Latihan suara untuk menghidupkan *Ikhtilal al-Lahn*.
6. Latihan suara dengan membawa *Burdah*.
7. Latihan suara untuk mendapatkan *Jawab al-Jawab*.
8. Latihan suara dengan dengan menggunakan *Qit''ahdan Maḥattah*.
9. Latihan suara supaya menyumbang *Tabaqah*.
10. Latihan suara dalam *Fasahah* dengan *Lahjah Arab*.
11. Latihan suara secara memainkan lagu di dalam persembahan.
12. Latihan suara untuk melembutkan nada suara di dalam bacaan.
13. Latihan suara untuk menyampaikan kepada tahap yang dikehendaki.

Kaedah Suara Memanjangkan Nafas.

Sistem pernafasan manusia berkait rapat dengan sistem paru-paru. Sistem pernafasan manusia berfungsi secara automatik. Sistem ini akan bertambah kuat bekerja apabila berlaku pergerakan aktiviti seperti berlari, berjalan, dan menaiki tangga. Sistem pernafasan akan kembali normal apabila seseorang itu berada dalam keadaan rehat atau tidur. Ketika seseorang menarik nafas, paru-paru akan mengembang dan apabila nafas dilepaskan paru-paru akan mengecil. Semuanya berlaku secara automatik. Dalam proses latihan pernafasan, teknik mengawal pernafasan merupakan aspek yang penting dalam melatih seseorang melagukan bacaan al-Quran dengan nafas yang lebih panjang dan lebih selesa. Nafas yang lebih panjang bertujuan mengalunkan harakah-harakah tarannum dengan lebih sempurna dan menarik di samping *waqaf dan ibtida''* yang lebih tepat. Sistem latihan memanjangkan nafas adalah seperti berikut²⁵:

1. Tegakkan kedudukan badan dalam keadaan bersedia.

2. Tarik nafas panjang-panjang kemudian kumpulkannya di bahagian perut.
3. Lepaskan nafas perlahan-lahan tanpa suara dan beransur-ansur serta melakukannya berulang kali.
4. Lepaskan nafas perlahan-lahan dengan bersuara secara beransur-ansur dan terkawal serta melakukannya berulang kali.
5. Lepaskan nafas di samping menyebut beberapa patah kalimah dalam keadaan terkawal serta melakukannya berulang kali.
6. Lepaskan nafas di samping membaca bacaan ayat-ayat atau surah-surah yang panjang dalam satu nafas dalam keadaan terkawal serta melakukannya berulang kali.

Kelembutan Suara Pada Mad Asli²⁶

Menurut Haji Rashid Ali, semua huruf mad asli mesti disebut dengan cermat dan lembut. Beliau mengambil pedoman daripada kata-kata Ayah Long Awang Nobat iaitu salah seorang guru kepada Dato" Hajjah Rogayah : “ *Mad asli turun dari langit.*” Oleh itu, mad asli kena turun nada. Dengan erti kata lain ialah perlu ditarik ke bawah, dibaca dengan lembut, tidak boleh keras, nada rendah, kawal kepanasan dan perlu mengawal suara. Haji Rashid berkata: “ *Kena kawal tali.*” Itulah petua berharga yang diberikan oleh beliau. Pada 8 november 2014, bermula 2.30 petang Sabtu, beliau mengajar tentang kelembutan suara. Murid pertama mengalunkan surah al-Isra" ayat 9 hingga ayat 15. Murid kedua membaca surah al-An'am ayat 1 hingga ayat 5.

Teknik Tahsīn al-Ṣaut

Tahsīn al-ṣaut adalah hasil dari proses bunyi oleh alat-alat pengendalian suara dengan rapi dan cermat. Terdapat empat teknik *tahsīn al-ṣaut*²⁷ iaitu:

²⁶ Rashid Ali (Guru Tarannum al-Quran, Maahad Tahsin al-Quran, Pondok Nor Mahani, Pasir Panjang, Kuala-terengganu, Terengganu) dalam kelas tarannum , 8 November 2014.

1. Teknik penekanan pernafasan untuk lembut atau keras.
2. Teknik pengendalian pipit suara, untuk nyaring dan perlahan.
3. Teknik penyaluran bunyi, untuk kemanisan dan kelicinan.
4. Teknik pengawalan nafas, untuk memanjang atau memendek nafas.

Pemilihan Pelajar Yang Mempunyai Suara Yang Baik

Dato²⁸ Hajjah Rogayah memilih pelajar yang berkualiti untuk mempelajari tarannum seperti mempunyai suara yang baik. Bagi bagi pandangan beliau, jenis suara yang baik ialah tidak terlalu kasar dan tidak terlalu lembut. ²⁸ Beliau juga memilih pelajar yang boleh mengalunkan suara dengan nada yang tinggi. Oleh itu, anak murid beliau yang cemerlang dan berjaya menjadi johan hingga ke peringkat antarabangsa berupaya mengalunkan al-Quran dengan nada yang tinggi dan mempunyai potensi suara yang baik seperti Hajjah Azizah, Hajjah Sepiah, dan Hajjah Masnah.

Ciri-ciri suara yang istimewa oleh Dato²⁹ Hajjah Rogayah²⁹ adalah bertepatan dengan ciri-ciri penghakiman yang ditetapkan oleh JAKIM sebagaimana seperti berikut:

1. Suara yang indah merdu dan dapat menghidupkan renik-renik suara.
2. Suara yang licin dan lembut serta terang dan jelas semasa tekanan suara tinggi, rendah dan sederhana.
3. Penyesuaian suara: suara lelaki hendaklah sesuai dengan kekelakiannya dan suara wanita sesuai dengan unsur-unsur kewanitaannya.
4. Dapat mengawal suara hingga kepada tiga tingkatan atau tobaqat.
5. Dapat mengawal suara dengan sepenuhnya alunan suara masa nyaring dan masa perlahan.

²⁸ Rogayah Sulong (Guru al-Qur'an dan Tarannum al-Qur'an, Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 25 April 2012.

²⁹ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

6. Suara bergerak dan hidup.

Kaedah pemotongan markah dalam bidang suara adalah seperti berikut:

1. Suara parau. Tiap-tiap kali berlakau parau dipotong satu markah.
2. Suara sumbang yang merosakkan. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
3. Suara tenggelam. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
4. Suara pecah dan terputus-putus. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
5. Suara tersepit atau tercekik. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
6. Suara terketar-ketar kerana terlampau tinggi atau terlampau rendah. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
7. Suara yang tidak cukup tiga tabaqat. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
8. Suara lemah dan kelembapan. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
9. Suara yang keras dan kaku. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
10. Suara yang berubah kualiti. Tiap-tiap kali dipotong satu markah.
11. Tidak membawa satu *ikhtilal al-lahn* bagi satu bacaan. Dipotong satu markah
12. Jika berulang-ulang pada kesalahan yang sama, hendaklah dipotong markahnya dengan kadar tidak melebihi lima markah.

Seseorang itu boleh menilai mutu bacaan masing-masing dengan menilai tahap kemampuan masing dan menjadi hakim terhadap pencapaian masing-masing. Oleh itu, ia memerlukan latihan yang berpanjangan.

5.2.2 Penekanan Kepada Ilmu Tajwid

Dato³⁰ Hajjah Rogayah binti Sulong³⁰ memberi penekanan dari aspek tajwid sebagaimana yang diberikan oleh guru beliau iaitu Haji Mat Lintar, penekanan yang

³⁰ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

diberikan oleh Hajjah Rogayah dalam aspek tajwid bertepatan dengan pandangan Imam Ibnu Jazari³¹ yang menyatakan dalam puisi kitabnya:

الفن الثابت لتجويد خوالى ال يغك ا ووا طن

Terjemahan: Mengamalkan tajwid itu suatu kewajipan, kerana berdosa tidak memperelokkan bacaan secara bertajwid.

Dari aspek hukum, pembacaan al-Quran bertajwid adalah fardhu ain bagi setiap orang Islam terutama bagi setiap qari dan qariah. Seseorang qari semestinya mendalami tajwid demi memelihara lidah dari kesalahan *jaliy* dan *khafiy* semasa membaca kalam Allah. Ia juga bertujuan menyelamatkan seseorang qari daripada tersasar dalam menyebut makharij al-huruf dan sifat-sifatnya.³²

Definisi tajwid dari sudut bahasa ialah memperelokkan dan pada istilah pula ialah menyebut setiap huruf mengikut makhrajnya serta menyempurnakan sifatnya sama ada huruf tersebut berkekalan pada sifat atau tidak.³³ Saidina Ali bin Abi Talib menjelaskan ilmu tajwid adalah satu ilmu yang penting. Beliau mendefinisikan ilmu tajwid sebagai: “*Hua ma'rifatul wuquf wamakharij al-huruf*”, iaitu ilmu pengetahuan tentang *waqaf* dan tempat-tempat keluar *makhraj* huruf.³⁴ Dengan kata lain, ilmu tajwid berkait rapat dengan gagasan penyebutan bahasa arab yang tepat, menjadi timbangan dari aspek *makhraj* dan sifat. Salah satu komponen penting dalam bahasa al-Quran adalah *makhraj* kerana ia dapat membezakan bunyi yang terdapat dalam huruf-huruf *hijaiyah* dengan tepat. Seseorang qari mesti mengenali kedudukan huruf agar dapat menyebut dengan tepat melalui guru-guru yang pakar berserta dengan amali. Sebab

³² Ibid.

³³ Mohd Rahim bin Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2012), 79.

³⁴ Muhammad Al-Habsy, *Kaifa Taqra" al-Quran*, (Syria: Darul al- „Usama“, 1998), 16. Mohd Rahim bin Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2012), 80.

itulah pentingnya pembelajaran secara *talaqqi* dan *musyafahah*.³⁵ Mohd Rahim³⁶ menjelaskan, sifat huruf terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sifat yang berkekalan seperti *Isti''lā''*, *Iṭbāq*, dan sebagainya. Ini dinamakan *haqqul Hurūf*.

2. Sifat yang berubah-ubah mengikut suasana huruf dan harakat, seperti tebal atau nipis (*Tafkhim/Tarqiq*), *Idghām* atau *Izhār* dan sebagainya. Ini dinamakan *Mustahaqqul harf*. Dalam aspek sifat huruf pula, berdasarkan kesalahan yang biasa berlaku di kalangan qari ialah kurang keprihatinan terhadap tujuh sifat huruf seperti *tafasyi*, *isti''la''*, *istifal*, *hamas*, *tarqiq*, *taghliz*, dan *tawassut*.³⁷

3. Mad Asli (Mad Tabii) dan Mad Badal tetap dengan kadar panjang 2 harakat. Pada Mad Munfasil boleh dibaca dengan 2, 4 atau 6 harakat. Setiap pembaca boleh memilih salah satu daripada wajah ketiga-tiga wajah itu. Sekiranya pembaca memilih salah satu daripadanya hendaklah dia meneruskan bacaannya di atas wajah itu tanpa berpindah ke wajah lain. Sekiranya terdapat dalam satu ayat 2 mad munfasil atau lebih maka hendaklah disamakan kadar panjang mad itu, iaitu jika dibaca dengan 2 harakat pada mad Munfasil pertama, maka hendaklah dibaca 2 harakat juga pada Mad Munfasil kedua, demikian seterusnya. Pada Mad Muttasil bolehlah dibaca dengan kadar panjang 4 harakat atau 5 harakat ketika *waqaf*.³⁸

4. Mad Lazim Kalimi dan Harfi Muthaqqal begitu juga Mad Istifham hendaklah panjang bacaannya dengan kadar 6 harakat.

5. Mad „Arid dibaca dengan kadar 2 atau 4 atau 6 harakat ketika waqaf sahaja.

³⁵ Ibid, 101.

³⁶ Mohd Rahim bin Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf*, 79.

³⁷ Fail Majlis Tilawah al-Quran, JHEAT 2015, Bahagian Pengurusan Masjid, Tingkat 3, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Negeri Terengganu, Kompleks Seri Iman, Kuala-Terengganu, Terengganu. Pada 12 Mei 2015.

6. Mad Silah hendaklah dibaca dengan kadar panjang 2 harakat. Tetapi sekiranya selepas Mad Silah terdapat sebab (yakni Hamzah) hendaklah dibaca dengan *Qasaq*, *Tawaasut* dan *Isyba'*. Dengan itu ia termasuk dalam bab Mad Munfasil.

7. *Ghunnah* dibaca dengan kadar 2 harakat sama ada ia di dalam keadaan *waqaf* atau *wasal*.

8. Bagi musabaqah peringkat kebangsaan ialah *Riwayat Hafas*.

Dari aspek sejarah, terdapat tiga pendapat tentang orang yang mula-mula membuat kaedah ilmu tajwid³⁹ iaitu: 1. Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi 2. Abu al-Aswad al-Duali. 3. Abu Ubaidi al-Qasim bin Salam.

Kaedah tajwid dibuat bertujuan memelihara Mushaf Uthmani yang tiada titik dan baris ketika dihantar ke setiap negara Arab. Selain itu juga, kaedah tajwid ini bertujuan untuk mempermudah bagi orang Ajam iaitu bukan Arab untuk membaca al-Quran.⁴⁰

Al-Quran sinonim dengan Bahasa Arab, Muhammad al-Habsy mengatakan tiada perbezaan antara tajwid dan bahasa Arab melainkan dua perkara iaitu mad dan dengung.⁴¹ Manakala *idhgam*, *iqlab*, *ikhfa'*; *izhar*, hukum *lam*, *ra'*, *alif* dari sudut *tafkhim* dan *tarqiq* mempunyai kaitan dengan ciri-ciri sebutan bahasa Arab yang sah.⁴² Aspek ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Zukhruf ayat 44 yang bermaksud: “*Sesungguhnya kitab al-Quran menjadi peringatan bagi kamu dan bagi kaummu dan kamu akan disoal di hari akhirat kelak.*”⁴³

³⁹ Mohd Rahim bin Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2012), 77.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Ibid, 17.

⁴² Ibid.

⁴³ Al-Zukhruf: 44.

Menurut Muhammad al-Habsy, ilmu tajwid memainkan peranan penting dalam penyebutan lafaz al-Quran. Firman Allah taala: dalam surah al-Muzzammil ayat 4 yang bermaksud: “ *Bacalah al-Quran dengan tartil*”⁴⁴. Allah juga menegaskan orang yang membaca al-Quran dengan sebenar-benarnya menjadi salah satu tanda orang yang beriman dengan Allah sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 121 yang bermaksud⁴⁵: “ *Orang-orang yang kami berikan kepada mereka kitab al-Quran lalu mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan, merekalah orang-orang yang beriman dengan Allah.*”⁴⁶

Mempelajari ilmu tajwid adalah fardu kifayah, manakala beramal dengan ilmu tajwid adalah fardu ain atau bagi bagi setiap Muslim. Mohd Rahim menjelaskan membaca al-Quran tanpa bertajwid tidak dikira sebagai ibadah. Contohnya, membacanya sekadar untuk membuat hujah seperti dalam hukum feqah, adalah diharuskan dan tidak mendapat pahala sekiranya tidak melaksanakan hukum tajwid. Oleh itu, ilmu tajwid adalah penting kerana⁴⁷: 1. Al-Quran dibaca dalam solat seperti al-Fatihah dan surah ini menjadi salah satu rukun dalam sembahyang serta wajib membacanya. 2. Membaca bertajwid adalah hak Kalamullah. 3. Memilih Imam yang paling layak dari kalangan yang alim dan ahli al-Quran adalah menjadi hak pihak berkuasa.

Dalam aspek sifat huruf pula, berdasarkan kesalahan yang biasa berlaku di kalangan qari ialah kurang keprihatinan terhadap tujuh sifat huruf seperti *tafasyi*, *isti"la"*, *isifal*, *hamas*, *tarqiq*, *taghliz*, dan *tawassut*.⁴⁸

⁴⁴ Al-Muzzammil:4.

⁴⁵ Al-Baqarah: 121.

⁴⁶ Muhammad Al-Habsy, *Kaifa Taqra" al-Quran*, 1998, Syria: Darul al- „Usama“, 16.

⁴⁷ Mohd Rahim bin Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2012), 80.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

Penghakiman Bidang Tajwid

Pengajaran Dato⁴⁹ Hajjah Rogayah⁴⁹ menepati ketetapan di bawah peraturan JAKIM, terdapat beberapa persembahan yang dikira istimewa dalam aspek ilmu tajwid. Kriteria-kriteria adalah sepertimana berikut :1. Dapat menyempurnakan *riwayat qiraat* dan *thoriq* bacaan dengan sempurna. 2. Dapat menyamai kadar panjang hukum mad. 3. Dapat menyempurnakan sifat-sifat *ghunnah*.

Selain itu, pemotongan markah akan dikenakan sekiranya berlaku kesalahan-kesalahan seperti berikut :

1. Perkara-perkara yang dihakimi ialah :

i. Bacaan mengikut *Riwayat Hafs Tariq* al-Imam al-Syatibi atau al-Imam Ibn al-Jazari. ii. Makhraj dan sifat huruf. iii. Hukum nun dan mim sakinah dan tanwin. iv. Hukum nun dan mim musyaddah. v. Hukum ra⁵⁰ dan lam. vi. Hukum *saktah*, *imalah* dan *ibdal*. vii. Hukum mad asli dan *far⁵¹* viii. Hukum-hukum tajwid yang lain.

2. Setiap satu kesalahan *khafi* dipotong satu markah

3. Setiap satu kesalahan *jali* dipotong dua markah.

5.2.3 Penekanan Kepada Fasahah

Dato⁵⁰ Hajjah Rogayah berkata: “ ..*masa kita tarannum..noklah fasahah..fasahah itu lancar*”⁵⁰. Antara dua aspek yang berkaitan dengan fasahah ialah penyebutan lahjah Arabiyyah dan kemahiran *waqaf* dan *ibtida⁵¹* yang betul.

Perkara-perkara yang dititikberatkan oleh Dato⁵¹ Hajjah Rogayah⁵¹ adalah bertepatan dalam penghakiman bahagian fasahah sebagaimana ciri-ciri berikut

⁵⁰ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

:1.Cermat dan fasih dalam bacaan. 2. Mahir menyebut kalimah-kalimah dan ayat-ayat. 3. Terpelihara segala huruf, harakat atau baris dan tasydid. 4. Menepati waqaf dan ibtida" termasuk Waqaf Jibril atau Waqaf Nabawi. 5. Bacaan menurut lajhah Arab *fushah*. 6. Bacaan sederhana, tidak terlalu cepat atau terlalu lambat. 7. Tidak bercampur aduk antara bacaan tartil dan tadwir.

Manakala persembahan yang istimewa dalam bidang fasahah mengandungi ciri-ciri berikut :1.Bacaan dengan lajhah Arab. 2. Dapat menyempurnakan ayat yang panjang dalam satu nafas. 3.Bacaan yang cermat dan bertadabbur.

Selain itu, kaedah dan peraturan pemotongan markah adalah seperti berikut :

1.Tersalah memulakan bacaan atau ayat ditetapkan. Jika berlaku demikian, akan dipotong satu markah. 2. Menamatkan bacaan melebihi 30 saat sebelum cukup tempoh yang diperuntukkan. Ia dipotong satu markah. 3. Tertinggal atau melangkau ayat semasa dalam bacaan dipotong dua markah. 4. Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan. Bacaan ditolak dan tidak diberi markah. 5. Jika berulang-ulang pada kesalahan yang sama, hendaklah dipotong markahnya dengan kadar tidak melebihi lima markah. 6. Jika berulang-ulang kesalahan *jaliy* atau tiada kelancaran yang berterusan maka markah fasahah dibatalkan dan tidak diberi markah.

5.3 Penyebutan Lahjah Arabiyyah

Lahjah bererti loghat dalam bahasa Arab iaitu gaya bunyi suara yang berbudaya Arab seperti Lahjah *Quraysh*, *Huzayl*, *Tamim*, *Thaqif*, *Hawazin*, *Kinamah*, dan *al-Yaman*.⁵²

Imam al-Bayhaqi dan Imam Mahmud al-Alusi berpendapat bahawa al-Quran tidak terkeluar daripada tujuh bahasa yang paling fasih dalam bahasa Arab di kalangan bangsa Arab. Walau bagaimanapun ini bukan bererti setiap kalimah dalam al-Quran

⁵¹ Pemerhatian turut serta.

menggunakan tujuh bahasa tersebut, sebaliknya, ketujuh-tujuh bahasa tersebut tersebar di pelbagai tempat dalam al-Quran.⁵³

Salah satu manhaj yang sering digunakan oleh Dato^o Hajjah Rogayah⁵⁴ ialah pengambilberatan tentang penyebutan *Lahjah Arabiyyah* sejak di peringkat awal. *Lahjah Arabiyyah* mempunyai kaitan dengan ilmu tajwid iaitu mempunyai persamaan yang amat ketara. Kecuali pada dua aspek iaitu jenis-jenis mad dan dengung, sebagaimana yang dijelaskan oleh Muhammad al-Habsy dalam kitabnya *Kaifa Taqra^o al-Quran*.⁵⁵

Kehadiran tarannum seiring dengan tilawah al-Quran bertajwid. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Oleh itu, tajwid mempunyai kaitan dengan lahjah Arab kerana dalam ilmu tajwid, terdapat aspek penekanan sebutan huruf-huruf al-Quran mengikut sebutan Arab yang betul.

Bertepatan dengan kata-kata Ibn Mas^oud r.a yang bermaksud: “ *Hendaklah kamu bertajwid dengan bacaan al-Quran, hasilah bacaan al-Quran itu dengan sebaik-baik suara dan mengarabkanlah lahjah bacaannya. Kerana al-quran itu dari Bahasa Arab, sedangkan Allah sendiri suka bahawa al-Quran itu dibaca dengan lahjah Arab.*”⁵⁶ Daripada kata-kata Ibn Mas^oud ini, dapat dirumuskan bahawa ciri-ciri yang baik ketika membaca al-Quran ialah: 1. Membaca dengan bertajwid. 2. Membaca dengan suara yang elok 3. Lebih afdhal dibaca dengan lahjah Arab.

Pandangan Dato^o Hajjah Rogayah bertepatan dengan pandangan Nik Jaafar yang menjelaskan *lahjah Arabiyyah* adalah mengikut lahjah al-Quran iaitu lahjah ketika diturunkan al-Quran pada zaman Rasulullah. Lahjah berdasarkan pelbagai rumpun

⁵⁴ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

⁵⁵ Muhammad al-Habsy, *Kaifa Taqra^o al-Quran*, 15-17.

⁵⁶ Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al-Tarannum*, 14.

bangsa Arab yang ada sekarang belum tentu menepati lajhah al-Quran yang sebenarnya. ⁵⁷Jika dilihat dari sudut sejarah, pada zaman saidina Uthman, sudah berlaku percampuran antara orang Arab dengan orang Ajami. Orang Arab pada masa itu, sudah tidak dapat membaca al-Quran dengan baik. Pada masa sebelumnya, al-Quran tidak berbaris dan bertitik. Namun begitu, umat Islam masih dapat membaca dengan baik. Setelah itu berlakunya percampuran bangsa melalui perkahwinan dan pergaulan sehingga bahasa Arab yang asli mendapat kesannya. Pada zaman Saidina Ali, al-Quran mula diletakkan baris. Kalau dilihat dari aspek sejarah pada zaman Rasulullah sehingga zaman sekarang al-Quran diajar dalam dua cara iaitu *talaqqi* dan *musyafahah* dalam bentuk bertulis dan melalui sebutan.

Manhaj Dato⁵⁷ Hajjah Rogayah bertepatan dengan saranan sebuah hadith riwayat al-Tabarani dan al-Baihaqi yang mengajak manusia membaca al-Quran dengan lajhah Arab iaitu: “ *Bacalah al-Quran itu dengan gaya lagu dan suara yang berlahjah Arab dan jangan sekali-kali membaca dengan lagu dan suara yang berlahjah keyahudian atau kenasranian. Demikianlah juga lagu-lagu ahli fasik (biduan dan biduanita). Kerana sepeninggalanku nanti, akan muncul satu golongan yang sengaja membaca al-Quran dengan lagu-lagu yang dipopularkan sebagai nyanyian penghibur, pendita, dan perintah tiada melampaui halkum mereka, hati mereka sudah terfitnah, apa lagi hati mereka yang mengaguminya.* ⁵⁸Aspek kesilapan dalam melagukan al-Quran akan dibincangkan dalam aspek al-Quran mengikut lagu.

Dato⁵⁷ Hajjah Rogayah menjelaskan maksud suara yang berlahjah Arab ialah gaya bunyi suara yang berbudaya kearaban. Beliau mengutarakan 4 ciri-ciri suara yang berlahjah Arab iaitu kemanisan dan kebasahan suara, gema suara yang meninggi ke arah

⁵⁷ Ibid, 15.

⁵⁸ Ibid, 29.

khaisyum, kelembutan bunyi yang berbudaya kearaban dan pergerakan suara disamping burdah yang berbudaya kearaban.⁵⁹

Johan Qari Peringkat Antarabangsa 1999, Hj Che Yahya Daud mendedahkan rahsia tambahan kearaban suara dalam tarannum seperti diamalkan oleh qari-qari Mesir yang muktabar adalah seperti berikut⁶⁰: 1. Suara turun menjunam. 2. Suara naik mencanak. 3. Suara turun dan buka. 4. Suara goncang. 5. Suara goyang. 6. Suara semacam seruling (flute). 7. Suara gantung (*separuh ihtilal al-lahn*, bermakna ada sedikit kecondongan suara).

5.4 Penguasaan *Waqaf* Dan *Ibtida'* Yang Betul

Penjagaan *waqaf* dan *ibtida'* adalah aspek yang kerap diberi penekanan berdasarkan pemerhatian turut serta penyelidik terhadap pengajaran Dato⁶¹ Hajjah Rogayah. Memberhentikan bacaan bacaan di tempat yang tidak kena dengan kaedah nahu bahasa Arab memberikan kesilapan makna dalam bacaan al-Quran. Oleh itu, qari hendaklah memberhentikan bacaan di tempat yang sesuai dan memulakan bacaan di tempat yang sesuai.

Dato⁶² Hajjah Rogayah mengajar kepada pelajar cara berhenti di tempat yang bersesuaian ketika ketiadaan nafas dan cara menyambung semula bacaan setelah berhenti di tempat yang betul agar makna yang terdapat dalam al-Quran tidak tergantung atau tidak kena dengan makna. *Waqaf* dan *ibtida'* adalah satu kaedah yang penting dan diberi penekanan yang tinggi oleh beliau. Membaca al-Quran dengan terputus nafas membuatkan bunyi bacaan yang tidak elok dan mencacatkan suara. Oleh itu, seseorang perlu berhati-hati ketika membaca al-Quran dan memilih tempat untuk berhenti di tempat yang paling sesuai.

Pandangan Dato⁶⁵ Hajjah Rogayah bertepatan dengan pandangan Mohd Rahim Jusoh menjelaskan sekiranya qari memberhentikan bacaan di tempat yang tidak sepatutnya, ia boleh mencacatkan makna ayat dan bacaan menjadi tidak cantik.⁶⁶ Antara perkara yang boleh membantu mengurangkan kesalahan ini ialah pengetahuan makna ayat dan mengetahui selok belok bahasa Arab. Mohd Rahim membawa empat dalil daripada al-Quran yang mempunyai perkataan waqf iaitu ayat 27 dan 30 dalam surah al-An'am, ayat 30 dalam surah Saba', dan ayat 24 dalam surah al-Saffat.⁶⁷ Mohd Rahim menjelaskan, walaupun tidak memahami bahasa Arab, memadai dengan mengambil waqaf dari guru yang mursyid. Para qurra' dari kalangan Arab sekalipun mengambil waqaf dari guru yang mursyid meskipun mereka memahami makna dan uslub al-Quran.⁶⁸ Justeru itu, ilmu *waqf dan ibtida'* adalah satu ilmu yang mesti dipelajari agar dapat membaca al-Quran dengan lebih baik dan tidak berhenti ketika membaca al-Quran dengan sewenang-wenangnya.

Contoh penekanan aspek *waqaf dan ibtida'* yang disampaikan oleh Dato⁶⁹ Hajjah Rogayah ialah ; dalam surah al-Tin ayat 5 dibaca dengan *wasal* dengan ayat 6 dan berhenti hingga ayat „*wa'amilu al-salihāt*“. Kemudian barulah bermula dengan ayat 6 semula.⁶⁹

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ

مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

Al-Tin 95: 5-6.

Penjagaan *waqaf dan ibtida'* dalam ayat 90, surah al-Maidah:

⁶⁵ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

⁶⁶ Mohd Rahim Jusoh, *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqf* (Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2012), 347.

⁶⁷ Ibid, 347-349.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Dato⁶⁹ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 9 Oktober 2013.

Apabila pembaca al-Quran ketiadaan nafas, dia boleh berhenti *waqaf* pada lafaz „*al-muharram*” seperti berikut⁷²:

تَقَبَّلْ عَنِّي أَدْنَىٰ دَعْوَىٰ مُؤْمِنٍ يُبْتَغِي لَكَ عِلْمًا وَمِي سَعْيٍ عَلْتَرِي أَوْ حَوَّ

Setelah itu, pembaca boleh mula membaca daripada lafaz „*biwādin*” dan berhenti pada lafaz sehingga lafaz „*rabbana liyuqimussolāh*” sepertimana berikut:

بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ

Seterusnya, pembaca boleh mula ibtida” dengan lafaz „*rabbana*” sehingga lafaz „*tahwi ilaihim*” seperti ayat berikut:

تَقَبَّلْ مِنِّي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Setelah itu, qari boleh mula membaca dengan lafaz „*tahwiilaihim*” sehingga akhir ayat 37 seperti berikut:

رَبِّ يَسْمَعُ دُعَائِهِمْ وَتَطَّلِعُ عَلَىٰ غُيُوبِهِمْ ۗ ۝ ٣٧

5.5 Peneguhan Bacaan Secara Tartil

Dato” Hajjah Rogayah⁷³ banyak memberi latihan kepada pelajar bacaan secara tartil. Melalui latihan bacaan secara tartil dapat memperkemaskan sebutan huruf, hukum tajwid, *waqaf* dan *ibtida*” yang bersesuaian, dan cara bacaan yang tepat. Ini kerana, kesilapan baris dalam bacaan al-Quran termasuk dalam kesalahan yang nyata atau dinamakan “ *al-lahn al-jaliyyu*” yang boleh merosakkan bacaan dan berlaku pemotongan markah yang banyak dalam majlis tilawah al-Quran.

⁷² Ibid.

⁷³ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

Pelaksanaan Dato⁷⁴ Hajjah Rogayah ini bertepatan dengan pendapat Muhammad Lokman, Mohd Yakub @ Zulkifli dan Mustafa melalui pandangan al-Jazari yang menjelaskan bacaan secara tartil mempunyai empat ciri-ciri iaitu merangkumi aspek tajwid, tarannum, fasahah dan suara.⁷⁴

Pandangan Dato⁷⁵ Hajjah Rogayah juga bersamaan dengan pandangan Haji Nik Jaafar yang menjelaskan, tarannum ialah bacaan cantik yang lengkap dan sempurna. Ia di hasilkan daripada gabungan tahsin al-saut, tajwid dan tarannum.⁷⁵ Imam al-Nawawi, Imam al-Suyūti dan Yusuf al-Qaradāwi menyatakan bahawa bacaan secara tartil adalah sunat.⁷⁶ Mereka membawa dalil daripada al-Quran dalam surah al-Muzzammil ayat 4 yang bermaksud: “*Dan bacalah al-Quran dengan tartil*”(73:4). Imam al-Suyūti menyatakan sunat bacaan secara tartil kerana boleh membawa kepada tadabbur terhadap isi al-Quran. Pandangan ulama terdahulu ialah⁷⁷:

رُحِبَةُ أُرْوَعٍ لَنْ تُشَوَّرَ إِلَّا هَوَا إِلَى الْإِلِإِ أُرْوَعٍ وَرُحِبَةُ أُرْوَعٍ أُرْوَعٍ
نَا يَرْحَتُ لِلْأَعْيُ الَّذِي لَا يَدُ لَدَّ عَبَّ .

Terjemahan: Sunat bacaan secara tartil untuk tadabbur, kerana lebih hampir kepada keagungan dan penghormatan, dan paling berkesan dalam hati. Oleh sebab itu, sunat bagi orang Ajami yang tidak mengetahui makna al-Quran.

⁷⁴ Muhammad Lukman bin Ibrahim, Mohd Yakub@ Zulkifli bin Mohd Yusoff dan Mustaffa bin Abdullah, *Pro Dan Kontra Tarannum Di Dalam Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*, Centre of Quranic Research International Journal, 87-103.

⁷⁵Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al-Tarannum* (1998; cet.ke-5 Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2012)21.

⁷⁶Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *Al-Tibyān Fī Ādāb Ḥamalāt al-Qurān* (Kaheerah: Dār al-Haitham, 2005), 56-57. Al-Suyūti, Jalāl al-Dīn ,Abdul Raḥmān, *al-Itqān Fī Ulūm al-Qurān*, (2006, Kaheerah: Dar al-Ghad al-Jadid), 1: 288. Al-Qaradāwi, Yusof, *Kaifā Nata'āmal Ma'ā al-Qurān al-Karim*, 2011, Cet. ke-8, Kaheerah: Dar al-Syuruq, 159.

⁷⁷ Al-Suyuti, Jalal al-Din ,Abdul Rahman, *al-Itqān Fī Ulūm al-Qurān*, (2006, Kaheerah: Dar al-Ghad al-Jadid), 1: 288.

⁷⁵Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

⁷⁶ Ibid.

Dato⁷⁸ Hajjah Rogayah⁷⁸ menggalakkan pelajar membaca secara tartil supaya pelajar tidak membaca al-Quran secara tergopoh gopah. Bacaan secara tartil menjadikan al-Quran dibaca selari dengan hak penyebutan sesuatu huruf satu-persatu. Dengan kata lain, setiap huruf disebut dengan baik dan jelas dengan tujuan pelajar melazimi bacaan, beliau menggalakkan mad jaiz munfasil dibaca dengan 4 harakat, walaupun ia boleh dibaca dengan dua harakat. Begitu juga *alif lam Qamariah* disebut dengan betul dan juga mad lin disebut dengan cara yang betul.⁷⁹

Dalam aspek bacaan secara tadabbur, terdapat firman Allah dalam surah al-Nisā⁸⁰ ayat 82 yang mengajak umat Islam bertadabbur ketika membaca al-Quran:

يَخَفَنَ يَكُ أَنْ يَرَى لَوْ أَعْظَمُوا أَوْ رَدُّوا عَنَّا وَإِنَّ آيَاتِنَا لَهُمْ مُبِينَاتٌ وَإِنَّا كَاشِفُو الْعَذَابِ أَلَمْ نَقْرَأَكَ أَنْ إِذْ نَبُذُكَ بَيْنَ يَدَيْنَا لَوْلَا أَنَّ يَوْمَئِذٍ كَانَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَالْجِبَالُ رَدًّا لَأَفْرَقْنَا بَيْنَهُمُ وَالَّذِينَ آمَنُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Al-Nisa⁸⁰ 4:82.

Terjemahan: Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.

Bertepatan dengan pandangan Dato⁸⁰ Hajjah Rogayah⁸⁰, Imam Suyūti menjelaskan makna tadabbur ialah seseorang itu menyibukkan hatinya dengan bertafakkur pada makna setiap apa yang dilafazkan dengannya, lalu dia mengetahui makna setiap ayat tersebut, memerhatikan segala suruhan dan larangan, dan beriktikad menerima yang demikian itu, sekiranya dia melihat kecuaiannya yang lampau dia menyesali dan memohon keampunan, sekiranya dia melalui ayat rahmat dia merasa gembira dan memohon dikurniakan kegembiraan tersebut, pada ayat azab dia merasa belas kasihan dan mohon perlindungan, atau pada ayat kesucian Allah dia menyucikan

⁸⁰ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

Allah dan mengganggu Allah atau ayat berbentuk doa dia merasa rendah diri dan memohon doa.⁸¹

Dalam aspek keutamaan bacaan atau timbul persoalan yang mana lebih afdal bacaan secara tartil tetapi sedikit kadarnya dengan bacaan secara cepat dan lebih banyak kadarnya, terdapat ikhtilaf ulama. Walau bagaimanapun, Imam al-Suyuti membawa pandangan berdasarkan sumber rujukan beliau dalam kitab *al-Nasyr fi al-Qirāat al-Nasyr*, dengan menyatakan : “ *Pahala bacaan secara tartil lebih besar kadarnya, dan pahala bagi membaca secara banyak lebih dari aspek bilangan, kerana setiap huruf ganjarannya adalah sepuluh kebajikan.*”⁸² Ibn Abbas r.a mengatakan: “ *Moga-moga aku membaca satu surah dengan tartil lebih aku sukai daripada membaca sebuah al-Quran keseluruhannya.*”

Begitu juga terdapat sebuah kisah daripada salah seorang daripada golongan tabiin iaitu Mujahid bahawa beliau ditanya oleh dua orang lelaki yang menunaikan solat, salah seorang daripada mereka membaca surah al-Baqarah dan Āli Īmrān, manakala seorang lagi membaca surah al-Baqarah sahaja. Sementara itu, dari aspek masa, rukuk, sujud dan duduk adalah sama, lalu Mujahid berkata: “*lelaki yang membaca al-Baqarah sahaja lebih afdal.*” Mujahid melarang daripada berlebihan dan bersegera, ia dinamakan *al-hizz* atau bergoncang.⁸³

Imam Nawawi juga membawa dalil daripada Ḥabībullah bin Masʿūd bahawa seorang lelaki berkata kepada beliau: “ *Sesungguhnya aku membaca surah-surah mufaṣṣal dalam satu rakaat, lalu Ibn Masʿūd berkata : “ Dia telah bergoncang seperti goncangan syair? Terdapat kaum-kaum yang membaca al-Quran yang tidak melampaui*

⁸¹ Al-Suyuti, Jalal al-Din Ḥabībullah bin Masʿūd, *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, 1: 289.

⁸² Ibid.

⁸³ Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *Al-Tibyān Fī Ādāb Hamalat al-Qurān*, (Kaherah: Dār Ibn al-Haitham, 2005),57.

pangkal kerongkong sahaja. Akan tetapi, apabila al-Quran terletak di dalam hati, ia akan dihayati dan didalami, itu merupakan satu manfaat.”⁸⁴

Sheikh Abdullah Basmeih menjelaskan maksud tartil ialah bacaan yang terang, jelas dan betul menurut ilmu tajwid.⁸⁵ Imam Nawawi juga membawa dalil daripada hadith daripada Ummu Salamah yang memuji ciri-ciri bacaan Rasulullah yang merupakan satu bentuk bacaan secara tafsir huruf demi huruf.⁸⁶ Contoh teladan daripada sahabat Nabi iaitu Haji Nik Jaafar menjelaskan tentang ketinggian tahap bacaan secara tartil iaitu ia adalah bacaan bertaraf mukjizat iaitu bacaan Rasulullah s.a.w.⁸⁷ Dalam al-Quran, terdapat dua ayat al-Quran yang memberi garis panduan kepada manusia agar membaca al-Quran dengan terang dan jelas iaitu ayat 106 surah al-Isra⁸⁸ atau al-Muzzammil ayat 4 seperti berikut⁸⁸:

مَوْءَلِكُوهٗ حَلَمِي مَحَدَّوْا عَىٰ اَسْوَبَ عَىٰ شَبَّي رِي يَلَا

Al-Isra⁸⁸ 17: 106

Terjemahan: Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacaknya kepada manusia dengan lambat tenang; dan Kami menurunkannya beransur-ansur.

⁸⁴ Ibid.

⁸⁵ *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, terj. Sheikh Abdullah Basmeih (1980; cet. Ke-13, Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2002), 1584.

⁸⁶ Op.cit., Riwayat daripada Abu Daud, Tarmizi dan al-Nasai. Tarmizi menyatakan hadith hasan sahih. Riwayat daripada Abu Daud (1466) Kitab al-Solāt- Bāb Istihbāb al-Tartīl Fi al-Qirāah, dan Tirmizi (2923) Kitāb Fadāil al-Qurān- Bāb Mā Jāa Kaifa Kānat Qirāah al-Nabiyyi s.a.w. Sheikh al-Albāni mendaifkannya dalam “Daīf Jāmi‘al-Tirmizi” dan “Daīf Sunan Abi Dāud”.

⁸⁷ Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al- Tarannum* (1998; cet.ke-5 Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2012)22.

⁸⁸ Aziz Arkibi, *Makharij al-Huruf Ind al-Qurra’ Wa al-Lisaniyyin Dirasah Muqaranah*, 18.

Tarannum adalah salah satu tahap dan kaedah untuk mencapai taraf bacaan secara tartil dan mencapai kesempurnaan. Allah memerintahkan umat Islam membaca al-Quran secara tartil sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Muzzammil ayat 4:

أَمْ عَلَيْكَ عَيْءٌ ۖ وَآوْءَا رَوْرَاءًا ۚ

Al-Muzzammil 73 :4

Terjemahan: Bacalah al-Quran dengan tartil.(iaitu bacaan yang terang, jelas dan betul menurut ilmu tajwid).

Aziz Arkibi menjelaskan kedua-dua dalil tersebut menunjukkan ciri-ciri bacaan secara terperinci dan jelas. Terdapat athar daripada Rasulullah tentang cara bacaan Rasulullah s.a.w iaitu apabila baginda membaca al-Quran, baginda menjelaskan huruf-huruf al-Quran dan memanjangkan harakat. Oleh itu, khususnya membaca al-Quran juga diambil daripada cara bacaan Rasulullah s.a.w sebagaimana diambil daripada al-Quran itu dari aspek hukum dan usul.⁸⁹

Bagi pendapat Yusof al-Qaradāwi, sekiranya ada yang berpendapat membaca al-Quran secara tartil adalah wajib, maka ia lebih dekat dengan makna zahir ayat tersebut. Perkara yang asal bagi bentuk suruhan atau *al-awamir* menunjukkan wajib. Beliau menjelaskan khitab ayat ini ditujukan kepada Rasulullah, dan bagi umat Baginda sebagai ikutan. Sebab itulah Imam al-Zarkasyi menyatakan hendaklah bagi seseorang muslim membaca al-Quran secara tartil.⁹⁰ Yusof al-Qaradāwi memetik hadith yang terdapat dalam sahih al-Bukhari dalam kitab *Faḍāil al-Qurān Bab Mad al-Qirāah*, daripada Anas ditanya tentang bacaan Rasulullah s.a.w lalu beliau menjawab bacaan baginda berbentuk panjang atau mad. Kemudian Rasulullah s.a.w membaca

⁸⁹ Ibid.

⁹⁰ Ibid.

“*Bismillahirrahmānirrahīm*” lalu memanjangkan lafaz „*Alah*“, „*al-Rahmān*“ dan „*al-Rahīm*“.⁹¹

Yusuf al-Qaradāwi memetik kata-kata al-Zarkasyi dalam kitab *al-Burhān* yang menjelaskan tentang ciri-ciri kesempurnaan dalam tartil iaitu dengan cara menebalkan lafaz-lafaznya, jelas dan terang huruf-hurufnya, dan tidak memasukkan satu huruf ke dalam huruf yang lain iaitu menyebut setiap huruf satu persatu. Sekiranya dia membaca lafaz yang berbentuk kecaman dia melafazkan lafaz yang memberi kecaman, sekiranya dia membaca lafaz yang menggambarkan keagungan dan ketakjuban lalu dia melafazkan dalam keadaan yang menunjukkan ketakjuban.⁹² Imam al-Suyūti memetik kata-kata al-Zarkasyi seperti berikut:⁹³

بُ أُرُورٌ مَرَلِقٌ ءُ لُبْظٌ الْإِبَانَةُ عَنْ حَرَكَتِ أَالٍ يَدْغَمُ حَرْفٌ فِي حَرْفٍ
هُ ءُ : نَا أَهْ ءُ أٌ ءُ إِيْقْرَأْ - عَلِيٌّ - بِيْءُكُ إِيْقْرَأْ بِبِيْدَالٍ عَثْ لُعْ أُوْ زَلْكَ،
أُرْعِظْ بُلْ عَثْهُ عِيْ أُرْعِظْ ءُ .

Menurut Sheikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fattāni⁹⁴, peringkat bacaan dalam al-Quran ada tiga bahagian:

1. *Tahqīq*. Ciri-ciri bacaan secara tahqīq adalah bacaan secara berlambat-lambatan, perlahan-lahan, tidak bersegera, tidak gopoh, dan tidak berlebih-kurang pada mad dan lainnya daripada kadar yang dituntut. Ia menyamai bacaan secara tartil. Bacaan ini dipilih oleh Asim dan Warsh.

⁹¹ Ibid, 159.

⁹² Ibid, 160.

⁹³ Al-Suyūti, Jalāl al-Dīn „Abdul Rahmān, *al-Itqān Fī Ulūm al-Qurān*, (2006, Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid), 1: 289.

⁷⁷ Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, terj. Abdul Ghani Jabal al-Muraqi, *Siraj al-Qari, Pada Membicarakan Hukum Tajwid, Kalam Allah al-Bari*, Kota Bharu: Jabal Muraqi Enterprise, 2007, hlm. 155-156.

2. Hadar. Ia adalah bacaan secara jelas, bersegera yang tidak mencederakan makna, makhraj dan sifatnya. Bacaan ini dipilih oleh Ibn Kathir, Abu Amru, Qalun, Abu Jaafar dan Yaakub.

3. Tadwir. Bacaan ini adalah secara pertengahan antara hadar dan tahqiq. Ia dipilih oleh Ibn Amir, Kisai dan Khalaf.

Muhammad Saleh al-Fatani⁹⁵ membawa pesanan Ali al-Qari agar tidak berlebih-lebih dalam bacaan secara tahqiq pada mad atau dinamakan *tamtit*. Begitu juga tidak berlebihan dalam bacaan secara hadar agar tidak berlaku bacaan yang tidak nyata dan bercampur aduk atau dinamakan *admaj* dan *takhlit*. Muhammad Saleh berkata: “*Jika sedikit kesalahan ia menjadi putih kehitaman dan jika banyak kesalahan ia menjadi sopak.*” Mohd Ali bin Abu Bakar menyebut dua ayat al-Quran sebagai dalil suruhan bacaan secara tartil iaitu surah al-Furqan, ayat 32 dan Surah al-Qiyāmah, ayat 16-19.⁹⁶

Ibn ,Abbas pula berkata: “*Moga-moga aku membaca satu surah dengan tartil lebih aku sukai daripada daripada aku membaca sebiji al-Quran kesemuanya.*”⁹⁷ Daripada kata-kata Ibn ,Abbas ini menunjukkan beliau lebih mementingkan kualiti bacaan daripada kuantiti. Bacaan secara tartil adalah bacaan yang berkualiti. Al-Nawawi mewakili pendapat ulama yang mengatakan bacaan secara tartil adalah sunat bertujuan untuk tadabbur dan selainnya. Mereka berkata, sunat membaca al-Quran secara tartil bagi orang asing atau ,Ajami yang tidak mengetahui maknanya, kerana ia lebih hampir kepada rasa hormat dan lebih kuat kesannya di dalam hati.⁹⁸

⁹⁵ Ibid, 156.

⁹⁶ Mohd Ali bin Abu Bakar, *Seni Al-Quran Di Malaysia*, 8.

⁹⁷ Al-Nawawi, *Al-Tibyan Fi Adab Hamalat al-Quran*, 57.

⁹⁸ Ibid.

Al-Nawawi menyatakan membaca al-Quran dengan khusyuk dan tadabbur disyariatkan kerana terdapat banyak dalil dalam al-Quran dan hadith seperti surah al-Nisa" ayat 82, dan surah Sad ayat 29. Begitu juga amalan salafussoleh menunjukkan mereka membaca al-Quran dengan kekhusyukan dan tadabbur.⁹⁹ Dalam sebuah artikel jurnal Mohd Yakub@Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohd menjelaskan bacaan tartil berdasarkan ciri-ciri berikut:¹⁰⁰ 1. Tenang dan tidak tergesa-gesa. 2. Memelihara setiap hukum-hukum tajwid dan waqaf ibtida". 3. Membaca dengan suara yang baik atau *taḥsīn al-ṣawt* dan *tazyin* iaitu sesuai dengan tarannum.

Tarannum adalah pelengkap bagi bacaan secara tartil. Pandangan Dato" Hajjah Rogayah bertepatan dengan pandangan Haji Nik Jaafar iaitu hasil gabungan *taḥsīn al-ṣawt* atau pengelokan suara, tajwid yang sempurna, dan tarannum yang betul mengikut sunnah Rasulullah dapat mencapai dapat memenuhi konsep tartil.¹⁰¹ Beliau berpandangan ada masyarakat yang memahami konsep tartil dengan tanggapan yang salah.

Bacaan secara tartil tidak hanya membaca kalimah atau ayat pada mana-mana mushaf yang dipelajari, atau sekadar menghafal 30 juzuk al-Quran sahaja tanpa meninjau aspek-aspek yang lain, atau membaca bahasa al-Quran dan menafsirkannya sahaja, atau berbangga dengan ilmu tajwid sahaja, atau berbangga dengan bacaan tarannum sahaja.¹⁰² Malahan konsep bacaan secara tartil merangkumi makna yang begitu luas. Bacaan secara tartil terbentuk hasil gabungan ciri-ciri *taḥsīn al-ṣawt*, tajwid dan tarannum. Setiap ciri-ciri ini memainkan peranan yang besar untuk memperolehi makna tartil yang sebenar-benarnya.

⁹⁹ Ibid, 54.

¹⁰⁰ Mohd Yakub@Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohamad. *Keupayaan Bacaan Al-Qur'an Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih Di Negeri Terengganu*. Al-Bayan Journal Of Qur'an And Hadith Studies, ISSN (ONLINE):2232-1969 ISSN(PRINT):2232-1950-Journal Al-Bayan Volume-6,14/3/13.hlm.6.

¹⁰¹ Nik Jaafar Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum* (Kuala Lumpur: Darul Fikir)7.

¹⁰² Ibid,5-6.

Mohd Ali Bakar pula berbeza sedikit dengan pandangan Nik Jaafar. Mohd Ali bin Abu Bakar menyamakan perkataan tarannum dengan *taḥsīn al-ṣaut*.¹⁰³ Bagi pandangan beliau, *taḥsīn al-ṣaut* terhasil daripada gabungan *al-tajwīd*, *al-tartīl* dan *al-ghinā'*. Bagi pandangan Nik Jaafar, perkataan tartil adalah nama khusus kepada bacaan al-Quran bernilai tinggi yang bertaraf bacaan kemukjizatan al-Quran. Prinsip tartil adalah proses bacaan dengan tepat dengan menjaga setiap aspek bacaan yang bermula daripada awal pengajian di peringkat kanak-kanak sehingga kepada peringkat penghayatan. Nik Jaafar berpandangan, jika prinsip ketartilan tidak difahami dan dihayati oleh guru-guru pengajian al-Quran, maka sudah tentu murid-murid tidak dapat membaca al-Quran dengan tartil, lebih-lebih lagi masyarakat Islam umumnya.¹⁰⁴ Nik Jaafar mengatakan Abdullah bin Mas'ud meletakkan empat syarat untuk mencapai taraf bacaan secara tartil iaitu:¹⁰⁵ 1. Mengetahui kaedah tajwid. 2. Mengetahui kaedah tarannum atau *bertazyin*. 3. Mengetahui kaedah taḥsīn al-ṣaut. 4. Mengetahui Bahasa Arab.

Pandangan Dato^o Hajjah Rogayah bertepatan dengan pandangan Nik Jaafar yang mengatakan maksud tartil ialah pelaksanaan bacaan cantik yang lengkap dan sempurna adalah hasil gabungan keempat-empat aspek di atas. Di samping itu juga, untuk mencapai tahap kesahihan membaca al-Quran secara tartil hendaklah mempelajari al-Quran *bertalaqqi* dan *musyafahah*. Inilah konsep yang diamalkan oleh Nabi Muhammad ketika mempelajari al-Quran daripada Malaikat Jibril. Nik Jaafar mengatakan musyafahah ialah suatu sistem penerimaan bacaan al-Quran yang teliti dari

¹⁰³ Mohd Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*. 1997. Cet. Ke-2. Kuala-Lumpur: Darul Fikir.6.

¹⁰⁴ Haji Nik Jaafar, *Qawaid Tarannum*,154.

¹⁰⁵ Ibid, 155.

mulut guru yang muktabar.¹⁰⁶ Empat-empat ciri yang disebutkan diamalkan oleh Dato¹⁰⁷ Hajjah Rogayah binti Sulong dalam pengajaran ilmu tarannum.¹⁰⁷

Untuk mengetahui kepentingan ilmu tarannum, seseorang itu perlu mengetahui falsafah tarannum dan peranannya. Nik Jaafar Nik Ismail menegaskan melagukan bacaan al-Quran adalah suatu usaha ke arah pencapaian amalan membaca al-Quran yang bernilai tinggi, bagi menghubungkan rasa hati pembaca dan pendengar kepada keagungan Allah Tuhan pencipta. Beliau berpendapat bertarannum tanpa memahami falsafahnya bukan sahaja suatu penyelewengan tetapi juga suatu pengkhianatannya.¹⁰⁸ Dalam aspek peranan tarannum pula, Nik Jaafar Nik Ismail menggariskan lima peranan utama, iaitu¹⁰⁹: 1. Untuk mencapai tahap ketartilan yang sebenar, dalilnya dalam surah al-Muzzammil ayat 4. 2. Untuk memberi penghormatan kepada status al-Quran. Dalilnya, daripada sabda Rasulullah riwayat Muslim: Diturunkan Al-Quran itu dengan penuh kebesaran dan kehormatan. 3. Untuk menambah kekhusyukan dan keinsafan. Dalilnya surah al-Isrā¹⁰⁹ ayat 109. 4. Untuk mendapat rahmat. Dalilnya surah al-A¹⁰⁹raf ayat 204. 5. Untuk menambahkan seni al-Quran. Dalilnya sabda Rasulullah: Perelokkan bacaan al-Quran itu dengan keelokan suara kamu. Sesungguhnya dengan suara yang elok sahaja mampu menambahkan keindahan seni mukjizat al-Quran itu. Riwayat al-Nasai dan Abu Daud.

5.6 Mengenali sifat-sifat huruf dan penyebutan huruf satu persatu.

Dato¹⁰⁹ Hajjah Rogayah memberi penekanan dalam aspek sifat-sifat huruf dan makhraj. Terdapat sebuah hadith dalam sahih Muslim daripada Tamīm al-Dāri berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: “ *Agama itu nasihat* ” : *Kami bertanya: “ untuk siapa? ”* ,

¹⁰⁶ Ibid, 156-157.

¹⁰⁷ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁰⁸ Ibid, 119.

¹⁰⁹ Ibid, 120.

Rasulullah bersabda: “ Untuk Allah, kitabNya, RasulNya, dan untuk umat Islam dan keseluruhannya.”.

Imam al-Nawawi membawa pandangan ulama yang menjelaskan makna nasihat untuk kitab Allah bermakna beriman bahawa Al-Quran adalah kalamullah yang diturunkan daripada Allah s.w.t. dan tidak menyerupai dengan kalam makhluk. Tiada siapa yang dapat menandingi kalamullah ini.

Hendaklah manusia mengagungkan kitab Allah, membaca dengan sebenar-benar bacaan, memperlakukan bacaan, merasa khusyuk ketika membacanya, mendirikan huruf ketika membacanya, menghalang daripada sebarang penyelewengan dan tentangan orang yang derhaka, membenarkan maklumat yang terdapat di dalam al-Quran, meneliti hukum yang terdapat di dalamnya, memahami ilmu-ilmunya dan perumpamaannya, mengambil iktibar dengan pengajaran yang terkandung di dalamnya, bertafakkur dengan keajaibannya, beramal dengan ayat muhkam dan menerima ayat mutasyabihat, mengkaji ayat umum dan khusus, nasikh dan mansukh, menyebarkan ilmu-ilmunya, menyeru kepada al-Quran dan kepada nasihat yang terdapat di dalam al-Quran.¹¹⁰

Daripada penerangan hadith nabi tersebut, perkara yang ingin diketengahkan berkaitan dengan kajian ini ialah membaca dengan sebenar-benar bacaan dan penyebutan huruf al-Quran satu-persatu ketika membacanya atau dengan kata lain membacanya dengan jelas serta menunaikan hak-hak bacaan dengan betul. Dalam pengajian al-Quran bersama Dato[”] Hajjah Rogayah, pada ayat 89 surah al-Maidah, iaitu:

لَا يُؤْمِنُ الْإِنْسَانُ إِلَّا بِرَبِّهِ الَّذِي آتَىٰهُ الْحِكْمَةَ وَجَعَلَ الْإِنْسَانَ كَذَّابًا
يُطْعَبُ عَسَلًا وَأَلْهَىٰ لَهُ الْخَمْرَ وَالْمَيْمَنَ مَخِطًا وَأَلْمَمَ لَهُ الْوَهْمَ وَالشَّكْمَ
مَخِطًا يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ عَسَلًا مُّخْتَلِفًا أَلْوَانًا وَيُخْرِجُهُ مِنَ الْبُقْعَةِ
الْحَصْبَاءِ فِي سَرْجٍ مُّتَمَلِّئًا مِنْهُ وَإِنَّ لِلسَّمَاءِ مِنْ يَدَيْهِ سُدًّا وَإِنَّ لِنَارِ
الْحَشِيمِ مِنْ يَدَيْهِ مُّخْتَلِفًا أَلْوَانًا وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ عَذَابِ رَبِّهِمْ
أَلْوَانًا مَّا يُرَوَّاهُم بِالنَّارِ فَكَفَرُوا بِهَا وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ عَذَابِ رَبِّهِمْ
أَلْوَانًا مَّا يُرَوَّاهُم بِالنَّارِ فَكَفَرُوا بِهَا وَإِنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ عَذَابِ رَبِّهِمْ
أَلْوَانًا مَّا يُرَوَّاهُم بِالنَّارِ فَكَفَرُوا بِهَا

¹¹⁰ Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *Al-Tibyān Fī Ādāb Hamalat al-Qurān*, (Kaherah: Dār Ibn al-Haitham, 2005), 98.

Dalam ayat di atas, penyebutan huruf ha" dan ra" tidak boleh bersambung pada kalimat „*tahrir*“. Huruf ha" dan ra" hendaklah disebut satu-persatu.¹¹¹ Ini bermakna huruf ha" hendaklah diberikan haknya dengan menyebut dengan betul dan jelas tanpa bersambung dengan huruf ra".

Selain itu, perkara yang melibatkan huruf ra" juga hendaklah disebut dengan mengheret huruf tersebut dan tidak putus contohnya pada kalimat „*fir'āun*“. Begitu juga huruf „*ghain*“ dalam kalimat „*maghḍūb*“¹¹²

Selain daripada itu, huruf yang terletak dalam rongga hidung ada dua sahaja iaitu huruf „*nim*“ dan „*nun*“. Selain daripada huruf tersebut, tidak terletak dalam hidung. Kebanyakan pelajar keliru dengan kedudukan huruf „*ain*“ dan menyebutnya dengan silap. Begitu juga, pelajar perlu menguasai ayat yang dibaca secara *tashīl* contohnya pada kalimat *أَأَغْرِي*.¹¹³ Huruf alif yang kedua tidak disebutkan dengan nyata dan bacaan adalah secara *tashīl*. Contoh yang lain lagi adalah pada kalimat *عَلَىٰ*. Huruf hamzah kedua tidak dibunyikan.¹¹⁴

Selain itu juga, terdapat bacaan secara naqal contohnya ayat 11 dalam surah al-Hujurat :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللُّقَبِ بِيْسِ الْأَسْمِ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

¹¹¹ Dato" Hajjah Rogayah binti Sulong (Qariah Antarabangsa, Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 4 September 2014.

¹¹² Dato" Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2013.

¹¹³ Ibid.

¹¹⁴ Hajjah Rogayah binti Muda (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 5 November 2014.

Cara membaca ayat *ثُمَّ يُدْعَىٰ الْأَسْمَاءُ* dengan membariskan huruf „lam“ dengan baris bawah.¹¹⁵

Terdapat lima huruf yang mesti dibaca dengan besar dan tebal iaitu:

ص, ع, ط, ظ, م

5.7 Penguasaan Lagu-lagu Popular Sebagai Lagu Pokok

Dalam pengajaran Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong, beliau akan menyebut satu persatu nama lagu setelah selesai pelajar mengalunkan satu-satu lagu ketika berlatih tarannum. Berdasarkan temubual dengan Tarmizi Abdul Rahman, beliau menjelaskan tarannum kepada dua kategori:

1. *Tarannum bi al-Tahqiq*- iaitu tarannum yang dibaca dengan kadar tahqiq menurut kaedah tajwid. Biasanya kategori ini diamalkan oleh qari-qari Mesir muktabar seperti Syeikh Abdul Basit Abdul Samad dan lain-lain. Kategori ini digunapakai di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.
2. *Tarannum bi al-Tadwir*- Tarannum yang dibaca dengan kadar tadwir menurut kaedah ilmu tajwid. Biasanya kategori ini diamalkan oleh Imam-imam Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah seperti Fadhilah al-Duktur Abdul Raḥmān bin „Abdul „Azīz al-Sudais dan lain-lain.

Mohd Salih al-Fattani menyenaraikan 28 jenis lagu yang ada seperti *Husaini, Iraqi, Rast, Dukah, Sikah, Hafatkah, Syashkah, Jahadkah, Banjakah, Hijazi, Asfahani, Rahawi, Kurdi, Bayati, Awj, Najdi, Rukbi, Nairuz, Saba, Ramal, Syukah, Rankala,*

¹¹⁵ Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2013.

*Hisar, Miyah, Syahnaz, Asysyaq, Buslik, dan Nahfat.*¹¹⁶ Pokok dan cabangnya pula melebihi 350 manakala kebanyakan lagu dinamakan dengan bahasa Parsi, bahasa Arab dan bahasa asing.¹¹⁷

Tarannum mempunyai kaedah yang khusus dan ilmu yang tersendiri. Bertarannum tanpa ilmu boleh merendahkan martabat al-Quran, mencacatkan al-Quran dan membawa kepada haram.¹¹⁸ Menurut Mohd Sabri Mohd Yunus ketika zaman-zaman keagungan Islam dahulu, cabang-cabang ilmu Islam begitu pesat berkembang serta mempunyai berbagai aliran mazhab. Seiring dengan itu, ilmu tarannum juga membangun serta mempunyai berbagai aliran yang popular antaranya: *Misri* (Mesir), *Hijazi* (Mekah dan Madinah), *Iraqi*, *Kurdi* (sempadan Iraq dan Turki) dan „*Ajami* (Iran).

Menurut beliau lagi, kini aliran yang paling popular dan diterima di seluruh dunia ialah aliran *Misri*. Qari-qari Mesir yang muktabar telah mengambil dan mengubah suai tarannum atau lebih mereka sebutkan sebagai ilmu maqamat itu dari aliran-aliran di atas mengikut budaya mereka serta mengarabkannya untuk bacaan Al-Quran. Tarannum *Misri* dan *Hijazi* ada asas-asasnya yang tersendiri. Nik Jaafar Nik Ismail membawa pendapat Taha al-Fashni dari Mesir yang menjelaskan qari-qari Mesir kebiasaannya tidak lari daripada asas-asas tarannum yang empat iaitu *bayati*, *hijazi*, *iraqi* dan *rast*. Manakala selainnya adalah sebagai cawangan sahaja seperti *husaini*, *kurdi*, *soba*, *ajam*, *nahawand*, *nawa asar (usyaq)*, *sikah* dan *jaharkah*. Oleh itu, kesemuanya adalah sebanyak 12 lagu untuk bacaan al-Quran. Manakala selebihnya adalah diamalkan untuk lagu-lagu qasidah dan lagu muzik sahaja.¹¹⁹

Nik Jaafar Nik Ismail membuat pembahagian lagu-lagu tarannum *bil Quran* kepada dua bahagian yang utama dan kedua-duanya mutawatir daripada dahulu

¹¹⁶ Ibid, 159.

¹¹⁷ Ibid.

¹¹⁸ Ibid, 121.

¹¹⁹ Ibid, 122.

sehingga sekarang. Iaitu tarannum Arab *Hijazi* dan tarannum Arab *Misri*.¹²⁰ Perbandingan Aliran *Hijazi* dan *Misri* ialah *Aliran Hijazi* adalah berdasarkan suasana padang pasir, bukit bukau, dan suhu tinggi. Lalu, irama dan rentaknya lincah dan nada suaranya tinggi kehangatan. Manakala Aliran *Misri* pula berdasarkan suasana Lembah Nil, subur mengijau, suhu sederhana. Lalu irama dan rentaknya lembut dan suaranya sederhana kemanisan. Dari aspek kepopularan pula, Nik Jaafar menjelaskan tarannum arab berlahjah *Hijazi* hanya sebelum 1940, manakala tarannum Arab berlahjah *Misri* pula adalah selepas 1940, mungkin disebabkan oleh kesederhanaan dan kelembutan.¹²¹ Daripada pandangan Nik Jaafar menunjukkan tarannum Arab berlahjah *Hijazi* adalah lebih awal kepopularannya daripada tarannum Arab berlahjah *Misri*. Sejak zaman silam, pengaruh bunyi geseran kayu, bunyi tiupan angin, bunyi kicauan burung, dan bunyi air mengalir telah mencetuskan idea untuk membuat lagu.

Menurut sebuah artikel atas talian daripada *Ensiklopedia Muslim*, lagu-lagu asas aliran tarannum *Hijazi* diketahui dengan kata-kata „*Bihumurin jasad*“. Artikel ini menyenaraikan tujuh jenis lagu asas tersebut iaitu: *Banjakah, Husaini, Mayyah, Rakbi, Jiharkah, Sikah* dan *Dukah*. Selain itu terdapat lagu-lagu cabang seperti *Ruma, Ushshak, Sun'ani, Yaman, Hijaz*, dan *Hirab*.

Sementara itu, tujuh jenis aliran tarannum *Misri*¹²² yang popular ialah : *Bayyati, Soba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah* dan *Jiharkah*. Lagu-lagu cabang atau *furu'* pula ialah *Husaini, Huzam, Farahfaza, Shad, Nawa Athar*, dan *Rahat El Arwah*.

Jika diperhatikan terdapat persamaan nama dalam aliran *Hijazi* dan *Misri*, malah terdapat juga tarannum *Misri* diberi nama *Hijaz*. Ini menunjukkan keterbukaan dan keilmuan qari-qari Mesir dalam mengambil, mengubahsuai, dan memperbaharui ke arah

¹²⁰ Ibid 117-123.

¹²¹ Ibid, 118.

¹²² Ibid

mencantikkan lagi tarannum-tarannum sesuai dengan suasana, peredaran zaman dan citarasa terkini, tetapi tidaklah sampai menghilangkan identiti asal dan yang paling utama keutuhan *tarannum bil Quran* yang berlahjah Arab.¹²³

Menurut Haji Nik Jaafar, negara Malaysia dan Indonesia banyak dipengaruhi dengan aliran Misri khususnya tokoh-tokoh qari Mesir datang mengajar tarannum di Malaysia terutama dalam pertandingan tilawah al-Quran.

5.8 Mengenali Jenis-jenis Tarannum

Lagu¹²⁴ terbahagi kepada dua: 1. Lagu dasar utama dan lagu furu" atau lagu cabang. Lagu tersebut ialah *bayati, soba, hijaz, nahawan, rast, sika, dan jiharkah*. 2. Lagu-lagu furu" atau cabang. Antaranya ialah lagu *ajam, syura, kurdi, husaini, bustanjar, Iraqi, nawa asar, zanjaran, romal, dan isyaqi*. Sejarah kewujudan nama lagu tidak terdapat dalam mana-mana hadith nabi, yang ada ialah galakan supaya membaca al-Quran dengan berlagu. Nama lagu wujud setelah zaman tabiin supaya ia senang diklasifikasikan. Dalam asas ilmu Tarannum al-Quran, terdapat tujuh jenis lagu yang masyhur iaitu *Bayati, Nahwand, Rast, Jiharkah, Soba, Hijaz dan Sikah*.

Lagu Bayati

Pelajar seharusnya menguasai harakat-harakat dalam bayati agar dapat mengalunkan lagu tersebut dengan betul. Perkataan „bayati" berasal dari kalimah Arab yang bererti rumah yang melambangkan permulaan kepada segala lagu. Kewujudan lagu bayati adalah dari kumpulan *lahan misri*. Lagu bayati ini dimasyhur dan dipopularkan oleh qari-qari misri¹²⁵. Lagu Bayati adalah lagu permulaan yang biasa dibawakan oleh mana-mana Qari. Bayati bermaksud rumahku. Maksudnya, kita bermula dari rumah dan akan

¹²⁵ Ibid.

pulang ke rumah. Begitu juga tarannum, bermula dengan *Bayati* kemudian diikuti oleh lagu-lagu yang lain seperti *Hijaz*, *Nahwand*, *Rast* dan kembali semula kepada lagu *Bayati* apabila menamatkan bacaan.

Pandangan Dato¹²⁶ Hajjah Rogayah bertepatan dengan pandangan Haji Nik Jaafar yang menjelaskan *bayati* adalah alunan tarannum yang dipopularkan oleh qari-qari Arab terutama qari Mesir. Berdasarkan sejarah kepopularan tarannum *bayati*, ia mula diperkenalkan di Tanah Melayu kira-kira pada tahun 1940-an. *Bayati* adalah alunan tarannum yang penting sehingga Nik Jaafar menjelaskan sekiranya sesuatu persembahan bacaan al-Quran tidak dimasukkan tarannum *bayati*, ia menjadi belum sempurna dan lengkap.¹²⁶ Terdapat empat sifat tarannum *bayati* iaitu: 1. Lembut di samping tegas. 2. Sesuai dengan *tobaqat* sederhana. 3. Harmoni. 4. Berunsur ketenangan.

Terdapat lima peranan tarannum *bayati* iaitu: 1. Memantapkan persembahan. 2. Sesuai sebagai tarannum pembukaan dan penutup. 3. Pengukuran kepada tarannum sesudahnya. 4. Dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran. 5. Dapat menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran.

Bayati terbahagi kepada lima bahagian iaitu *Bayati Asli*, *Bayati Asli Nawa*, *Bayati Shuri*, *Bayati Husaini* dan *Bayati Asli Jawab*. *Bayati Husaini* mempunyai keistimewaan yang tersendiri. *Tarannum Husaini* mempunyai ciri-ciri gerak cergas dan tegas. *Tarannum Husaini* juga mempunyai kesesuaian dengan *tabaqah* yang lebih tinggi. *Tarannum Husaini* mempunyai peranan yang tersendiri. Antaranya ialah 1. Memberi tenaga kepada persembahan bacaan yang agak lembap dan lemah. 2. Menjadi penggerak semangat kepada harakat-harakat berikutnya. 3. Memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar.

¹²⁶ Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Qawaid al-Tarannum*, 128.

Bacaan tarannum juga kebiasaannya diakhiri dengan Bayati Husaini. Selain itu, ciri-ciri harakat Husaini ialah: 1. Harakat Husaini biasanya bersambung kepada harakat Bayati. 2. Harakat Husaini diwasalkan kepada harakat Bayati. 3. Harakat Husaini juga boleh dibaca dan disusun secara berasingan.

Lagu Soba

Perkataan „soba“ berasal dari kalimah Arab yang bererti rindu. Lagu soba diamalkan dalam kumpulan *lahan Misri*. Lagu soba dikemaskinikan dan dimasyhurkan oleh qari-qari *Misri*¹²⁷. Terdapat empat sifat¹²⁸ tarannum soba iaitu: 1. Gerak ringan meresap jiwa. 2. Alunan lembut yang mendayu. 3. Sesuai dengan tabaqat sederhana. 4. Sesuai dengan ayat memohon, merayu, dan merintih. Terdapat empat peranan tarannum soba iaitu: 1. Menenangkan persembahan. 2. Membawa kekhusyukan dan keinsafan. 3. Dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran. 4. Dapat menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran.

Lagu Hijaz

Nama „hijaz“ berasal dari suatu kawasan dalam negara Arab Saudi. Tarannum hijaz popular sebagai pelopor tarannum dahulu. Kini, lagu hijaz diubahsuai dan dimasyhurkan oleh pakar-pakar tarannum *Misri* dengan alunan mengikut *zouq* budaya Mesir. Sifat tarannum hijaz ialah: 1. Gerak lambat tetapi berkesan. 2. Ketegasan pendorong semangat. 3. Kelincahan menghidupkan persembahan. 4. Sesuai dengan mana-mana tabaqat. 5. Sesuai dengan ayat perintah, tegas, atau marah.

Peranan tarannum hijaz ialah: 1. Memberi semangat kepada persembahan. 2. Memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar. 3. Memberi tenaga kepada tarannum sesudahnya. 4. Menunjukkan ketegasan kepada mesej al-Quran. 5. Dapat

¹²⁷Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹²⁸ Ibid.

menimbulkan kesenian fasahah al-Quran. 6. Dapat menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran.

Dato¹²⁹ Hajjah Rogayah menjelaskan hijaz terbahagi kepada dua iaitu hijaz Madinah dan hijaz Misri. Qari yang pandai membuat hijaz Madinah ialah Haji Mat Lintar. Hijaz Madinah lebih sukar, manakala Dato¹²⁹ Hajjah Rogayah menggunakan hijaz *Misri*. Beliau berkata tentang hijaz Madinah “*orang Madinah..Haji Mat Lintar buat hijaz Madinah tapi payoh*”.¹²⁹ Dalam menjelaskan ciri-ciri ketegasan lagu hijaz, Hajjah Rogayah memberikan contoh: “*Macam kita kata..eh!mung nok gi mana?*”.¹³⁰ Beliau menjelaskan lafaz Allah kebiasaannya menggunakan nada tinggi. Contohnya Hajjah Rogayah berkata : “*محمد هـ َ اللهُ*”. Lafaz Allah dibaca dengan nada yang tinggi.

Lagu Nahawand

Lagu nahawand berasal daripada nama satu tempat yang terletak di daerah Hamdan dalam negara Parsi kini adalah Iran. Lagu nahawand ini juga dipopularkan oleh qari-qari daerah tersebut mengikut *zuq* budaya tempatan dan kini diubahsuai oleh pakar tarannum Misri mengikut *zouq* dan budaya mesir.¹³¹ Sifat tarannum Nahwand ialah: 1. Gerak ringan yang berkesan. 2. Kelembutan bersopan. 3. Sederhana memikat jiwa. 4. Kehalusan seni. 5. Sesuai dengan tabaqat sederhana.

Peranan¹³² tarannum Nahawand : 1. Melembutkan bacaan. 2. Menenangkan jiwa pembaca dan pendengar. 3. Sesuai dengan ayat memohon, dan bercerita. 4. Dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran. 5. Dapat menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran.

¹²⁹ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

¹³⁰ Ibid.

Lagu Rast

Nama rast berasal dari negara Parsi iaitu Iran. Lagu rast diubahsuai dan diterima oleh pakar-pakar tarannum lahan Hijazi dengan dipopularkan keseluruhan dunia Islam mengikut lahan Hijazi. Di samping itu, lagu ini telah diubahsuai semula oleh pakar-pakar tarannum Misri dengan cara persembahan yang lebih lembut dan minat dengan dipopularkan oleh keseluruhan dunia Islam sehingga sekarang. Sifat tarannum Rast ialah: 1. Gerak lembut di samping ketegasan. 2. Kelembutan alunan. 3. Lincah menyemarakkan. 4. Sesuai dengan mana-mana tabaqat. 5. Sesuai dengan mana-mana bentuk ayat.

Peranan tarannum rast ialah: 1. Memberi semangat kepada persembahan. 2. Memberi tenaga kepada tarannum berikutnya. 3. Memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar. 4. Dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran. 5. Dapat menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran.

Lagu Sikah Misri.

Lagu sikah berasal dari negara Parsi atau Iran. Lagi ini telah diubahsuai dan digunapakai oleh pakar tarannum *Hijazi*. Lagu ini juga dipopularkan kepada seluruh qari dan qariah mengikut lahan *Hijazi* bermula kurun ke-7 hingga ke-19 Masihi. Lagu sikah ini diubahsuai oleh pakar tarannum lahan Misri dengan alunan yang lebih lembut kemudiannya sehingga sekarang.¹³³ Sifat tarannum sikah¹³⁴ ialah: 1. Gerak lembut meyakinkan. 2. Kelembutan menusuk kalbu. 3. Berciri kesedihan dan rintihan. 4. Sesuai dengan ayat-ayat merayu, memohon dan merintih. 5. Sesuai dengan mana-mana tabaqat.

¹³³ Ibid

¹³⁴ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

Peranan tarannum Sikah¹³⁵ ialah: 1. Melembutkan persembahan. 2. Memberi kepuasan kepada pembaca dan pendengar. 3. Membawa kekhusyukan dan keinsafan. 4. Dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran. 5. Dapat menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran.

Dato“Hajjah Rogayah menjelaskan lagu *Sikah Misri* boleh dibaca sumbang dari sikah, kemudian bayati, kemudian sikah semula. Contohnya sikah harakah empat, *wuslah* dengan bayati harakat empat, kemudian balik semula sikah harakat empat dalam tabaqat yang sama.¹³⁶

Lagu Jiharkah

Nama jiharkah berasal dari negara Parsi dan diterima pakai oleh qari negara Hijaz dengan pengubahsuaian. Ia dimasyhurkan oleh qari-qari Mesir dengan bentuk yang lebih lembut.

Sifat tarannum Jiharkah ialah: 1. Gerak ringan yang berkesan 2. Kelembutan menusuk kalbu. 3. Harmoni. 4. Sesuai dengan ayat-ayat merayu, memohon, dan merintah. 5. Sesuai dengan tabaqat sederhana.

Peranan tarannum Jiharkah¹³⁷ ialah menenangkan ketegangan persembahan, melembutkan persembahan, membawa kekhusyukan dan keinsafan, dapat menimbulkan kesenian fasahah al-Quran, menimbulkan perasaan mengkagumi mukjizat al-Quran dan ia adalah lagu tarannum yang popular dan dibaca oleh para qari dan qariah.

Susunan irama tarannum yang biasa digunakan di Malaysia ialah seperti berikut¹³⁸:1. *Bayyati, Soba, Hijaz, Nahwand dan Rast*. 2. *Bayyati, Hijaz, Nahwand, Rast*

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

¹³⁷ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung.

¹³⁸ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulung.

dan Sikah. 3. Bayyati, Nahwand, Rast, Sikah dan Jaharkah. 4. Bayyati, Soba, Nahwand, Rast dan Sikah. 5. Bayyati, Iraqi, Hijaz, Sikah dan Rast.

Sebanyak 50% daripada qari di Malaysia membaca dengan bahagian 1 dan 2, 30% pula membaca dengan mengikut turutan 3, 15 % lagi membaca dengan bahagian 4 dan 5% membaca dengan bacaan mengikut turutan 5.¹³⁹ Namun begitu, mengikut pandangan pakar tarannum, Hj. Nik Jaafar bin Nik Ismail, susunan lagu-lagu yang popular di Malaysia ialah: 1. Bayyati, Soba, Hijaz, Nahwand dan Rast. 2. Bayyati, Hijaz, Nahwand, Rast dan Sikah. 3. Bayyati, Nahwand, Rast, Sikah dan Jaharkah. Bagi lagu-lagu lain, hanya sebagai selingan sahaja.¹⁴⁰

5.9 Penguasaan Istilah-istilah Dalam Alunan Tarannum

Dalam ilmu tarannum, terdapat istilah-istilah yang sering digunakan untuk menentukan kedudukan sesuatu alunan. Selain daripada itu, komponen-komponen ini juga bertujuan untuk mengarabkan bacaan para qari.¹⁴¹ Antara istilah-istilah adalah seperti berikut:

Maqam

Maqam adalah nama kepada satu-satu lagu yang biasanya lahir dari sesuatu tempat, kampung atau daerah di dalam sesebuah wilayah, negeri atau negara.¹⁴² Dengan memahami dengan jelas maqam bagi setiap lagu akan mempermudah untuk penggunaan maqam-maqam tersebut dalam persembahan seni bacaan al-Quran.

¹³⁹ Ibid.

¹⁴⁰ Ibid.

¹⁴¹ Ibid

¹⁴² Ibid

Harakat

Harakat ialah satu alunan irama yang mengandungi beberapa *qit'ah* dan satu *mahattah*¹⁴³. Sesuatu gerak bacaan dalam satu nafas yang disudahi dengan mahattah yang sempurna.¹⁴⁴ Kebiasaan susunan harakat sesuatu lagu atau tarannum itu mempunyai minima empat harakat dan maksimumnya ialah enam dan terserah kepada pembaca untuk melakukannya. Setiap harakah mempunyai peranan yang tersendiri. Harakat-harakat¹⁴⁵ ini ialah:

1. Harakat pertama dinamakan harakat penerapan atau pengenalan. Harakat pertama mesti disesuaikan dengan harakat terakhir pada lagu sebelumnya.
2. Harakat kedua dinamakan harakat atau gerakan rangsangan. Harakat kedua memberi semangat dan galakan kepada harakat-harakat berikutnya.
3. Harakat ketiga dinamakan harakat jawab. Harakat ketiga adalah harakat yang tinggi.
4. Harakat keempat dinamakan harakat jawabul jawab. Harakat keempat adalah harakat paling tinggi.
5. Harakat kelima dinamakan harakat persediaan. Harakat kelima adalah harakat menurun.
6. Harakat keenam adalah harakat penutup.

Harakat-harakat tarannum hendaklah disusun secara sistematik supaya persembahan lebih berkesan. Antara teknik penyusunan yang digunakan ialah¹⁴⁶:

¹⁴³ op.cit.

¹⁴⁴ Ibid

¹⁴⁵ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁴⁶ Ibid

1. Harakat-harakat yang dialunkan adalah cermat, mempunyai ciri menghangatkan persembahan serta menggunakan harakat yang canggih.
2. Harakat yang dihiasi dengan alunan lajhah arab dan gabungan lagu-lagu cabang serta gerak suara pelbagai seperti gaya *Iraqi*, *Kurdi*, dan *Syuri*, *nakriz*, *bustanjar*, *kufilah*, *mahur*, *usysyaq*, *zinjiran* dan *mayyah*.
3. Harakat yang dihiasi dengan *wuslah* iaitu gabungan dua bunyi atau lebih dari mana-mana angin lagu dalam satu harakat.
4. Harakat yang mempunyai *salalim*, iaitu harakat-harakat yang dialunkan mengikut sistem tangga menurun atau menaik.
5. Harakat yang mempunyai *ikhtilal al-lahn*, iaitu harakat-harakat yang dialunkan dengan nada suara yang disumbangkan sama ada secara menurun atau mendaki. Harakat-harakat tersebut perlu disusun secara sistematik dan menarik. Persembahan yang tidak menepati teknik-teknik di atas akan meyebabkan kecacatan dan melencong dari sasaran sebenar yang akan dicapai. Latih tubi yang berterusan dengan cara talaqqi dan musyafahah akan memberi keberkesanan mendalam terhadap satu-satu persembahan bacaan.

Secara kesimpulannya, harakat terbahagi kepada tiga bahagian¹⁴⁷:

1. Satu pertiga daripada harakatnya untuk melendikkan persembahan.
2. Satu pertiga daripada harakatnya untuk menghangatkan persembahan.
3. Satu pertiga daripada harakatnya untuk mencanggihkan persembahan.

Contoh persembahan lagu Bayati dari harakat satu hingga harakat enam. Bermula dari ayat 1-2, surah al-An'am.

¹⁴⁷ Ibid.

iaitu pada permulaan ayat pada kalimah „*huwa*“, „*hu*“ dibaca dengan nada rendah, kemudian „*wa*“ dibaca dengan nada tinggi. Dalam *harakat* keempat, perkataan „*ān*“ adalah bermaksud tanah. Tanah berada di tempat rendah iaitu di bawah, justeru itu, perkataan „*tin*“ hendaklah disebut dengan suara menurun iaitu *qarar*.¹⁴⁸ *Harakat* kelima bermula dengan suara *qarar* pada kalimah „*wa ajalun*“ dengan tabaqat meninggi dan sehingga pada pertengahan bacaan dibaca dengan suara mulut bermula dengan kalimah „*musamman*“ kemudian suara hidung. *Harakat* kelima dibaca dengan suara otak.¹⁴⁹

Dato“ Hajjah Rogayah menjelaskan, kebiasaan dalam majlis tilawah al-Quran setiap lagu dibaca dengan empat *harakat*, baru sempat dibaca dalam masa sepuluh minit.¹⁵⁰

Mahattah

Penghujung atau penutup kepada *harakat* atau lagu.¹⁵¹ *Mahattah* bertujuan menyempurnakan setiap *harakat tarannum* atau getaran suara.¹⁵²

Qit’ah

Suatu gerak bacaan yang pendek tanpa mahattah, gabungan beberapa *qit’ah* lengkap dengan mahattah boleh menghasilkan satu *harakat* yang baik.¹⁵³ *Qit’ah* terbahagi kepada dua bahagian¹⁵⁴:

1. *Qit’ah* yang diwakafkan mengikut kehendak kalimah atau ayat.

¹⁴⁸ Rashid Ali (Guru Tarannum al-Quran, Maahad Tahsin al-Quran, Pasir Panjang, Kuala-Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 1 November 2014.

¹⁴⁹ Ibid.

¹⁵⁰ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

¹⁵¹ Ibid.

¹⁵² Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulung.

¹⁵³ Ibid. Khalil Khusori Zainol, “ *Istilah-istilah Dalam Tarannum al-Quran*,” laman sesawang Murabbi Terus Menyinar, dicapai 16 November 2014, mutarabbi-munawwar.blogspot.com/.../ist

¹⁵⁴ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulung.

2. *Qit'ah* yang diwasalkan kepada beberapa kalimah atau ayat-ayat sehingga beberapa kalimah atau ayat-ayat sehingga kepada mahattahnya yang sempurna. Antara peranan yang dimainkan oleh *qit'ah*¹⁵⁵ ialah: 1. Sebagai daya penghidup bacaan. 2. Sebagai daya penggerak bacaan. 3. Membawa penekanan jiwa yang meyakinkan. 4. Memberi keselesaan kepada pembaca al-Quran. 5. Memberi penyesuaian kepada kalimah atau ayat tertentu.

Burdah

Bunga lagu atau suara sama ada asli atau *sina'i* berbentuk halus, sederhana atau kasar, jarang atau rapat mengikut kesesuaian.¹⁵⁶ *Burdah* asli ialah bunga-bunga suara yang terjadi dengan sendiri. *Burdah sina'i* pula ialah bunga-bunga suara yang digubah.¹⁵⁷ Peranan *burdah*¹⁵⁸ ialah: 1. Menjadi daya penggerak bacaan. 2. Menjadi penghias bacaan yang berseni. 3. Menjadi daya penarik sesuatu bacaan al-Quran 4. Menjadi daya rangsangan yang bersemangat kepada pembaca atau pendengar.

Jamal al-Jauhari menjelaskan tentang ciri-ciri *burdah* dan peranannya seperti mana berikut¹⁵⁹: 1. Kasar dan jarang bertujuan menghidupkan persembahan. 2. Kecil dan rapat-rapat bertujuan mencantikkan persembahan. 3. Lembut dan bersih bertujuan melahirkan seni persembahan. 4. Keras dan tegas bertujuan menyemarakkan persembahan. Sifat-sifat *burdah*¹⁶⁰ ialah: 1. Kasar atau halus. 2. Kasar atau lembut. 3. Banyak atau sedikit. Latihan untuk menghasilkan *burdah* boleh dipraktikkan melalui nasyid „*Salamun Qadimun*“.¹⁶¹

¹⁵⁵ Ibid.

¹⁵⁶ Ibid.

¹⁵⁷ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁵⁸ Ibid

¹⁵⁹ Ibid

¹⁶⁰ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁶¹ Hajjah Rogayah binti Muda (Guru Tarannum al-Quran, Kg. Durian Burung, Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 12 November 2014.

Sebagaimana diketahui, Dato¹⁶³ Hajjah Rogayah mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu mempunyai burdah yang indah, cantik, unik dan menarik ketika mengalunkan ayat suci al-Quran. Dalam bahasa Melayu, beliau lebih senang dengan memanggil nama bunga. Beliau berkata: “ *bunga ggedik..terlalu banyak bunga kena kkurang*”. Beliau menjelaskan seseorang perlu mengurangkan bunga yang terlalu banyak. *Burdah* ialah keindahan dalam relok suara. Akan tetapi, jika terlalu banyak tidak menjadi cantik. Beliau menjelaskan: “ *Gaya lagu pun..orang dok berapa pandai..mari sendiri bunga..leh leh pun ada*”.

Bunga lagu itu adalah satu keistimewaan dan anugerah Allah. Bunga lagu yang dimiliki oleh beliau adalah satu keistimewaan yang sukar diikuti. Salah satu bunga yang menarik adalah dinamakan „bunga hidung“. Beliau menjelaskan contoh peserta qari yang boleh buat bunga hidung ialah peserta dari Iraq tahun 2017. Beliau¹⁶² menjelaskan contoh ayat : “ *ب ث ن ب* ”. Bunga pada lafaz *al-sama*” iaitu mad wajib muttasil..perjalanan lengkok akhir ke hidung dan keluar semula.

Ikhtilal al-Lahn

Satu gaya atau cara bacaan kesumbangan tali suara atau lagu yang sengaja dibuat untuk memanis dan mencanggihkan lagi persembahan.¹⁶³ Ia juga disebut *Ikhtilal al-lahn* yang bermaksud kemahiran mencondongkan suara.¹⁶⁴ Pembahagian *ikhtilal al-Lahn*: 1. Menaik: Gaya sumbang sengaja yang bergerak secara menaik. 2. Menurun: Gaya sumbang sengaja yang bergerak secara menurun.

Peranan *Ikhtilal al-Lahn*: 1. Melahirkan „*zauq*“ bacaan al-Quran. 2. Menjadi daya penarik bagi sesuatu bacaan. 3. Mempelbagaikan persembahan tarannum.

¹⁶³ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁶⁴ Op.cit.

Salalim

Salalim ialah gaya kawalan suara bacaan untuk menambah keindahan al-Quran. *Salalim* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *salalim su'ud* dan *salalim nuzul*: 1. *Salalim su'ud* Jalan, gaya, tangga suara atau lagu meningkat naik yang berupa tangga mendaki. 2. *Salalim Nuzul*: Jalan, gaya atau tangga suara dan lagu menurun.

Salalim berperanan sebagai: 1. Melahirkan keindahan bertarannum. 2. Melahirkan kemukjizatan al-Quran. 3. Mesej-mesej sesuatu ayat dapat disampaikan dengan tepat dan berkesan. Dalam aspek *salalim*, Dato^u Hajjah Rogayah lebih selesa dengan menggunakan perkataan tangga. Antara kesilapan yang biasa dilakukan oleh qari apabila berlaku sumbang suara. Beliau menjelaskan tentang sumbang suara iaitu:

“ *Berhenti rendah, ambik dengan tinggi..jadi naik tangga. tangga lain ..berhenti tangga lain, ambik tangga lain* ”.¹⁶⁵

Penjelasannya ialah, seorang berhenti dengan nada rendah, kemudian memulakan bacaan dengan nada yang tinggi. Oleh itu, terjadi tangga yang berbeza. Itu merupakan satu kesilapan kerana berlaku perbezaan tahap antara rendah dan tinggi.

Tabaqat.

Tabaqat adalah tingkatan suara yang dibawa oleh lagu-lagu tertentu. Tingkatan-tingkatan suara sama ada rendah, sederhana, tinggi dan tertinggi adalah seperti berikut:

1. Suara rendah dinamakan qarar. Suara ini dari suara dada. 2. Tingkatan suara sederhana atau *nawa* yang lahir dari suara tekak. 3. Tingkatan suara tinggi atau *jawab*. Sumber suara ini dari hidung. 4. Tingkatan suara tertinggi atau *jawabul jawab*. Sumber suara ini adalah suara otak atau juga dipanggil sebagai suara *mustar*.¹⁶⁶

¹⁶⁵ Temubual dengan Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran, Kg Durian Guling, Kuala Terengganu) pada 5 Jun 2017.

¹⁶⁶ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

Tabaqat berperanan sebagai memberi tenaga dan peningkatan kepada sesuatu bacaan. Selain itu, *tabaqat* juga berperanan sebagai penggunaan suara dan harakat yang berbeza dan mencapai tahap keahlian dalam sesuatu bacaan.¹⁶⁷

Tabaqah suara dapat dikenali dengan cara mempelajari sistem proses *nada* iaitu DO-RE-MI-FA-SO-LA-TI-DO. Sistem proses nada ini berlaku pada tiap-tiap *tabaqah* yang disebutkan tadi.¹⁶⁸

Dalam *tabaqat*, Dato^o Hajjah Rogayah menyebut istilah perjalanan. Dalam aspek bacaan yang kurang menarik, beliau menjelaskan : “ *Perjalanan yang takdok anjur*”.

Zuq

Rasa kepuasan sesuatu persembahan sama ada dari pembaca atau pendengar.¹⁶⁹

Lahjah

Pelat kearaban.¹⁷⁰

Waslihi atau Wuslah al-Mumathalah

Wuslah ialah campuran lagu secara sentuhan atau salingan ketika mengalunkan sesuatu lagu yang tertentu.¹⁷¹ *Wuslah* juga merupakan kombinasi dua atau lebih irama tarannum yang berlainan atau suatu teknik memindahkan dua atau lebih harakat tarannum yang berbeza dalam satu bacaan. Dengan kata lain, ia adalah kemahiran menggabungkan alunan beberapa tarannum yang sesuai dalam satu harakat. Gabungan dua lagu atau lebih yang boleh mendorong kepada kemantapan sesuatu harakat. Justeru itu, terdapat dua bentuk *wuslah* iaitu:

¹⁶⁷ Ibid.

¹⁶⁸ Hajjah Rogayah binti Muda (Guru Tarannum al-Quran, Kg. Durian Burung, Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 12 November 2014.

¹⁶⁹ Ibid.

¹⁷⁰ Ibid.

¹⁷¹ hidupduniayangsementara.blogspot.com/2010/11/istilah-istilah-dalam-paparan-pada-13-November-2014.

1. Gaya harakat yang dicampurkan di antara dua irama lagu yang berbeza.
2. Suatu pendekatan harakat lagu kepada harakat lagu yang berlainan untuk dipindahkan kepadanya.

Wuslah al-mumathalah berperanan menambahkan lagi keunikan dan keindahan sesuatu harakat tarannum untuk menghidupkan semula mana-mana harakat tarannum yang kaku atau lesu. Dato^o Hajjah Rogayah mempunyai keistimewaan dan kemahiran dalam membaca al-Quran secara wuslah dan mempunyai cara dan strategi yang tersendiri.¹⁷²

Kesimpulannya, istilah-istilah dalam tarannum ini merupakan alat bantu bagi seseorang untuk mengetahui selok-belok irama dalam al-Quran dan memudahkan pelajar memahami ilmu tarannum serta alunan dalam tarannum. Bagi seorang qari yang mahir dengan ciri-ciri yang disebutkan seperti *burdah*, *wuslah* dan *ikhtilal al-lahn*, bererti dia mempunyai ciri-ciri keistimewaan dalam bacaan al-Quran bertarannum *mujawwad*.

5.10 Tarannum Bi al-Quran

Dato^o Hajjah Rogayah mengajar anak murid dengan cara tarannum *bil Quran* iaitu mengajar irama al-Quran dengan menggunakan potongan ayat al-Quran.¹⁷³ Amalan beliau bertepatan dengan cara *tarannum bi al-Quran* iaitu salah satu ilmu yang digabungkan dengan kemahiran yang berlandaskan garis panduan daripada al-Quran dan ketetapan Rasulullah s.a.w.¹⁷⁴ Nabi bersabda:

اهوؤا اؤوؤؤء ءءوء اءؤؤؤ

Terjemahan: Bacalah al-Quran dengan lahn arab dan suaranya

¹⁷² Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁷³ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁷⁴ Toriqatuliman.blogspot.com/p/ape-ni-html?m-1 paparan pada 13 November 2014

5.10.1 Kategori-kategori Tarannum bi al-Quran:

Kategori tarannum bi al-Quran terbahagi kepada tiga bahagian¹⁷⁵ :

1. Kategori Lembut: Jaharkah, „Iraqi, Nahawand dan Soba.
2. Kategori Sederhana Lembut: Bayyati, Husaini, Rast, Sikah, „Usyad dan Syuri.
3. Kategori hangat dan keras: „ajami, Hijjaz dan Kurdi.

Bagi pelajar yang telah mahir, Dato¹⁷⁶ Hajjah Rogayah menggunakan teknik tarannum bil Quran. Contohnya¹⁷⁶ ialah:

Bayati → Hijaz → Rast → Wuslah dengan Jiharkah → Bayati Husaini

1. Surah pilihan adalah al-Anbiya¹⁷⁷ bermula dari ayat 1 sehingga ayat 13.

أَوَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ الْكُتُبِ الَّتِي كُنْتُمْ تُقْرَأُونَ فِيهَا أَنْ يُبَيِّنَ لَكُمْ آيَاتِهِ أَنْ تَرْجِعُوا إِلَى اللَّهِ وَأَطِيعُوا أَمْرَهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ
أَمْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ آيَاتُ أَنْبِيَآئِنَا الَّتِي كُنَّا نُرْسِلُ فِيكُمْ مِنْ قَبْلِكَ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

3. Surah al-Nisa¹⁷⁷ ayat 36 hingga ayat 42.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ

¹⁷⁵ Ibid.

¹⁷⁶ Dato¹⁷⁶ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2013.

¹⁷⁷ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru Tarannum al-Quran, negeri Terengganu) dalam temubual dengan penulis 22 Oktober 2014. Pemerhatian turut serta.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اَلَا اَنَّ لِلّٰهِ اَسْمًا مَّا تَدْعُوْنَ بِاللّٰهِ عِندَ رِجَالِكُمْ لَا يَدْعُوْهُ بِالَّذِيْ خُلِقَ فِيْهَا السَّمٰوٰتُ وَالْاَرْضُ ۗ لَئِنْ سَأَلْتُمْ عَنِ اسْمِ الَّذِيْ تَدْعُوْنَ لَسَوْفَ يَكْتُمِبَنَّ عَلَيْكُمْ ۗ لَهُ الْاَسْمَاءُ الْحُسْنٰى ۗ وَهُوَ يُعْطِيْ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ ۗ وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ۗ

اِنَّ لِلّٰهِ اسْمًا مَّا تَدْعُوْنَ بِاللّٰهِ عِندَ رِجَالِكُمْ لَا يَدْعُوْهُ بِالَّذِيْ خُلِقَ فِيْهَا السَّمٰوٰتُ وَالْاَرْضُ ۗ لَئِنْ سَأَلْتُمْ عَنِ اسْمِ الَّذِيْ تَدْعُوْنَ لَسَوْفَ يَكْتُمِبَنَّ عَلَيْكُمْ ۗ لَهُ الْاَسْمَاءُ الْحُسْنٰى ۗ وَهُوَ يُعْطِيْ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ ۗ وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ۗ

اِنَّ لِلّٰهِ اسْمًا مَّا تَدْعُوْنَ بِاللّٰهِ عِندَ رِجَالِكُمْ لَا يَدْعُوْهُ بِالَّذِيْ خُلِقَ فِيْهَا السَّمٰوٰتُ وَالْاَرْضُ ۗ لَئِنْ سَأَلْتُمْ عَنِ اسْمِ الَّذِيْ تَدْعُوْنَ لَسَوْفَ يَكْتُمِبَنَّ عَلَيْكُمْ ۗ لَهُ الْاَسْمَاءُ الْحُسْنٰى ۗ وَهُوَ يُعْطِيْ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ ۗ وَهُوَ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ ۗ

7. Surah Ali Imran, ayat 102 hingga ayat 105.¹⁸¹

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اذْكُرْ نِعْمَتَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْ ۖ اَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ رَحْمٰتًا ۗ اَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ اِلٰهًا ۗ اَلَمْ يَخْلُقْكُمْ اَوَّلَ مَرَّةٍ ۗ ثُمَّ رَدَّكُمْ اِلَيْهِ ۗ ثُمَّ يُعِيدُكُمْ ۗ ثُمَّ يُجْعَلُ لَكُمْ اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اذْكُرْ نِعْمَتَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْ ۖ اَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ رَحْمٰتًا ۗ اَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ اِلٰهًا ۗ اَلَمْ يَخْلُقْكُمْ اَوَّلَ مَرَّةٍ ۗ ثُمَّ رَدَّكُمْ اِلَيْهِ ۗ ثُمَّ يُعِيدُكُمْ ۗ ثُمَّ يُجْعَلُ لَكُمْ

8. Surah al-Isra', ayat 9 hingga ayat 15.¹⁸²

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اذْكُرْ نِعْمَتَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْ ۖ اَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ رَحْمٰتًا ۗ اَلَمْ يَكُنْ لَكُمْ اِلٰهًا ۗ اَلَمْ يَخْلُقْكُمْ اَوَّلَ مَرَّةٍ ۗ ثُمَّ رَدَّكُمْ اِلَيْهِ ۗ ثُمَّ يُعِيدُكُمْ ۗ ثُمَّ يُجْعَلُ لَكُمْ

¹⁸⁰ Rashid bin Ali (Guru Tarannum al-Quran, negeri Terengganu) dalam temubual dengan penulis 1 November 2014. Pemerhatian turut serta.

¹⁸¹ Ibid.

¹⁸² Ibid, 8 Novembar 2014.

3. Setiap tarannum bil Quran hendaklah dibawa dalam tiga tingkatan iaitu: i. rendah, sederhana dan tinggi. ii. Sederhana, tinggi dan tertinggi.
4. Setiap tarannum bil Quran hendaklah dibawa dengan teratur dan tersusun satu demi satu tanpa bercampur aduk antara satu sama lain kecuali wuslah al-mumathalah.
5. Menunaikan *wuslah al-mumathalah* sekurang-kurangnya sekali dalam satu bacaan.
6. Setiap tarannum bil Quran yang dibawa pada ayat yang akhir atau penutup hendaklah sama dengan lagu yang dibawa pada ayat permulaan, iaitu sebelum berakhir tempoh masa yang ditetapkan

Manakala persembahan yang dikira istimewa dalam bidang tarannum hendaklah mengandungi ciri-ciri seperti berikut:

1. Tarannum al-Quran yang mempunyai lahjah Arab dan *qit''ah-qit''ah* yang menarik.
2. Tarannum bil quran yang dibawa mempunyai *wuslah al-mumathalah* yang menarik lebih daripada sekali dalam satu bacaan.
3. Mempunyai kecekapan membawa tarannum selain daripada tarannum bil Quran wajib, sekurang-kurangnya dalam dua harakat dalam tempoh bacaan yang ditentukan.
4. Setiap tarannum bil Quran mengandungi lebih daripada empat harakat yang teratur dan menarik.
5. Tarannum bil Quran mengandungi yang mengandungi unsur-unsur yang tersendiri tanpa meniru mana-mana qari yang masyhur.
6. Dapat menyesuaikan tarannum bil Quran dengan kehendak makna ayat tanpa lari daripada kaedah Tajwid dan Usul.

7. Membawa burdah-burdah tarannum bil Quran yang menarik
8. Setiap persembahan tarannum hendaklah disempurnakan empat *tabaqat*.
9. Bacaan yang mempunyai *salalim nuzul* atau *salalim su'ud* yang menarik pada setiap tarannum dalam mana-mana *harakat*.

Selain itu, kaedah pemotongan markah adalah seperti berikut :

1. Membaca kurang dari empat jenis tarannum. Setiap satu tarannum wajib yang ditinggalkan dipotong empat markah.
2. Tidak membaca dua jenis tarannum yang ditetapkan, setiap satu daripada dua tarannum yang ditinggalkan dipotong empat markah.
3. Membaca kurang daripada empat harakat bagi setiap tarannum. Setiap satu *harakat* yang kurang dipotong satu markah.
4. Tidak membawa tiga *tabaqat* bagi setiap tarannum. Setiap satu *tabaqat* yang tidak dibawa dipotong satu markah.
5. *Takrir* pada tarannum. Setiap satu kesalahan dipotong satu markah.
6. *Takrir* pada harakat. Setiap satu kesalahan sipotong satu markah.
7. Meniru sepenuhnya bacaan mana-mana qari yang masyhur. Dipotong satu markah.
8. Tidak membawa satu *wuslah al-mumathalah* dan *ikhtilal al-lahn* bagi satu bacaan. Ia dipotong satu markah.
9. Tarannum penutup tidak sama dengan tarannum pembukaan. Dipotong satu markah.
10. Jika berulang-ulang kesalahan yang sama hendaklah dipotong markahnya dengan kadar tidak melebihi lima markah.

5.11 Pemantapan Tausyikh Dan Pengetahuan Tentang Qasidah

Dato^o Hajjah Rogayah pernah menggunakan tausyikh dengan qasidah pada satu ketika dahulu berdasarkan tausyikh yang terdapat dalam piring hitam. Kini, beliau¹⁸⁷ mengaplikasikan irama tarannum dengan menggunakan ayat al-Quran atau dikenali

¹⁸⁷ Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

sebagai tarannum bil Quran. Tausyikh adalah merupakan qasidah-qasidah bagi setiap harakat dalam jenis-jenis lagu. Tausyikh bertujuan untuk memudahkan seseorang mengingati satu-satu rentak dalam sesuatu harakat. Contohnya ialah lagu Baiyati mengandungi lima jenis lagu untuk setiap harakat yang terdiri daripada Baiyati Asli, Baiyati Asli Nawa, Baiyati Shuri, Baiyati Husaini dan Baiyati Asli Jawab.¹⁸⁸ Bait-bait qasidah¹⁸⁹ adalah seperti berikut:

1. Bayati Asli:

هَـ اُجِّي عَيِّ اَعْرَ اُ اُيَّ هَا

2. Bayati Asli Nawa:

لَعَلَّ اُ اُيَّ هَا اُتَيْكَ اُظْبِ هَا

3. Bayati Shuri :

شَوَيْخُ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ اِ a

اُ اُ اُ اُ اُ اُ اُ a

4. Bayati Husaini:

بُ رِي فَا وُ اِبَّ تَلِيَّ

اُ اُ اُ اُ اُ a

بُ اُ اُ اُ a

اُ اُ اُ a

5. Bayati Asli Jawab

اُ اُ اُ a

اُ a

¹⁸⁸ Azlansenggarang@Yahoo.com , “Tausikh al-Quran, Lagu Baiyati”, laman sesawang Youtube, dicapai 8 September 2014, <http://www.youtube.com/watch?v=BznycsMiv5A>.

¹⁸⁹ Ibid.

Dalam mendalami irama setiap maqam, terdapat qasidah yang bersesuaian untuk tiap-tiap maqam. Satu cakera padat¹⁹⁰ berjudul *Maqam Tarannum al-Quran, Tausyikh dan Qasidah*, oleh Hanimzah Jalaluddin¹⁹¹. Cakera padat ini memuatkan 10 jenis nasyid. Terdapat 3 nasyid Bayati iaitu *Ahlan wa Sahlan wa marḥaban*, *„alaika salla allahu wasalmuhu* dan *al-Quran Dustur al-Ḥayah*. Maqam jiharkah pula ialah *„alaika sallallahu wasalmuhu*. Maqam Nahawan ialah *laqad sammauna bi al-rasūl*. Maqam Hijaz ialah *Ya Rasula Allah*. Maqam Rast ialah *Ya Khatima al-anbiya*¹⁹². Maqam Sikah ialah *azan al-fajr azan al-khalidin*. Maqam al-kurdi ialah *anta syamsun anta badrun*. Maqam Hijaz dan Soba pula ialah nasyid *nafsi fida*¹⁹³ *d-waṭani*.

Bagi Dato¹⁹⁴ Hajjah Rogayah¹⁹² pula, beliau membiasakan diri dengan *„Ya Salam*¹⁹⁵ untuk semua jenis lagu.¹⁹³ Walau bagaimanapun, di perpustakaan awam negeri Terengganu, tersimpan dua keping piring hitam berkaiatan alunan ayat suci al-Quran milik beliau dan qasidah alunan beliau.¹⁹⁴ Empat nama qasidah yang tertera pada kulit piring hitam¹⁹⁵ adalah seperti berikut:

1. *Ahsin Ila al-Nas*
2. *Ma fi al-Maqam*
3. *Ahin*¹⁹⁶ *ala al-Batha*¹⁹⁷
4. *Syawqi Ila Haram al-Nabiyy al-Hadi*

¹⁹⁰ Hanimzah Jalaluddin, *Maqam Tarannum al-Quran Tausheikh dan Qasidah*, Cakera Padat, Hijaz Record Sdn Bhd, 2008.

¹⁹¹ Hanimzah Jalaluddin pernah menjadi johan peringkat kebangsaan pada tahun 2013 dan 2014. Beliau juga menjadi johan di peringkat antarabangsa pada tahun 2014.

¹⁹² Pemerhatian turut serta terhadap Hajjah Rogayah binti Sulong.

¹⁹³ Dato¹⁹⁴ Hajjah Rogayah binti Sulong (Guru al-Quran dan Tarannum), dalam temubual dengan penulis, 9 Oktober 2013.

¹⁹⁴ Koleksi Terengganu, Aras 2, Perpustakaan Negeri Terengganu, pada 20 Ogos 2013.

¹⁹⁵ Ibid.

Bacaan Dato' Hajjah Rogayah Sulung Di Youtube

Terdapat enam alamat di *youtube* memuatkan bacaan surah Yasin oleh Dato" Hajjah Rogayah binti Sulung secara tarannum mujawwad. Antara alamat *youtube* adalah seperti berikut¹⁹⁶:

1. <https://www.youtube.com/watch?v=NnxTmutXjiM>, tajuk " Tarannum Pn Hjh Rogayah Sulung (Yaa Siin 1-31).flv"¹⁹⁷
2. <https://www.youtube.com/watch?v=LDAm-diOLr0&list=PL3F598EF8BABE7FEB&INDEX=2>, tajuk " Tarannum Pn Hjh Rogayah Sulung (Yaa Siin 32-44).flv"¹⁹⁸
3. <https://www.youtube.com/watch?v=ePJehA8MtDs&list=PL3F598EF8BABE7FEB&index=3>, tajuk " Tarannum Pn Hjh Rogayah binti Sulung (Yaa Siin 45-67).flv"
4. <https://www.youtube.com/watch?v=ajGipSSmfG4>, tajuk " Tarannum Pn Hjh Rogayah Sulung (Yaa Siin 68-83).flv"
5. <https://www.youtube.com/watch?v=9jIeT7IFWw&t=147s>, tajuk " Rogayah Sulung Mushaf 036." 036.
6. <https://www.youtube.com/watch?v=9jIeT7IFvWw&list=RD9jIeT7IFWw#t=330>, tajuk " Rogayah Sulung Mushaf 036." 036.

Dato" Hajjah Rogayah Sulung mengalunkan bacaan yang lunak merdu bermula dengan lagu bayati dan mendapat komen yang membina dari kalangan pemerhati. Hanya terdapat surah Yasin sahaja yang terdapat di youtube, manakala surah yang lain melalui alunan bacaan daripada beliau masih dalam bentuk piring hitam.

Rakaman Tausyikh dan Bacaan Ayat Al-Quran Dalam Bentuk

Piring Hitam

Terdapat dua keping piring hitam berkaitan Dato" Hajjah Rogayah Binti Sulung tersimpan di Koleksi Terengganu, Aras 2, Perpustakaan Negeri Terengganu. Salah satunya adalah piring hitam yang bertajuk *Recitals From The Holy Quran* yang terdiri

¹⁹⁶ Paparan pada 1 Jun 2017

daripada 2 bahagian. Bahagian pertama, mengandungi dua surah iaitu Surah al-Baqarah (Ayat 125-134), dan Surah Ali Imran (Ayat 41-50). Manakala bahagian kedua pula mengandungi surah al-Taubah (Ayat 111-118) dan Surah Yunus (ayat 1-12). Seterusnya piring hitam kedua pula mengandungi alunan qasidah beliau.

Pada tahun 1960-an, bahan rakaman yang popular pada masa itu adalah berbentuk piring hitam. Namun begitu, pada masa kini sukar bagi pengkaji untuk memperolehi alat rakaman piring hitam tersebut untuk mendengar alunan ayat suci al-Quran bertarannum oleh Dato' Hajjah Rogayah binti Sulung. Selain daripada itu, beliau menjelaskan, beliau banyak menggunakan lagu tausyikh *Ya Salam* untuk lagu tarannum.¹⁹⁹

Piring hitam tersebut terletak di Perpustakaan Negeri Terengganu²⁰⁰ memuatkan penggunaan *Tausyikh bi al-Quran* milik Dato' Hajjah Rogayah binti Sulung. Terdapat empat surah yang termuat di dalam koleksi piring hitam tersebut seperti:

1. Surah al-Baqarah ayat 125 hingga 134.

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ السَّمْعَ وَالْاَبْصَارَ وَنَفْسًا مَّا تَدْرِكُوْنَ لِيُحْكُمَ لَكُمْ فَاِنَّكُمْ عِنْدَهُ لَمَرْكُوْمٌ ۗ
 اِنَّمَا اتَّخَذْتُم مَّا دُوْنَكُمْ اَوْتَارًا وَاَنْتُمْ تَحْسِبُوْنَ اَنْكُمْ اِلٰهٌ غَيْرُ اللّٰهِ سُبْحٰنَ اللّٰهِ عَمَّا يُشْرِكُوْنَ ۗ
 اِنَّ اللّٰهَ لَءَالِهَةٌ ۗ اَحَدٌ لَّدُنْهُ اَلْحَدِيثُ يُغْتَبَاهُ الْعِزَّةُ لَهُ اَلْكَرَمُ لَهُ اَلْمُلْكُ يَوْمَ يَخِرُّ
 الْمُلُكُ لِلّٰهِ وَالْاَسْرَابُ لِلّٰهِ اَلَّذِينَ كَفَرُوْا هُمْ اَصْحٰبُ السَّمِىْمِ الَّذِيْ هُمْ فِيْهِ يَخْتَلِفُوْنَ
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ ۙ
 اِنَّ اللّٰهَ لَءَالِهَةٌ ۗ اَحَدٌ لَّدُنْهُ اَلْحَدِيثُ يُغْتَبَاهُ الْعِزَّةُ لَهُ اَلْكَرَمُ لَهُ اَلْمُلْكُ يَوْمَ يَخِرُّ
 الْمُلُكُ لِلّٰهِ وَالْاَسْرَابُ لِلّٰهِ اَلَّذِينَ كَفَرُوْا هُمْ اَصْحٰبُ السَّمِىْمِ الَّذِيْ هُمْ فِيْهِ يَخْتَلِفُوْنَ
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ ۙ
 اِنَّ اللّٰهَ لَءَالِهَةٌ ۗ اَحَدٌ لَّدُنْهُ اَلْحَدِيثُ يُغْتَبَاهُ الْعِزَّةُ لَهُ اَلْكَرَمُ لَهُ اَلْمُلْكُ يَوْمَ يَخِرُّ
 الْمُلُكُ لِلّٰهِ وَالْاَسْرَابُ لِلّٰهِ اَلَّذِينَ كَفَرُوْا هُمْ اَصْحٰبُ السَّمِىْمِ الَّذِيْ هُمْ فِيْهِ يَخْتَلِفُوْنَ
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ ۙ

¹⁹⁹ Hajjah Rogayah binti Sulung (Guru al-Quran dan Tarannum), dalam temubual dengan penulis, 1 Jun 2017.
²⁰⁰ Koleksi Terengganu, Aras 2, Perpustakaan Negeri Terengganu, pada 20 Ogos 2013.

huruf, *lahjah Arabiyyah* dan fasahah yang betul. Beliau memilih pelajar yang mantap dalam lagu asli untuk mempelajari lagu sina^{fi} iaitu lagu tarannum yang tujuh jenis yang utama. Latihan berterusan adalah antara cara yang berkesan untuk memantapkan lagi pembelajaran atau disebut pembelajaran sepanjang hayat. Tujuh jenis lagu yang utama ialah *Bayati, Nahawand, Jihaz, Soba, Rast, Sikah* dan *Jiharkah*. Beliau mengamalkan tarannum bi al-Quran. Pada peringkat awal, beliau ada menggunakan tausyikh daripada qasidah dan nasyid. Walau bagaimanapun, pada masa kini beliau lebih suka mengajar menggunakan cara tarannum bil Quran dengan cara mengaplikasikan lagu tarannum secara langsung kepada al-Quran.

BAB 6 : PENUTUP

6.1 Pengenalan

Bab ini memuatkan perbincangan, ulasan dan rumusan dapatan kajian tentang pengajian tarannum al-Quran di Terengganu dari tahun 1960 hingga 2013 dan kajian terhadap metodologi pengajaran Dato[™] Hajjah Rogayah binti Sulong. Perbincangan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan dimulakan dengan ulasan dan rumusan perbincangan terhadap dapatan kajian yang diperoleh hasil dari pengajian tarannum al-Quran di Terengganu. Dapatan kajian ini pula akan dibincangkan dalam empat tema utama iaitu (a) Pengajian tarannum al-Quran di Terengganu. (b) Tokoh-tokoh pengajian tarannum di Terengganu antara tahun 1960 hingga 2013 dan faktor kejayaan mereka. (c) Biodata Dato[™] Hajjah Rogayah binti Sulong dan sumbangan beliau dalam bidang al-Quran dan Tarannum. (d) Manhaj Hajjah Rogayah dalam pengajaran tarannum al-Quran. Seterusnya, bahagian kedua bab ini akan membicarakan aspek cabaran yang dilalui dan implikasi kajian ini terhadap pengajian tarannum secara khusus dan terhadap bidang pengajian tarannum secara am. Akhirnya, bahagian ketiga pula akan menghuraikan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan demi perkembangan bidang ini.

6.2 Perbincangan

A) Pengajian Tarannum al-Quran di Terengganu

Berdasarkan susur galur guru-guru tarannum kepada qari-qari di negeri Terengganu, didapati bahawa guru-guru mereka berasal dari satu rumpun dan saling berkait antara satu sama lain. Kebanyakan mereka mempelajari dari guru yang sama yang akhirnya guru yang paling atas berasal dari negeri Kelantan. Ini mungkin disebabkan oleh

beberapa kebarangkalian. Contohnya ialah faktor dari aspek jarak antara negeri Kelantan dan Terengganu adalah berdekatan antara satu sama lain.

Oleh itu, kemunculan ilmu tarannum al-Quran ke negeri Terengganu mempunyai kaitan dari aspek sejarah. Antara faktor utama ialah kedatangan agama Islam ke nusantara melalui pedagang-pedagang Arab di beberapa pelabuhan utama yang maju pada awal kurun-kurun yang lampau berdasarkan penemuan beberapa buah batu bersurat di beberapa tempat di rantau Asia. Selain itu juga, penghijrahan ulamak-ulamak dari Selatan Thailand juga memberi impak yang besar terhadap wujudnya ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu tarannum al-Quran yang menjadi tanda salah satu kesenian Islam pada masa itu. Antara sumbangan-sumbangan pedagang-pedagang Arab ialah mengajar al-Quran kepada masyarakat setempat. Selain itu, mereka mengajar asas-asas tajwid dan sifat-sifat huruf-huruf, mereka turut mengajar al-Quran dari lidah mereka sendiri iaitu mengajar al-Quran mengikut Lahjah Arabiyyah. Mereka juga turut sama mengajar tarannum dan lenggok –lenggok irama lagu dan burdah Arab.

Negeri Terengganu adalah sebuah negeri yang unik dari aspek kedudukan geografi, kebudayaan, kepimpinan, dan nila-nilai keagamaan. Rakyat negeri Terengganu pada kurun ketujuh menerima agama Islam dan pengajian al-Quran yang mempunyai irama tarannum secara langsung daripada lidah pedagang Arab yang berdagang dan berhijrah ke negeri Terengganu. Melalui institusi kepimpinan, pergaulan, pernikahan dan sistem pendidikan membolehkan rakyat negeri ini menerima ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran. Selain daripada itu juga, kepulauan pelajar yang menuntut ilmu dari Timur Tengah khususnya Mekah, Madinah dan Mesir telah membawa ilmu tarannum ke negeri Terengganu. Selain itu, kedudukan negeri Terengganu berdekatan dengan negeri Kelantan yang mempunyai tokoh yang berkepakaran dalam ilmu tarannum yang dibawa masuk dari Selatan Thailand dan Utara Malaysia seperti Kedah. Begitu juga penghijrahan ulama-ulama dari Pattani yang


membina pusat pengajian dan pondok telah menyebarkan ilmu agama dan pengajian al-Quran. Di samping itu juga, pembinaan sekolah-sekolah agama telah melahirkan ramai agamawan dan tokoh-tokoh tarannum yang berbakat. Begitu juga kewujudan tempat pengajaran ilmu tarannum sama ada di sekolah, institusi perguruan, maahad persendirian, masjid, surau, rumah guru, dan institute telah memperkenalkan ilmu tarannum kepada masyarakat.

B) Tokoh-tokoh Pengajian Tarannum di Terengganu Antara Tahun 1960 Hingga 2013 dan Faktor Kejayaan Mereka.

Bakat dalam ilmu tarannum yang dimiliki oleh rakyat jelata di setiap daerah dalam negeri Terengganu dicungkil melalui Majlis Tilawah al-Quran yang diadakan di pelbagai tempat. Dari situ lahir pelapis yang menjadi tenaga pengajar ilmu tarannum di samping memantapkan diri dengan kemahiran ilmu tarannum dan mengasah bakat mereka serta mengetahui potensi diri dalam ilmu tarannum. Dalam kemenangan mereka ini, wujud faktor-faktor yang kejayaan mereka kerana untuk mencapai kejayaan dalam ilmu tarannum bukan satu usaha yang mudah. Faktor-faktor ini datang dari pelbagai aspek seperti faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah faktor yang ada dalam diri individu dari aspek motivasi yang tinggi, bakat, minat, kesungguhan, dan suara, manakala faktor luaran pula datang dari galakan keluarga seperti ibu bapa dan saudara mara, guru, dan rakan-rakan. Semua ini menjadi pendorong untuk menempuh kejayaan.


Faktor kejayaan seseorang qari melibatkan dua pihak iaitu faktor guru dan faktor murid. Sementara itu, faktor guru ialah melibatkan kepakaran yang dimiliki oleh guru dan pengalamannya dalam menguasai ilmu tarannum. Selain itu, lokasi yang berdekatan antara tempat tinggal murid dan guru dapat menjamin kelangsungan pembelajaran. Faktor murid pula datang dari minat, bakat, kesungguhan, usaha dan pendedahan murid

kepada ilmu tarannum sejak dari awal boleh memberi jaminan kepada kecemerlangan murid. Secara ringkasnya, dapat dilihat melalui rajah di bawah ini:




Rajah 6. 2 (i): Faktor Kejayaan Qari


Pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar tarannum dapat meningkatkan kualiti dan prestasi bacaan. Pada hakikatnya, tiada manusia yang sempurna di dunia ini. Namun begitu, untuk mencapai tahap kesempurnaan, seseorang itu perlu menjalani latihan yang berterusan untuk mengoptimumkan kebolehan yang ada pada diri-sendiri dan menggilap serta mengasah bakat yang ada agar menjadi lebih mantap dan berkualiti. Secara realitinya, untuk mencapai tahap keistimewaan yang tinggi dalam bertarannum bukan sesuatu yang mudah. Hal ini diakui oleh para qari dan qariah negeri Terengganu. Majlis Tilawah al-Quran merupakan satu tahap penilaian atau assessment kepada para qari untuk menguji tahap kemampuan yang dimiliki oleh para qari dan qariah negeri Terengganu. Mereka perlu melepasi keempat-empat aspek penilaian seperti tajwid, tarannum, suara, dan fasahah.




Rajah 6. 2 (ii): Penilaian Aspek Tajwid



Rajah 6.2(iii): Penilaian Aspek Fasahah




Rajah 6.2 (iv): Penilaian Aspek Tarannum



Rajah 6.2 (v): Penilaian Aspek Suara

Alunan rentak irama tarannum yang mendominasi pada masa kini di Malaysia ialah tujuh jenis lagu iaitu *Bayati*, *Soba*, *Hijaz*, *Nahawan*, *Jiharkah*, *Rast*, dan *Sikah*. Pelajar yang ingin memasuki pertandingan tilawah al-Quran mesti menguasai ketujuh-tujuh lagu kerana 3 buah lagu ditentukan supaya wajib dialunkan semasa pertandingan tilawah membaca al-Quran. Berbanding dengan zaman dahulu, apabila mengetahui empat lagu sudah boleh memasuki pertandingan tilawah al-Quran.

Tarannum ala *Misri* adalah tarannum yang mendominasi Malaysia dan Nusantara pada masa kini. Proses pembelajaran tarannum di kalangan qari-qari dan qariah-qariah di negeri terengganu berlaku seperti berikut:



Rajah 6.2 (vi): Peringkat Pembelajaran Tarannum

Daripada aspek susur galur guru tarannum dari tahun 1960 hingga tahun 2013, didapati pembahagian guru-guru tarannum terbahagi kepada tiga bahagian iaitu pertama anak murid kepada Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong, kedua Haji Ma“som Pergau dan ketiga pula merupakan gabungan antara Dato“ Hajjah Rogayah dengan Haji Ma“som Pergau. Kemudian, qari-qari ini melalui proses penggilapan ilmu melalui peringkat Kursus Tahsin al-Quran. Dalam kursus tersebut, mereka dilatih oleh pakar tarannum, pakar fasahah, pakar tajwid dan pakar suara.


Dari aspek qari negeri Terengganu, majoriti daripada mereka mempunyai bakat dan kebolehan yang terserlah sejak dari peringkat awal iaitu peringkat sekolah rendah. Di samping galakan daripada keluarga terutama ibu bapa dan sanak saudara serta guru agama di sekolah. Biah sekeliling juga mempengaruhi minat untuk mendalami

tarannum kerana mereka diberi pendedahan tentang lagu-lagu tarannum sama ada bacaan secara murattal atau mujawwad walaupun mereka tidak mengetahui secara terperinci tentang lagu-lagu tarannum ketika di peringkat awal.

C) Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong dan sumbangan beliau dalam bidang al-Quran dan Tarannum.

Salah seorang model yang unggul di negeri Terengganu yang telah membuktikan kejayaan dan kepakaran dalam ilmu tarannum ialah Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong di mana beliau telah mendominasi kemenangan dalam kalangan rakyat negeri Terengganu pada satu masa dahulu kerana mempunyai kelebihan dari aspek suara yang boleh mengalunkan ke tahap yang tinggi iaitu suara otak. Kelebihan dalam faktor dalaman dan faktor luaran yang ada dalam diri beliau menjadi faktor kejayaan beliau. Faktor yang menjadi kekuatan beliau sehingga menjadi seorang yang berjaya ialah faktor guru yang berkualiti, faktor diri yang berdisiplin, faktor persekitaran dan keluarga.

Kajian mengenai Dato' Hajjah Rogayah membuktikan bahawa antara faktor kejayaan beliau ialah mempunyai guru yang mantap. Ia dapat disimpulkan melalui rajah berikut:



Rajah 6. 2 (vii): Guru Dato' Hajjah Rogayah

D) Manhaj Dato' Hajjah Rogayah Dalam Pengajaran Tarannum al-Quran

Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong mempunyai metodologi pengajaran tarannum yang tersendiri kepada anak murid beliau. Metodologi pengajaran beliau adalah berdasarkan kepada pengalaman beliau sendiri yang pernah menjadi seorang pelajar ilmu tarannum sehingga beliau berjaya menempa nama mencapai kejayaan yang gemilang. Beliau menggunakan acuan yang sama untuk diterapkan kepada anak murid beliau.

Dalam aspek manhaj Dato' Hajjah Rogayah dalam pengajaran tarannum, beliau membahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah merupakan latihan-latihan dari aspek asas-asas bacaan al-Quran seperti penekanan kepada ilmu tajwid, mengenali sifat-sifat huruf dan penyebutan huruf hijaiyah secara betul ketika membaca al-Quran. Di samping itu juga, galakan supaya membaca secara lancar dan tartil, mengenali waqaf dan ibtida' yang betul dan membaca al-Quran mengikut budaya dan lahjah Arabiyyah. Kategori kedua pula ialah merupakan peringkat pengenalan kepada asas-asas ilmu tarannum seperti mengenali lagu-lagu yang asas seperti *Bayati, Hijaz, Nahwan, Soba, Jiharkah, Rast* dan *Sikah*. Selain itu, penambahan pengetahuan tentang istilah-istilah dalam tarannum yang membantu ke arah mengelokkan bacaan bertarannum seperti *burdah, wuslah, ikhtilal al-lahn, harakat, dan salalim*. Dato' Hajjah Rogayah memilih pelajar yang mempunyai suara yang berkualiti. Ciri-ciri suara yang berkualiti ialah suara yang tidak terlalu kasar dan tidak terlalu halus.

6.3 Implikasi Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian tokoh dan kajian tindakan, kerana kemampuan rekabentuk ini untuk melibatkan tokoh iaitu Dato' Hajjah Rogayah binti Sulong. Selain daripada itu, reka bentuk kajian ini untuk memperbaiki dan mempertingkatkan amalan pengajaran tarannum dalam kalangan masyarakat. Dapatan

kajian juga mengetengahkan beberapa implikasi kepada matlamat pengajian tarannum, guru, murid, dan pengajaran tarannum.

Implikasi Kajian Terhadap Pengajian Tarannum

Kajian tokoh ini menunjukkan bahawa metodologi pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah sesuai digunakan sebagai metodologi pengajaran tarannum al-Quran khususnya dalam kajian tentang metodologi pengajaran tarannum dalam kalangan masyarakat. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan dalam menonjolkan aspek metodologi pengajaran tarannum, pertimbangan dan justifikasi dalam sesuatu lagu serta pilihan tindakan dalam sesuatu konteks. Manakala, aspek metodologi pengajian yang tarannum yang lain dapat dikembangkan. Amalan-amalan dalam kajian ini ialah sebahagian dari amalan pengajian tarannum dalam kalangan para qari dan qariah di negeri Terengganu. Selain itu, satu modul pengajaran dibentuk hasil daripada kajian ini sebagai panduan untuk pengajaran ilmu tarannum.

Jadual 6.3: Modul Pengajaran Tarannum

Bulan	Pembelajaran	Kemahiran	Catatan
Januari	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan ilmu Tarannum, sejarah dan tabaqat suara • Tingkatan suara-qarar, nawa, jawab,jawab al-jawab • Seni suara (tahsin al-saut) yang dipelbagaikan menhikut proses nada, rentak dan irama • Kaedah pernafasan • Penjagaan suara 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengetahui sejarah ilmu tarannum • Dapat menguasai tahap suara secara amali • Dapat memahami seni suara (tahsin al-saut) yang dipelbagaikan mengikut proses nada, rentak, irama dan membina qitaah dan harakat lagu bayati. 	Latihan dan contoh bacaan
Februari	<ul style="list-style-type: none"> • Istilah tarannum-qitaah, mahattah,harakat, dan burdah. • Falsafah tarannum bil Quran 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat menguasai istialh-istilah tarannum dengan baik. • Dapat 	Latihan dan contoh bacaan

	<ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan suara • Sifat-sifat suara • Kepentingan suara dalam tarannum 	<p>membezakan suara yang baik dan tidak baik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melatih suara mengikut tabaqat. • Latihan membina qitaah dan harakat lagu bayati. 	
Mac	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis-jenis tarannum • Peranan mengikut jenis tarannum. • Mengenali 7 jenis tarannum. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat membezakan antara jenis-jenis tarannum. • Mengenali bayati asli, syuri dan kurdi. • Latihan membina qitah dan harakat lagu bayati 	Tarannum 1
April	<p>Pembelajaran lagu Bayati</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Bayati. • Sifat-sifat lagu Bayati • Jenis-jenis irama bayati (bayati asli/syuri/kurdi) • Pembinaan harakat bayati 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama bayati dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru 	Tarannum 1
Mei	<p>Pembelajaran lagu Soba</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Soba • Sifat-sifat lagu Soba • Jenis-jenis irama, rentak dan nada tarannum Soba • Pembinaan harakat Soba • Teknik wuslah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama Soba dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru. 	Tarannum 2
Jun	<p>Pembelajaran lagu Hijaz</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Hijaz • Sifat-sifat lagu Hijaz • Jenis-jenis irama, rentak dan nada tarannum Hijaz dan yang berhampiran dengannya. • Pembinaan harakat Hijaz 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama Hijaz dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru. 	Tarannum 3

	<ul style="list-style-type: none"> • Teknik wuslah. 		
Julai	Pembelajaran lagu Nahawand <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Nahawand • Sifat-sifat lagu Nahawand • Jenis-jenis irama, rentak dan nada tarannum Nahawand dan yang berhampiran dengannya. • Pembinaan harakat Nahawand • Teknik wuslah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama Nahawand dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru. 	Tarannum 4
Ogos	Pembelajaran lagu Rast <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Rast • Sifat-sifat lagu Rast • Jenis-jenis irama, rentak dan nada tarannum Rast dan yang berhampiran dengannya. • Pembinaan harakat Rast • Teknik wuslah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama Rast dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru. 	Tarannum 5
September	Pembelajaran lagu Sikah <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Sikah • Sifat-sifat lagu Sikah • Jenis-jenis irama, rentak dan nada tarannum Sikah dan yang berhampiran dengannya. • Pembinaan harakat Sikah • Teknik wuslah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama Sikah dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru. 	Tarannum 6
Oktober	Pembelajaran lagu Jiharkah <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan dan sejarah tarannum Jiharkah • Sifat-sifat lagu Jiharkah • Jenis-jenis irama, rentak dan nada tarannum Jiharkah 	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat mempraktikkan pembinaan harakat. • Dapat melaksanakan irama Jiharkah dengan nada dan rentak mengikut susunan harakat. 	Tarannum 7

	<p>dan yang berhampiran dengannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan harakat Jiharkah • Teknik wuslah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempraktik secara latih tubi dengan panduan guru. 	
November	<p>Pembelajaran latih tubi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latihan lengkap mengikut kaedah ujian Tilawah al-Quran dengan tarannum pembukaan dan penutup. • Latih tubi susunan tarannum mengikut kaedah ujian Tilawah al-Quran 	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta dapat menyempurnakan susunan tarannum mengikut kaedah dan peraturan Ujian Tilawah al-Quran dengan panduan guru. • Dapat melaksanakan tarannum wajib dalam tempoh masa yang diperuntukkan dengan panduan guru 	
Disember	<p>Bengkel tarannum</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian peserta mengikut kaedah ujian Tilawah al-Quran dengan tarannum pembukaan dan penutup • Latihan tubi dengan tarannum wajib dan peruntukan masa mengikut peraturan Ujian Tilawah al-Quran • Penilaian <ol style="list-style-type: none"> 1. Tarannum -25% 2. Tajwid -40% 3. Suara - 15% 4. Fasahah - 20% 	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta dapat menyempurnakan susunan tarannum mengikut kaedah dan peraturan Ujian Tilawah al-Quran yang dihakimi oleh guru • Dapat melaksanakan tarannum wajib dalam tempoh masa yang diperuntukkan yang dihakimi oleh guru. 	

(Sumber: Tesis Kajian)

Guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran tajwid, irama lagu, dan mengetahui harakat dalam setiap lagu, teknik *burdah*, *wuslah*, *ikhtilal al-lahn* dan teknik mengeluarkan irama lagu.

6.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian tentang faktor kejayaan qari di negeri Terengganu dan metodologi pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah dalam tarannum al-Quran melibatkan para qari dan qariah di negeri Terengganu. Kajian lanjutan diperlukan untuk menentukan keberkesanan pengajian tarannum al-Quran dalam kalangan para qari dan qariah di negeri yang lain dan metodologi pengajaran tarannum al-Quran di negeri yang berlainan atau tokoh yang berlainan. Teknik ini perlu diuji untuk melihat keberkesanannya terhadap pelajar-pelajar pengajian tarannum sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah atau IPTA. Hal ini kerana, pelajar-pelajar tarannum terdiri daripada pelbagai latar belakang dan tahap penguasaan al-Quran.

Oleh sebab itu, metodologi pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah menunjukkan kejayaan dalam pengajian tarannum berdasarkan kejayaan anak murid beliau dalam Majlis Tilawah al-Quran di peringkat negeri, kebangsaan, dan antarabangsa. Oleh itu, metodologi pengajaran beliau boleh digunakan kepada semua golongan. Hal ini kerana, dalam realiti, masih ramai masyarakat yang tidak menguasai al-Quran dengan cekap. Untuk mempelajari tarannum, seseorang itu perlu menguasai al-Quran dengan baik terlebih dahulu.

Metodologi pengajaran Dato^o Hajjah Rogayah juga perlu dicuba kepada murid sekolah rendah dalam usaha untuk menyebarkan metodologi pengajaran beliau sebagai salah satu manhaj pengajian tarannum al-Quran. Hal ini kerana, terdapat rungutan daripada informan kajian mengatakan ramai pelajar yang masih lagi tidak pandai membaca al-Quran dengan betul, apatah lagi untuk mengenali tarannum. Ini memberi kesukaran kepada mereka untuk mempelajari tarannum. Oleh itu, metodologi pengajaran beliau perlu diamalkan untuk melihat potensi metodologi ini, sekurang-kurangnya pendedahan awal tentang metodologi ini dapat memberi pengalaman

bertarannum dan sebagai asas yang akan dikembangkan setelah mereka menjejak kaki ke sekolah menengah.

Hasil daripada kajian ini, pengkaji memperolehi beberapa cadangan yang sewajarnya dititikberatkan oleh pihak yang berkenaan sebagai penambahbaikan dalam bidang pengajian tarannum al-Quran. Antaranya ialah seperti berikut:

1. Mengadakan kajian tentang biodata dan sumbangan tokoh qari yang hebat di negeri-negeri yang lain dalam Malaysia.
2. Mengkaji metodologi pengajaran tarannum dalam kalangan tokoh qari yang ada di Malaysia.
3. Mewujudkan kurikulum atau modul pembelajaran dan pengajaran tarannum yang mantap sebagai salah satu sumber rujukan untuk pelajar tarannum secara khusus dan masyarakat secara umum.
4. Pemberian insentif untuk pelajar yang mempelajari tarannum agar memberi galakan kepada mereka untuk belajar tarannum. Begitu juga, pemberian insentif atau elaun kepada tenaga pengajar tarannum untuk menampung kos ketika menghadiri tempat pengajaran seperti kos minyak petrol, makan dan minum sebagai galakan dan semangat untuk mengajar tarannum.
5. Mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan tarannum selain daripada majlis Tilawah al-Quran selain JAKIM dan penyediaan hadiah yang menarik untuk menarik lebih ramai peserta untuk menceburi bidang trannum.
6. Mengadakan pelbagai aktiviti sejak dari peringkat pelapis supaya ilmu tarannum tidak pupus.

7. Peserta tarannum yang menyertai Majlis tilawah al-Quran diberikan kursus Tahsin al-Quran yang diajar oleh fasilitator yang terdiri daripada pakar tarannum antarabangsa. Begitu juga kursus tersebut tidak terhad kepada peserta yang mendapat tempat pertama, kedua, dan ketiga sahaja. Ini kerana kebiasaannya, kursus Tahsin al-Quran anjuran pejabat agama hanya khusus untuk peserta yang bakal menyertai pertandingan ke peringkat seterusnya.
8. Kursus Tahsin al-Quran diadakan sebulan sekali atau dua bulan sekali secara berterusan dan tidak hanya ketika hampir memaduki pertandingan tilawah membaca al-Quran sahaja.
9. Kursus, seminar dan bengkel perlu giat diadakan untuk menarik minat masyarakat supaya mengenali bacaan bertarannum.
10. Qari-qari terkenal perlu diperkenalkan kepada masyarakat dan diketengahkan serta bergiat aktif mengadakan aktiviti bacaan bertarannum agar wujud kesinambungan dari satu generasi ke satu generasi.
11. Persatuan Qari-qari Tarannum perlu diwujudkan di peringkat daerah dan negeri agar aktiviti bertarannum sentiasa dilaksanakan dan masyarakat mendapat pendedahan yang secukupnya daripada pengalaman para qari.

6.5 Kesimpulan

Pengajian tarannum al-Quran di Terengganu mampu mengetengahkan fenomena, suasana dan keadaan pengajian tarannum al-Quran di Terengganu. Kajian ini juga menyuluh cahaya dalam bidang metodologi pengajaran seorang tokoh tarannum iaitu Hajjah Rogayah binti Sulong untuk pelajar tarannum. Pendedahan metodologi pengajaran Hajjah Rogayah diharap menjadi satu nilai tambah dalam misi pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran di negara kita.

Pengajian ilmu tarannum yang ada pada hari ini banyak secara talaqqi. Ilmu ini berkembang secara musyafahah dari lidah seorang guru kepada murid. Pada era teknologi kini, tidak dinafikan ilmu tarannum turut mengalami perkembangan melalui media teknologi baru. Namun begitu, masih wujud kelompangan ilmu tarannum ini dari aspek penulisan tentang kajian ilmu tarannum. Oleh itu, bakal pengkaji dalam bidang ilmu tarannum masih mempunyai banyak peluang untuk meneroka segenap aspek yang ada dalam ilmu tarannum agar wujud kesinambungan ilmu ini sehingga ke akhir hayat agar wujud sarjana dan ilmuwan dalam bidang ini serta ilmu ini tidak berlaku kepupusan. Di samping itu, masyarakat dapat memahami dengan sebaik-baiknya selok-belok ilmu tarannum.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun Dan Thai Di Terengganu 1942- 1945*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996.

Abdul Rahman bin Abdul Rahim, al-Mubarakfuri. *Tuhfatul Ahwazi Bi Syarh Jami" al-Turmuzi*. Cet.-ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jilid 9, Juzuk 8, 2011.

Abdul Rahman bin Abdul Rahim, al-Mubarakfuri. *Tuhfatul Ahwazi Bi Syarh Jami" al-Turmuzi*. Cet.-ke-2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jilid 1.-2, 2011.

Abu Bakar Ahmad bin al-Baihaqi, *Makrifat al-Sunan Wa al-Athar „An al-Imam Abi Abdillah Muhammad bin Idris al-Syafie*, tahqiq Sayyid Kasrawi Hassan. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Lihat Abu Bakar Ahmad bin al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kabir*, tahqiq Abdul Qadir bin „Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001.

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastani, *Sunan Abi Daud*. 1994, Beirut: Darul Fikir, Juzuk 1, 1994.

Abu Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabarāni, *al-Mu"jam al-Awsat*. Kaherah: Dār al-Haramain, 1415.

A.D.Ajijola, *Restructure Of Islamic Education*. Delhi: Adam Publishers And Distributors, 1999.

Adanan Mat Junoh, Mohd Azhar Abd Hamid, Mohamad Najib Abdul Ghafar, Zainudin Hassan, Pembelajaran Informal Ke Arah Memperkasa Modal Insan: Penglibatan, Halangan Dan Cabaran Di Kalangan Staf Akademik IPTA, UTM Institutional Repository, eprints.utm.my/14764/ paparan pada 5 Disember 2014.

Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Biografi Tokoh Wanita Malaysia. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 2004.

Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani, *al-Isabah Fi Tamyiz al-Sahabah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Juzuk 4, 2010.

Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman (Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai), dalam temubual dengan penulis pada 16 September 2015

Ahmad bin Hanbal, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, suntingan Syuaib al-Arnaut dan „Adil Mursyid. Cet. Ke-2. Beirut: Muassasah al-Risalah, Juzuk 1, 2008.

Ahmad Azhar Harun, Biografi Tokoh-tokoh Pentadbiran Islam Terengganu (Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu) 1911M-2014/1329H-1435H. Kuala-Terengganu: Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, 2014.

Ahmad Ismail Naufal, *Manāhij al-Bahth wa al-Ta"lif Fi al-Qasas al-Qurāni*. „Amman: Dārul al-Fadhilah, 2007.

- Ahmad Nuruddin bin Mat Yunoh. *Seni Lagu Al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail*. Tesis Sarjana Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.
- Ahmad Syafiq Mat Razali et al. *Impilikasi Ketokohan Qari-qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu Tinjauan*. <https://ejurnalfp.files.wordpress.com/2015/02/implikasi-ketokohan-qari-qari-tanah-melayu-terhadap-kewujudan-program-tarannum-di-malaysia.pdf> paparan pada 23 Jun 2016.
- Ahmad Turmizi bin Muslimin. *Tadris al-Tarannum Wa al-Nagham Fi Tawid al-Quran Dirasah Maydaniyyah Li Madrasah al-Huda Bi Selangor*. Tesis Sarjana Universiti Islam Antarabangsa, 2010.
- Aizi Saidi bin Abdul Aziz(Imam Besar Negeri Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM), dalam temubual dengan penulis, 2013.
- Al-,Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Juzuk 9, 1989.
- Al-,Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar, Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, (1989, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah). Juzuk 13, 1989.
- Ali@Alias bin Abdul Rahman (Guru Tarannum, Kg Binjai) dalam temubual dengan penulis, pada 14 Ogos 2015
- Ali bin Umar Abu Hasan. *Sunan al-Dārul Qutni*. Juzuk 2. Beirut: Dār al-Makrifah, 1966. Ahmad Syafiq Mat Razali et al. *Impilikasi Ketokohan Qari-qari Tanah Melayu Terhadap Kewujudan Program Tarannum Di Malaysia: Satu Tinjauan*. <https://ejurnalfp.files.wordpress.com/2015/02/implikasi-ketokohan-qari-qari-tanah-melayu-terhadap-kewujudan-program-tarannum-di-malaysia.pdf> paparan pada 23 Jun 2016.
- Assalafy2.wordpress.com/manhaj/ paparan pada 6 Julai 2014.
- Azlansenggarang@Yahoo.com , “Tausikh al-Quran, Lagu Baiyati”, laman sesawang Youtube, dicapai 8 September 2014, <http://www.youtube.com/watch?v=BznychsMiv5A>.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya” al-Turath al-Arabi, Jilid 6, t.t..
- Al-Fattani, Muhammad bin Saleh Zainal Abidin. *Siraj al-Qari Pada Membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*. Kota Bharu: Jabal Muraqi Enterprise, 2007.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah. Ta”rif al-Darisin Bi Manahij al-Mufassirin.Cet. Ke-5, Damsyiq: Dar al-Qalam, 2012.
- Al-Khalidiy, Salah „Abd al-Fattah. *Haza al-Quran: Inilah al-Quran*, dirumikan oleh Mohamad bin Husin. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid, 2013.

- Al-Khatib, Muhammad „Ajjaj. *Usul Hadith Ulumuh wa Mustalahuh*. Beirut: Dar al-Fikr, 1989.
- Al-Nawawi, *Al-Tibyan Fi Adab Hamalat al-Quran*. Kaherah : Dār Ibn Haitham, 2005.
Al-Nawawi, *Al-Tibyan Fi Adab Hamalat al-Quran*. Kaherah : Dār Ibn Haitham, 2005.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf., *Sahīh Muslim bi Sharh al-Nawawi*, (Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Juzuk 5-6, 1990.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf., *Sahīh Muslim bi Sharh al-Nawawi*, (Beirut : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Juzuk 10, 1990.
- Al-Qaradawi, Yusuf. Kaifa Nata’amal Ma’a al-Quran al-Azim, Cet. Ke-8. Kaherah: Dar al-Syuruq, 2011.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari, *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriah, jilid. 2, 1987.
- Al-Sābūni, Muhammad Ali, Safwah al-Tafāsīr. Beirut: Dar al-Fikr, 1996.
- Al-Suyuti, Jalal al-din Abdul Rahman, *al-Itqan Fi Ulum al-Quran*, 2005, Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid, 2005.
- Al-Syaukāni, Muhammad Bin „Ali Bin Muhammad, *Fath al-Qadīr*, Kaherah: Dār al-Hadīth, 2007.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari, *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriah, jilid. 2, 1987.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir, *Tafsir al-Tabari*, Jami’ al-Bayan Fi Ta’wil al-Quran, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Jilid 1, 2009.
- Anas bin Malik, Jabir bin Abdullah, *al-Masnad al-Jami’*: Beirut: Dar al-Jil, Jilid 3, 1993.
- Aziz Arkini, Makharij al-Huruf „Ind al-Qurra“ Wa al-Lisaniyyin Dirasah Muqaranah. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah, 2012.
- Daud bin Che Man (Qari negeri Terengganu, Jln Pusara, Bandar Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 16 Mac 2015.
- Ensiklopediamuslim.blogspot.com/.../tara... paparan pada 13 Julai 2014.
- Fail Majlis Tilawah al-Quran, JHEAT 2015, Bahagian Pengurusan Masjid, Tingkat 3, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Negeri Terengganu, Kompleks Seri Iman, Kuala-Terengganu, Terengganu. Pada 12 Mei 2015.
- Fatimah binti Ibrahim (Qariah negeri Terengganu, Kg. Tepoh), dalam temubual dengan penulis pada 5 Mac 2015.

- Halimah binti Ibrahim (Qariah Negeri Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 23 Januari 2015.
- Haliza Mohd Riji, Syed Tajuddin Syed Hassan, *Essential Guide To Postgraduate Study And Research*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2009.
- Hanimzah Jalaluddin, *Maqam Tarannum al-Quran Tausheikh dan Qasidah*, Cakera Padat, Hijaz Record Sdn Bhd, 2008.
- Hasnah binti Muhammad (Anak ketiga Haji Mat Lintar, 903, Jln Bachik, Kg. Molek, Masjid Intan Zaharah, Dungun, Terengganu) dalam temubual telefon dengan penulis pada 1 Mac 2015.
- Herney Aqilah, Konsep Pengajaran dan Pembelajaran, duniapendidikanipg.blogspot.com/2012/10 paparan pada 18 Februari 2015.
- [Hidupduniayangsementara.blogspot.com/2010/11](http://hidupduniayangsementara.blogspot.com/2010/11) paparan pada 13 November 2014
- http://ipgmkdri.edu.my/saidi/?_page=2 paparan pada 15 Mac 2016
- http://www.darulquran.gov.my/index.php/index.php?option=_content&viewarticle&id=126:kp-jakim-bertarikh 20 mac 2013
- <http://ilmu.edublogs.org/2011/06/27/apakah-pengajaran-dan-pembelajaran-berkesan/comment-page-1/> paparan pada 4 April 2014.
- <https://www.youtube.com/watch?v=9jIeT7IFWw&t=147s>, tajuk “ Rogayah Sulung Mushaf 630 .” paparan pada 1 Jun 2017.
- <https://www.youtube.com/watch?v=9jIeT7IFvWw&list=RD9jIeT7IFWw#t=330>, tajuk “ Rogayah Sulung Mushaf 630 .” paparan pada 1 Jun 2017.
- <https://www.youtube.com/watch?v=ajGipSSmfG4>, tajuk “ Tarannum Pn Hjh Rogayah Sulung (Yaa Siin 68-83).flv” paparan pada 1 Jun 2017.
- <https://www.youtube.com/watch?v=ePJehA8MtDs&list=PL3F598EF8BABE7FEB&index=3>, tajuk “ Tarannum Pn Hjh Rogayah binti Sulung (Yaa Siin 45-67).flv” paparan pada 1 Jun 2017.
- <https://www.youtube.com/watch?v=LDAm-diOLr0&list=PL3F598EF8BABE7FEB&INDEX=2>, tajuk “ Tarannum Pn Hjh Rogayah Sulung (Yaa Siin 32-44).flv” paparan pada 1 Jun 2017.
- <https://www.youtube.com/watch?v=NnxTmutXjiM>, tajuk “ Tarannum Pn Hjh Rogayah Sulung (Yaa Siin 1-31).flv” paparan pada 1 Jun 2017.
- Ibn KathĪr, Ismāil bin KathĪr, *TafsĪr al-Qurān al-ʿAṣm*, Beirut: Al-Maktabah al-ʿAsriah, 1993.
- Ibn Manzūr, *Lisān al-ʿArab*. Kaherah: Dār al-Hadith, 2003.
- iqt.terengganu.gov.my/index.php/en/pentadbiran/penyelidikan.penerbitan.html tarikh paparan 30 September 2013.

- Ismail bin Embong (Guru Tahsin al-Quran, Kg. Jeram, Manir, Kuala-Terengganu), dalam temubual dengan penulis, pada 20 Ogos 2015.
- Jalaluddin al-Suyuti, Sunan al-Nasai bi Syarh al-Suyuti, Beirut: Darul Fikir, 1930.
- jamaljauhari.blogspot.com/2010/07/suara.html?m=1 paparan pada 14 November 2014.
- Khalil Khusori Zainol, “ Istilah-istilah Dalam Tarannum al-Quran,” laman sesawang Murabbi Terus Menyinar, dicapai 16 November 2014, mutarabbi-munawwar.blogspot.com/.../ist
- Kecek-kecek.blogspot.com/2005_04_01_archive.html/m=1 paparan pada 12 Julai 2014. Pengarang blog ini dikenali sebagai Awang Goneng. Seorang anak jati negeri Terengganu yang tinggal di London, United Kingdom.
- Khaulahazzur.blogspot.com/.../normal-0-... paparan pada 6 Julai 2014
- Koo Yew Lie, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, dan Kemboja Ismail, *Memperkukuh Dasar Pengajian Tinggi Melalui Penyelidikan*, Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012.
- Lincoln, Y., and Guba, E., 1985. *Naturalistic Inquiry*. New York: Sage.
- Mahayudin Haji Yahaya, “Latarbelakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia,” dalam *Tamadun Islam Di Malaysia* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Maimun Aqsha Lubis, Yulizar Bila, Rosseni Din dll, *Challenges Faced By Teachers in Teaching Qur’anic Tarannum*, World Applied Sciences Journal 14 (Special Issue Of Innovation And Pedagogy For Diverse Learners): 40-43, ISSN 1818 - 4952 IDOSI Publications. 2011.
- Mannā’ al-Qattān, *Mabāhith Fī Ulūm al-Qurān*. cet.ke-35, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998.
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Jabatan Hal Ehwal Dakwah, Pendidikan Dan Pengurusan Masjid, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Majed Ali, *Manhaj Al-Quran al-Karim Fi Mualajah Jarimah al-Qatl : Dirasah Muqaranah Bi al-Qanun al-Injilizi*, Tesis Phd yang tidak diterbitkan, Jabatan Al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
- Masnah binti Awang, (Guru tarannum al-Quran, Kg. Rawai,) dalam temubual dengan penulis pada 24 Disember 2014.
- Mazlan bin Ibrahim (guru Sekolah Kebangsaan Pelong, Setiu, Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 2 Ogos 2015.
- Michael Leone, *Lifelong Learning*, YMCA George Williams College, <http://infed.org/mobi/lifelong-learning/paparan> pada 26 April 2015.

- Mimi, Mohaffyza binti Mohamad, Che Munira binti Che Razali, Keperluan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bagi Tenaga Pengajar Di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 613. E-prints.uthm.edu.my(2851/1) 613-6233.pdf paparan pada 13 April 2015.
- Mohamad bin Ismail (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid al-Ikhlas, Kg. Banggol Tuan Muda, Manir, Kuala-Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 9 April 2015.
- Mohamad Yasin bin Embong (Qari Terengganu, peniaga, Kg. Pasir Panjang, Kuala-Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 20 September 2015.
- Mohd Aderi bin Che Noh, *Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran Di Malaysia: Satu Analisis*. Journal Of Islamic And Arabic Education 3(1), 2011.
- Mohd Yakub@Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff dan Saidi bin Mohamad. *Keupayaan Bacaan Al-Qur'an Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Terpilih Di Negeri Terengganu*. Al-Bayan Journal Of Qur'an And Hadith Studies, ISSN (ONLINE):2232-1969 ISSN(PRINT):2232-1950-Journal Al-Bayan Volume-6,14/3/13
- Mohd. Ali Bin Abu Bakar, *Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia*, Cet. Ke-2. Kuala-Lumpur: Darul Fikir, 1977.
- Mohd Rahim Jusoh bin Musa, *Tarikh Al-Quran Dan Rasm Uthmani*, Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2008.
- Mohamad bin Saari, *Johan Qari Dan Qariah Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM, 2007).
- Mohamad bin Saari, *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*, Putrajaya: JAKIM, 2008.
- Mohd. Yusof Ahmad. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Cet. Ke-4. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 2005.
- Mohd Yusof Hashim, *Terengganu Darul Iman*, (Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991.
- Muda @ Jusoh bin Ismail, (Qari Negeri Terengganu, di Lot 1862, Hadapan Surau, Kg. Seberang Bukit Payung, Marang, Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 2 Mac 2015.
- Muhammad „Abduh, Muhammad Rashid Ridha, *Tafsir al-Quran al-„Azim al-Ma“rufbi Tafsir al-Manar*, Beirut: Dar Ihya“ al-Turath al-„Arabi. 2002.
- Muhammad bin Awang Teh (Qari Negeri Terengganu, Kg. Felda Jerangau, Terengganu) dalam temubual dengna penulis pada 7 Mac 2015.
- Muhammad Ibn Hibban al-Khurasani, *Taqrib al-Thiqat*, Beirut: Dar al-Ma“rifah, 2007.

- Muhammad Saleh Haji Awang, *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*, cet. Ke-3. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu, 1992.
- Muhammad Salih bin Zainal Abidin, *Siraj al-Qari Pada membicarakan Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, terj. Abdul Ghani Jabal al-Muraqi, Kota Bharu: Jabal Muraqi Enterprise, 2007.
- Muhd Fauzi Aminuddin Shazi Shaarani, Aini Hussain, Mohd Faisal Ibrahim, Salina Abdul Samad dan Mohd Marzuki Mustafa, *Ciri-ciri Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan*. 1-7. <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/a/13.pdf> paparan pada 15 Ogos 2013.
- Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Kg. Tanjung Kapur, cucu kepada Haji Mat Lintar) dalam temubual dengan penulis pada 23 Februari 2015.
- Mohamad Lokman bin Awang (Imam Surau Hj. Awang Abbas, Cucu Haji Mat Lintar, Kg. Tanjung Kapur), dalam temubual melalui pesanan ringkas pada 3 Mac 2015.
- Muhd Zulkarnain B. Mukhtar (Pengetua Asrama Darul Falah, Padang PakSu Man, Bukit Payung, Marang, Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 25 Januari 2015.
- Mohd. Zaini Zakaria, Mohd Yusof Ismail, dan Sedek Ariffin. *Penulisan Karya Seni Lagu Al-Quran Di Nusantara : Satu Tinjauan*. Umexpert.um.edu.my/file/publication/00010772_7919.pdf paparan pada 22 Januari 2014.
- Muhammad „Abdul Rahmān bin „Abdul Rahīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfat al-Ahwāzī bi Sharh Jāmi“ al-Tirmizi*, Kitab al-Tafsīr, Bab Wa Min Sūrah al-Nisā“, No. Hadīth 3024, (Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, 2011).
- Muhd Fauzi Aminuddin Shazi Shaarani, Aini Hussain, Mohd Faisal Ibrahim, Salina Abdul Samad dan Mohd Marzuki Mustafa, *Ciri-ciri Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan*. 1-7. <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/a/13.pdf> paparan pada 15 Ogos 2013.
- Muhammad Al-Habsy, *Kaifa Taqra“ al-Quran*, (Syria: Darul al- „Usama“, 1998), 16. Mohd Rahim bin Jusoh, *Tajwid al-Huruf Dan Mengenal Waqaf* (Batu Caves: Pustaka Khodim al-Mushaf, 2012).
- Musa Syahin Lasyin, *Taisīr Sahīh al-Bukhāri*, Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah, 2004.
- Muhammad bin Futūhal-Humaidi, *Al-Jam“ Bain al-Sahīhain al-Bukhāri wa Muslim*, (Beirut: Dar Ibn al-Haitham, 3: 426. Sahīh al-Bukhārī dalam Fadāil al-Qurān 9:46, (4999), Muslim, Fadāil al-Sahābah 4: 1913, (2464), 1998.
- Muhammad bin Ismāīl, *al-Jāmi“ al-Sahīh li al-Bukhārī*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Misri, 1988.
- Muhammad al-Ghazali, *Kaifa Nata“amal Ma“a al-Quran*, Al-Mansurah: Ma“had al-„Alami lilfikir al-Islami, 1992.

- Muhammad Lukman bin Ibrahim, Mohd Yakub@ Zulkifli bin Mohd Yusoff dan Mustaffa bin Abdullah, *Pro Dan Kontra Tarannum Di Dalam Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Perbandingan*, Centre of Quranic Research International Journal.
- Muhammad Lukman Ibrahim. *Tarannum Al-Quran Melalui Tariq al-Syatibi Kajian Terhadap Pengamalan Dalam Kalangan Qari qari Kelantan Ke Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005*. Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010.
- Muhammad Saleh Haji Awang. *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H=1942M*. cet. Ke-3 1992. (Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu,)
- Muhammad Yusri, “ Tarannum al-Quran,” laman sesawang Catatan Pak Lebai, dicapai 16 November 2014, lebaiyusri.blogspot.com/2009/12/tarannum-al-quran-pada – satu-petang.
- Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Mohd Yaakub bin Yusuf, “ *Hadith-hadith Pilihan Berkaitan Tarannum al-Quran*,” dalam *Sunnah Asas Wasatiyyah*, Pencetus Transformasi Ummah, ed. Norhasnira Ibrahim et.al (Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM, 2014.
- Najmiah Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Mohd Yusoff, “ *Pendekatan Dato” Hajjah Rogayah Sulong Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Terengganu*,” dalam *Quran Melonjak Transformasi Ummah*, ed. Adnan Mohamed Yusoff et al., Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 2013.
- Najmiah Omar dan Zulkifli@Md Yaakub bin Mohd Yusoff, “ *Perkembangan Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014*” dalam *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Vol 13 (2016), July.
- Najmiah binti Omar dan Zulkifli@Mohd Yaakub bin Mohd Yusuff, “ *Konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Pengajian Tarannum al-Quran Di Terengganu Antara Tahun 1960-2015*,” dalam *Memasyarakatkan Quran Mensejahterakan Ummah*, Mohd Zaini bin Zakaria et al., Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 2015.
- Nasirah binti Ibrahim (Guru Sekolah Kebangsaan Binjai Kertas) dalam temubual dengan penulis, pada 3 Julai 2015.
- Nik Abdul Aziz bin Hj Nik Hassan, “*Islam, Kepimpinan Dan Nilai-nilai Hidup Dalam Masyarakat Malaysia*,” dalam *Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Nik Azizan bin Nik Jaafar “ Bijak Tarannum 2: Mengenali Asas Tarannum,” Nik Azizan, 2011, audio.
- Nik Jaafar bin Nik Ismail, *Buku Qawaid al-Tarannum, Cara Berlagu*, cet. Ke-5, Kuala-Lumpur: Darul Fikir, 2012.

- Nik Jaafar bin Haji Nik Ismail (Pakar Tarannum Malaysia, Kg. Kangkong, Pasir Mas, Kelantan), dalam temubual dengan penulis pada 22 Mac 2015.
- Norasmah Othman, Mohd Hasril Amiruddin, *Different Perspektif of Learning Styles from VARK Model*, *Procedia Social and Behavioral Sciences* 7 (c) (2010) 652-660.Elsevier Ltd. www.sciencedirect.com. Paparan pada 1 April 2014.
- Noor Najihan binti Jaafar et.al, “ *Hukum Tarannum al-Quran: Satu Analisis*” *Jurnal Darul Quran*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 15, 2011.
- Norhidayah binti Abdul Rahman (qariah negeri Terengganu, Kg. Ladang Bari, Sungai Tong, Setiu, Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 26 Jun 2015.
- omartahfiz.blogspot.com/2011/06/pemantapan-tarannum-al-quran paparan pada 13 November 2014.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*, Cet. 6, Edisi kedua. 2017.
- Pakngah70.blogspot.com/2006_08_01_a... paparan pada 12 Julai 2014.
- Piring Hitam, Hajjah Rogayah binti Sulong, Koleksi Terengganu, Aras 2, Perpustakaan Negeri Terengganu, pada 20 Ogos 2013.
- Rashid bin Ali (Guru Tarannum al-Quran, negeri Terengganu) dalam temubual dengan penulis 1 November 2014.
- Rashid bin Ali (Guru Tarannum al-Quran, Maahad Tahsin al-Quran, Pondok Nor Mahani, Pasir Panjang, Kuala-Terengganu, Terengganu) dalam kelas tarannum , 8 November 2014.
- Rashid bin Ali (Guru Tarannum al-Quran, Maahad Tahsin al-Quran, Pasir Panjang, Kuala-Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 15 November 2014.
- Rashid bin Ali (Guru Tarannum negeri Terengganu, Kg Mengabang Telipot), dalam temubual dengan penulis pada 12 Mac 2015
- Raziyati binti Hj. Ali (Qariah negeri Terengganu, Sek. Keb. Kubang Ikan), dalam temubual dengan penulis pada 11 Mac 2015.
- Ridzuan (Penolong Pengurus, Maahad Tahsin al-Quran) dalam temubual dengan penulis pada 18 Julai 2013.
- Rogayah binti Muda (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 November 2014.
- Rogayah binti Muda (Guru Tarannum al-Quran, Kg. Durian Burung, Kuala Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 12 November 2014.
- Rogayah binti Sulong (Guru al-Qur’an dan Tarannum al-Qur’an, Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 25 April 2012.
- Rogayah binti Sulong (Guru al-Qur’an dan Tarannum al-Qur’an, Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 13 Jun 2012.

- Rogayah binti Sulong (Guru al-Qur'an dan Tarannum al-Qur'an, Terengganu) dalam temubual dengan penulis, 23 Disember 2012.
- Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 24 September 2013.
- Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 9 Oktober 2013.
- Rogayah binti Sulong (Guru Al-Quran dan Tarannum, Kuala Terengganu), dalam temu bual dengan penulis, 10 Oktober 2013.
- Rogayah binti Sulong (Guru Tarannum al-Quran di Masjid Padang Midin, Kuala-Terengganu) dalam temubual dengan penulis pada 8 Januari 2014.
- Rogayah Binti Sulong (GuruTarannum Al-Quran, Kuala Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 21 Ogos 2014.
- Rogayah binti Sulong (Qariah Antarabangsa, Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 4 September 2014.
- Rogayah binti Sulong (Guru Tarannum al-Quran, Negeri Terengganu) dalam temubual dengan penulis 22 Oktober 2014.
- Rogayah binti Sulong (Qariah negeri Terengganu, Kg. Tepoh), dalam temubual dengan penulis pada 5 Mac 2015.
- Rogayah binti Sulong (Qariah Antarabangsa, Batu 12, Kg Durian Guling, Marang, Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Februari 2016.
- Rogayah binti Sulong (Qariah Antarabangsa, Batu 12, Kg Durian Guling, Marang, Terengganu), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2017.
- Rohi Baalbaki, Al-Mawrid, A Modern Arabic-English Dictionary, Cet. Ke-5, Beirut: Dar El -Ilm Lilmalayin, 1993.
- Sepiah binti Mohamad, (Qariah Antarabangsa, Kg Nasi Dingin), dalam temubual dengan penulis pada 9 Januari 2015.
- Shafie Abu Bakar, “ *Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian Di Terengganu*” dalam PESAKA IV (Kuala Terengganu: Muzium Negeri Terengganu, 1987.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor dan Zulkifli A. Manaf, “ *Pelaksanaan Manhaj Rasulullah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kelas Al-Quran Bagi Golongan Dewasa,*” Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas , Disember, 2011.
- Sharon F. Rallis, *The Research Journey, Introduction to Inquiry*, New York: The Guilford Press, 2012.
- Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, (1980, cet.ke-13 Kuala Lumpur: Darulfikir, 2002.
- shoutunnajihin.blogspot.com paparan pada 14 November 2014.

“ *Smart Tarannum 2*,” Ustaz Mohd. Afandi Hussain, 2010, audio.

Syeikh Muhammad Saleh bin Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, terj. Abdul Ghani Jabal al-Muraqi, *Siraj al-Qari, Pada Membicarakan Hukum Tajwid, Kalam Allah al-Bari*, Kota Bharu: Jabal Muraqi Enterprise, 2007.

Sibbir Ahmad al-Uthmani, *Fath al-Mulhim bi Syarh Sahih al-Imam Muslim*, Damsyiq: Dar al-Qalam, 2006.

Siti Kusrini, *Upaya Meningkatkan Prestasi Belajar Pendidikan Agama Islam Pada Materi Pokok Membaca QS. Al-Kautsar Dengan Menggunakan Media Audio Visual Pada Siswa Kealas IVB Semester II SDN Batusari 7 Mranggren Kabupate Demak Tahun Pelajaran 2010/2011*” Tesis Sarjana, Fakultas Tarbiyah, Institut Agama Islam, Negeri Walisongo, Semarang, Indonesia, 2011.

Sidang Redaksi, 50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, Kuala Lumpur: JAKIM, 2008.

Sidang Redaksi, Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, (Kuala-Lumpur: JAKIM, 2003.

Sidang Redaksi, Johan Qari Dan Qariah Malaysia .Kuala Lumpur: JAKIM, 2007.

Siti Ezaleila Mustafa, 20 Tokoh Ilmuwan, Cet. Ke-2, Bandar Baru Bangi: Medium Publications, 2009.

Siti Mas binti Ismail (qariah negeri Terengganu, Kg. Baru, Kuala-Besut, Terengganu) dalam temubual dengan penulis, pada 8 Jun 2015.

“ *Smart Tarannum 2*,” Ustaz Mohd. Afandi Hussain, 2010, audio.

Syamsul Bakhri Gaffar, *Andragogi Suatu Orientasi Baru Dalam Pembelajaran, Andragogi, Jurnal Penelitian Dan Pengkajian Pendidikan Non Formal*. Makassar , Sulawesi Selatan: Balai Pengembangan Pendidikan.

Sheikh Ismail al-Hafiz (Imam Besar Masjid Negara, Hakim Fasahah, peringkat Antarabangsa 2014), dalam temubual dengan penulis pada 11 Julai 2014.

Tamrin, *Pola Pembinaan Tahsin al-Quran Di Kalangan Mahasiswa*, jurnal.iainpalu.ac.id/index.php/rausyan/article/view/233/186 vol.12 no.2 (2016). Hlm.19. paparan pada 7 April 2017.

Tarannumalquran-nordinj.blogspot.com/... paparan pada 10 Julai 2014.

Tuan Mekah binti Tuan Ngah (Guru Al-Quran dan anak murid kepada Dato“ Hajjah Rogayah binti Sulong, Kg Pengadang Baru) dalam temubual dengan penulis pada 7 Januari 2015.

- Wan Hussein Azmi, “ *Islam Di Malaysia: Kedatangan Dan Perkembangan (Abad 7-20M)*,” dalam *Tamadun Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
- Wan Mohamad bin Sheikh Abdul Aziz, Johan Qari dan Qariah Majlis Tilawah al-Quran Antarabangsa Malaysia 1380H/1961M-1428/2007M, Putrajaya: JAKIM, 2008.
- Wan Fakhrul Razi Bin Wan Mohamad, *Haji Ahmad bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*. Tesis sarjana Universiti Malaya yang tidak diterbitkan, 2008.
- W. Lawrence Neuman, *Social Research Methods, Qualitatives And Quantitative Approaches*, (2006). Boston: Pearson Education.
- www.slideshare.net/anuarazizi/sorotan-penubuhan-kelas-kemahiran-al-quran by Thariq Ziyad Dec 01,2012 paparan pada 30 September 2013.
- www.slideshare.net/mobile/kenjisword/tahsin-as-sout# paparan pada 14 November 2014.
- Yahya bin Syaraf al-Nawawi. *Al-Tibyān Fī Ādāb Ḥamalāt al-Qurān*, (Kaherah : Dār Ibn Haitham, 2005.
- Yusop bin Embong (Qari negeri Terengganu, Imam Masjid Tg Nik Haji, Kg. Batu Buruk, Kuala-Terengganu), dalam temubual dengan penulis pada 17 Ogos 2015
- Yusuf Al-Qaradhawi, *Kaifa Nata'amal Ma'a al-Quran*. Cet.ke-8, Kaherah: Dar al-Syuruq, 2011.
- Zakaria Ghazali. *Terengganu Dahulu Dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. 1984.
- Zulkipli Bin Mohd Dahlan. *Metodologi Pengajian Tarannum Di Maktab Perguruan Islam Bangi Satu Kajian Dari Segi Keberkesanan*. Tesis Sarjana UKM, Bangi, 2000.